

Tinjauan Ekonomi 2021

Hakcipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:

Ketua Ekonomi,
Bahagian Fiskal dan Ekonomi,
Kementerian Kewangan Malaysia,
Aras 9, Blok Tengah,
Kompleks Kementerian Kewangan,
No. 5, Persiaran Perdana,
Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 Putrajaya

Faks: 03-88823881
e-mel: bfe@treasury.gov.my

Tinjauan Ekonomi diterbitkan setiap tahun dan dikeluarkan pada hari pembentangan Belanjawan Tahunan.


Edisi 2021 diterbitkan pada 6 November 2020.

Naskhah jualan boleh diperolehi daripada:
www.pnmb2u.com dan MPH Book Store.

Naskhah ini juga boleh dimuat turun di:
www.treasury.gov.my



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2020
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



KATA PENGANTAR



**PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

“Menyelamatkan nyawa dan melindungi kehidupan rakyat”

Tahun 2020 bermula dengan semua negara di dunia bertindak pantas membendung penularan pandemik COVID-19 melalui pelaksanaan pelbagai langkah seperti penguatkuasaan kawalan pergerakan dan penutupan sempadan negara. Situasi yang tidak pernah berlaku sebelum ini telah memberi kesan ke atas keseluruhan aktiviti ekonomi global yang mengalami kemelesetan di mana kebanyakan pakar ekonomi percaya situasi ini lebih buruk daripada *the Great Depression* pada 1930-an. Memandangkan Malaysia merupakan ekonomi yang sangat terbuka, KDNK negara turut terkesan.

Sejak awal penularan pandemik ini, Kerajaan bertekad untuk “menyelamatkan nyawa dan melindungi kehidupan rakyat”. Kerajaan berusaha untuk menanganinya melalui pendekatan yang memfokuskan kepada tiga tonggak iaitu melindungi rakyat, menyokong perniagaan dan akhirnya memperkukuh ekonomi. Ketiga-tiga tonggak ini telah diterjemahkan dalam semua pakej rangsangan ekonomi yang telah dilancarkan sepanjang tahun ini.

Selain melaksanakan beberapa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac 2020 bagi membendung penularan wabak COVID-19, Kerajaan juga telah melancarkan beberapa siri pakej rangsangan ekonomi yang merangkumi langkah fiskal dan bukan fiskal berjumlah RM305 bilion. Untuk itu, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) berjumlah RM250 bilion telah dilancarkan pada Mac 2020 disusuli dengan PRIHATIN PKS+ bernilai RM10 bilion pada bulan April. Selanjutnya pada Jun, Kerajaan telah mengumumkan Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) berjumlah RM35 bilion. Terkini, diikuti pakej tambahan sebanyak RM10 bilion menerusi Kerangka Inisiatif Tambahan PRIHATIN (KITA PRIHATIN) pada September 2020.

Melalui pakej PRIHATIN, perkhidmatan penjagaan kesihatan terus diperkukuh melalui penyediaan peruntukan tambahan antaranya untuk peralatan perubatan, meningkatkan kapasiti ujian saringan serta membangunkan aplikasi *MySejahtera* untuk pengesanan kontak. PRIHATIN juga menyediakan bantuan untuk meringankan beban aliran tunai rakyat dan perniagaan, termasuk sokongan pengekalan pekerjaan, penangguhan atau penstrukturan semula bayaran pinjaman, serta penyediaan kemudahan kredit. Di samping itu, bagi memastikan kelangsungan dan meringankan beban kewangan khususnya PKS, Kerajaan telah melaksanakan PRIHATIN PKS+.

Strategi seterusnya, iaitu apabila lekuk penularan COVID-19 berjaya diratakan, ialah membuka semula ekonomi dengan membenarkan rakyat kembali bekerja dan syarikat beroperasi semula. Justeru, pakej PENJANA diumumkan pada bulan Jun untuk menyokong ekonomi supaya dapat beroperasi dalam kebiasaan baharu.

Kerajaan sentiasa bersedia untuk membantu dan menyediakan bantuan tambahan sekiranya perlu. Menyedari masih ada keperluan bantuan kewangan di kalangan rakyat dan peniaga, pada September 2020, Kerajaan segera mengumumkan tambahan peruntukan ke atas beberapa inisiatif sedia ada seperti program subsidi upah, geran khas kepada peniaga mikro serta bantuan kepada isi rumah dan individu berpendapatan rendah dan sederhana melalui pakej KITA PRIHATIN.

Unit LAKSANA telah ditubuhkan di bawah Kementerian Kewangan untuk memastikan semua program rangsangan ekonomi dilaksanakan dengan pantas dan memanfaatkan golongan sasaran secara berkesan. Fungsi Unit ini kini telah diperkemas sebagai agensi yang memantau keberhasilan pelaksanaan program rangsangan di 53 kementerian dan agensi Kerajaan seluruh negara.

Kita sebagai rakyat Malaysia telah berganding bahu dengan beraninya dalam mendepani krisis ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada petugas barisan hadapan, yang mana usaha mereka telah menyelamatkan banyak nyawa dan meletakkan sistem penjagaan kesihatan Malaysia antara yang terbaik di dunia. Izinkan saya untuk turut mengucapkan terima kasih kepada rakyat atas kesabaran dan kerjasama erat dalam memerangi pandemik ini bersama-sama. *Alhamdulillah*, sehingga kini, kita telah mencapai hasil yang membanggakan. Walau bagaimanapun, kita tidak seharusnya berpuas hati kerana perang menentang COVID-19 masih belum berakhir sehingga dan melainkan vaksin telah ditemui dan boleh diperoleh di seluruh dunia.

Dengan berlandaskan asas ekonomi yang kukuh, kepelbagaian struktur ekonomi serta langkah proaktif yang dilaksanakan, kita yakin dapat mengurangkan impak krisis terhadap ekonomi. Namun begitu, impak sosio-ekonomi berikutan pandemik ini dijangka akan berlanjutan sehingga tahun hadapan. Justeru, Belanjawan 2021 akan terus memberi tumpuan untuk menyelamatkan nyawa dan melindungi kehidupan dengan melaksanakan langkah-langkah bagi mengatasi kesan pandemik terhadap ekonomi secara keseluruhan. *Insyallah*, pertumbuhan ekonomi dijangka kembali pulih pada 2021.

Krisis ini telah membuka peluang untuk kita melihat secara mendalam, menilai semula keutamaan dan menetapkan semula sasaran negara. Melangkah ke hadapan, kita akan terus memperkasa dan menyusun semula ekonomi bagi memastikan kemampanan masa hadapan dan kemakmuran bersama dalam kebiasaan baharu. Inilah aspirasi kita untuk memacu ekonomi ke arah trajektori pertumbuhan yang lebih tinggi dan inklusif. Saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan ini komited berkhidmat untuk rakyat dan memastikan kesejahteraan semua serta menyokong perniagaan untuk terus berkembang. *Insyallah*, kita akan dapat mencapai aspirasi ini sekiranya kita semua bekerjasama dengan erat.



TAN SRI HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN
6 November 2020



PRAKATA



**MENTERI KEWANGAN
MALAYSIA**

COVID-19 telah memberikan impak yang besar terhadap pertumbuhan global terutamanya disebabkan oleh keupayaan pandemik ini menggugat dan menguncatkan kemajuan pembangunan yang merentasi aspek sosial, perniagaan dan ekonomi. Selagi vaksin masih belum ditemui, seluruh ekonomi global termasuk Malaysia terus menerima kesan buruk virus ini. Impak utama kepada cabaran ekonomi yang belum pernah terjadi sebelum ini melibatkan ancaman terhadap nyawa dan risiko peningkatan kemiskinan serta kemusnahan sistemik jangka panjang terhadap struktur sosio-ekonomi negara.

Berlatarbelakangkan ancaman ini, Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Meskipun ekonomi Malaysia dianggarkan mengalami kerugian sebanyak RM2 bilion setiap hari dalam tempoh PKP namun Kerajaan nekad dalam merangka strategi unik iaitu 6R. Strategi ini merangkumi enam tahap iaitu Ketegasan (*Resolve*), Ketahanan (*Resilient*), Memulakan Semula (*Restart*), Pemulihan (*Recovery*), Memperkasa (*Revitalise*) dan Menyusun Semula (*Reform*) bagi menangani cabaran pandemik ini.

Dengan mengambil kira ketidakpastian dalam banyak perkara, Kerajaan telah memperkenalkan empat pakej rangsangan dalam tempoh yang singkat bagi melindungi kehidupan rakyat, perniagaan dan ekonomi. Menentukan peruntukan mencukupi bukanlah sesuatu yang mudah. Had fiskal semasa yang diperlukan hendaklah dipadankan dengan kemampuan disiplin fiskal negara. Namun yang jelas, respons kita haruslah pantas dan tegas. Justeru, Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN bernilai RM250 bilion telah direalisasikan dengan suntikan fiskal berjumlah RM25 bilion.

Seterusnya, tiga pakej tambahan iaitu PRIHATIN PKS+, PENJANA dan KITA PRIHATIN telah dilaksanakan pada April, Jun dan September. Kesemua empat pakej ini merangkumi langkah fiskal dan bukan fiskal berjumlah RM305 bilion atau 21% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara. Pelaksanaan langkah tersebut yang dipantau dan dikawal selia oleh Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan Rangsangan Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) telah menyelamatkan banyak nyawa, menyokong kehidupan dan memastikan kelangsungan perniagaan.

Walaupun pelaksanaan PKP dan beberapa fasa kawalan pergerakan berikutnya berjaya meratakan lengkungan COVID-19, namun telah menyebabkan penguncupan ketara KDNK sebanyak 8.3% pada separuh pertama 2020. Walau bagaimanapun, data ekonomi bulanan

terkini jelas menunjukkan trend pemulihan dengan peningkatan angka pengeluaran dan perdagangan, penurunan kadar pengangguran serta peningkatan penggunaan swasta berbanding data bulanan pada suku kedua 2020. Pakej rangsangan ekonomi dijangka menyumbang lebih daripada 4 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK negara.

Momentum ini diharapkan dapat menjadi asas bagi pertumbuhan KDNK negara untuk berkembang sehingga 7.5% pada 2021. Pencapaian ini sangat bergantung kepada tahap seterusnya dalam strategi 6R iaitu Memperkasa (*Revitalise*) melalui Belanjawan 2021. Sebagai rancangan strategik untuk memastikan pertumbuhan Malaysia pada tahun akan datang, Belanjawan 2021 bertujuan untuk mengimbangi keperluan dan kapasiti penjagaan kesihatan di samping memacu momentum pemulihan ekonomi semasa serta membina daya tahan yang lebih baik untuk masa hadapan.

Sementara itu, amat penting bagi kita untuk menyesuaikan diri dengan norma baharu di samping meneroka peluang pertumbuhan ekonomi. Penularan COVID-19 telah mendorong kepada penggunaan digitalisasi yang lebih pantas dalam sektor perniagaan dan pendidikan serta masyarakat. Beberapa kajian menganggarkan nilai ekonomi faedah perdagangan digital boleh meningkatkan ekonomi Malaysia sebanyak RM222 bilion pada 2030 berbanding RM31 bilion pada 2019 sekiranya dimanfaatkan sepenuhnya. Pendigitalan merupakan trajektori pertumbuhan baharu bagi pelbagai industri berasaskan perkhidmatan dan sektor sokongan seperti E&E, e-dagang dan ekonomi gig. Potensi besar lain termasuk bidang penjagaan kesihatan dan sektor sampingan yang berkaitan. Produk, perkhidmatan dan peralatan perubatan dijangka berkembang pada tahun mendatang.

Belanjawan 2021 dirangka berteraskan empat tema utama iaitu menjaga kebajikan rakyat, memacu pertumbuhan ekonomi, melestarikan kehidupan dan memantapkan penyampaian perkhidmatan awam. Kerajaan akan meneruskan inisiatif bersasar bagi melindungi nyawa dan kehidupan di samping mengutamakan golongan mudah terjejas.


Kelestarian merupakan salah satu prinsip utama dan akan menjadi asas kepada dasar sedia ada serta baharu selaras dengan agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Berkait dengan ini, sektor yang memenuhi aspirasi kelestarian negara iaitu kewangan Islam yang menerapkan prinsip Pengantaraan Berasaskan Nilai, adalah bersamaan dengan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG). Ini dapat membantu mengembangkan ekonomi Islam melalui pelbagai konsep termasuk wakaf dalam membangunkan masyarakat lestari. Selain itu, Kerajaan juga berharap dapat bekerjasama rapat antara agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat sivil bagi memangkin trajektori pertumbuhan yang lebih lestari mulai 2021 dan seterusnya.

Defisit fiskal Kerajaan dijangka mencecah 6% daripada KDNK iaitu rekod tertinggi sejak Krisis Kewangan Global 2009. Sementara itu, hutang statutori Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat kepada sekitar 57% daripada KDNK pada akhir 2020 berikutan pelaksanaan empat pakej rangsangan ekonomi. Meskipun demikian, Kerajaan tetap komited untuk melaksanakan agenda tanggungjawab fiskal yang selari dengan matlamat mengurangkan defisit fiskal di bawah 4% daripada KDNK bagi tempoh tiga hingga empat tahun akan datang.

Dengan berlatarbelakangkan ketidaktentuan dalam banyak perkara dan berada di luar kawalan, kita telah memberi tumpuan kepada aspek dalam kawalan dan yang perlu dikawal. Fundamental ekonomi negara masih kukuh dengan kepelbagaian asas ekonomi yang baik dan masih mempunyai kedudukan fiskal yang teguh. Namun begitu, saya

percaya bahawa pemulihan ekonomi pada 2021 dan tahun mendatang bergantung bukan sahaja kepada strategi Kerajaan tetapi juga semangat kerjasama rakyat Malaysia yang jitu dan berani mengharungi ketidaktentuan ini bersama-sama.

Terima kasih kepada semua rakyat Malaysia atas sumbangan terdahulu, kini dan akan datang dalam membantu negara menghadapi cabaran yang amat besar ini. Saya yakin bahawa kita mampu dan akan memenangi peperangan menentang COVID-19 ini bersama-sama dan muncul sebagai sebuah negara yang lebih teguh, Insya-Allah.





SENATOR TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ

6 November 2020

EKONOMI NEGARA 2021

pada harga malar 2015
(bahagian kepada jumlah dalam %)



¹ Termasuk perubahan dalam stok
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

MALAYSIA: PERANGKAAAN PENTING DAN UNJURAN

LUAS KAWASAN (kilometer persegi)						
Malaysia 330,548	Semenanjung Malaysia ¹ 132,104		Sarawak 124,450		Sabah ² 73,994	
PENDUDUK (juta)	2019 ⁹		2020 ¹⁰		2021 ¹¹	
	32.4		32.7		33.1	
PENGELUARAN DALAM NEGERI	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga malar 2015)	1,421,454	4.3	1,357,731	-4.5	1,450,830	6.5 - 7.5
Pertanian	101,549	2.0	100,344	-1.2	105,086	4.7
Perlombongan dan pengkuarian	101,438	-2.0	93,568	-7.8	97,404	4.1
Pembuatan	316,320	3.8	306,845	-3.0	328,215	7.0
Pembinaan	66,266	0.1	53,859	-18.7	61,340	13.9
Perkhidmatan	820,069	6.1	789,379	-3.7	844,554	7.0
Duti import	15,812	-1.2	13,736	-13.1	14,231	3.6
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga semasa)	1,510,693	4.4	1,439,374	-4.7	1,568,104	8.6 - 9.6
Perbelanjaan penggunaan akhir: Awam	176,673	2.2	179,779	1.8	183,713	2.2
Swasta	903,720	8.7	899,102	-0.5	987,240	9.8
Pembentukan modal tetap kasar: Awam ³	94,374	-9.7	85,546	-9.4	100,337	17.3
Swasta	252,471	2.7	222,026	-12.1	239,853	8.0
Perubahan inventori dan barangan berharga	-28,957	-	-27,679	-	-25,502	-
Eksport barangan dan perkhidmatan	985,283	-0.7	842,053	-14.5	916,286	8.8
Import barangan dan perkhidmatan	872,871	-2.5	761,454	-12.8	833,823	9.5
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN NEGARA						
Pendapatan Negara Kasar (harga malar 2015)	1,398,921	4.8	1,344,443	-3.9	1,427,963	6.2
Pendapatan Negara Kasar (harga semasa)	1,470,426	4.9	1,415,688	-3.7	1,526,546	7.8
Tabungan Negara Kasar (harga semasa)	368,738	-2.5	328,349	-11.0	334,965	2.0
Pendapatan Per Kapita (harga semasa, RM)	45,212	4.4	43,350	-4.1	46,101	6.3
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN						
	2019		2020 ¹²		2021 ¹³	
Hasil	264,415	13.5	227,270	-14.0	236,900	4.2
Perbelanjaan mengurus	263,343	14.0	226,720	-13.9	236,540	4.3
Baki semasa	1,072	-	550	-	360	-
Perbelanjaan pembangunan (bersih)	52,570	-4.9	49,000	-6.8	68,200	39.2
Kumpulan Wang COVID-19	-		38,000	-	17,000	-55.3
Baki keseluruhan	-51,498		-86,450		-84,840	
% KDNK	-3.4		-6.0		-5.4	
Pinjaman dalam negeri (bersih)	44,755		87,051		-	
Pinjaman luar pesisir (bersih)	6,977		-303		-	
Perubahan aset ⁴	-234		-298		-	

MALAYSIA: PERANGKAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)

	2019		2020		2021	
	RM juta	% KDNK	RM juta	% KDNK	RM juta	% KDNK
Hutang Kerajaan Persekutuan⁵	792,998	52.5	874,276	60.7	-	-
Hutang dalam negeri	764,233	50.6	845,026	58.7	-	-
Bil Perbendaharaan	4,500	0.3	24,000	1.7	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	338,800	22.4	360,266	25.0	-	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia	394,133	26.1	436,660	30.3	-	-
Sukuk Perumahan Kerajaan	26,800	1.8	24,100	1.7	-	-
Pinjaman luar pesisir	28,765	1.9	29,250	2.0	-	-
Pinjaman pasaran	23,347	1.5	23,895	1.6	-	-
Pinjaman projek	5,418	0.4	5,355	0.4	-	-
	2019⁹		2020¹⁰		2021¹¹	
IMBANGAN PEMBAYARAN (BERSIH)	RM juta		RM juta		RM juta	
Imbangan akaun semasa	50,850		48,455		20,277	
Barangan	123,334		130,886		113,331	
Perkhidmatan	-10,922		-50,287		-30,868	
Pendapatan primer	-40,267		-23,686		-41,558	
Pendapatan sekunder	-21,294		-8,458		-20,628	
Imbangan akaun modal dan kewangan	-33,465		-		-	
Kesilapan dan ketinggalan bersih	-8,969		-		-	
Imbangan keseluruhan	8,416		-		-	
PERDAGANGAN LUAR NEGERI	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)
Eksport kasar antaranya:	995,072	-0.8	943,761	-5.2	968,793	2.7
Pembuatan	840,586	0.4	808,851	-3.8	828,862	2.5
Pertanian	65,958	-1.6	66,441	0.7	69,381	4.4
Perlombongan	81,520	-9.3	63,771	-21.8	65,118	2.1
Import kasar antaranya:	849,411	-3.5	794,716	-6.4	836,956	5.3
Barangan pengantara	467,211	1.1	437,406	-6.4	460,280	5.2
Barangan modal	100,179	-10.9	87,642	-12.5	100,219	14.3
Barangan penggunaan	74,155	1.5	74,718	0.8	76,967	3.0
Jumlah perdagangan	1,844,483	-2.1	1,738,477	-5.7	1,805,749	3.9
Imbangan perdagangan	145,661	17.7	149,045	2.3	131,838	-11.5
HARGA	Indeks	perubahan (%)	Indeks	perubahan (%)	Indeks	perubahan (%)
Indeks Harga Pengguna (2010 = 100)	121.5	0.7	-	-1.0	-	2.5
Indeks Harga Pengeluar: Pengeluaran Tempatan (2010 = 100)	105.2	-1.4	102.3 ¹⁴	-2.4 ¹⁴	-	-
BURUH	Ribu	perubahan (%)	Ribu	perubahan (%)	Ribu	perubahan (%)
Tenaga buruh	15,581.6	2.0	15,737.4 ¹⁵	1.0 ¹⁵	15,910.5 ¹⁵	1.1 ¹⁵
Pengangguran ⁶	508.2	(3.3)	653.5 ¹⁵	(4.2) ¹⁵	562.6 ¹⁵	(3.5) ¹⁵

MALAYSIA: PERANGKAAN PENTING DAN UNJURAN (samb.)

	2019 Akhir Ogos		2020 Akhir Ogos	
PASARAN KEWANGAN DAN MODAL	RM juta	perubahan (%)	RM juta	perubahan (%)
Bekalan wang				
M1	426,561	3.8	502,304	17.8
M2	1,895,998	4.1	2,026,995	6.9
M3	1,908,653	4.2	2,031,377	6.4
Sistem perbankan (termasuk bank Islam)				
Dana ⁷	1,985,835	5.2	2,074,029	4.4
Pinjaman	1,645,380	3.9	1,704,889	3.6
Nisbah pinjaman kepada dana (%)	82.9		82.2	
Kadar faedah (kadar purata, %)	Ogos		Ogos	
Antara bank 3 bulan	3.32		1.96	
Bank perdagangan				
Deposit tetap: 3-bulan	2.92		1.62	
12-bulan	3.09		1.78	
Deposit tabungan	0.99		0.48	
Kadar asas (BR) purata berwajaran	3.68		2.43	
Kadar pinjaman asas (BLR)	6.71		5.49	
Bil Perbendaharaan (3-bulan)	-		-	
Sekuriti Kerajaan Malaysia ⁸				
1-tahun	3.09		1.70	
5-tahun	3.24		2.11	
Pergerakan ringgit	Akhir September		Akhir September	
	RM bagi seunit	perubahan¹⁶ (%)	RM bagi seunit	perubahan¹⁶ (%)
Hak Pengeluaran Khas (SDR)	5.7121	1.6	5.8522	-2.4
Dolar AS	4.1870	-1.1	4.1585	0.7
Euro	4.5776	5.4	4.8775	-6.1
100 yen Jepun	3.8788	-6.0	3.9378	-1.5
Bursa Malaysia				
FBM KLCI	1,583.91		1,504.82	
Nilai permodalan pasaran (RM bilion)	1,673.63		1,638.72	

¹ Termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya

² Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan

³ Termasuk pelaburan oleh syarikat awam

⁴ Data positif menunjukkan penggunaan aset; negatif menunjukkan pertambahan aset

⁵ Pada 2020, data adalah sehingga akhir September 2020

⁶ Angka dalam kurungan menunjukkan kadar pengangguran

⁷ Dana terdiri daripada deposit (tidak termasuk deposit yang diterima daripada institusi perbankan dan Bank Negara Malaysia) dan semua instrumen hutang (termasuk hutang subordinat, sijil hutang/sukuk yang diterbitkan, kertas komersial dan nota berstruktur)

⁸ Hasil indikatif pasaran

⁹ Awalan

¹⁰ Anggaran

¹¹ Unjuran

¹² Anggaran disemak

¹³ Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2021

¹⁴ Januari hingga Ogos 2020

¹⁵ Unjuran Kementerian Kewangan Malaysia

¹⁶ Kadar tahunan penambahan nilai (+) atau penyusutan nilai (-) bagi ringgit

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	iii
PRAKATA	v
AKRONIM DAN SINGKATAN	xvii
BAB 1 PENGURUSAN DAN PROSPEK EKONOMI	
Perspektif Keseluruhan	5
Tinjauan	6
Rencana 1.1 – COVID-19: Impak dan Tindak Balas Dasar	8
Isu dan Cabaran	12
Rencana 1.2 – Ketakpadanan dalam Pasaran Buruh	13
Sisipan 1.1 – Memetakan Matlamat Pembangunan Mampan PBB dalam Belanjawan Negara	20
Rencana 1.3 – Menilai Kemampuan Pembelian Perumahan di Malaysia	24
Inisiatif Strategik – Belanjawan 2021	30
Sisipan 1.2 – Jaringan Keselamatan Sosial di Malaysia	30
Kesimpulan	34
Rujukan	35
BAB 2 TINJAUAN EKONOMI GLOBAL	
Perspektif Keseluruhan	43
Ekonomi Global	45
Sisipan 2.1 – Respons kepada Pandemik COVID-19 oleh Bank Pembangunan Pelbagai Hala Terpilih	47
Kesimpulan	63
Rujukan	64
BAB 3 TINJAUAN MAKROEKONOMI	
Perspektif Keseluruhan	75

Sektoral	75
Rencana 3.1 – Ekonomi Gig	78
Rencana 3.2 – Pendigitalan dalam Industri Logistik	83
Rencana 3.3 – Perusahaan Kecil dan Sederhana: Membina Daya Tahan bagi Menghadapi Krisis	88
Sisipan 3.1 – Kepentingan Sektor Komoditi kepada Ekonomi Malaysia	93
Permintaan Domestik	98
Rencana 3.4 – Ekonomi Bayangan di Malaysia	100
Sektor Luar Negeri	103
Harga	109
Rencana 3.5 – Hubungan Dinamik antara Indeks Harga Pengguna dengan Indeks Harga Pengeluar	111
Pasaran Buruh	113
Kesimpulan	115
Rujukan	116

BAB 4 PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Perspektif Keseluruhan	125
Perkembangan Monetari	125
Prestasi Ringgit	126
Prestasi Sektor Perbankan	127
Rencana 4.1– Bank Digital di Malaysia	129
Prestasi Pasaran Modal	133
Sisipan 4.1 – Inisiatif Utama Pasaran Modal	137
Prestasi Perbankan dan Pasaran Modal Islam	138
Kesimpulan	139
Rujukan	140

JADUAL PERANGKAAN 143

ORGANISASI KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA 185

RAJAH

Ekonomi Negara 2021

Rajah 2.1.	Pertumbuhan KDNK Benar Global, Negara Maju, dan Negara yang Berkembang Pesat dan Negara Membangun	43
Rajah 2.2.	Kadar Inflasi Global, Negara Maju, dan Negara yang Berkembang Pesat dan Negara Membangun	44
Rajah 3.1.	Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan	77
Rajah 3.2.	Pengeluaran Sektor Pembuatan	87
Rajah 3.3.	Penunjuk Penawaran Harta Tanah Kediaman	97
Rajah 3.4.	Indeks Harga Rumah Malaysia	97
Rajah 3.5.	Penunjuk Penawaran Harta Tanah Bukan Kediaman	97
Rajah 3.6.	Jurang Tabungan-Pelaburan	99
Rajah 3.7.	Rakan Dagang 10 Teratas	105
Rajah 3.8.	Rizab Antarabangsa	108
Rajah 3.9.	Trend IHP dan IHPR	110
Rajah 4.1.	Agregat Monetari	126
Rajah 4.2.	Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih	126
Rajah 4.3.	Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas dan Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih	127
Rajah 4.4.	Kadar Hasil Indikatif Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)	134
Rajah 4.5.	Bahagian Pegangan Asing dalam Jumlah MGS Terkumpul	134
Rajah 4.6.	Kadar Hasil Bon Korporat 5-Tahun	135
Rajah 4.7.	Prestasi Bursa Malaysia	135
Rajah 4.8.	Prestasi Pasaran Saham Terpilih	136
Rajah 4.9.	Sukuk Global Terkumpul mengikut Negara	139

JADUAL

Jadual 1.1.	Pakej Rangsangan Ekonomi 2020	6
Jadual 2.1.	Penunjuk Terpilih bagi Amerika Syarikat	45
Jadual 2.2.	Penunjuk Terpilih bagi United Kingdom	46
Jadual 2.3.	Penunjuk Terpilih bagi Kawasan Euro	52
Jadual 2.4.	Penunjuk Terpilih bagi Jerman	53
Jadual 2.5.	Penunjuk Terpilih bagi Perancis	54
Jadual 2.6.	Penunjuk Terpilih bagi Jepun	55
Jadual 2.7.	Penunjuk Terpilih bagi Australia	56
Jadual 2.8.	Penunjuk Terpilih bagi Republik Korea	57
Jadual 2.9.	Penunjuk Terpilih bagi China	58
Jadual 2.10.	Penunjuk Terpilih bagi India	59
Jadual 2.11.	Penunjuk Terpilih bagi ASEAN-5	59
Jadual 2.12.	Penunjuk Terpilih bagi Indonesia	60
Jadual 2.13.	Penunjuk Terpilih bagi Thailand	61
Jadual 2.14.	Penunjuk Terpilih bagi Singapura	61
Jadual 2.15.	Penunjuk Terpilih bagi Filipina	62
Jadual 3.1.	KDNK mengikut Sektor	75
Jadual 3.2.	Prestasi Sektor Perkhidmatan	76
Jadual 3.3.	Indeks Pengeluaran Pembuatan	87
Jadual 3.4.	Nilai Ditambah Sektor Pertanian	92
Jadual 3.5.	KDNK mengikut Permintaan Agregat	98
Jadual 3.6.	Perdagangan Luar Negeri	104
Jadual 3.7.	Eksport Kasar	104
Jadual 3.8.	Eksport Barangan Pembuatan	105
Jadual 3.9.	Import Kasar mengikut Penggunaan Akhir	106

Jadual 3.10. Akaun Semasa Imbangan Pembayaran	107
Jadual 3.11. Indeks Harga Pengguna	109
Jadual 3.12. Indeks Harga Pengeluar	110
Jadual 3.13. Penunjuk Pasaran Buruh	113
Jadual 3.14. Guna Tenaga Mengikut Sektor	114
Jadual 4.1. Faktor Penentu M3	126
Jadual 4.2. Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman	128
Jadual 4.3. Sistem Perbankan: Pinjaman Berkumpul Mengikut Sektor	128
Jadual 4.4. Pemerolehan Dana oleh Pasaran Modal	133
Jadual 4.5. Bon Korporat Baharu mengikut Sektor	134
Jadual 4.6. Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih	136
Jadual 4.7. Perbankan Islam: Penunjuk Utama	138

AKRONIM DAN SINGKATAN

4G	rangkaian selular generasi keempat	EU	Kesatuan Eropah
5G	rangkaian selular generasi kelima	EUR	euro
ADB	Bank Pembangunan Asia	FBM KLCI	Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia
AI	kecerdasan buatan	FDI	pelaburan langsung asing
AIIB	Bank Pelaburan Infrastruktur Asia	Fed	Rizab Persekutuan AS
API	Antara Muka Pengaturcaraan Aplikasi	HIS & BA	Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas
AS	Amerika Syarikat	HOC	Kempen Pemilikan Rumah
ASEAN	Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara	IBRD	International Bank for Reconstruction and Development
AUD	dolar Australia	ICD	Islamic Corporation for the Development of the Private Sector
B40	kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah	ICIEC	Islamic Corporation for the Insurance of Investment and Export Credit
BDR	bekerja dari rumah	ICM	Pasaran Modal Islam
BNM	Bank Negara Malaysia	ICSID	International Centre for Settlement of Investment Disputes
CDA	Currency Demand Approach	ICT	teknologi maklumat dan komunikasi
CFTA	Perjanjian Perdagangan Bebas Komprehensif	IDA	International Development Association
CGE	Computable General Equilibrium	IDR	rupiah Indonesia
CKHT	Cukai Keuntungan Harta Tanah	IFC	International Finance Corporation
COVID-19	penyakit Coronavirus 2019	IHP	Indeks Harga Pengguna
CPO	minyak sawit mentah	IHPR	Indeks Harga Pengeluar
CSO	pertubuhan masyarakat sivil	ILO	Pertubuhan Buruh Antarabangsa
DE	perbelanjaan pembangunan	IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
DFI	Institusi Kewangan Pembangunan	INR	rupee India
E&E	elektrikal & elektronik	IoT	Internet Benda
EAC	Majlis Tindakan Ekonomi	IPO	Tawaran Awam Awal
ECB	European Central Bank		
EMDE	negara yang berkembang pesat dan negara membangun		

AKRONIM DAN SINGKATAN

IPT	institusi pengajian tinggi	MOF	Kementerian Kewangan
IR4.0	Revolusi Industri 4.0	MRT2	Transit Aliran Massa Laluan 2
IRTI	Islamic Research and Training Institute	MTAR	Momentum Threshold Autoregressive
IsDB	Bank Pembangunan Islam	NGO	pertubuhan bukan kerajaan
IsDBG	Kumpulan Bank Pembangunan Islam	NRE	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
ITFC	International Islamic Trade Finance Corporation	O&G	minyak dan gas
KASA	Kementerian Alam Sekitar dan Air	OPEC	Pertubuhan Pengeksport Petroleum
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar	OPR	Kadar Dasar Semalaman
KeTSA	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli	PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
KeTTHA	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	PENJANA	Pelan Jana Semula Ekonomi Negara
KITA PRIHATIN	Kerangka Inisiatif Tambahan PRIHATIN	PforR	Program untuk Keberhasilan
LAKSANA	Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi antara Agensi Nasional	PGK	Pendapatan Garis Kemiskinan
LDMC	negara kurang membangun	PHP	peso Filipina
LNG	gas asli cecair	PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
LPI	Indeks Pencapaian Logistik	PKPB	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat
LRT3	Transit Aliran Ringan Laluan 3	PKPP	Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan
M&A	penggabungan dan pengambilalihan	PKS	perusahaan kecil dan sederhana
M1	bekalan wang	PNK	pendapatan negara kasar
M40	kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan	PRGT	Poverty Reduction and Growth Trust
MDB	bank pembangunan pelbagai hala	PRIHATIN	Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat
MGII	Pelaburan Kerajaan Malaysia	PRS	Skim Persaraan Swasta
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia	R&D	penyelidikan dan pembangunan
MIGA	Multilateral Investment Guarantee Agency	RBI	Reserve Bank of India
MIMIC	Multiple Indicators Multiple Causes	RCF	Kemudahan Kredit Pantas
		RFI	Instrumen Pembiayaan Pantas
		RMKe-11	Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 – 2020

RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025	SRR	Keperluan Rizab Berkanun
RTO	Skim Sewa untuk Beli	SSR	Kadar Sara Diri
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan	TNK	tabungan negara kasar
SDR	Hak Pengeluaran Khas	THB	baht Thai
SE	ekonomi bayangan	TVECM	Threshold Vector Error Correction Model
SGD	dolar Singapura	UI	Antara Muka Pengguna
SLL	Kemudahan Kecairan Jangka Pendek	UK	United Kingdom
SME Corp. Malaysia	Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia	USD	dolar Amerika Syarikat
SOP	Prosedur Operasi Standard	UX	Reka Bentuk Pengalaman Pengguna
		WBG	Kumpulan Bank Dunia
		WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia

BAB 1

Pengurusan dan Prospek Ekonomi

05 PERSPEKTIF KESELURUHAN

06 TINJAUAN

Rencana 1.1 – COVID-19: Impak dan Tindak Balas Dasar

12 ISU DAN CABARAN

Rencana 1.2 – Ketakpadanan dalam Pasaran Buruh

Sisipan 1.1 – Memetakan Matlamat Pembangunan Mampan PBB dalam Belanjawan Negara

Rencana 1.3 – Menilai Kemampuan Pembelian Perumahan di Malaysia

30 INISIATIF STRATEGIK – BELANJAWAN 2021

Sisipan 1.2 – Jaringan Keselamatan Sosial di Malaysia

34 KESIMPULAN

35 RUJUKAN

Pandemik COVID-19

Mengehadkan pergerakan rakyat dan barangan serta penyediaan perkhidmatan

Malaysia: Pengurusan & Prospek EKonomi

11 Mac 2020

MAJLIS TINDAKAN EKONOMI:

Pelan Hala Tuju bagi Tindakan Segera



Pelaksanaan Strategi 6R

Ketegasan, Ketahanan, Memulakan Semula, Pemulihan, Memperkasa, Menyusun Semula

> 27 Mac

PRIHATIN



> 6 April

PRIHATIN PKS+

PrihatinPKS+
Pakej Rangsanget Ekonomi Prihatin Rakyat

> 5 Jun

PENJANA

penjana
Pelan Jana Semula Ekonomi Negara

> 23 September

KITA PRIHATIN

KitaPrihatin
Kerangka Inisiatif Tambahan Pakej Rangsanget Ekonomi Prihatin Rakyat

Pelan Tindakan bagi Langkah ke Hadapan dalam tempoh 12 bulan

Perkembangan Monetari & Kewangan

Faktor Mitigasi



Dasar Monetari yang Menyokong

OPR

Kadar Dasar Semalaman

SRR

Keperluan Rizab Berkanun



Sektor Perbankan yang Kukuh



Pasaran Modal yang Teguh

Ekonomi Global

Tinjauan Global

Memberi
impak kepada
perniagaan di
Malaysia

Memberi
impak
kepada
kesihatan dan
kehidupan
rakyat
Malaysia

Cabaran Global

Pertumbuhan Global
yang Perlahan

Harga Komoditi yang
Tidak Menentu

DIPENGERUSI OLEH
YAB PERDANA MENTERI DENGAN MOF DAN EPU SEBAGAI SEKRETARIAT BERSAMA

Faktor Merencat Pertumbuhan



Kadar Pemulihan
Ekonomi Global



Peningkatan
Ketegangan AS-China



Harga Komoditi
yang Lemah



Pasaran Kewangan
Global yang Tidak
Menentu

Pengurusan Ekonomi

AKTA BAHARU:
Langkah-Langkah
Sementara bagi
Pembiayaan Kerajaan
(Penyakit Koronavirus
2019 (COVID-19)) 2020
telah diluluskan Parlimen
pada 21 September 2020.

**PELAKSANAAN
PAKEJ RANGSANGAN
DI BAWAH
STRATEGI 6R**

Belanjawan 2021

Belanjawan 2021 memasuki
tahap R kelima – Memperkasa
(Revitalise)

OBJEKTIF: Menangani
cabaran yang dihadapi oleh
Malaysia dalam mencapai
status negara maju
dan inklusif



Langkah sedang dirangka
bagi menyejahtera kehidupan
rakyat, memperkasa ekonomi,
memastikan pembangunan
lestari dan menambah baik
penyampaian perkhidmatan
awam. "Kemakmuran Rakyat,
Kelangsungan Perniagaan
dan Ketahanan Ekonomi".

Ekonomi
Domestik

BAB 1

Pengurusan dan Prospek Ekonomi

Perspektif Keseluruhan

Pemulihan ekonomi akibat daripada pandemik COVID-19 merupakan cabaran besar kepada seluruh dunia. Pandemik ini bukan sahaja memberi kesan kepada kesihatan dan kehidupan masyarakat, malahan turut merencatkan pertumbuhan ekonomi global yang dikatakan jauh lebih mencabar berbanding *the Great Depression* pada 1930-an. Ini merupakan situasi yang belum pernah dilalui oleh dunia sebelum ini.

Pandemik ini bertukar menjadi krisis global berikutan tindakan kebanyakan negara mula mengehadkan pergerakan fizikal manusia, barangan dan perkhidmatan yang seterusnya memberi kesan kepada perniagaan dan ekonomi secara keseluruhan. Krisis ini juga telah membantutkan usaha untuk meredakan ketegangan perdagangan AS-China susulan persetujuan dalam rundingan perdagangan antara kedua negara pada Januari 2020. Manfaat yang dijangka tercapai daripada rundingan perdagangan tersebut tidak menjadi kenyataan apabila kebanyakan negara mula mengambil langkah drastik dengan menutup sempadan negara bagi mengekang COVID-19. Di Malaysia, Kerajaan berdepan dengan cabaran tersendiri kerana semua pihak tidak bersedia berikutan kemunculan pandemik ini secara mendadak dan penularan yang pantas.

Pandemik ini memberikan cabaran lebih besar kepada Malaysia yang mengamalkan ekonomi perdagangan. Cabaran bukan sahaja dari segi pertumbuhan ekonomi global yang perlahan dan harga komoditi yang tidak menentu, malah negara juga menyaksikan peralihan tampuk pemerintahan. Susulan peningkatan

kes COVID-19, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) pada 11 Mac 2020 untuk merangka langkah jangka masa pendek dan sederhana bagi melindungi nyawa dan kehidupan. Majlis yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri ini dianggotai oleh menteri berkaitan ekonomi, pegawai tinggi sektor awam dan pemimpin industri.

Pendekatan sistematik enam tahap iaitu Ketegasan, Ketahanan, Memulakan Semula, Pemulihan, Memperkasa dan Menyusun Semula telah dipersetujui oleh EAC bagi mengatasi pandemik ini dengan memberi keutamaan untuk melindungi rakyat dan ekonomi. Kerajaan telah mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) pada 27 Mac 2020. Pakej yang bernilai RM250 bilion ini bertujuan melindungi rakyat, menyokong perniagaan dan mengukuhkan ekonomi. Secara ringkasnya, pakej ini menyediakan bantuan kewangan kepada rakyat serta inisiatif untuk mengekalkan pekerjaan, meningkatkan keyakinan pengguna dan merangsang pertumbuhan ekonomi. Pada 6 April 2020, pakej PRIHATIN Tambahan bernilai RM10 bilion diumumkan untuk memberi sokongan tambahan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Selaras dengan penurunan kes COVID-19, Kerajaan telah melancarkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bernilai RM35 bilion pada 5 Jun 2020 untuk menjana semula ekonomi. Di samping itu, Kerajaan juga mengumumkan pakej Kerangka Inisiatif Tambahan PRIHATIN (KITA PRIHATIN) pada 23 September 2020 berjumlah RM10 bilion untuk meringankan beban rakyat dan memastikan perniagaan terus beroperasi.

JADUAL 1.1. Pakej Rangsangan Ekonomi 2020

PROGRAM		RM BILION
	PRIHATIN	250.0
1	Moratorium Pinjaman	100.0
2	Danajamin: Skim Jaminan Pembiayaan	50.0
3	KWSP: Skim i-Lestari	40.0
4	Bantuan Prihatin Nasional	10.0
5	KWSP: Program Khidmat Rundingan Majikan	10.0
6	Program Subsidi Upah	5.9
7	BNM: Dana Fasiliti	4.0
8	Projek Infrastruktur Kecil	2.0
9	Penjagaan Kesihatan (COVID-19)	1.5
10	Dana Jaminan Makanan	1.0
11	Skim Kredit Mikro	0.5
12	Bantuan Pelajar Pengajian Tinggi	0.3
13	Lain-lain Bantuan PRIHATIN	5.1
14	Pakej Rangsangan Ekonomi	19.7
	PRIHATIN Tambahan	10.0
15	Program Subsidi Upah Tambahan (penambahbaikan program sedia ada)	7.9
16	Geran Khas PRIHATIN	2.1
	PENJANA	35.0
17	Inisiatif untuk Memperkasakan Rakyat	13.2
18	Inisiatif untuk Melonjakkan Perniagaan	9.7
19	Inisiatif untuk Merangsang Ekonomi	6.7
20	Lain-lain Bantuan PENJANA	5.4
	KITA PRIHATIN	10.0
21	Bantuan Prihatin Nasional 2.0	7.0
22	Program Subsidi Upah 2.0	2.4
23	Geran Khas PRIHATIN	0.6
	JUMLAH BESAR	305.0

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Tinjauan

Ekonomi Global

Ekonomi global dijangka merekodkan penguncupan 4.4% pada 2020 disebabkan oleh ketidakpastian prestasi di ekonomi maju serta negara yang berkembang pesat dan

negara membangun (EMDE). Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di ekonomi maju dijangka menguncup sebanyak 5.8% pada 2020 susulan penggunaan swasta yang lemah di samping perdagangan global yang perlahan. Pada masa yang sama, KDNK di negara EMDE dijangka berkurang sebanyak 3.3% pada 2020 berikutan penurunan penggunaan dan pelaburan swasta serta permintaan luaran yang lemah.

Pada 2021, ekonomi global dijangka pulih dengan pertumbuhan 5.2%. Ekonomi maju dijangka pulih 3.9% dipacu oleh permintaan domestik dan aktiviti perdagangan yang lebih baik. Pada masa yang sama, KDNK dalam kalangan EMDE dijangka merekod pertumbuhan 6%, dipacu oleh permintaan domestik yang kukuh dan eksport yang lebih tinggi. Risiko kepada prospek pertumbuhan global termasuklah peningkatan pertikaian perdagangan AS-China, ketidakpastian berkaitan Brexit, harga minyak yang rendah dan krisis iklim yang meruncing.

Ekonomi Domestik

Ekonomi Malaysia menguncup 8.3% pada separuh pertama 2020 berikutan penguncupan pada suku kedua sebanyak 17.1%. Ekonomi dijangka menguncup pada kadar lebih perlahan pada separuh kedua tahun ini hasil pelaksanaan pantas pelbagai pakej rangsangan yang bertujuan membantu rakyat dan memulih semula ekonomi. Ekonomi dijangka menguncup 4.5% pada 2020. Impak pelaksanaan pakej rangsangan dijangka akan memberi kesan limpahan dan terus menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi pada 2021. Ekonomi negara diunjur kembali pulih antara 6.5% hingga 7.5% pada 2021 selaras dengan jangkaan pemulihan pertumbuhan global dan perdagangan antarabangsa. Pertumbuhan akan terus dipacu oleh asas ekonomi yang kukuh dan kepelbagaian struktur ekonomi yang baik. Namun begitu, prospek ekonomi yang memberangsangkan ini tertakluk kepada dua faktor utama iaitu kejayaan mengekang pandemik dan pemulihan berterusan dalam permintaan luaran.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Kadar Dasar Semalaman telah dikurangkan secara berturut-turut sebanyak 125 mata asas pada tempoh tujuh bulan pertama 2020 kepada 1.75% iaitu paras terendah yang pernah direkodkan. Pada masa yang sama, Keperluan Rizab Berkanun telah diturunkan sebanyak 100 mata asas daripada 3.00% kepada 2.00% bagi memastikan mudah tunai mencukupi untuk menyokong pasaran

kewangan domestik. Dasar monetari akan terus menyokong ekonomi domestik. Sektor perbankan akan terus kukuh dan teratur disokong oleh mudah tunai yang mencukupi dan penampakan modal yang kukuh. Pasaran modal juga dijangka kekal teguh dipacu oleh infrastruktur dan instrumen yang baik. Walau bagaimanapun, kadar pemulihan ekonomi global, harga komoditi yang rendah dan ketidakstabilan pasaran kewangan global merupakan antara faktor yang boleh memberi kesan kepada prestasi pasaran kewangan domestik.

Pengurusan Ekonomi

Tumpuan segera Kerajaan diberikan dalam menangani krisis bagi memastikan jaminan keselamatan rakyat serta menyediakan bantuan kepada isi rumah dan perniagaan yang terkesan akibat COVID-19. Bagi membiayai pakej rangsangan, perundangan baharu iaitu Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 telah diluluskan Parlimen pada 21 September 2020. Akta tersebut membolehkan Kerajaan melaksanakan pakej rangsangan yang dirumuskan melalui enam tahap R secara berkesan. Tahap Ketegasan (*Resolve*) merangkumi usaha Kerajaan untuk mengawal penyebaran virus tersebut melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara menyeluruh. Tahap Ketahanan (*Resilient*) adalah semasa Kerajaan mengumumkan pakej rangsangan PRIHATIN dan PRIHATIN Tambahan. Semasa tahap Memulakan Semula (*Restart*) dan Pemulihan (*Recovery*) apabila lengkung COVID-19 telah diratakan dan ekonomi dibuka secara berperingkat, pakej PENJANA telah diumumkan oleh Kerajaan. Pakej PENJANA bertujuan merencanakan semula ekonomi berdasarkan tiga teras strategik iaitu memperkasakan rakyat, melonjakkan perniagaan dan merangsang ekonomi. Dua tahap berikutnya iaitu Memperkasa (*Revitalise*) dan Menyusun Semula (*Reform*) melibatkan formulasi dan pelaksanaan langkah dalam Belanjawan 2021 serta Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12). Secara khususnya, Belanjawan 2021 akan memberi fokus untuk menjaga kebajikan rakyat, membolehkan daya perniagaan tempatan dan memperkasa ekonomi.

RENCANA 1.1

COVID-19: Impak dan Tindak Balas Dasar


Pengenalan

Penularan COVID-19 mula dikesan pada penghujung 2019 ketika dunia sedang mengalami kelembapan ekonomi di samping ketegangan perdagangan dan ketidakpastian harga komoditi. Perebakan virus ini ke seluruh dunia serta langkah pengawalannya memberi impak yang jauh melangkaui aspek kesihatan. Pelbagai langkah yang diambil untuk membendung penularan jangkitan seperti penutupan sempadan, penjarakan fizikal dan kawalan pergerakan telah menyebabkan permintaan agregat yang lembap dan gangguan kepada rantai bekalan. Pandemik ini dijangka menyebabkan kemelesetan ekonomi global yang terburuk dalam sejarah iaitu jauh lebih serius daripada *the Great Depression* pada 1930-an (Tabung Kewangan Antarabangsa, 2020). Kerajaan di seluruh dunia mengambil langkah memperluas dasar monetari dan meningkatkan perbelanjaan fiskal bagi menampung pendapatan isi rumah, menyokong pengekalan pekerja dan menyediakan bantuan mudah tunai untuk perniagaan.

Malaysia: Perspektif Kes

Cabaran unik yang wujud kesan daripada krisis ini mengkehendaki penggubal dasar mengimbangi antara menyelamatkan nyawa dan melindungi kehidupan dalam menguruskan pandemik tersebut. Malaysia juga tidak terkecuali dalam hal ini. Pada peringkat awal, impak penularan terhadap kepada industri berkaitan pelancongan seperti syarikat penerbangan, pengendali pelancongan, aktiviti rekreasi, penginapan dan restoran. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi pertama berjumlah RM20 bilion pada 27 Februari 2020. Pakej ini bertujuan meningkatkan kapasiti sektor penjagaan kesihatan dalam membendung penularan, menyokong aliran tunai perniagaan yang terjejas serta merangsang industri pelancongan domestik.

RAJAH 1.1.1. Kes Baharu berbanding Kes Pulih



Kes tempatan mula meningkat pada awal Mac 2020 (Rajah 1.1.1.) dengan lebih banyak kluster baharu dikesan dan dikategorikan sebagai gelombang kedua. Dalam tempoh beberapa minggu, Malaysia mencatatkan jangkitan COVID-19 dengan jumlah kumulatif yang terbesar di Asia Tenggara melebihi 2,000 kes aktif pada akhir Mac. Kerajaan telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 sebagai langkah kritikal untuk membendung penularan wabak dan meratakan lengkung jangkitan seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Di samping itu, Kerajaan menubuhkan pasukan petugas bagi menangani krisis yang diketuai sendiri oleh Perdana Menteri dan dianggotai oleh kementerian serta agensi yang berkaitan. Pasukan petugas ini bertanggungjawab mengumpul maklumat strategik berkaitan perkembangan pandemik dan menyelaras usaha untuk mengekang penularan wabak tersebut.

Pelonggaran PKP melalui Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada 4 Mei 2020 dengan sebahagian besar sektor ekonomi dibenarkan beroperasi semula mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) tertentu. Pada peringkat ini, semua perniagaan dengan beberapa pengecualian dibenarkan untuk dibuka semula di bawah SOP yang ketat termasuk menjalankan pengesanan kontak, penggunaan mandatori pelitup muka secara mandatori di tempat awam serta penjarakan fizikal. Walau bagaimanapun, perjalanan antarabangsa dan rentas negeri tidak dibenarkan memandangkan penularan wabak masih berlaku.

Apabila bilangan kes semakin berkurang, ekonomi telah dibuka semula untuk membolehkan rakyat meneruskan aktiviti ekonomi dan kehidupan harian. Fasa seterusnya selepas PKPB ialah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mulai 10 Jun 2020 yang dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020. Pelaksanaan PKPP bertujuan melindungi kumpulan yang mudah terjejas, memperkasakan komuniti, mengamalkan kebiasaan baharu, membuka semula hampir semua sektor ekonomi, meneruskan kawalan sempadan serta menambah baik kesihatan awam.

Malaysia telah mendapat pengiktirafan global sebagai antara negara yang berjaya membendung pandemik ini. Pada masa yang sama, langkah pembendungan ini perlu selari dengan pembukaan semula ekonomi bagi mengekang kemusnahan struktur dalam jangka masa panjang. Justeru, Kerajaan telah melaksanakan strategi 6R yang merangkumi enam tahap: Ketegasan (*Resolve*), Ketahanan (*Resilient*), Memulakan Semula (*Restart*), Pemulihan (*Recovery*), Memperkasa (*Revitalize*) dan Menyusun Semula (*Reform*) (Rajah 1.1.2.).

RAJAH 1.1.2. Strategi 6R untuk Pertumbuhan Mampan dan Berdaya Tahan



Strategi “Ketegasan” telah dilaksanakan sebaik sahaja PKP diumumkan pada 18 Mac 2020. Kawalan pergerakan dan penjarakan fizikal yang melibatkan penutupan sementara kebanyakan perniagaan terutamanya yang tidak dikategorikan dalam sektor penting dan kritikal telah mengakibatkan peningkatan pengangguran. Sehubungan itu, Kerajaan mengumumkan pakej rangsangan ekonomi kedua pada 27 Mac 2020 yang dikenali sebagai Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang berjumlah RM230 bilion bertujuan mengurangkan impak krisis tersebut.

Pakej PRIHATIN menyediakan bantuan tunai untuk menampung pendapatan yang hilang dan subsidi upah bagi menggalakkan majikan mengekalkan pekerja. Di samping itu, pakej ini turut menyediakan moratorium pembayaran pinjaman selama enam bulan kepada isi rumah yang berakhir pada September 2020 bertujuan untuk mendorong penggunaan swasta. Seterusnya, Kerajaan mengumumkan tambahan RM10 bilion melalui PRIHATIN Tambahan pada 6 April 2020 khususnya bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk terus berdaya tahan dalam menghadapi krisis yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Selaras dengan strategi keempat 6R (Pemulihan), Kerajaan mengumumkan pelan pemulihan ekonomi jangka masa pendek atau Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada 5 Jun 2020 berjumlah RM35 bilion. Objektif utama PENJANA ialah untuk menjana semula ekonomi dengan memberi insentif kepada rakyat dan peniaga bagi memulakan semula aktiviti dalam kebiasaan baharu. Inisiatif PENJANA disokong oleh pelaksanaan PKPP dengan hampir semua sekatan dilonggarkan. Walau bagaimanapun, peniaga perlu membuat kawalan sendiri, mematuhi SOP dan menyesuaikan dengan kebiasaan baharu.

Kerajaan telah menerima maklum balas bahawa rakyat dan peniaga masih menghadapi masalah kewangan berikutan tempoh moratorium pinjaman dan subsidi gaji berakhir pada September 2020. Sehubungan itu, pakej rangsangan tambahan diumumkan pada 23 September 2020 bagi terus meringankan beban rakyat dan memastikan perniagaan beroperasi. Pakej Kerangka Inisiatif Tambahan PRIHATIN (KITA PRIHATIN) berjumlah RM10 bilion dijangka memberi manfaat kepada PKS mikro, pekerja tempatan dan rakyat dalam kalangan B40 dan M40. Di samping itu, moratorium pembayaran balik pinjaman dilanjutkan secara bersasar kepada perniagaan dan rakyat bagi meringankan komitmen kewangan.

Belanjawan 2021 merupakan tahap kelima strategi 6R iaitu “Memperkasa” bertujuan untuk merencanakan kembali pertumbuhan ekonomi pasca krisis. Fokus Belanjawan tersebut diberikan kepada empat bidang keutamaan – menjaga kebajikan rakyat, memacu pertumbuhan ekonomi, melestarikan kehidupan dan memantapkan penyampaian perkhidmatan awam. Tahap akhir strategi 6R adalah “Menyusun Semula” iaitu strategi jangka masa sederhana untuk mereformasi ekonomi yang akan digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025. Strategi ini akan memanfaatkan momentum pertumbuhan ekonomi dari aspek kecekapan dan produktiviti ke arah ekonomi lebih mampan dan bernilai tambah lebih tinggi (Rajah 1.1.3.).


RAJAH 1.1.3. Langkah di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi



Impak COVID-19 ke atas Ekonomi

Usaha Kerajaan bagi merancakkan semula ekonomi terbukti berkesan seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan indikator ekonomi makro berbanding penurunan ketara pada suku kedua 2020 (Rajah 1.1.4.). Pakej rangsangan yang merangkumi langkah fiskal dan bukan fiskal berjumlah RM305 bilion dijangka mengurangkan kesan krisis dan merangsang ekonomi melalui peningkatan permintaan agregat dan pengekalan pekerjaan. Analisis dalaman menganggarkan pakej tersebut dapat meningkatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 4.0 – 4.2 mata peratusan pada 2020. Anggaran impak pakej ini terhadap pekerjaan ialah 3.5 mata peratusan dan dapat melindungi hampir 560,000 pekerja daripada kehilangan pekerjaan.¹

RAJAH 1.1.4. Indikator Ekonomi Makro Jangka Masa Pendek



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bloomberg dan IHS Markit

Kesimpulan

Tindakan pantas Kerajaan melaksanakan PKP untuk meratakan lengkung jangkitan COVID-19 di samping pakej rangsangan yang pantas telah berjaya mengurangkan impak krisis. Inisiatif tersebut disokong oleh pematuhan secara keseluruhan oleh rakyat terhadap semua fasa PKP dan SOP yang merupakan faktor terpenting dalam mengawal penularan pandemik. Justeru, ekonomi dijangka meningkat secara beransur-ansur pada separuh kedua 2020 seperti yang ditunjukkan oleh pelbagai indikator ekonomi makro. Langkah rangsangan ekonomi telah membuka jalan bagi pemulihan ekonomi yang kukuh, namun bergantung kepada kejayaan kawalan berterusan terhadap jangkitan. Sebagai ekonomi terbuka, kepantasan dan magnitud pemulihan ekonomi Malaysia juga bergantung kepada prestasi rakan dagang utama. Walau bagaimanapun, krisis ini membuka peluang kepada perniagaan untuk memperbaharui strategi, mempercepat transformasi digital serta mengagih semula sumber bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Perang menentang COVID-19 masih belum berakhir dan usaha membendung virus serta impak masih berterusan sehingga vaksin ditemui dan dapat diakses secara meluas.

Nota:

Kemunculan gelombang ketiga penularan COVID-19 telah menyebabkan PKPB selama 14 hari dilaksanakan bermula 13 Oktober 2020 di Sabah, 14 Oktober 2020 di tiga negeri – Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dan 17 Oktober 2020 di Wilayah Persekutuan Labuan, untuk meratakan kembali lengkung jangkitan COVID-19. Pada masa percetakan, jumlah kes positif masih belum memuncak.

¹ Berdasarkan model *Computable General Equilibrium* (CGE) Dinamik bagi Ekonomi Malaysia (MyAGE), Kementerian Kewangan Malaysia

Isu dan Cabaran

Malaysia terus berdepan dengan pelbagai cabaran meskipun banyak inisiatif sedang giat dilaksanakan untuk membebaskan negara daripada perangkap pendapatan pertengahan. Isu paling utama berikutan penularan pandemik merangkumi kemerosotan drastik dalam aktiviti ekonomi khususnya subsektor berkaitan pelancongan. Pandemik ini juga telah menyebabkan masalah struktur sedia ada lebih kompleks seperti jaminan bekalan makanan yang tidak mencukupi, peluang pekerjaan yang terhad, pembangunan wilayah tidak seimbang, kurang tumpuan diberikan terhadap pembangunan mampan, kenaikan kos sara hidup dan perumahan mampu milik tidak mencukupi. Di samping itu, jurang digital antara industri dan limitasi sektor logistik terus menghalang kemajuan ekonomi.

Kesan COVID-19 terhadap Subsektor Berkaitan Pelancongan

Industri pelancongan merupakan antara penyumbang terbesar dalam sektor perkhidmatan dengan sumbangan 15.9% kepada KDNK pada 2019. Perbelanjaan pelancong domestik berjumlah RM92.6 bilion manakala pelancong antarabangsa menyumbang RM89.4 bilion pada 2019. Pelaksanaan PKP di Malaysia dan penutupan sempadan antarabangsa untuk membendung penularan pandemik telah menjejaskan pergerakan dan aktiviti rakyat terutamanya dalam subsektor berkaitan pelancongan. Menurut Persatuan Hotel Malaysia, pembatalan tempahan hotel bagi tempoh Januari 2020 sehingga 20 Mac 2020 mencecah lebih daripada 193,000 bilik yang mengakibatkan kerugian RM76 juta kepada industri. Pada masa sama, kadar penginapan hotel berkurang daripada 61.6% pada Januari 2020 kepada 25% pada Mac 2020. Industri penginapan mula beransur pulih dengan kadar penginapan mencecah 42.1% bagi tempoh 30 Ogos hingga 5 September 2020 berikutan keadaan ekonomi yang semakin pulih. Selain itu, industri penerbangan negara pula dijangka kehilangan RM13 bilion pada 2020 disebabkan penurunan aktiviti perjalanan udara secara mendadak berikutan sekatan perjalanan antarabangsa. Industri pelancongan dijangka melalui masa

hadapan yang suram selagi vaksin COVID-19 masih belum ditemui dan dapat diperoleh dengan mudah.

Jaminan Bekalan Makanan yang Tidak Mencukupi

Isu jaminan bekalan makanan tidak mencukupi masih wujud meskipun Kerajaan terus memberikan keutamaan kepada pembangunan sektor pertanian. Berdasarkan Indeks Keselamatan Makanan Global 2019, Malaysia berada pada kedudukan ke-28 iaitu lebih rendah berbanding negara yang mempunyai sumber alam semula jadi yang lebih terhad (Economist Intelligence Unit, 2019). Selain itu, Kadar Sara Diri (SSR) 2019 menunjukkan Malaysia masih belum mencapai tahap sara diri bagi beberapa makanan asas (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Sebagai contoh, pengeluaran beras Malaysia hanya dapat memenuhi 70% permintaan domestik pada 2019. Kadar SSR yang rendah bagi makanan lain termasuk ubi keledek (81.7%), kelapa (68.2%), kobis (36.2%), mangga (32.1%), cili (30.8%) dan halia (16.2%). Antara faktor yang menyumbang kepada kurangnya penawaran bagi makanan asas termasuk upah yang tidak menarik di sektor pertanian, masalah serangan penyakit dan serangga serta kurang penggunaan teknologi dan minat dalam kalangan generasi muda untuk menceburi sektor ini.

Peluang Pekerjaan yang Terhad

Pengangguran belia merupakan isu berterusan yang mencatat kadar dua angka walaupun ekonomi berada dalam guna tenaga penuh. Ketakpadanan pendidikan juga semakin ketara dalam pasaran buruh berikutan ramai individu berpendidikan tertiar bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah. Pada 2019, sejumlah 26.7% siswazah berada dalam kategori guna tenaga tidak penuh terutamanya disebabkan oleh pekerjaan kategori mahir yang tidak mencukupi. Malaysia juga bergantung kepada pekerja migran terutama pekerja asing berkemahiran rendah. Pada masa yang sama, walaupun ekonomi gig kini semakin menjadi pilihan, namun pekerja gig tidak disediakan jaringan keselamatan sosial yang bersesuaian.

RENCANA 1.2

Ketakpadanan dalam Pasaran Buruh

Pengenalan

Pendidikan memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan. Pendidikan melahirkan tenaga kerja berilmu yang mencukupi dan merupakan penentu penting bagi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi. Menyedari kepentingan ini, peratusan perbelanjaan Kerajaan bagi pendidikan tertiar telah meningkat dengan ketara daripada 11.3% daripada jumlah perbelanjaan pendidikan pada 1971 kepada 21.3%¹ pada 2018 (Bank Dunia, 2020) untuk menyokong aspirasi tersebut. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] juga telah diperkenalkan untuk menyokong usaha meningkatkan akses pendidikan tertiar. Pelaburan tersebut telah menghasilkan jutaan tenaga kerja berpengetahuan yang berpendidikan tertiar² dalam pasaran buruh.

Dari perspektif permintaan, kadar pengangguran merupakan proksi umum yang digunakan untuk mengukur kedudukan pasaran buruh. Walaupun kadar pengangguran yang rendah merupakan situasi yang ideal, namun keadaan ini tidak menjelaskan aspek lain seperti ketakpadanan atau guna tenaga tidak penuh. Secara umumnya, ketakpadanan atau guna tenaga tidak penuh³ merujuk kepada kemahiran dan pendidikan pekerja yang tidak digunakan sepenuhnya (Rajah 1.2.1.). Kejayaan Malaysia dalam mengekalkan kadar guna tenaga penuh dalam ekonomi sejak 1992 merupakan suatu pencapaian yang boleh dibanggakan. Walau bagaimanapun, terdapat persoalan sama ada pelaburan dalam pendidikan telah mencapai outcome yang diinginkan memandangkan insiden ketakpadanan atau guna tenaga tidak penuh didapati masih tinggi khususnya dalam kalangan siswazah.

RAJAH 1.2.1. Jenis Ketakpadanan Kemahiran



Sumber: Pertubuhan Buruh Antarabangsa, 2015


¹ Tidak termasuk perbelanjaan bagi pendidikan sektor swasta yang telah diliberalisasi pada 1996.

² Berdasarkan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), pendidikan tertiar merujuk kepada graduan berpendidikan diploma dan ke atas.

³ ILO mendefinisikan guna tenaga tidak penuh mengikut masa sebagai pekerja yang bekerja dengan tempoh kurang dari 30 jam seminggu.

Ketidakpadanan pendidikan atau guna tenaga tidak penuh kekal sebagai masalah struktur yang berterusan sejak sekian lama di kebanyakan negara termasuk Malaysia. Situasi ini dapat dilihat melalui analisis trend pekerjaan yang menunjukkan peratusan guna tenaga berpendidikan tertiar adalah lebih besar berbanding peratusan guna tenaga dalam kategori mahir (Rajah 1.2.2.). Kewujudan ketidakpadanan berikutan kelayakan lebih tinggi dalam pasaran buruh menunjukkan pelaburan dalam pendidikan tidak memberi pulangan yang optimum kepada ekonomi kerana pekerja berpendidikan tersebut tidak dapat diserap sepenuhnya oleh pasaran buruh. Rencana ini menganalisis senario semasa ketidakpadanan dalam pasaran buruh Malaysia khususnya dalam kalangan siswazah dan belia, mencadangkan langkah yang bersesuaian untuk mengurangkan situasi tersebut serta mencadangkan prospek pekerjaan alternatif yang wujud berikutan pandemik COVID-19 yang boleh dijadikan sebagai pilihan kepada pencari kerja.


RAJAH 1.2.2. Guna Tenaga mengikut Pencapaian Pendidikan dan Kemahiran bagi Negara Terpilih, 2018




Analisis Situasi

Analisis pekerjaan di Malaysia untuk tempoh 2010 hingga 2019 menunjukkan wujudnya fenomena yang berterusan dalam kalangan tenaga kerja berpendidikan yang digaji dalam kategori pekerjaan lebih rendah (Rajah 1.2.3.). Senario ini yang juga dikenali sebagai ketidakpadanan menegak menggambarkan bahawa graduan menerima pekerjaan tersebut walaupun berkelayakan lebih tinggi.

Kesukaran tenaga kerja untuk mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan dan kemahiran adalah disebabkan oleh kekurangan kapasiti pasaran buruh. Fenomena ini telah berlarutan untuk sekian lama dan telah menyumbang kepada peningkatan pengangguran siswazah (Persekutuan Majikan Malaysia, 2019). Walaupun kadar pengangguran siswazah kekal stabil antara 3.1% hingga 4.1%, namun kadar ketidakpadanan siswazah meningkat lebih dua kali ganda antara 2001 dengan 2019 (Rajah 1.2.4.).

RAJAH 1.2.3. Guna Tenaga mengikut Pendidikan dan Kemahiran di Malaysia, 2010 – 2019

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

RAJAH 1.2.4. Ketakpadanan Siswazah berbanding Pengangguran Siswazah

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia




Peningkatan kadar ketidakpadanan amat membimbangkan kerana ramai graduan yang bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah. Kajian Pengesanan Graduan 2019 oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) juga menunjukkan 30.6% responden berpendidikan tertiar berada dalam kategori guna tenaga tidak penuh. Bagi aspek ketidakpadanan mendatar pula, Zakariya, Z. (2014) menyatakan bahawa 52% pekerja digaji dalam bidang yang tidak berkaitan dengan bidang pengajian.

Faktor Ketakpadanan

Faktor penyumbang utama ketidakpadanan disebabkan oleh peluang pekerjaan yang terhad dalam pasaran bagi memenuhi peningkatan penawaran buruh termasuk graduan yang baru menamatkan pengajian. Pada masa kini, memiliki ijazah universiti tidak semestinya menjamin pekerjaan. Pertambahan graduan setiap tahun menjadikan pasaran buruh sangat kompetitif terutamanya ketika ketidakpastian ekonomi. Oleh yang demikian, pencari kerja tidak mempunyai pilihan dan terpaksa bekerja sebagai guna tenaga tidak penuh.

Hampir sedekad yang lalu, terdapat lebih tiga juta pewujudan pekerjaan baharu dalam ekonomi. Walau bagaimanapun, pewujudan pekerjaan tersebut masih tertumpu dalam pekerjaan berkemahiran rendah dan separuh mahir. Hanya 26% daripada jumlah tersebut merupakan pekerjaan mahir manakala baki 74% dalam kategori berkemahiran rendah dan separuh mahir (Rajah 1.2.5.).

Pada Disember 2019, hanya 5% daripada jumlah 62,400 kekosongan di pasaran untuk tenaga kerja mahir. Sebaliknya, 72% daripada 299,600 pencari kerja merupakan siswazah iaitu lebih separuh daripadanya merupakan siswazah yang baru menamatkan pengajian dengan pengalaman kurang dari setahun (Rajah 1.2.6.). Kajian Pengesanan Graduan 2019 menunjukkan 13.7% siswazah masih menganggur dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian khususnya bagi bidang pendidikan; sastera dan kemanusiaan; serta pertanian dan veterinar.

RAJAH 1.2.5. Pewujudan Pekerjaan mengikut Kategori Kemahiran**RAJAH 1.2.6. Kekosongan dan Pencari Kerja, 2019****RAJAH 1.2.7. Pewujudan Pekerjaan mengikut Kumpulan Umur**

Dari perspektif pewujudan pekerjaan baharu mengikut kumpulan umur, hanya 16.6% pekerjaan untuk golongan belia berumur 15 – 24 tahun (Rajah 1.2.7.). Walau bagaimanapun, 78.9%⁴ daripada jumlah pencari kerja aktif merupakan belia. Perkara ini menunjukkan kebanyakan pekerjaan baharu diwujudkan untuk golongan dewasa. Situasi ini juga menjelaskan kadar pengangguran belia yang merekodkan dua digit sepanjang tempoh dua dekad lalu. Senario tersebut seterusnya membuktikan bahawa pewujudan pekerjaan baharu dalam pasaran tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan pencari kerja yang semakin meningkat khususnya siswazah.

Kemajuan teknologi merupakan antara punca lain ketakpadanan. Menurut Kaufman (1974), kemajuan teknologi mengakibatkan kemahiran menjadi lapuk yang menyebabkan pekerja profesional tidak mempunyai pengetahuan atau kemahiran terkini untuk mengekalkan prestasi kerja dengan efektif. Walaupun perubahan teknologi dapat meningkatkan atau mengurangkan ketakpadanan kemahiran, namun terdapat pelbagai keadaan yang menunjukkan perubahan tersebut akan memberi implikasi negatif terhadap pekerjaan (Allen & de Grip, 2012).


Faktor geografi juga merupakan antara punca yang mendorong ramai individu untuk menerima ketakpadanan dan pekerjaan yang berkualiti lebih rendah. Kecenderungan pekerja untuk mencari atau beralih kepada pekerjaan lain berhubung kait dengan isu lokasi dan perjalanan ulang-alik yang boleh menyumbang kepada keseimbangan antara kerja dengan kehidupan (Direnzo *et al.*, 2015; Lambert *et al.*, 2005). Di Malaysia, kaji selidik oleh Institut Penyelidikan Khazanah (2018) menunjukkan 19% daripada responden menolak tawaran kerja kerana lokasi yang tidak sesuai. Situasi ini mungkin sebahagiannya disebabkan oleh kenaikan kos sara hidup di kawasan bandar mengakibatkan siswazah yang baru menamatkan pengajian tidak berminat untuk menerima peluang pekerjaan walaupun ditawarkan gaji yang lebih tinggi.

⁴ Berdasarkan data pencari kerja aktif pada Disember 2019.

Impak Ketakpadanan

Ketakpadanan kemahiran boleh mempengaruhi kesejahteraan pekerja dalam pelbagai cara. Ketakpadanan ini menyebabkan pekerja mendapat gaji yang lebih rendah berbanding kelayakan. Menurut laporan Statistik Graduan 2019, graduan yang bekerja dalam kategori berkemahiran rendah dan separuh mahir menerima gaji 3.0 kali dan 2.3 kali lebih rendah berbanding graduan yang bekerja dalam kategori mahir (Rajah 1.2.8.). Individu mahir yang bekerja dalam kategori berkemahiran rendah bukan sahaja bergaji rendah, malah potensi individu akan dieksploitasi seterusnya menyebabkan penurunan produktiviti. Ketakpadanan buruh merupakan antara faktor yang menyumbang kepada wujudnya perbezaan dalam produktiviti buruh antara negara.

RAJAH 1.2.8. Purata Gaji Bulanan bagi Graduan mengikut Kategori Kemahiran, 2016 – 2019



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kajian menunjukkan ketakpadanan kemahiran yang tinggi berkait rapat dengan produktiviti buruh yang rendah berikutan peruntukan sumber yang kurang efisien. Ketakpadanan kemahiran juga mempunyai hubung kait dengan kepuasan kerja yang rendah berikutan penerimaan gaji yang tidak setara, penggunaan kemahiran yang tidak optimum dan kebimbangan hilang pekerjaan. Kajian oleh Ogbonnaya *et al.* (2017) menyatakan pekerja yang mempunyai lebih kelayakan cenderung merasakan diberi beban tugas yang lebih banyak berikutan tahap pendidikan yang lebih tinggi namun menerima gaji yang rendah. Situasi ini mengurangkan tahap kepuasan kerja.

Cadangan

Bagi memanfaatkan sepenuhnya potensi modal insan, ketakpadanan kemahiran yang berterusan dalam pasaran buruh perlu ditangani. Semua pihak berkepentingan termasuk industri, institusi pengajian dan agensi Kerajaan perlu bekerjasama lebih erat bagi menangani isu tersebut dari aspek penawaran dan permintaan. Kapasiti pasaran buruh untuk menyediakan peluang pekerjaan yang mencukupi adalah terhad kecuali dan sehingga struktur pengeluaran industri menjalani transformasi yang pesat kepada rantaian nilai pengeluaran berteknologi tinggi seperti yang digariskan dalam pelan induk perindustrian. Justeru, bekerja sendiri boleh menjadi pilihan terbaik bagi pencari kerja. Inisiatif perlu ditumpukan kepada melahirkan lebih ramai pencipta pekerjaan melalui peluang keusahawanan. Memandangkan usahawan kebiasaannya menghadapi kesukaran dalam mendapatkan pembiayaan, institusi kewangan dan agensi berkaitan digalakkan untuk

memberi kelonggaran pembiayaan kepada usahawan untuk mendapatkan pinjaman mudah atau geran padanan dan program sokongan perniagaan yang lain.

Isu berkaitan peluang pekerjaan mendapat lebih perhatian semasa wabak COVID-19 apabila pemberhentian pekerja melonjak secara mendadak pada separuh pertama 2020 berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Walaupun sebahagian besar aktiviti ekonomi tidak dibenarkan beroperasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di samping ramai pekerja diberhentikan, namun beberapa industri mendapat manfaat daripada PKP tersebut terutamanya perkhidmatan runcit dalam talian dan penghantaran. Terdapat peningkatan jumlah kedai dan restoran yang beralih kepada platform digital bagi memenuhi keperluan pengguna yang tidak dapat meninggalkan kediaman kerana pematuan PKP. Di samping itu, penggajian pekerja penghantaran makanan dan pemandu *ride-hailing* juga meningkat untuk memenuhi permintaan perkhidmatan penghantaran yang tinggi sepanjang tempoh PKP. Justeru, teknologi memainkan peranan penting sebagai pemboleh daya bagi meningkatkan akses pasaran dalam talian.

Pandemik COVID-19 juga membawa perubahan kepada landskap pekerjaan daripada pekerjaan tradisional secara sepenuh masa kepada pekerjaan jangka pendek dan lebih fleksibel. Pekerjaan gig menjadi sangat penting kepada ekonomi dan pekerja gig berkemungkinan mempunyai prospek pendapatan yang lebih baik. Kaji selidik mengenai pekerja *ride-hailing* menunjukkan 54% responden menyatakan pekerjaan gig merupakan sumber pendapatan utama (The Centre, 2019). Penemuan kajian tersebut menunjukkan bahawa platform dalam talian perlu diperkukuh bagi membantu pekerja gig dan usahawan dalam talian.

Namun demikian, terdapat sebab kukuh untuk mewujudkan jaringan keselamatan sosial yang lebih komprehensif terutamanya berikutan pertambahan jumlah pekerja gig. Tidak seperti pekerja bergaji, ramai dalam kalangan bekerja sendiri termasuk pekerja gig tidak mempunyai akses kepada perlindungan keselamatan sosial seperti faedah insurans dan pencen serta tidak dilindungi oleh perundangan buruh. Memandangkan terdapat potensi peralihan dalam cara bekerja daripada amalan pekerjaan yang standard kepada aktiviti berkaitan pendigitalan perniagaan, maka golongan pekerja ini perlu disediakan jaringan keselamatan yang berstruktur dan mencukupi. Sebagai langkah segera, semua golongan yang bekerja sendiri termasuk pekerja gig perlu diwajibkan mencarum dalam perlindungan keselamatan sosial di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789]. Langkah ini akan membolehkan pekerja menerima bantuan khususnya semasa kemerosotan ekonomi yang tidak dijangka.

Dari perspektif penawaran buruh, institusi pendidikan dan latihan perlu menjalin kerjasama yang lebih erat dengan industri dalam menentukan jenis kemahiran yang bersesuaian dengan pekerjaan yang diperlukan oleh syarikat pada masa akan datang. Majikan perlu melaksanakan penilaian dalaman untuk membangunkan program latihan semula dan peningkatan kemahiran yang bersesuaian bagi pekerja untuk mengurangkan isu ketakpadanan. Inisiatif ini akan menyumbang kepada peningkatan gaji pekerja seterusnya menangani isu ketakpadanan dan gaji yang rendah.

Kesimpulan

Sejak sekian lama, ketakpadanan atau guna tenaga tidak penuh terus berlanjutan dalam pasaran buruh Malaysia meskipun terdapat strategi untuk menyeimbangkan antara penawaran dengan permintaan buruh. Pewujudan pekerjaan yang terhad terutamanya bagi pekerjaan mahir merupakan faktor utama kepada fenomena tersebut. Ketakpadanan yang berpanjangan menunjukkan bahawa potensi tenaga kerja berpendidikan tidak dimanfaatkan sepenuhnya dalam pertumbuhan ekonomi yang seterusnya mengehadkan potensi ekonomi negara. Peluang untuk bekerja sendiri atau pekerjaan gig perlu dipromosikan sebagai kerjaya pilihan dalam kalangan pencari kerja selaras dengan peningkatan kepentingan ekonomi gig. Justeru, peraturan serta jaringan keselamatan sosial yang berstruktur dan komprehensif perlu disediakan demi melindungi kesejahteraan pekerja khususnya semasa kemerosotan ekonomi.

Pembangunan Wilayah Tidak Seimbang

Ketika Malaysia sedang menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi, masalah ketidakseimbangan pembangunan wilayah masih wujud. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), purata KDNK per kapita untuk Malaysia pada 2019 sebanyak RM46,450. Walaupun negeri yang lebih maju terus mencatat nilai lebih tinggi daripada purata pendapatan per kapita, jurang pendapatan antara negeri masih berterusan. Sebagai contoh, pendapatan per kapita Sabah ialah 45.5% di bawah tahap purata nasional manakala Kedah 51.8% dan Kelantan 69.2%.

Pada 2019, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan kadar kemiskinan terendah iaitu 0.2% daripada isi rumah diikuti Wilayah Persekutuan Putrajaya (0.4%). Sebaliknya, Sabah dan Kelantan mencatatkan kadar kemiskinan yang tinggi iaitu 19.5% dan 12.4%. Situasi ini menggambarkan perbezaan dalam pembangunan ekonomi antara negeri di Malaysia.

Kurang Penjajaran antara Kelestarian Alam Sekitar dan Pembangunan Mampan

Agenda pembangunan mampan perlu diselarikan dengan usaha memastikan kelestarian alam sekitar. Amalan penggunaan dan pengeluaran yang tidak mampan serta kurangnya tanggungjawab bersama dalam kalangan pemegang taruh terus memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat. Sebagai contoh, gangguan bekalan air di Lembah Klang akibat pencemaran sungai di Selangor bukan sahaja memberi impak sosial tetapi juga ekonomi kepada isi rumah dan perniagaan. Pelaksanaan PKP dalam membendung penularan pandemik COVID-19 secara tidak langsung telah menyumbang kepada kualiti air dan udara yang lebih baik. Meskipun begitu, keadaan ini hanya bersifat sementara dan akan kembali semula kepada situasi asal apabila kegiatan ekonomi pulih. Walau bagaimanapun, keadaan ini boleh dikekalkan

sekiranya semua pihak sedar dan mengambil tanggungjawab dalam memastikan kelestarian alam sekitar selain tindakan penguatkuasaan yang menyeluruh.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia telah mengguna pakai Agenda Pembangunan Mampan 2030 yang menggariskan 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Malaysia perlu menyediakan mekanisme komprehensif untuk mengukur dan memantau perkembangan dan kemajuan SDG bagi memastikan ia merangkumi keseluruhan dimensi pembiayaan dalam mencapai SDG. Sebagai contoh, peruntukan pembangunan dikategorikan mengikut kementerian dan agensi yang lebih tertumpu kepada projek dan program. Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengagih semula peruntukan mengikut SDG untuk mencapai semua indikator, sasaran dan matlamat nasional.

Peningkatan Kos Sara Hidup

Pencapaian status negara maju, berpendapatan tinggi dan inklusif perlu seiring dengan kuasa beli yang lebih tinggi. Namun begitu, peningkatan kos sara hidup terus menjadi kebimbangan rakyat khususnya dalam kalangan golongan berpendapatan rendah. Indeks Harga Pengguna meningkat 1.8% sementara pendapatan median isi rumah meningkat sebanyak 3.9% pada tempoh 2016 hingga 2019. Bank Dunia (2019) melaporkan walaupun peningkatan median pendapatan mengatasi inflasi, kadar pertumbuhan pendapatan bagi rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah meningkat secara perlahan antara 2014 dengan 2016. Laporan tersebut juga menekankan perbezaan kuasa beli isi rumah di kawasan yang berlainan di negara ini. Perancangan kewangan yang lemah, paras hutang isi rumah yang tinggi dan perumahan yang tidak mampu milik merupakan antara faktor utama yang mempengaruhi kos sara hidup. Selain itu, nisbah purata pendapatan antara kumpulan isi rumah berpendapatan 20% tertinggi (T20) dengan kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) semakin melebar daripada RM8,679 pada 2009 kepada RM15,354 pada 2019. Situasi ini menunjukkan jurang yang lebih besar antara dua kumpulan tersebut.

SISIPAN 1.1

Memetakan Matlamat Pembangunan Mampan PBB dalam Belanjawan Negara

Pengenalan

Pada 2015, semua anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah menerima pakai Agenda PBB 2030 bagi Pembangunan Mampan (Agenda 2030) yang menetapkan 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) untuk dicapai menjelang 2030. Matlamat SDG antara lain bertujuan untuk membasmi semua bentuk kemiskinan, memerangi ketaksamaan, mewujudkan keamanan, menangani masalah alam sekitar yang mendesak dan memastikan tiada sesiapa pun yang terpinggir. Kejayaan inisiatif global ini memerlukan usaha bersepadu daripada semua negara anggota dalam memastikan rancangan, program dan projek berkaitan di peringkat nasional dapat digerakkan ke arah mencapai matlamat tersebut dalam jangka masa yang ditetapkan.

Pembangunan mampan dan inklusif telah menjadi sebahagian daripada agenda pembangunan Malaysia sejak 1970-an. Kerajaan sentiasa memberi penekanan terhadap pertumbuhan ekonomi. Pada masa yang sama, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi membasmi kemiskinan, meningkatkan kesejahteraan rakyat, menyediakan akses kesihatan dan pendidikan universal serta melindungi alam sekitar. Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016 – 2020 (RMKe-11) telah meneruskan sasaran untuk mencapai pembangunan mampan berdasarkan tiga matlamat utama iaitu mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi, mempromosi keterangkuman dan memastikan kemampan. Sejalan dengan Agenda 2030, semua SDG telah diselaraskan dengan inisiatif dalam RMKe-11 untuk memastikan penjajaran antara objektif nasional dengan SDG serta peruntukan sumber mencukupi dan pemantauan yang bersesuaian. Memandangkan pelaksanaan pelbagai program dan projek akan disokong oleh peruntukan tahunan, rencana ini mengetengahkan usaha yang dilakukan Malaysia untuk memetakan SDG dalam belanjawan tahunan (Rajah 1.1.1.).

RAJAH 1.1.1. Matlamat Pembangunan Mampan¹



¹Sumber: Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, 2015

Terjemahan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Proses Belanjawan Negara

Agenda Tindakan Addis Ababa PBB 2015 (Agenda Tindakan) menyediakan rangka kerja global untuk membiayai pembangunan mampan bagi menyokong pelaksanaan Agenda 2030 termasuk SDG. Agenda Tindakan menyelaraskan semua aliran sumber domestik dan antarabangsa, dasar dan perjanjian antarabangsa dengan keutamaan ekonomi, sosial dan alam sekitar. Bidang tindakan khusus Agenda Tindakan merangkumi:

- Sumber awam domestik;
- Perniagaan dan kewangan swasta domestik dan antarabangsa;
- Kerjasama pembangunan antarabangsa;
- Perdagangan antarabangsa sebagai enjin pembangunan;
- Hutang dan kemampuan hutang;
- Menangani masalah sistemik; dan
- Sains, teknologi, inovasi dan peningkatan keupayaan.

Memandangkan SDG telah disesuaikan sepenuhnya dengan inisiatif dan sasaran yang ditetapkan di bawah RMKe-11, perbelanjaan pembangunan (DE) telah diperuntukkan mengikut keperluan untuk menyokong objektif nasional dan SDG. Walau bagaimanapun, mekanisme untuk memantau status penyaluran peruntukan belanjawan tahunan secara komprehensif dan konsisten untuk menyokong SDG masih belum dibangunkan. Belanjawan 2021 akan menjadi asas untuk menyelaraskan belanjawan tahunan dengan SDG yang dimulakan dengan peruntukan DE.

Pada peringkat Persekutuan, penggubalan belanjawan tahunan akan melalui beberapa proses libat urus dengan kementerian dan agensi pusat seperti Unit Perancang Ekonomi. Proses ini termasuk pendedaran panduan bagi penyediaan anggaran belanjawan untuk tahun berikutnya kepada semua kementerian dan agensi, penerimaan cadangan daripada semua kementerian dan agensi oleh Kementerian Kewangan dan semakan belanjawan oleh pegawai pemeriksa belanjawan. Proses berikutnya melibatkan persetujuan Jemaah Menteri sebelum sesi pembentangan dan perbahasan di Parlimen. Setelah diluluskan oleh Parlimen dan mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Waran Am akan dikeluarkan untuk membenarkan peruntukan yang telah ditetapkan dalam belanjawan dapat dibelanjakan melalui pelaksanaan pelbagai program dan projek.

Memetakan SDG kepada Projek dan Program dalam Belanjawan Tahunan

Terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan oleh sesebuah negara untuk mengadaptasi SDG dalam proses belanjawan. Menurut Hege & Brimont (2018), terdapat empat pendekatan untuk mencapai tujuan ini iaitu menambah baik naratif cadangan belanjawan; memetakan dan memantau sumbangan belanjawan kepada SDG; menggunakan SDG sebagai alat pengurusan dalam rundingan; serta menambah baik penilaian terhadap pencapaian belanjawan. Rencana ini memberi fokus kepada pemetaan belanjawan tahunan Malaysia dari perspektif SDG sebagai usaha awal untuk menambah baik penjarangan antara belanjawan tahunan dengan pembiayaan SDG dalam rangka kerja pembangunan.

Analisis rencana ini hanya memberi fokus kepada proses pemetaan *ex post* perbelanjaan sebenar untuk projek pembangunan bagi dua kementerian iaitu Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) untuk tahun belanjawan 2019¹ dibandingkan dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) untuk tahun belanjawan 2015². Dari segi metodologi, setiap projek telah dipadankan dengan SDG yang berkaitan. Sebagai contoh, projek menaik taraf Empangan Congok di Mersing pada 2019 bertujuan untuk menyelesaikan masalah bekalan air di kawasan tersebut. Oleh itu, DE tersebut diklasifikasikan sebagai menyokong matlamat SDG6 iaitu Air Bersih dan Sanitasi. Walau bagaimanapun, cabaran utama yang dihadapi dalam pemetaan sekiranya sesuatu projek dapat menyokong pencapaian lebih daripada satu matlamat SDG. Sebagai contoh, projek pengurusan dan pemuliharaan hutan simpan dapat menyumbang ke arah mencapai dua matlamat SDG iaitu SDG13 mengenai Tindakan Iklim dan SDG15 mengenai Hidupan di Daratan.

¹ Tahun 2019 dipilih untuk menggambarkan tahun terakhir perbelanjaan sebenar.

² Tahun 2015 dipilih sebagai tahun rujukan asas ketika Agenda 2030 pertama kali ditandatangani oleh semua negara. Portfolio untuk KeTTHA dan NRE diserahkan semula kepada KASA dan KeTSA.

Terdapat 361 projek bernilai RM3.2 bilion pada 2019 di bawah tanggungjawab dua kementerian tersebut berbanding dengan 272 projek bernilai RM2.9 bilion pada 2015. Peruntukan DE untuk dua kementerian tersebut yang bertanggungjawab terhadap portfolio kemampanan dijangka menyokong SDG yang mempunyai kaitan secara langsung dengan tenaga lestari, utiliti, alam sekitar dan sumber alam semula jadi. Oleh itu, tidak menghairankan bahawa hampir 90% DE kementerian tersebut menyokong SDG 6, 7, 11 dan 13 untuk dua tahun tersebut. Walau bagaimanapun, perbelanjaan untuk empat SDG lain yang juga berada di bawah pemantauan langsung kementerian tersebut lebih rendah berbanding dengan SDG 6, 7, 11 dan 13. Empat SDG tersebut adalah SDG12 untuk Penggunaan dan Pengeluaran Secara Bertanggungjawab, SDG14 untuk Hidupan Dalam Air, SDG15 untuk Hidupan di Daratan dan SDG17 mengenai Kerjasama Demi Matlamat. Penemuan analisis ini menunjukkan bahawa DE kementerian tersebut juga diperuntukkan kepada SDG lain yang tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan kelestarian walaupun dalam magnitud yang lebih kecil. Penemuan ini juga membuktikan bahawa SDG saling berkait antara satu sama lain dan tidak boleh dilaksanakan secara *silu*. Sehubungan itu, masih terdapat ruang penambahbaikan bagi memetakan pelaksanaan SDG meliputi semua kementerian dan sektor swasta (Jadual 1.1.1. dan Rajah 1.1.2.).

JADUAL 1.1.1. Perbelanjaan Pembangunan bagi KeTTHA dan NRE pada 2015 serta KASA dan KeTSA pada 2019 mengikut SDG


MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN		2015		2019	
		RM JUTA	% KESELURUHAN	RM JUTA	% KESELURUHAN
Matlamat 1	Tiada kemiskinan	0.00	0.00	0.00	0.00
Matlamat 2	Kebuluran Sifar	0.00	0.00	0.00	0.00
Matlamat 3	Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik	2.03	0.10	0.03	0.00
Matlamat 4	Pendidikan Berkualiti	0.25	0.00	2.86	0.10
Matlamat 5	Kesaksamaan Gender	0.00	0.00	0.00	0.00
Matlamat 6	Air Bersih dan Sanitasi	1,303.45	44.20	1,608.68	50.70
Matlamat 7	Tenaga Mampu Bayar dan Bersih	132.20	4.50	411.16	13.00
Matlamat 8	Kerja Wajar dan Pertumbuhan Ekonomi	0.38	0.00	2.30	0.10
Matlamat 9	Industri, Inovasi dan Infrastruktur	51.86	1.80	39.89	1.30
Matlamat 10	Pengurangan Ketidaksamarataan	0.00	0.00	0.00	0.00
Matlamat 11	Bandar dan Komuniti Mampun	697.32	23.70	385.50	12.20
Matlamat 12	Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab	29.04	1.00	117.42	3.70
Matlamat 13	Tindakan Iklim	496.55	16.90	441.45	13.90
Matlamat 14	Hidupan Dalam Air	35.08	1.20	7.12	0.20
Matlamat 15	Hidupan di Daratan	52.20	1.80	87.75	2.80
Matlamat 16	Keamanan, Keadilan dan Keutuhan Institusi	12.65	0.40	31.32	1.00
Matlamat 17	Kerjasama Demi Matlamat	133.09	4.50	35.66	1.10
Jumlah		2,946.08	100.00	3,171.13	100.00

Nota: 1 DE untuk projek yang boleh menyumbang kepada lebih daripada satu SDG dibahagi sama rata *ex post* dengan bilangan SDG yang terlibat

2 Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

RAJAH 1.1.2. Perbelanjaan Pembangunan bagi KeTTHA dan NRE pada 2015 serta KASA dan KeTSA pada 2019 mengikut SDG



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Melangkah Ke Hadapan

Usaha pemetaan *ex post* DE mengikut SDG dalam belanjawan tahunan bagi dua kementerian tersebut merupakan langkah permulaan. Langkah seterusnya merupakan usaha memperluas proses yang sama di semua kementerian dengan matlamat akhir untuk mengenal pasti jurang pelaksanaan SDG. Maklumat tersebut seterusnya boleh menjadi panduan berguna untuk merapatkan jurang daripada pelbagai sumber pembiayaan. Metodologi untuk membuat pemetaan *ex post* bagi memadankan program atau projek yang menyokong SDG yang berkaitan perlu diperhalusi. Selain itu, pemetaan semula DE mengikut keperluan pelbagai SDG perlu ditambah baik oleh agensi pusat dan kementerian terutamanya bagi program atau projek yang mungkin menyokong lebih daripada satu matlamat SDG. Bagi tujuan pemantauan yang berkesan, sistem pemantauan projek awam perlu diperkukuh untuk membolehkan kod penandaan *ex ante* SDG bagi semua program atau projek. Oleh itu, pada permulaan proses belanjawan, setiap cadangan program atau projek perlu mempunyai tag SDG bagi memudahkan pelaksanaan klasifikasi *ex post* selanjutnya. Di samping itu, terdapat keperluan untuk meningkatkan kesedaran tentang proses belanjawan yang sejajar dengan SDG serta memperkukuh pembangunan kapasiti pegawai awam supaya mengambil kira SDG dalam pertimbangan belanjawan kementerian.

Kesimpulan

Usaha menerapkan elemen SDG dalam proses perancangan pembangunan menjadi lebih mudah memandangkan Malaysia telahpun mengambil kira elemen mampan dan inklusif dalam pembangunan negara sejak 1970-an. Namun, usaha berterusan perlu dilaksanakan termasuk mewujudkan rangka kerja pembiayaan yang komprehensif merangkumi pelbagai bentuk pembiayaan dan memenuhi keperluan pihak berkepentingan dalam memastikan agihan sumber yang adil dan saksama, mengelakkan pertindihan serta menangani jurang dalam mencapai matlamat SDG. Walaupun rancangan pembangunan lima tahun Malaysia telahpun diselaraskan dengan SDG, namun usaha bagi memastikan belanjawan tahunan turut diselaraskan dengan SDG masih dalam pelaksanaan. Tambahan pula, pihak berkepentingan lain terutamanya sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan juga mempunyai peranan sebagai penyumbang dalam pelbagai inisiatif berkaitan SDG. Justeru, usaha sedang diambil untuk mewujudkan mekanisme yang bersesuaian demi memudah cara pelbagai bentuk pembiayaan.

Perumahan Mampu Milik yang Tidak Mencukupi

Berdasarkan sebarang standard, pemilikan rumah di Malaysia boleh dianggap tinggi iaitu 76.9% daripada jumlah isi rumah pada 2019. Walau bagaimanapun, isu perumahan mampu milik tetap menjadi tumpuan meskipun pelbagai program perumahan mampu milik dengan kemudahan pembiayaan serta program sewaan dan sewa untuk beli telah dilaksanakan. Menurut Institut Penyelidikan Khazanah (2019), gandaan median¹ kemampuan untuk Malaysia meningkat daripada 4.1 kepada 5.0 pada 2002 hingga 2016. Menurut Bank Dunia (2019), gandaan median melebihi 3.0

dianggap tidak mampu milik. Trend gandaan median kemampuan ini menunjukkan bahawa harga rumah di Malaysia secara amnya di luar kemampuan isi rumah disebabkan oleh harga rumah meningkat lebih cepat daripada pertumbuhan pendapatan. Harga median rumah dari 2012 hingga 2014 meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan dikompaun 23.5% manakala pendapatan median isi rumah meningkat lebih perlahan iaitu 11.7% (Institut Penyelidikan Khazanah, 2019). Harga rumah meningkat dengan kadar sederhana sejak 2014 berikutan langkah yang diambil oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, pembelian rumah pada harga yang mampu milik masih menjadi isu kepada majoriti rakyat.

RENCANA 1.3

Menilai Kemampuan Pembelian Perumahan di Malaysia

Pengenalan


Pemilikan rumah terus menjadi perhatian kebanyakan rakyat terutamanya bagi golongan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) dan 40% pertengahan (M40). Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk memastikan peningkatan pemilikan rumah kepada rakyat terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah melalui pelbagai program perumahan mampu milik. Perumahan mampu milik merupakan penyediaan kediaman yang mencukupi dan memenuhi keperluan rakyat dari segi kualiti, lokasi dan harga berpatutan dengan pembeli rumah masih mempunyai lebih pendapatan untuk membeli keperluan asas lain (UN-Habitat, 2011). Rencana ini menganalisis mengenai perumahan mampu milik di Malaysia berdasarkan Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 (HIS & BA).

Pemilikan Rumah serta Trend Pendapatan Isi Rumah dan Harga Rumah di Malaysia


Berdasarkan laporan HIS & BA, pemilikan rumah meningkat secara marginal antara 2016 dengan 2019. Sebanyak 76.9% isi rumah memiliki kediaman pada 2019 berbanding 76.3% pada 2016. Pada kadar ini, pemilikan rumah di Malaysia boleh dianggap tinggi berdasarkan sebarang standard terutamanya apabila Malaysia tidak mempunyai matlamat dasar pemilikan rumah universal (Rajah 1.3.1.). Pencapaian Malaysia amat memberangsangkan jika dibandingkan dengan negara maju lain seperti Kanada dengan kadar 66.3%, AS (65.3%), UK (65.2%) dan Korea Selatan (56.8%).

Walaupun begitu, terdapat beberapa perbezaan pemilikan rumah antara negeri di Malaysia. Negeri dengan pemilikan rumah yang tinggi melebihi 84% merangkumi Terengganu, Sarawak, Kelantan, Kedah dan Perlis. Walau bagaimanapun, kadar pemilikan rumah lebih rendah daripada 76% di Labuan, Kuala Lumpur, Selangor, Sabah dan Pahang.

¹ Gandaan median yang dikenali sebagai nisbah harga rumah-ke-pendapatan merupakan nisbah median harga rumah dengan pendapatan median isi rumah tahunan (kasar).

RAJAH 1.3.1. Pemilikan Rumah di Malaysia mengikut Negeri, 2019

Trend harga rumah dan pendapatan isi rumah membuktikan harga rumah naik lebih perlahan dengan kadar purata 3.4% berbanding pendapatan isi rumah 5.2% dalam tempoh 2001 – 2009 (Rajah 1.3.2.). Walau bagaimanapun, harga rumah meningkat dua digit sebanyak 11.8% berbanding pendapatan isi rumah 9.9% dalam tempoh 2011 – 2013. Kenaikan drastik harga rumah dalam tempoh ini telah menyebabkan banyak jenis rumah tidak mampu dimiliki oleh kebanyakan segmen masyarakat. Bagi menangani peningkatan drastik ini, Kerajaan melaksanakan beberapa langkah bagi menguruskan permintaan dan penawaran rumah. Kesan pelaksanaan langkah ini seterusnya dapat dilihat melalui kenaikan harga rumah yang lebih perlahan dengan kadar 6% untuk tempoh 2014 – 2019 iaitu lebih rendah daripada kenaikan purata pendapatan isi rumah 6.3%.

RAJAH 1.3.2. Trend Harga Rumah dan Pendapatan Isi Rumah, 2000 – 2019

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara, Jabatan Penilaian Perkhidmatan Harta Tanah Malaysia

Pengukuran Kemampuan

Dalam menilai kemampuan pembelian rumah, pembuat dasar dan penyelidik bergantung terutamanya kepada langkah jangka masa pendek seperti nisbah gandaan median¹ yang membandingkan harga rumah dengan pendapatan semasa. Rencana ini menggunakan model yang sama. Berdasarkan definisi oleh Bank Dunia, kediaman dianggap mampu milik jika skor nisbah gandaan median mencatat 3.0 atau kurang (Jadual 1.3.1.). Rumah dianggap sederhana tidak mampu milik jika nilai skor 3.1 hingga 4.0, sangat tidak mampu milik (4.1 hingga 5.0) dan benar-benar tidak mampu milik (5.1 dan ke atas).

JADUAL 1.3.1. Skor Gandaan Median bagi Kemampuan Perumahan

SKOR ²	KETERANGAN
3.0 atau kurang	Mampu milik
3.1 – 4.0	Sederhana tidak mampu milik
4.1 – 5.0	Sangat tidak mampu milik
5.1 dan ke atas	Benar-benar tidak mampu milik

Sumber: Global Platform for Sustainable Cities (2019), Bank Dunia

Kemampuan pemilikan rumah secara amnya bertambah baik di Malaysia dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Keseluruhan harga rumah median telah berkurang sebanyak 1% setiap tahun secara purata daripada RM298,000 pada 2016 kepada RM289,646 pada 2019 (Jadual 1.3.2.). Dalam tempoh yang sama, pendapatan isi rumah penengah tahunan meningkat sebanyak 4% daripada RM62,736 pada 2016 kepada RM70,476 pada 2019. Oleh itu, skor gandaan median berkurang kepada 4.1 pada 2019 berbanding 4.8 pada 2016. Walaupun berlaku penurunan, namun skor pada 2019 menunjukkan bahawa rumah sangat tidak mampu milik secara umumnya. Namun, skor gandaan median juga mungkin berbeza mengikut kumpulan pendapatan, jenis harta tanah dan negeri.

Kemampuan Pemilikan Rumah mengikut Negeri

Penemuan analisis menunjukkan bahawa kemampuan pemilikan rumah secara amnya bertambah baik pada 2016 hingga 2019 termasuk pada peringkat negeri. Pada 2016, harga rumah di lima negeri (Putrajaya, Sabah, Kelantan, Pulau Pinang dan Pahang) dianggap benar-benar tidak mampu milik. Menjelang 2019, harga rumah di dua negeri (Sabah dan Sarawak) kekal benar-benar tidak mampu milik. Harga rumah di sembilan negeri juga dianggap sangat tidak mampu milik pada 2016 tetapi harga rumah di empat negeri sahaja berada dalam kategori yang sama pada 2019. Rumah di lapan negeri dianggap sederhana tidak mampu milik pada 2019 berbanding hanya dua negeri pada 2016. Walaupun tiada negeri dikategorikan sebagai mempunyai perumahan mampu milik berdasarkan skor gandaan median pada 2016, namun rumah di dua negeri (Melaka dan Putrajaya) dianggap mampu milik pada 2019.

¹ Statistik median menjadi pilihan berbanding statistik purata kerana pemboleh ubah pendapatan isi rumah dan harga rumah biasanya condong ke kanan (pencongan positif) yang menunjukkan purata biasanya melebihi median iaitu tidak mewakili populasi.

² Skor Gandaan Median = Harga rumah median / Pendapatan tahunan isi rumah median.

JADUAL 1.3.2. Skor Gandaan Median Perumahan mengikut Negeri, 2016 dan 2019


NEGERI	HARGA RUMAH MEDIAN		PENDAPATAN MEDIAN ¹		SKOR GANDAAN MEDIAN		TAHAP KEMAMPUAN 2019
	2016	2019	2016	2019	2016	2019	
Malaysia	298,000	289,646	62,736	70,476	4.8	4.1	Sangat tidak mampu milik
Johor	330,000	350,000	67,818	77,124	4.9	4.5	Sangat tidak mampu milik
Kedah	196,000	199,100	45,726	51,900	4.3	3.8	Sederhana tidak mampu milik
Kelantan	199,900	210,000	36,944	42,756	5.4	4.9	Sangat tidak mampu milik
Melaka	205,000	200,000	67,061	72,648	3.1	2.8	Mampu milik
Negeri Sembilan	270,000	206,750	54,950	60,060	4.9	3.4	Sederhana tidak mampu milik
Pahang	239,000	218,000	47,752	53,280	5.0	4.1	Sangat tidak mampu milik
Pulau Pinang	350,000	285,000	64,909	74,028	5.4	3.8	Sederhana tidak mampu milik
Perak	218,800	216,600	48,072	51,276	4.6	4.2	Sangat tidak mampu milik
Perlis	227,000	220,000	50,444	55,128	4.5	4.0	Sederhana tidak mampu milik
Selangor	405,000	380,000	86,695	98,520	4.7	3.9	Sederhana tidak mampu milik
Terengganu	278,000	255,000	56,330	66,540	4.9	3.8	Sederhana tidak mampu milik
Sabah	278,000	300,000	49,325	50,820	5.6	5.9	Benar-benar tidak mampu milik
Sarawak	230,000	313,000	49,960	54,528	4.6	5.7	Benar-benar tidak mampu milik
Kuala Lumpur	520,000	480,000	108,874	126,588	4.8	3.8	Sederhana tidak mampu milik
Labuan	240,000	320,000	71,138	80,712	3.4	4.0	Sederhana tidak mampu milik
Putrajaya	738,650	260,000	99,300	119,796	7.4	2.2	Mampu milik

Nota: ¹ Pendapatan median kasar tahunan dikira berdasarkan pendapatan median bulanan isi rumah yang didarabkan dengan 12 bulan berdasarkan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Analisis lebih mendalam juga dijalankan untuk menilai kemampuan pemilikan rumah dalam kalangan isi rumah kumpulan B40 bagi tiga jenis rumah kediaman iaitu rumah flat kos rendah³, rumah kos rendah dan rumah flat⁴ di semua negeri. Analisis yang sama dilakukan bagi menilai kemampuan kumpulan M40 untuk memiliki rumah flat, kondominium atau pangsapuri dan rumah teres. Pemilihan negeri bagi analisis ini berdasarkan kriteria berikut: harga rumah median tertinggi (Kuala Lumpur), skor gandaan median tertinggi (Sabah) dan negeri paling ramai penduduk (Selangor).


³ Merujuk kepada unit rumah mampu milik secara berasingan tetapi merupakan sebahagian daripada bangunan dan unit yang lebih besar dan berharga rendah.

⁴ Merujuk kepada unit rumah mampu milik secara berasingan tetapi merupakan sebahagian daripada bangunan dan unit yang lebih besar dengan harga lebih rendah daripada kondominium atau pangsapuri.

RAJAH 1.3.3. Skor Gandaan Median bagi B40 di Negeri Terpilih, 2015 – 2019

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Berdasarkan analisis tersebut, kumpulan B40 di Kuala Lumpur terus berhadapan dengan isu harga rumah yang benar-benar tidak mampu milik untuk semua jenis harta tanah tersebut bagi tempoh 2015 – 2019 (Rajah 1.3.3.). Skor gandaan median bagi semua jenis harta tanah tersebut kekal tinggi melebihi 5.0 dalam tempoh tersebut. Kumpulan B40 di Sabah juga menghadapi masalah ketidakmampuan untuk memiliki jenis harta tanah tersebut dalam tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, tahap ketidakmampuan pemilikan rumah di Sabah tidak begitu teruk berbanding Kuala Lumpur. Selangor pula telah berjaya menyelesaikan masalah ketidakmampuan pemilikan rumah dalam kalangan B40 untuk rumah flat kos rendah sejak 2016. Walaupun begitu, kumpulan B40 di Selangor menghadapi cabaran untuk menaik taraf pemilikan kepada jenis harta tanah yang lain.

RAJAH 1.3.4. Skor Gandaan Median bagi M40 di Beberapa Negeri, 2015 – 2019

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Isu perumahan tidak mampu milik sangat serius dalam kalangan M40 bagi ketiga-tiga negeri dalam tempoh 2015 – 2019 (Rajah 1.3.4.). Di Kuala Lumpur, kumpulan M40 hanya mampu memiliki rumah flat. Walau bagaimanapun, kumpulan ini tidak berkecukupan untuk memohon di bawah program perumahan kos rendah awam. Lebih kritikal lagi, pemilikan bagi dua lagi kategori harta tanah berada di luar jangkauan kemampuan kerana skor gandaan median untuk kondominium atau pangsapuri dan rumah teres melebihi 8.0. Situasi di Sabah dan Selangor juga sama dengan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, tahap ketidakmampuan pemilikan rumah bagi dua negeri tersebut tidak begitu serius seperti di ibu negara. Kumpulan M40 di dua negeri tersebut hanya dapat memiliki rumah flat kos rendah tetapi masih tidak mampu untuk menaik taraf pemilikan kepada dua jenis harta tanah yang lain.

Berdasarkan penemuan analisis, beberapa negeri menghadapi cabaran yang lebih besar dalam menyediakan perumahan kepada rakyat. Kerajaan kekal komited dalam menangani isu aksesibiliti dan ketidakmampuan pemilikan rumah. Pelbagai program perumahan awam telah dilaksanakan dengan kerjasama sektor swasta sejak tahun 2000 untuk memenuhi keperluan pelbagai segmen masyarakat terutamanya kumpulan M40 dan B40. Antara program tersebut termasuk Program Perumahan 1Malaysia (PR1MA), Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM), Skim Rumah Pertamaku dan Skim *MyHome*.

Kesimpulan

Penyediaan perumahan mampu milik sangat penting untuk menjamin kesejahteraan rakyat. Kerajaan telah menyediakan pelbagai program demi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah memiliki rumah mampu milik. Pelaksanaan program yang lebih cekap dan berkesan adalah penting memandangkan masalah dalam pemilikan rumah mampu milik terus berlanjutan terutamanya dalam kalangan golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Justeru, model alternatif bagi program perumahan sosial perlu dipertimbangkan dengan mengambil kira model pemilikan baharu dan mekanisme harga dan pembiayaan yang inovatif.

Kurang Penerimaan Digital

Bank Dunia (2018) melaporkan bahawa 62% perniagaan di Malaysia mempunyai akses kepada internet dan 46% pelanggan jalur lebar talian tetap, namun hanya 18% sahaja yang mempunyai laman sesawang untuk e-dagang. Situasi ini menunjukkan potensi ekonomi digital masih belum dimanfaatkan sepenuhnya. Penerimaan teknologi digital dalam perniagaan didominasi oleh syarikat besar, terutama dalam sektor pembuatan. Keadaan ini juga menunjukkan jurang digital yang ketara antara syarikat besar dengan PKS serta antara sektor pembuatan dengan sektor lain. Menurut SME Corporation Malaysia (2018) dan Bank Negara Malaysia (2019), kekurangan pengetahuan dan pembiayaan merupakan

cabaran utama untuk pendigitalan PKS yang lebih luas. Faktor lain yang menyumbang kepada jurang ini termasuk kadar penerimaan dan liputan perkhidmatan jalur lebar talian tetap yang rendah serta kewangan dan modal insan yang terhad (Bank Negara Malaysia, 2019).

Limitasi dalam Sektor Logistik

Industri logistik yang merangkumi pengangkutan dan penyimpanan menyumbang 3.8% daripada KDNK pada 2019 dan merupakan pemboleh daya penting untuk pembangunan ekonomi. Berdasarkan Indeks Pencapaian Logistik (LPI), Malaysia berada pada kedudukan ke-32 daripada 160 negara pada 2016 dan turun ke tangga ke-41 pada

2018 (Bank Dunia, 2018). Malaysia mendapat skor lebih rendah dalam semua dimensi utama LPI iaitu kastam, infrastruktur, penghantaran antarabangsa, kualiti dan kecekapan logistik, penjejakan dan pengesanan serta ketepatan masa. Memandangkan industri logistik mempunyai kesalinghubungan yang tinggi dengan pelbagai sektor, kualiti perkhidmatan logistik yang lemah boleh menghalang kecekapan perdagangan seterusnya memberi kesan kepada pembangunan ekonomi.

Inisiatif Strategik – Belanjawan 2021

Berdasarkan isu dan cabaran sedia ada, Belanjawan 2021 bertujuan untuk mencapai keseimbangan antara menangani keperluan utama rakyat dan perniagaan, meletakkan asas untuk pemulihan yang mampan dan memenuhi aspirasi jangka masa panjang negara. Lantaran 2021 merupakan tahun pertama RMKe-12, langkah dalam Belanjawan 2021 akan menyokong matlamat utama Rancangan ini. Belanjawan ini memberi penekanan kepada empat bidang utama iaitu menjaga kebajikan rakyat, memacu pertumbuhan ekonomi, melestarikan kehidupan dan memantapkan penyampaian perkhidmatan awam.

Menjaga Kebajikan Rakyat

Usaha memastikan kesejahteraan rakyat kekal menjadi tumpuan utama Kerajaan memandangkan impak pandemik dijangka

masih dirasai pada 2021. Dalam Belanjawan 2021, usaha akan diselaraskan untuk menangani isu pekerjaan, meningkatkan jaringan keselamatan sosial dan memperkukuh modal insan. Pelbagai langkah juga akan dirangka untuk menyejahterakan rakyat bagi mencapai status ekonomi yang lebih baik. Kerajaan akan terus melibatkan pelbagai pemegang taruh termasuk sektor swasta dan masyarakat sivil sebagai rakan dalam pembangunan negara.

Tumpuan akan diberikan kepada program latihan semula dan peningkatan kemahiran bagi membolehkan rakyat mencapai status ekonomi yang lebih baik. Usaha ini termasuk menyediakan program latihan yang bersepadu dan menambah baik kursus sedia ada untuk memenuhi permintaan industri dan cabaran Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Di samping itu, sistem pendidikan akan ditambah baik untuk memudahkan pembelajaran secara dalam talian. Kurikulum sekolah juga akan memberi penekanan yang lebih besar kepada kemahiran hidup seperti kemahiran keusahawanan dan sosial.

Kerajaan akan terus memberi fokus untuk menangani keperluan kumpulan mudah terjejas terutamanya B40. Dalam hal ini, Majlis Perlindungan Sosial Malaysia telah diaktifkan semula bagi menyelaras dan mengintegrasikan semua program kebajikan sosial. Sehubungan itu, keseluruhan mekanisme akan ditambah baik dalam menyampaikan bantuan kepada kumpulan sasar.

SISIPAN 1.2

Jaringan Keselamatan Sosial di Malaysia

Pengenalan

Jaringan keselamatan sosial merupakan pindahan bukan sumbangan yang menyasarkan kepada golongan miskin dan mudah terjejas menerusi beberapa kaedah bagi menangani kemiskinan tegar dan ketaksamaan, membantu pembangunan modal insan bagi golongan miskin, dan melindungi golongan tersebut daripada kejutan sistemik dan tertentu, termasuk semasa pembaharuan ekonomi (IEG – Bank Dunia, 2011). Dalam konteks Malaysia, jaringan ini meliputi beberapa program yang diwujudkan untuk melindungi kehidupan dan kesejahteraan golongan miskin dan mudah terjejas. Program tersebut antara lain merangkumi bantuan kebajikan, bantuan kos sara hidup,

faedah pengangguran, pampasan pekerja, subsidi penjagaan kesihatan dan pendidikan serta perumahan kos rendah. Menurut Paitoonpong *et al.* (2008), analogi jaringan keselamatan sosial diambil daripada pejalan kaki di atas tali wayar tinggi yang dilindungi oleh jaring keselamatan sekiranya terjatuh. Jaring keselamatan itu melindungi pejalan kaki yang terjatuh sama ada dijangka ataupun sebaliknya daripada mencecah lantai dan mengalami kecederaan.

Berdasarkan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019, 5.6% daripada jumlah isi rumah di Malaysia dikategorikan sebagai miskin berdasarkan nilai ambang bulanan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu RM2,208 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Walau bagaimanapun, berbanding negara lain, PGK di Malaysia mengukur pendapatan minimum yang diperlukan untuk mengekalkan tahap kualiti kehidupan tertentu yang mengambil kira pengambilan makanan sihat yang optimum serta akses kepada keperluan asas bagi barangan bukan makanan. Jaringan keselamatan sosial di Malaysia mungkin tidak bersepadu seperti di negara maju. Namun, rakyat Malaysia menerima pelbagai bantuan sosial seperti program bantuan tunai, subsidi penjagaan kesihatan, pendidikan, pengangkutan dan perumahan. Rencana ini tertumpu kepada jaringan keselamatan sosial di Malaysia dan menyediakan cadangan untuk penambahbaikan.

Program Jaringan Keselamatan Sosial

Pada 2019, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM26.6 bilion¹ (Rajah 1.2.1.) atau 1.8% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) untuk pelbagai program jaringan keselamatan sosial. Sebahagian besar bantuan iaitu RM14 bilion (52.6% daripada keseluruhan bantuan) telah diperuntukkan untuk meminimumkan kesan kenaikan kos sara hidup dan meningkatkan kebajikan rakyat terutamanya golongan miskin dan mudah terjejas. Antara bantuan tersebut merangkumi subsidi minyak masak; gas petroleum cecair (LPG), diesel dan petrol; elektrik; dan tepung. Bantuan lain termasuk Bantuan Sara Hidup (BSH) serta elaun dan pemberian tunai kepada orang kurang upaya, warga emas dan miskin serta kanak-kanak tanpa penjaga dan kumpulan Orang Asli. Pemberian bantuan tersebut penting memandangkan kenaikan kos sara hidup terus menjadi kebimbangan utama bagi kebanyakan rakyat terutamanya golongan miskin dan mudah terjejas.


Memandangkan sektor pendidikan merupakan pemboleh daya penting bagi membolehkan mobiliti sosial dan pembangunan modal insan, sektor ini telah menerima peruntukan kedua terbesar iaitu RM6.7 bilion (25.3%). Peruntukan ini disediakan bagi melaksanakan program seperti bantuan makanan dan buku teks serta bantuan lain untuk pelajar prasekolah, sekolah, matrikulasi dan pendidikan tinggi. Bantuan lain merangkumi pelbagai biasiswa dan pinjaman untuk pelajar sekolah dan universiti.

Pertanian merupakan sektor penting dalam ekonomi bukan hanya kerana hubung kait dengan sektor ekonomi lain tetapi juga disebabkan sebahagian besar isi rumah B40 terlibat dalam sektor ini. Justeru, sektor pertanian merupakan penerima utama bantuan sekitar RM1.9 bilion (7.2%). Petani dan nelayan merupakan antara penerima bantuan melalui pelbagai program termasuk subsidi harga padi dan baja, insentif pengeluaran padi, bantuan musim tengkujuh, penanaman semula kelapa sawit serta pelaksanaan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO). Di samping itu, nelayan mendapat insentif hasil tangkapan ikan.

Bantuan juga diberikan kepada sektor pengangkutan, kesihatan dan keselamatan berjumlah RM1.6 bilion (6.0%) bagi memastikan akses kepada perkhidmatan yang berkualiti pada harga yang berpatutan. Bantuan tersebut termasuk pampasan tol serta subsidi bagi sektor pengangkutan merangkumi pas perjalanan tanpa had RapidKL bagi tempoh 30 hari, subsidi tren tidak ekonomik Keretapi Tanah Melayu Berhad serta perkhidmatan udara luar bandar di Sabah dan Sarawak.

¹ Termasuk bantuan yang diberikan di bawah perbelanjaan pembangunan serta bekalan dan perkhidmatan untuk program jaringan keselamatan sosial.

RAJAH 1.2.1. Peratus Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bagi Program Jaringan Keselamatan Sosial Berdasarkan Kategori Bantuan pada 2019



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Subsidi untuk sektor kesihatan merangkumi antaranya Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) dan rawatan perubatan untuk pesara. Bantuan lain yang berjumlah RM2.4 bilion (9.0%) termasuk subsidi kadar faedah bagi membantu mengurangkan kos pinjaman terutamanya untuk pelajar di institusi pengajian tinggi serta bantuan untuk kegiatan komuniti dan keagamaan.

Program Jaringan Keselamatan Sosial Tambahan Semasa Pandemik COVID-19

Negara telah menerima kesan buruk berikutan pandemik COVID-19 dan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sektor perniagaan telah terjejas teruk manakala

pengangguran meningkat. Memandangkan semakin ramai rakyat telah terjejas, Kerajaan telah memperluaskan jaringan keselamatan untuk membantu golongan yang terlibat. Justeru, Kerajaan telah mengumumkan beberapa pakej rangsangan ekonomi bagi menyelamatkan nyawa dan melindungi kehidupan rakyat.

Pelbagai bantuan secara *one-off* diberikan kepada isi rumah untuk meringankan beban kewangan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan PRIHATIN Tambahan yang diumumkan pada bulan Mac dan April 2020. Bantuan tersebut termasuk pemberian tunai yang memanfaatkan sekitar 5 juta isi rumah. Pemberian tunai juga diberikan kepada individu bujang berumur 21 tahun ke atas dengan pendapatan bulanan tidak melebihi RM4,000. Di samping itu, bantuan tunai diberikan secara *one-off* berjumlah RM200 bagi setiap pelajar di institusi pengajian tinggi dengan anggaran kos RM270 juta serta RM500 seorang kepada 120,000 pemandu e-panggilan sepenuh masa dengan peruntukan sebanyak RM60 juta.

Di bawah pakej yang sama, program subsidi upah juga dilaksanakan bagi membantu majikan mengekalkan pekerja khususnya pekerja yang berpendapatan di bawah RM4,000 dan majikan yang mengalami penurunan pendapatan lebih 50% sejak 1 Januari 2020. Subsidi ini membolehkan majikan lebih fleksibel dalam mengekalkan pekerja dalam tempoh kawalan pergerakan tersebut. Program ini melibatkan peruntukan berjumlah RM13.8 bilion yang memanfaatkan kira-kira 4.8 juta pekerja. Seterusnya program ini turut menyumbang kepada pengurangan kadar pengangguran kepada 4.7% pada Ogos 2020 berbanding 5.3% pada Mei 2020.

Seiring dengan pembukaan semula aktiviti ekonomi, Kerajaan mengumumkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada Jun 2020 untuk memulihkan semula ekonomi. Pergerakan rakyat yang terhad susulan daripada pelaksanaan PKP telah mengakibatkan peningkatan permintaan transaksi dalam talian. Sehubungan itu, ramai individu dan isi rumah melibatkan diri dalam ekonomi gig termasuk perkhidmatan penghantaran, e-panggilan dan perniagaan jarak jauh atau mudah alih. Pakej rangsangan tersebut juga menyediakan perlindungan sosial dan latihan tambahan untuk pekerja gig. Seramai 30,000 pekerja gig dijangka menerima manfaat daripada program ini yang melibatkan peruntukan berjumlah RM75 juta. Di samping itu, sejumlah RM200 juta diperuntukkan untuk meringankan beban ibu bapa yang bekerja semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) melalui pemberian subsidi perbelanjaan penjagaan anak.

Kerajaan juga telah mengumumkan pakej Kerangka Inisiatif Tambahan PRIHATIN (KITA PRIHATIN) pada September 2020 berjumlah RM10 bilion. Sebanyak RM7 bilion diperuntukkan bagi Bantuan Prihatin Nasional 2.0 dan RM3 bilion untuk Program Subsidi Upah 2.0 dan Geran Khas PRIHATIN. Pakej ini bertujuan memberi sokongan berterusan kepada rakyat, menjamin pekerjaan dan membantu perniagaan khususnya PKS dalam menghadapi cabaran akibat daripada pandemik ini.

Memperkukuh dan Memastikan Kemampanan Kehidupan Rakyat

Berdasarkan metodologi yang ditambah baik, PGK telah meningkat daripada RM980 pada 2016 kepada RM2,208 pada 2019 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Di bawah PGK baharu, jumlah isi rumah yang dikategorikan sebagai miskin telah meningkat kepada 405,441 berbanding 24,700 isi rumah pada 2016 yang berdasarkan metodologi PGK 2005. Sumber kewangan yang lebih besar diperlukan bagi menyediakan program sokongan yang bersesuaian berikutan lebih ramai isi rumah dikategorikan miskin. Memandangkan mekanisme bantuan sedia ada merentasi pelbagai kementerian dan agensi, terdapat keperluan mewujudkan pangkalan data bersepadu bagi pengagihan bantuan secara berkesan.

Pangkalan data bersepadu ini akan digunakan bagi mengenal pasti dan mendaftar penerima bantuan, memastikan saluran pembayaran dan pemantauan program yang berkesan serta mengelakkan pertindihan bantuan dan penerima yang layak tercicir daripada menerima bantuan. Di samping itu, pengaktifan semula Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri akan menyemak semula dasar dan program perlindungan sosial sedia ada. Langkah ini dapat memperkukuh jaringan keselamatan sosial di Malaysia dan menyediakan *exit mechanism* bagi mengurangkan kebergantungan kepada bantuan Kerajaan kecuali yang melibatkan kes kebajikan.

Kesimpulan

Kerajaan telah menyediakan pelbagai bantuan kepada rakyat terutamanya kepada golongan miskin dan mudah terjejas, namun bantuan tersebut merentasi pelbagai kementerian dan agensi. Justeru, sistem bersepadu bagi penyampaian bantuan yang cekap dan berkesan perlu diwujudkan. Pihak swasta, badan bukan kerajaan dan pemegang taruh lain mempunyai peranan penting dalam menyokong Kerajaan demi memastikan tiada individu yang terpinggir dalam agenda pembangunan nasional.

Memacu Pertumbuhan Ekonomi

Selaras dengan pemulihan negara daripada impak COVID-19, hala tuju ekonomi negara perlu kembali ke landasan pertumbuhan yang lebih mampan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha meningkatkan pelaburan langsung asing (FDI) dan produktiviti serta mengembalikan semula keyakinan pengguna. Sehubungan itu, Kerajaan akan memberi keutamaan kepada bidang penting seperti memudahkan proses menjalankan perniagaan, meningkatkan

penggunaan teknologi dan pendigitalan dalam sektor awam dan swasta serta memastikan kestabilan pasaran buruh. Pelbagai inisiatif akan dirangka untuk menyediakan persekitaran yang lebih kondusif kepada perniagaan dan FDI untuk berkembang maju.

Selain itu, Belanjawan 2021 akan memperkenalkan langkah untuk meningkatkan produktiviti dengan memperluas penggunaan teknologi secara menyeluruh termasuk individu, PKS dan korporat. Usaha akan ditumpukan kepada pembangunan PKS yang berdaya tahan. Sebagai tulang belakang

ekonomi, cabaran yang dihadapi oleh PKS semasa pandemik COVID-19 menunjukkan terdapat keperluan untuk menerima dan mengguna pakai pendekatan perniagaan baharu. Kerajaan akan terus memberikan sokongan yang diperlukan agar PKS berkembang maju dalam persekitaran baharu termasuk meningkatkan potensi ke peringkat global.

Melestarikan Kehidupan

Kerajaan akan terus melindungi alam sekitar dan menguruskan biodiversiti secara lebih lestari sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kelestarian hidup. Kerjasama yang lebih erat dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan masyarakat sivil (CSO) akan terus dijalin dan diperkukuh bagi memastikan pengurusan alam sekitar dan sumber alam semula jadi yang lebih komprehensif dan holistik. Dalam Belanjawan 2021, Kerajaan akan menggalakkan perubahan sikap dalam kalangan rakyat dan perniagaan ke arah pengurusan alam sekitar dan biodiversiti yang lebih baik. Selain memenuhi keperluan untuk mencapai SDG, program dan inisiatif dalam Belanjawan 2021 akan diselaraskan dengan RMKe-12 terutamanya dari segi peruntukan untuk pembangunan mampan. Mulai 2021, Kerajaan akan memfokuskan kepada pemetaan keperluan pembiayaan dalam mencapai SDG.

Memantapkan Penyampaian Perkhidmatan Awam

Perkhidmatan awam memainkan peranan penting dalam memastikan pembangunan negara. Justeru, kualiti perkhidmatan akan menjadi penentu kepada pencapaian matlamat dan outcome bagi semua rancangan dan program yang telah dirancang. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan awam, Kerajaan akan melaksanakan

penyampaian perkhidmatan berasaskan outcome dan berfokus serta menyokong rakyat dan perniagaan dengan cara yang lebih bersasar. Belanjawan 2021 akan memberi tumpuan kepada memperkukuh mekanisme penyampaian sedia ada dalam memastikan semua bantuan dan insentif memberi manfaat kepada kumpulan sasar. Bagi tujuan ini, Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi antara Agensi Nasional (LAKSANA) telah ditubuh bagi memantau pelaksanaan inisiatif yang diumumkan menerusi pelbagai pakej rangsangan ekonomi. LAKSANA juga bekerjasama dengan pihak berkepentingan lain bagi meningkatkan lagi keberkesanan program. Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan mengkaji semula *enterprise architecture* sedia ada di semua agensi Kerajaan untuk diselaraskan dengan IR4.0. Kerajaan juga akan bekerjasama dengan NGO dan CSO sebagai rakan pembangunan dalam pelbagai bidang termasuk perhutanan, biodiversiti, kemiskinan dan isu sosial yang lain.

Kesimpulan

Susulan daripada pandemik COVID-19, ekonomi Malaysia menguncup sebanyak 8.3% pada separuh pertama 2020. Ekonomi dijangka bertambah baik pada separuh kedua 2020 dengan pertumbuhan ekonomi diunjur menguncup lebih perlahan sebanyak 4.5%. Pada 2021, ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 6.5% hingga 7.5% seiring dengan jangkaan pemulihan perdagangan global, peningkatan sentimen pengguna dan keyakinan perniagaan. Belanjawan 2021 akan melaksanakan langkah untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, memacu ekonomi ke arah pertumbuhan mampan, memastikan kehidupan yang lestari dan memantapkan penyampaian perkhidmatan awam. Justeru, Belanjawan ini menyediakan asas yang kukuh bagi negara menuju ke arah negara maju dan inklusif demi mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah RMKe-12 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Rujukan

- Abdul Hadi Nawi. (2019). *Property Talk 2019: Affordable House vs Affordability*. Dicapai daripada <https://www.ikpkt.kpkt.gov.my>
- Allen, J. & Andries de Grip. (2012). *Does Skill Obsolescence Increase the Risk of Employment Loss?* Dicapai daripada <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/00036846.2011.570727>
- Bank Dunia. (2020). *World Development Indicators*. Dicapai daripada <https://databank.worldbank.org/reports.aspx?source=world-development-indicators>
- Bank Dunia (2019). *Malaysia Economic Monitor: Making Ends Meet*. Dicapai daripada <https://openknowledge.worldbank.org/handle/10986/32810>
- Bank Dunia (2018). *Logistics Performance Index*. Dicapai daripada <https://lpi.worldbank.org/international/global>
- Bank Dunia (2018). *Malaysia's Digital Economy: A New Driver of Development*. Dicapai daripada <https://www.worldbank.org/en/country/malaysia/publication/malaysias-digital-economy-a-new-driver-of-development>
- Bank Dunia (2011). *An Evaluation of World Bank Support: Social Safety Nets*. Dicapai daripada <https://www.oecd.org/derec/worldbankgroup/49023353.pdf>
- Bank Negara Malaysia (2018). *Financial Stability and Payment Systems Report 2018*. Dicapai daripada https://www.bnm.gov.my/files/publication/fsps/en/2018/cp02_001_box.pdf
- Bank Negara Malaysia (2017). *Laporan Tahunan 2016*. Dicapai daripada https://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/en/2016/cp04_002_box.pdf
- Bank Negara Malaysia. (2016). *Laporan Tahunan 2016: Pencerahan Terhadap Isu Rumah Mampu Milik di Malaysia*. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Direnzo, Marco S., Jeffrey H. Greenhaus, & Christy, H. Weer. (2015). Relationship Between Protean Career Orientation and Work-Life Balance: A Resource Perspective. *Journal of Organizational Behavior*, 36.4 (2015), 538-560.
- Economist Intelligence Unit. (2019). *Global Food Security Index 2019*. Dicapai daripada <https://foodsecurityindex.eiu.com/Index>
- Enterprise Community Partners Inc. (2014). *Impact of Affordable Housing on Facilities and Communities: A Review of the Evidence Base*. Dicapai daripada <https://www.enterprisecommunity.org>
- Hege, E. & Brimon, L. (2018). *Integrating SDGs into National Budgetary Processes*. (IDDRI Study Number 5/18).
- Institut Penyelidikan Khazanah. (2019). *Rethinking Housing: Between State, Market and Society*. Dicapai daripada <http://www.krinstitute.org>
- Institut Penyelidikan Khazanah. (2018). *The School-to-Work Transition of Young Malaysians*. Dicapai daripada <http://www.krinstitute.org>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019*. Dicapai daripada <https://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah 2019*. Dicapai daripada <https://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Laporan Survei Tenaga Buruh*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). *State Socioeconomic Report 2019*. Dicapai daripada <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/ProductFreeDownloadSearch.seam>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Statistik Siswazah 2019*.

- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). *Supply and Utilisation Accounts Selected Agricultural Commodities*. Dicapai daripada <https://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). *Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016*. Dicapai daripada <https://www.dosm.gov.my>.
- Jabatan Perumahan Negara. (2018). *Dasar Perumahan Negara (2018-2025)*. Dicapai daripada <https://www.ehome.kpkt.gov.my>
- Kaufman, H.G. (1974). *Obsolescence and Professional Career Development*. Dicapai daripada <https://eric.ed.gov/?id=ED102297>
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2019). *Laporan Kajian Pengesanan Graduan*.
- Kementerian Sumber Manusia. (2020). *Statistik Pendaftaran Pekerjaan*.
- Lambert, S.J., & Kossek, E.E. (2005). *Future Frontiers: Enduring Challenges and Established Assumptions in the Work-Life Field*. Dicapai daripada <https://msu.edu/user/kossek/future.pdf>
- Malik, N.M., Samsurijan, M.S., Leng, K.S., Gopal, P.S. & Hamad, Z. (2017). The Ability town a House among Urban Families in Malaysia. *Geografi Journal*, 5(2), 69 - 77.
- Ogbonnaya, C., Daniels, K. & Nielsen, K.M. (2017). Does Contingent Pay Encourage Positive Employee Attitudes and Intensify Work? *Human Resource Management Journal*, 27(1), 94-112.
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2015). *Labour Market Mismatch and Labour Productivity: Evidence from PIAAC Data*. Dicapai daripada <http://www.oecd.org/economy/growth/Labour-Market-Mismatch-and-Labour-Productivity-Evidence-from-PIAAC-Data.pdf>
- Paitoonpong, S., Abe, S., & Puopongsakorn, N. (2008). The Meaning of Social Safety Nets. *Journal of Asian Economics*, 19(5-6), 467-473.
- Persekutuan Majikan Malaysia. (2019). *Graduates Face Skills Mismatch and Job Shortages*. Dicapai daripada <http://www.mef.org.my>
- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. (2015). *United Nations Summit on Sustainable Development*. Dicapai daripada <https://sustainabledevelopment.un.org/rio20>
- Pertubuhan Buruh Antarabangsa. (2020). *ILO Statistics*. Dicapai daripada <https://ilostat.ilo.org/data/bulk/>
- Pertubuhan Buruh Antarabangsa. (2017). *How Useful is the Concept of Skills Mismatch?* Dicapai daripada https://www.ilo.org/skills/pubs/WCMS_552798/lang--en/index.htm
- Pertubuhan Buruh Antarabangsa. (2015). *Time Related Underemployment*. Dicapai daripada https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/-/dgreports/-/tat/documents/publication/wcms_422452.pdf
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia. (2020). *WHO Director-General's opening remarks at the media briefing on COVID-19 - 11 March 2020*. Dicapai daripada <https://www.who.int/dg/speeches/detail/who-director-general-s-opening-remarks-at-the-media-briefing-on-covid-19---11-march-2020> on 26 September 2020.
- Pusat Maklumat Harta Tanah Negara. *Harga Jualan Harta Tanah 2019*. Dicapai daripada <https://www.napic.gov.my>.
- Pusat Maklumat Harta Tanah Negara. *Laporan Pasaran Harta Tanah 2019*. Dicapai daripada <https://www.napic.gov.my>.
- Pusat Maklumat Harta Tanah Negara. *Harga Jualan Harta Tanah 2018*. Dicapai daripada <https://www.napic.gov.my>

- Pusat Maklumat Harta Tanah Negara. *Harga Jualan Harta Tanah 2017*. Dicapai daripada <https://www.napic.gov.my>
- Pusat Maklumat Harta Tanah Negara. *Harga Jualan Harta Tanah 2016*. Dicapai daripada <https://www.napic.gov.my>
- Pusat Maklumat Harta Tanah Negara. *Harga Jualan Harta Tanah 2015*. Dicapai daripada <https://www.napic.gov.my>
- SME Corp. Malaysia. (2018). *Laporan Tahunan PKS 2017/18*. Dicapai daripada <https://www.smecorp.gov.my>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2020). *World Economic Outlook Update, June 2020: A Crisis Like No Other, An Uncertain Recovery*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2020/06/24/WEOUpdateJune2020> pada 26 September 2020
- The Centre. (2019). *Gig Work: Full-Time Benefits for Full-Time Work?* Dicapai daripada <https://www.centre.my/post/gig-work-full-time-benefits-for-full-time-work>
- UN-Habitat. (2011). *Affordable Land and Housing in Asia*. Dicapai daripada <https://unhabitat.org/wpdm-package/affordable-land-and-housing-in-asia/?wpdmdl=111395>
- Unit Perancang Ekonomi. (2015). *Rancangan Malaysia Kesebelas 2016–2020*. Dicapai daripada <https://www.epu.gov.my>.
- Unit Perancang Ekonomi. (2017). *Malaysia Sustainable Development Goals Voluntary National Review*. Dicapai daripada <https://sustainabledevelopment.un.org/content/documents/15881Malaysia.pdf>
- Zakariya Z. (2014). Wage Effect of Over-Education and Mismatch in Malaysia: A Random Effect Approach. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(2), 3-17.

BAB 2

Tinjauan Ekonomi Global

43 PERSPEKTIF KESELURUHAN

45 EKONOMI GLOBAL

Sisipan 2.1 - Respons kepada Pandemi COVID-19
oleh Bank Pembangunan Pelbagai Hala Terpilih

63 KESIMPULAN

64 RUJUKAN

TINJAUAN EKONOMI GLOBAL

2020 PERTUMBUHAN LEMAH



Impak daripada Pandemik COVID-19

- Sekatan perjalanan
- Pelaksanaan kawalan pergerakan
- Penutupan perniagaan

Pertumbuhan Global Dijangka Negatif pada 2020

NEGARA
MAJU

-5.8%

EMDE

-3.3%

- Prestasi yang tidak memberangsangkan dalam kalangan negara maju dan EMDE disebabkan oleh penurunan permintaan domestik khususnya penggunaan dan pelaburan swasta, ditambah dengan pertumbuhan perdagangan yang lemah

- Ekonomi China mengurangkan penguncupan dalam EMDE

- Aktiviti berkurangan

- Gangguan terhadap ekonomi

- FDI merosot 40% pada 2020

- Perdagangan dunia merudum 10.4% pada 2020

- Krisis keberhutangan

2021 PROSPEK GLOBAL TAMPAK POSITIF

PERTUMBUHAN GLOBAL

5.2%

NEGARA
MAJU

3.9%

EMDE

6%

Ekonomi Global Melonjak Semula pada 2021

INFLASI

GLOBAL

3.4%

NEGARA
MAJU

1.6%

EMDE

4.7%

8.3%
2021

PERDAGANGAN DUNIA

-10.4%
2020

Hikmah daripada Pandemi COVID 19

- ☀️ Pelaksanaan langkah fiskal dan moneter yang efektif

- ☀️ Penemuan vaksin COVID-19 dan pembendungan penularan pandemik

- ☀️ Peluang untuk menginstitusikan pembaharuan ke arah mempercepat proses digitalisasi dan mencapai pertumbuhan mampan

Semakin menguncup pada 2021 dengan langkah dasar pelaburan yang mengehendak aktiviti M&A rentas sempadan



Risiko kepada ekonomi global masih berterusan:

- Ketegangan perdagangan AS-China
- Harga minyak rendah
- Ketidakpastian berhubung Brexit
- Krisis iklim
- Ketegangan geopolitik
- Peningkatan hutang kerajaan

BAB 2


Tinjauan Ekonomi Global

Perspektif Keseluruhan

Lonjakan semula setelah pertumbuhan lemah

Ekonomi global dijangka menguncup sebanyak 4.4% pada 2020 (2019: 2.8%). Jangkaan pertumbuhan negatif ini disebabkan oleh prestasi ekonomi yang tidak memberangsangkan dalam kalangan negara maju serta negara yang berkembang pesat dan negara membangun (EMDE), terutamanya berpunca daripada kesan negatif pandemik COVID-19. Sebaliknya, pertumbuhan ekonomi yang kukuh dalam kalangan negara maju dan EMDE dijangka memacu pertumbuhan global sebanyak 5.2% pada 2021.

RAJAH 2.1. *Pertumbuhan KDNK Benar Global, Negara Maju, dan Negara yang Berkembang Pesat dan Negara Membangun, 2019 – 2021 (% perubahan)*



¹ Anggaran

² Unjuran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook (Oktober 2020)

Pada 2020, pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dalam kalangan negara maju dijangka menguncup sebanyak 5.8% (2019: 1.7%) manakala KDNK bagi EMDE diunjur merosot sebanyak 3.3% (2019: 3.7%). Kemerosotan pertumbuhan ini, terutamanya disebabkan oleh penurunan permintaan domestik, khususnya penggunaan dan pelaburan swasta, ditambah pula dengan pertumbuhan perdagangan yang tidak menggalakkan. Pertumbuhan yang memberangsangkan di China dijangka mengurangkan kesan penurunan KDNK EMDE. KDNK kawasan euro dijangka mencatat kemelesetan terburuk berbanding tahun sebelumnya dalam kalangan negara maju.


Pada 2021, KDNK ekonomi negara maju dijangka melonjak sebanyak 3.9% didorong oleh permintaan domestik yang kukuh dan aktiviti perdagangan yang meningkat. Pertumbuhan ekonomi AS diunjur berkembang pesat sebanyak 3.1% disokong oleh pemulihan dalam penggunaan swasta dan pelaburan yang menggalakkan. Pertumbuhan KDNK di kawasan euro dijangka kembali pulih sebanyak 5.2% pada 2021 disokong oleh permintaan domestik yang bertambah baik berikutan dasar fiskal dan monetari yang akomodatif. Ekonomi UK dijangka mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 5.9% dipacu oleh pemulihan dalam sektor perkhidmatan. KDNK Jepun diunjur berkembang sebanyak 2.3% dirangsang oleh peningkatan penggunaan swasta dan pemulihan dalam eksport.

KDNK EMDE pada 2021 dijangka melonjak sebanyak 6% dipacu oleh permintaan domestik yang mantap dan eksport yang lebih tinggi. China dijangka meneraju pemulihan di rantau ini dengan pertumbuhan pesat sebanyak 8.2%. Selain itu, ekonomi India diunjur melonjak sebanyak 8.8% didorong oleh permintaan

pengguna yang kukuh. KDNK ASEAN-5¹ dijangka meningkat semula sebanyak 6.2% disokong oleh penggunaan domestik yang teguh, pelaburan yang lebih tinggi dan persekitaran perdagangan yang menggalakkan.

Perdagangan dunia dijangka merudum sebanyak 10.4% pada 2020 (2019: 1%) disebabkan oleh permintaan lemah untuk barangan dan perkhidmatan, yang diburukkan lagi oleh pandemik COVID-19. Permintaan barangan dijangka rendah, dalam persekitaran pasaran komoditi yang tidak menentu serta ketegangan perdagangan dan berkaitan perdagangan yang semakin memuncak, terutamanya antara AS-China, walaupun keperluan peralatan dan bekalan perubatan meningkat. Permintaan perkhidmatan juga dijangka menjunam akibat aktiviti pelancongan rentas sempadan terjejas teruk. Walau bagaimanapun, perdagangan global diunjur meningkat sebanyak 8.3% pada 2021 susulan aktiviti ekonomi dijangka mendapat momentum.

RAJAH 2.2. Kadar Inflasi Global, Negara Maju, dan Negara yang Berkembang Pesat dan Negara Membangun, 2019 – 2021 (% perubahan)



¹ Anggaran

² Unjuran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook (Oktober 2020)

Aliran pelaburan langsung asing (FDI) dijangka merosot sehingga 40% pada 2020 (2019: 13%), mengakibatkan FDI berada di bawah paras USD1 trilion buat kali pertama sejak 2005. Penurunan ini disebabkan oleh ketidakpastian penularan pandemik yang semakin meningkat. Keadaan ini akan terus memperlahan pelaksanaan projek sedia ada dan kelulusan pelaburan baharu. Pada 2021, FDI diunjur terus merosot sebanyak 5% hingga 10% memandangkan langkah dasar pelaburan baharu menghadkan aktiviti penggabungan dan pengambilalihan (M&A) rentas sempadan.

Inflasi global dijangka menyederhana sebanyak 3.2% bagi 2020 (2019: 3.5%). Inflasi bagi negara maju menunjukkan trend menurun pada 0.8% (2019: 1.4%) manakala inflasi bagi EMDE diunjur kekal pada 5% (2019: 5.1%) berikutan harga minyak yang rendah. Pada 2021, inflasi dunia diunjur meningkat kepada 3.4%. Inflasi di negara maju dijangka meningkat kepada 1.6%. Secara perbandingan, inflasi di EMDE diunjur pada 4.7%.

Risiko kepada ekonomi global terutamanya disebabkan oleh kesan dan tahap keseriusan krisis COVID-19, diburukkan lagi dengan ketidakpastian penemuan vaksin. Kelembapan ekonomi yang berlarutan boleh mengakibatkan kitaran ganas dan mendedahkan peminjam kepada kesulitan kewangan, seterusnya mengheret ekonomi ke dalam krisis keberhutangan serta merencatkan lagi aktiviti ekonomi. Tambahan pula, permintaan luar yang lemah boleh meningkatkan lagi kesan kejutan yang spesifik ke atas negara atau rantau terhadap pertumbuhan global. Hubungan tegang dalam kalangan gabungan pengeluar minyak Pertubuhan Pengeksport Petroleum Plus (OPEC+)² dan pergolakan sosial yang berleluasa boleh mendatangkan cabaran tambahan kepada ekonomi global. Sementara itu, ketidakpastian hasil Brexit, hutang kerajaan dan kadar pengangguran yang semakin meningkat serta krisis iklim merupakan antara faktor utama yang boleh mengekang pertumbuhan pada masa hadapan.

¹ ASEAN-5 terdiri daripada Filipina, Indonesia, Malaysia, Thailand dan Viet Nam.

² OPEC+ terdiri daripada 13 negara anggota OPEC iaitu Algeria, Angola, Arab Saudi, Republik Congo, Emiriah Arab Bersatu, Equatorial Guinea, Gabon, Iran, Iraq, Kuwait, Libya, Nigeria dan Venezuela serta 10 negara utama pengeksport petroleum bukan anggota OPEC iaitu Azerbaijan, Bahrain, Brunei Darussalam, Kazakhstan, Malaysia, Mexico, Oman, Rusia, Sudan dan Sudan Selatan.

Ekonomi Global

Mengemudi cabaran yang belum pernah dihadapi

Ekonomi AS menguncup sebanyak 4.4% dalam tempoh separuh pertama 2020 disebabkan oleh penurunan perbelanjaan pengguna dalam keadaan ekonomi tersebut bergelut dengan pandemik COVID-19. Perbelanjaan penggunaan swasta, yang menyumbang sebanyak 67.1% kepada jumlah KDNK, merosot 5%, terutamanya dalam sektor penjagaan kesihatan serta perkhidmatan makanan dan penginapan. Pelaburan swasta merudum sebanyak 10.6% berikutan kejatuhan mendadak dalam peralatan pengangkutan serta penurunan dalam struktur perlombongan disebabkan oleh aktiviti pengeluaran minyak dan gas yang lemah.

Dalam tempoh yang sama, AS mencatat defisit perdagangan 7.5% berjumlah USD50.7 bilion berikutan eksport merosot disebabkan permintaan lemah, terutamanya bagi produk petroleum dan bahan api. Import juga berkurang berikutan permintaan lembap, terutamanya bagi kenderaan automotif dan jentera. Kadar pengangguran melonjak kepada 8.4% susulan kehilangan yang amat ketara bagi pekerjaan dalam sektor riadah dan hospitaliti. Inflasi menyederhana kepada 1.2% berikutan harga minyak yang lebih rendah walaupun kos makanan tinggi.

Secara keseluruhan, pada 2020, KDNK AS dijangka menguncup sebanyak 4.3% (2019: 2.2%) akibat penggunaan swasta dan permintaan luar yang lemah. Penggunaan swasta dijangka menyusut sebanyak 4.9% (2019: 2.4%) berikutan pakej rangsangan kerajaan sebelum ini diberhentikan secara beransur-ansur serta peningkatan signifikan dalam simpanan isi rumah. Defisit Persekutuan juga dijangka terus merosot, sebahagian besarnya disebabkan oleh perbelanjaan untuk pakej rangsangan, ditambah dengan pilihan raya presiden pada November. Eksport dijangka merudum dalam persekitaran ketegangan perdagangan yang masih berterusan, diburukkan lagi dengan penularan pandemik.

Empat pakej rangsangan berjumlah USD2.3 trilion telah diumumkan sehingga Ogos 2020. Pakej ini merangkumi pembayaran tunai dan

faedah pengangguran yang diperluas untuk isi rumah, sokongan kepada sistem penjagaan kesihatan dan bantuan kepada sektor yang terjejas teruk. Kadar pengangguran dijangka melonjak kepada 8.9% (2019: 3.7%) dengan sektor riadah dan hospitaliti paling terjejas. Inflasi dijangka menyederhana kepada 1.5% (2019: 1.8%) berikutan harga minyak yang lebih rendah. Pada Mac 2020, Rizab Persekutuan AS (Fed) telah menurunkan sasaran kadar dana persekutuan kepada julat antara 0.00% dan 0.25%. Fed dijangka mengekalkan kadar pada tahap ini sehingga ekonomi stabil.

JADUAL 2.1. *Penunjuk Terpilih bagi Amerika Syarikat, 2019 – 2021*

PENUNJUK	2019	2020 ¹	2021 ²
KDNK Benar (% setahun)	2.2	-4.3	3.1
Inflasi (% setahun)	1.8	1.5	2.8
Akaun Semasa Imbangan Pembayaran (% daripada KDNK)	-2.2	-2.1	-2.1
Kadar Pengangguran (%)	3.7	8.9	7.3

¹ Anggaran

² Unjuran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook (Oktober 2020)

Pada 2021, pertumbuhan AS diunjur melonjak sebanyak 3.1% dipacu oleh permintaan domestik, terutamanya penggunaan swasta yang dijangka meningkat dengan mendadak sebanyak 2.8%. Pelaburan dijangka meningkat semula sebanyak 2.8% disokong oleh pelaburan tetap swasta yang lebih tinggi. Eksport dan import diunjur berkembang dengan ketara berikutan persekitaran perdagangan global yang memberangsangkan. Kadar pengangguran dijangka bertambah baik kepada 7.3% manakala inflasi dijangka meningkat kepada 2.8%.

Risiko kepada AS termasuk impak pandemik COVID-19 yang berpanjangan, bergantung kepada intensiti dan tempoh penularan, akan terus mengganggu permintaan domestik dan rantai nilai global. Asas ekonomi AS yang semakin merosot ini boleh mengakibatkan kesulitan kewangan dan seterusnya menyebabkan kesukaran untuk membiayai semula syarikat dan isi rumah. Tambahan pula, harga minyak yang berterusan

rendah boleh melemahkan perbelanjaan pelaburan dalam struktur bukan kediaman. Susulan itu, syarikat terutamanya di sektor tenaga, mungkin berhadapan kos yang lebih tinggi dan seterusnya mengakibatkan peningkatan bilangan syarikat muflis. Dari segi perdagangan, langkah perlindungan yang lebih luas termasuk kawalan eksport, boleh menjejaskan keyakinan perniagaan dan pertumbuhan.

KDNK **UK** menguncup sebanyak 11.8% dalam tempoh separuh pertama 2020, iaitu kegawatan ekonomi terbesar pernah direkodkan, berikutan kemerosotan yang amat ketara dalam sektor perkhidmatan. Sektor perkhidmatan yang menyumbang sekitar 80% daripada jumlah KDNK, menguncup sebanyak 11.3%, terutamanya disebabkan oleh penurunan sebanyak 48.3% dalam subsektor perkhidmatan penginapan dan makanan. Tambahan pula, subsektor pengedaran, perhotelan dan restoran merosot sebanyak 20.9%. Seterusnya, sektor pembuatan menguncup sebanyak 11.5% dan sektor pembinaan merosot sebanyak 21.1% berikutan sekatan pergerakan yang ketat bermula pada akhir Mac 2020. Kadar pengangguran kekal pada 4% susulan pelaksanaan skim *furlough* Kerajaan yang membenarkan pekerja terjejas oleh pandemik untuk tidak datang bekerja buat sementara. Inflasi mencatat 1.7% disebabkan oleh harga minyak yang rendah.

Ekonomi UK diunjur merosot sebanyak 9.8% pada 2020 (2019: 1.5%) berikutan sektor perkhidmatan yang terus menguncup susulan sekatan pergerakan berpanjangan oleh Kerajaan UK. Beberapa skim telah diumumkan untuk merangsang permintaan dalam sektor yang terjejas disebabkan pandemik, terutamanya hospitaliti dan pelancongan. UK telah mengumumkan pelbagai pakej rangsangan dan bantuan sejak Mac 2020, termasuk *Coronavirus Job Retention Scheme* yang membantu membayar gaji pekerja bagi 9.6 juta pekerjaan. Selain itu, *Eat Out to Help Out Scheme* telah membantu meningkatkan aktiviti berkaitan hospitaliti. Sehingga September 2020, Bank of England

mengekalkan kadar dasar pada 0.10%, setelah mengurangkan kadar sebanyak dua kali berjumlah 65 mata asas pada Mac untuk merancakkan ekonomi. Kadar pengangguran diunjur mencatat 5.4% (2019: 3.8%) memandangkan skim *furlough* Kerajaan UK dijangka berakhir pada penghujung 2020. Inflasi dijangka menyederhana kepada 0.8% (2019: 1.8%), terutamanya disebabkan oleh harga minyak dan perkhidmatan yang lebih rendah.

JADUAL 2.2. *Penunjuk Terpilih bagi United Kingdom, 2019 – 2021*

PENUNJUK	2019	2020 ¹	2021 ²
KDNK Benar (% setahun)	1.5	-9.8	5.9
Inflasi (% setahun)	1.8	0.8	1.2
Akaun Semasa Imbangan Pembayaran (% daripada KDNK)	-4.0	-2.0	-3.8
Kadar Pengangguran (%)	3.8	5.4	7.4

¹ Anggaran

² Unjuran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook (Oktober 2020)

Pertumbuhan ekonomi UK diunjur melonjak sebanyak 5.9% pada 2021, sebahagian besarnya disumbang oleh pemulihan dalam sektor perkhidmatan. Aktiviti berkaitan runcit dan hospitaliti yang berjalan semula berkemungkinan menyokong pemulihan sektor perkhidmatan. Di samping itu, langkah rangsangan yang disasarkan kepada pengguna juga dijangka menyokong pemulihan sektor tersebut. Pemuktamadan rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas Komprehensif (CFTA) antara UK dan EU serta peralihan pasca Brexit yang lancar dijangka menyokong pertumbuhan ekonomi. Kadar pengangguran diunjur merosot kepada 7.4% manakala inflasi dijangka meningkat pada 1.2%. Risiko kepada ekonomi UK termasuk dwiancaman jangkitan COVID-19 dan ketidakpastian Brexit yang berpanjangan. Perkembangan rundingan Brexit yang perlahan akan memberi kesan kepada pelaksanaan CFTA yang dijadual berkuat kuasa pada awal 2021.

SISIPAN 2.1

Respons kepada Pandemik COVID-19 oleh Bank Pembangunan Pelbagai Hala Terpilih

Pengenalan

Wabak COVID-19 bermula pada akhir 2019 dan diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia pada Mac 2020. Pandemik ini telah memberi kesan kepada penduduk di seluruh dunia dan sehingga kini telah mengakibatkan lebih daripada 1.1 juta kematian daripada 40.7 juta kes yang disahkan (Pertubuhan Kesihatan Sedunia, 2020). Peningkatan trend bagi kes positif dan ditambah pula dengan ketidakpastian berhubung penemuan vaksin menandakan terdapat kemungkinan bahawa pandemik ini akan berlarutan. Dalam usaha membendung virus ini daripada merebak, kerajaan telah menguatkuasakan sekatan pergerakan, menutup sementara aktiviti perniagaan, menghadkan perjalanan antarabangsa dan membataskan aktiviti sosial dan fizikal individu. Langkah kawalan ini telah menyebabkan gangguan ekonomi yang meruncing. Dalam keadaan pertumbuhan ekonomi dunia yang sedang menyederhana dan harga komoditi yang tidak stabil, kesan tambahan ke atas ekonomi daripada pandemik tersebut dijangka akan menyebabkan krisis ekonomi global yang terburuk pernah direkodkan. Bagi mengurangkan kesan sosioekonomi akibat pandemik dan langkah kawalan yang dilaksanakan, kerajaan telah melaksanakan langkah rangsangan untuk melindungi nyawa dan kehidupan serta membantu perniagaan. Langkah ini termasuk perbelanjaan tambahan untuk sektor kesihatan serta bantuan dalam bentuk pemberian tunai, moratorium pinjaman, jaminan kredit dan insentif cukai.

Walau bagaimanapun, ruang fiskal yang terhad bagi kebanyakan kerajaan berkemungkinan tidak mampu menampung pemberian bantuan dan pemulihan untuk tempoh jangka panjang berikutan keadaan ekonomi sedia ada berada dalam persekitaran pandemik. Kesan buruk COVID-19 ke atas ekonomi terbukti melalui pengurangan hasil cukai, penguncupan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), ketidakstabilan aliran modal swasta, pengurangan eksport dan penurunan kiriman wang. Negara berpendapatan sederhana dan rendah dibatasi oleh sumber kewangan terhad dan sistem kesihatan yang lemah lebih mudah terjejas serta memerlukan masa untuk kembali pulih. Unjuran Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pada 2020 menunjukkan apabila KDNK menguncup dan perbelanjaan awam meningkat, bahagian hutang awam kasar daripada KDNK secara amnya akan meningkat kepada paras tertinggi. Kemungkinan besar keadaan ini berlaku di negara berpendapatan sederhana, dengan unjuran hutang melonjak kepada 62.2% daripada KDNK (2019: 52.6%) dan defisit fiskal dijangka mencecah 10.7% daripada KDNK (2019: 4.9%). Bahagian hutang awam kasar di negara berpendapatan rendah juga diunjur meningkat kepada 48.8% daripada KDNK (2019: 43.3%) dengan defisit fiskal bertambah kepada 6.2% daripada KDNK (2019: 4%).

Peranan Bank Pembangunan Pelbagai Hala semasa Krisis COVID-19

Dalam persekitaran ekonomi semasa yang tidak menentu dan mudah terjejas, bank pembangunan pelbagai hala (MDB) dapat memainkan peranan penting dalam pemulihan ekonomi global. Secara amnya, MDB dikenali sebagai institusi kewangan antarabangsa yang telah diberi mandat oleh negara anggota untuk menggalakkan pembangunan ekonomi yang mampan dan inklusif. Terdapat lebih daripada 20 MDB di seluruh dunia dengan pelbagai peranan dan fungsi. Maasdorp (2020) menyatakan bahawa struktur MDB yang unik membolehkan MDB menangani cabaran rentas sempadan termasuk pandemik yang memerlukan penyelesaian global. Malaysia merupakan anggota dalam lima MDB iaitu Kumpulan Bank Dunia (WBG), IMF, Bank Pembangunan Asia (ADB), Bank Pembangunan Islam (IsDB) dan Bank Pelaburan Infrastruktur Asia (AIIB).

Cabaran untuk menangani kesan pandemik COVID-19 telah menyebabkan peningkatan keperluan dalam kalangan negara membangun untuk mendapatkan bantuan daripada MDB. Sehubungan itu, MDB telah mengambil langkah menyegerakan penyaluran pinjaman dan peluasan bantuan kewangan konsesi melalui sumber sedia ada. Komitmen ini merupakan usaha berterusan MDB dalam menyokong pembangunan dan pembinaan semula negara anggota serta menggerakkan sumber untuk infrastruktur dan pembangunan mampan.

Bantuan Berkaitan COVID-19 oleh MDB

Inisiatif respons COVID-19 yang disediakan oleh MDB termasuk meningkatkan peruntukan bagi bantuan sedia ada, memberi bantuan kepada lebih ramai penerima dan menyegerakan proses pembayaran. Bentuk bantuan yang ditawarkan oleh lima MDB yang dianggotai oleh Malaysia seperti di Jadual 2.1.1.

JADUAL 2.1.1. Bantuan Berkaitan COVID-19 oleh MDB Terpilih

PROGRAM/INISIATIF	MDB				
	WBG	IMF	ADB	IsDB	AIIB
Program Sokongan Kewangan	√	√	√	√	√
Program Pemulihan Hutang	√	√			
Pembiayaan Perdagangan	√			√	
Jaminan	√			√	
Bantuan Teknikal/Nasihat Dasar	√	√	√	√	√
Inisiatif Lain	√		√		
Jumlah Bantuan (USD bilion)	160.0	100.0	20.0	2.3	10.0

Sumber: Kumpulan Bank Dunia (2020), Tabung Kewangan Antarabangsa (2020), Bank Pembangunan Asia (2020), Bank Pembangunan Islam (2020) dan Bank Pelaburan Infrastruktur Asia (2020)

(i) Program Sokongan Kewangan

MDB menyediakan sokongan kewangan untuk membiayai projek infrastruktur dan pembangunan di negara anggota. MDB juga memperuntukkan pembiayaan khas dalam bentuk pinjaman dan geran untuk membantu negara anggota menangani kesan dari krisis berkaitan kesihatan, terutamanya pandemik, ke atas ekonomi. Pinjaman disediakan berasaskan kadar pasaran atau konsesi manakala geran hanya disediakan untuk tujuan terhad, berdasarkan kepada terma dan syarat tertentu. Butiran mengenai program seperti di Jadual 2.1.2.

JADUAL 2.1.2. Program Sokongan Kewangan Berkaitan COVID-19

MDB	PROGRAM/INISIATIF	KETERANGAN	JUMLAH/SUMBER
WBG ¹	Pakej Respons Permulaan COVID-19	Pembiayaan bagi mengukuhkan sistem kesihatan dan pemantauan penyakit.	IBRD dan IDA: USD6 bilion
	Kemudahan Laluan Pantas COVID-19	Pembiayaan Projek Pelaburan disediakan mengikut laluan pantas dan merangkumi sehingga 40% pembiayaan retroaktif untuk infrastruktur fizikal atau sosial bagi mengurangkan kemiskinan dan memastikan pembangunan mampan.	IBRD: USD2.7 bilion IDA: USD1.3 bilion
	Program untuk Keberhasilan (PforR)	PforR boleh distruktur semula sebagai respons pantas dengan pembiayaan disalurkan terus untuk mencapai hasil yang telah ditetapkan dalam sektor kesihatan.	Pembiayaan daripada IDA
	Komponen Respons Kecemasan Luar Jangka	Kemudahan luar jangka untuk mempercepat respons kecemasan bagi menyediakan pembiayaan tambahan untuk projek pelaburan sedia ada selepas atau di ambang krisis.	Pembiayaan daripada IBRD, IDA atau tabung amanah

¹ Kumpulan Bank Dunia (WBG) terdiri daripada lima agensi unik iaitu International Bank for Reconstruction and Development (IBRD), International Development Association (IDA), International Finance Corporation (IFC), Multilateral Investment Guarantee Agency (MIGA) dan International Centre for Settlement of Investment Disputes (ICSID).

JADUAL 2.1.2. Program Sokongan Kewangan Berkaitan COVID-19

MDB	PROGRAM/INISIATIF	KETERANGAN	JUMLAH/SUMBER
	Opsyen Penggunaan Pinjaman Tertunda untuk Bencana	Kemudahan pembiayaan luar jangka menyediakan kecairan segera untuk menangani kejutan bencana alam dan/atau peristiwa berkaitan kesihatan.	Pembiayaan daripada IDA
	Kemudahan Respons Krisis Sektor Benar	Menyokong klien sedia ada dalam industri infrastruktur, pembuatan, pertanian dan perkhidmatan yang lebih mudah terjejas oleh pandemik melalui penawaran pinjaman kepada syarikat dan pelaburan dalam ekuiti.	IFC: USD2 bilion
	Program Penyelesaian Modal Kerja	Pembiayaan kepada bank di pasaran yang berkembang pesat untuk memberikan kredit dalam membantu perniagaan menjana modal kerja dan dana terkumpul yang digunakan oleh syarikat untuk membayar bil dan gaji pekerja.	IFC: USD2 bilion
	Program Kecairan Perdagangan Global dan Program Kewangan Komoditi Kritikal	Menyokong bank tempatan melalui pembiayaan dan perkongsian risiko untuk terus membiayai syarikat di pasaran yang berkembang pesat.	IFC: USD2 bilion
IMF	Instrumen Pembiayaan Pantas (RFI)	Meningkatkan had akses kepada kemudahan kewangan kecemasan RFI dan RCF (pantas, kadar faedah sifar atau rendah dan sekali beri) tanpa perlu mewujudkan program yang lengkap. RFI disediakan untuk semua negara anggota IMF manakala RCF hanya untuk negara anggota yang memenuhi kelayakan Tabung Amanah Pengurangan Kemiskinan dan Pertumbuhan (<i>Poverty Reduction and Growth Trust Fund</i> (PRGT)).	Jumlah untuk RFI dan RCF menghampiri SDR20 bilion
	Kemudahan Kredit Pantas (RCF)		
	Kemudahan Kecairan Jangka Pendek (SLL)	Meningkatkan kecairan melalui SLL untuk negara anggota yang mempunyai dasar dan asas yang kukuh tetapi memerlukan sokongan jangka pendek bagi imbalan pembayaran sederhana untuk mengukuhkan lagi keselamatan kewangan global.	—
	Program Penambahbaikan Pinjaman	Menambahbaik program pinjaman sedia ada untuk memenuhi keperluan segera baharu berikutan krisis COVID-19.	—
ADB	Opsyen Respons COVID-19	Menangani kesan ekonomi dan sosial akibat pandemik melalui operasi berdaulat dan bukan berdaulat.	Berdaulat: USD18.2 bilion Bukan Berdaulat: USD1.8 bilion
IsDB ²	Program Kesediaan dan Respons Strategik untuk Pandemik COVID-19	Peruntukan semula dana sedia ada dalam menyokong usaha negara anggota untuk mencegah, membendung, menangani dan kembali pulih dari impak pandemik COVID-19.	USD2.3 bilion
AIIB	Kemudahan Kembali Pulih Krisis COVID-19	Pembiayaan untuk entiti sektor awam dan swasta di negara anggota untuk menangani dan mengurangkan tekanan ekonomi, kewangan dan kesihatan awam akibat dari impak buruk pandemik COVID-19.	USD10 bilion
	Kemudahan Dana Khas	Pengurangan kadar faedah ke atas pembiayaan yang disokong oleh kerajaan untuk negara anggota berpendapatan yang lebih rendah.	USD10 juta setiap negara anggota

Sumber: Kumpulan Bank Dunia (2020), Tabung Kewangan Antarabangsa (2020), Bank Pembangunan Asia (2020), Bank Pembangunan Islam (2020) dan Bank Pelaburan Infrastruktur Asia (2020)

² Kumpulan Bank Pembangunan Islam (IsDBG) terdiri daripada Islamic Development Bank (IsDB), Islamic Research and Training Institute (IRTI), Islamic Corporation for the Insurance of Investment and Export Credit (ICIEC), Islamic Corporation for the Development of the Private Sector (ICD) dan International Islamic Trade Finance Corporation (ITFC).

(ii) Program Pemulihan Hutang

Program pemulihan hutang oleh MDB termasuk penstrukturan semula hutang dan penangguhan bayaran khidmat hutang. Dalam tempoh yang mencabar ini, program tersebut dapat membantu negara miskin dan mudah terjejas untuk menguruskan beban hutang dan pada masa yang sama menyokong ekonomi mereka dengan sumber yang mencukupi. Perincian program seperti di Jadual 2.1.3.

JADUAL 2.1.3. *Program Pemulihan Hutang Berkaitan COVID-19*

MDB	PROGRAM/INISIATIF	KETERANGAN	JUMLAH/SUMBER
WBG	Inisiatif Penangguhan Bayaran Khidmat Hutang	Inisiatif ini disediakan untuk negara yang memenuhi syarat IDA dan negara kurang membangun Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).	Sekitar USD5 bilion telah disalurkan setakat pertengahan September 2020
IMF	Tabung Amanah Memulih dan Membendung Bencana	Menyediakan geran untuk negara anggota yang memenuhi syarat PRGT bagi mengurangkan pembayaran khidmat hutang IMF. Bantuan ini membolehkan negara anggota menyalurkan sumber kewangan sedia ada kepada usaha perubatan kecemasan dan pemulihan yang penting semasa bencana alam dan bencana kesihatan awam yang ekstrem.	SDR700 juta

Sumber: Kumpulan Bank Dunia (2020) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (2020)

(iii) Pembiayaan Perdagangan

Pembiayaan perdagangan menyediakan kredit serta jaminan pembayaran dan insurans kepada perniagaan. Kemudahan ini membolehkan perniagaan menguruskan risiko kadar pertukaran mata wang yang turun naik dan mengurangkan risiko lain. Bantuan daripada MDB untuk syarikat yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan amat penting ketika krisis terutamanya bagi syarikat dari negara berpendapatan rendah. Butiran kemudahan ini seperti di Jadual 2.1.4.

JADUAL 2.1.4. *Kemudahan Pembiayaan Perdagangan Berkaitan COVID-19*

MDB	PROGRAM/INISIATIF	KETERANGAN	JUMLAH/SUMBER
WBG	Program Pembiayaan Perdagangan Global	Mengurangkan risiko pembayaran institusi kewangan dengan menyediakan peruntukan tambahan bagi pembiayaan perdagangan kepada syarikat import eksport, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terlibat dalam rantai bekalan global ketika pandemik.	IFC: USD2 bilion
IsDB	Program Kesian dan Respons Strategik	Pembiayaan perdagangan bagi menyokong negara anggota kurang membangun (LDMC) dan negara bukan LDMC yang amat terjejas untuk membeli peralatan dan bekalan perubatan yang berkaitan dengan keperluan kecemasan COVID-19.	ITFC: USD300 juta

Sumber: Kumpulan Bank Dunia (2020) dan Bank Pembangunan Islam (2020)

(iv) Jaminan

Jaminan oleh MDB disediakan bagi negara anggota yang berkecenderungan untuk menyokong obligasi kewangan seperti pinjaman dan penerbitan bon dalam pasaran domestik dan antarabangsa. Jaminan ini bertujuan untuk menangani risiko politik dan kredit. Butiran bantuan ini seperti di Jadual 2.1.5.

JADUAL 2.1.5. Jaminan Berkaitan COVID-19

MDB	PROGRAM/INISIATIF	KETERANGAN	JUMLAH/SUMBER
WBG	Kemudahan Laluan Pantas MIGA	Pemberian jaminan menggunakan prosedur yang diperkemas dan dipercepat melalui peningkatan penarafan kredit, penyelesaian untuk mengurangkan risiko kerugian dan sokongan pembiayaan perdagangan.	MIGA: USD6.5 bilion
IsDB	Program Kesian dan Respons Strategik	Penyediaan insurans bagi risiko kredit dan politik untuk mengekalkan import komoditi strategik, melindungi pelaburan dan meminimumkan volatiliti dalam mengurangkan kesan negatif terhadap kesihatan dan sosioekonomi.	ICIEC: USD150 juta untuk perlindungan insurans

Sumber: Kumpulan Bank Dunia (2020) dan Bank Pembangunan Islam (2020)

(v) Bantuan Teknikal dan Nasihat Dasar

Bantuan teknikal dan nasihat dasar disediakan untuk semua negara anggota melalui program membina keupayaan dan latihan serta konsultasi dan penyelidikan. Fokus bantuan ini bertujuan memenuhi keperluan negara membangun bagi menambah baik dan melaksanakan dasar serta mengukuhkan institusi untuk terus menyokong pembangunan dan pertumbuhan. Dalam persekitaran pandemik COVID-19 ini, MDB menawarkan analisis dan syor dasar berdasarkan permintaan negara anggota, dalam merangka langkah bagi mengurangkan dan memulihkan negara daripada kesan krisis ini. MDB juga menyediakan platform untuk berkongsi amalan baik dalam kalangan negara anggota bagi menangani kesan krisis ke atas ekonomi.

(vi) Inisiatif Lain

MDB membantu negara anggota memperoleh peralatan dan bekalan perubatan dalam keadaan pandemik COVID-19. Melalui bantuan ini, negara anggota mampu mendapatkan peralatan dan bekalan secepat mungkin serta pada harga yang menjimatkan. WBG dan ADB membantu negara anggota melalui prosedur laluan pantas yang diperkemas serta mengujudkan jumlah pesanan yang cukup besar untuk menyokong negara dalam perolehan peralatan dan bekalan tersebut.

Bagi tempoh April hingga September 2020, lima MDB tersebut telah meluluskan hampir USD132.6 bilion dalam bentuk pinjaman, jaminan dan geran bagi pemulihan hutang. Hampir 138 negara anggota telah menerima bantuan ini bagi melaksanakan langkah pencegahan penularan COVID-19, meneruskan projek pembangunan serta membolehkan bank tempatan terus menyokong perniagaan. Sehingga kini, kebanyakan penerima bantuan adalah dalam kalangan negara berpendapatan rendah dan sederhana (Center for Strategic and International Studies, 2020).

MDB menyedari keperluan berterusan negara anggota untuk menerima bantuan MDB terutamanya semasa tempoh yang mencabar ini. Pada masa ini, tumpuan MDB adalah untuk membina daya tahan negara sebaik sahaja pandemik ini beransur reda. MDB kekal komited untuk meringankan beban negara anggota dalam usaha memastikan pertumbuhan mampan dan inklusif.

Malaysia mengiktiraf sepenuhnya kepentingan MDB dalam menyediakan sokongan kepada negara anggota yang mudah terjejas terutamanya semasa tempoh yang mencabar ini dan menyokong negara anggota dalam usaha ke arah pertumbuhan mampan. Sehubungan itu, Malaysia kekal menyokong usaha MDB dalam membantu negara yang memerlukan bagi menangani krisis COVID-19 melalui sumbangan sedia ada kepada MDB. Negara juga terus meraih faedah daripada penglibatan berterusan bersama MDB dalam menggubal dasar bagi mendepani cabaran COVID-19.

Kesimpulan

Pandemik COVID-19 telah membawa cabaran global yang tidak pernah dihadapi sebelum ini. Kerajaan di seluruh dunia perlu mengambil langkah drastik yang belum pernah dilaksanakan dalam menangani impak pandemik ini terhadap ekonomi negara tersebut. Walaupun pelbagai langkah telah dilaksanakan oleh kerajaan, masih wujud ketidakpastian mengenai pemulihan ekonomi sepenuhnya dalam masa terdekat. Peranan MDB melalui kerjasama dengan kerajaan penting dalam mencapai pemulihan yang pesat dan kembali kepada landasan pertumbuhan yang lebih berdaya tahan dan mampan.

Pertumbuhan KDNK di **kawasan euro** menguncup sebanyak 9% dalam tempoh separuh pertama 2020 disebabkan oleh permintaan domestik yang amat terjejas akibat penularan pandemik COVID-19. Penggunaan isi rumah merosot sebanyak 9.8% susulan perbelanjaan lebih rendah berikutan penutupan sementara kedai, restoran dan premis perniagaan yang menyediakan perkhidmatan lain. Keadaan ini disebabkan oleh tindakan kebanyakan kerajaan Eropah melaksanakan kawalan pergerakan antara Mac dan Jun 2020. Pelaburan perniagaan juga menjunam sebanyak 9.6% akibat penutupan kilang yang menjejaskan pengeluaran. Pasaran buruh kekal stabil dengan kadar pengangguran pada 7.5%, sebahagian besarnya disokong oleh pelaksanaan skim pekerjaan jangka pendek di kebanyakan negara Eropah untuk melindungi pekerjaan. Inflasi mencatat kadar lebih rendah pada 0.7% berikutan harga minyak yang amat rendah walaupun harga makanan lebih tinggi.

Pertumbuhan ekonomi di kawasan euro diunjur menguncup sebanyak 8.3% pada 2020 (2019: 1.3%), khususnya berikutan penggunaan isi rumah dan pelaburan perniagaan yang lemah. Penggunaan isi rumah dijangka kekal lembap, sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan simpanan awasan dalam persekitaran ketidakpastian mengenai prospek pekerjaan dan pendapatan. Pelaburan perniagaan diunjur merosot berikutan jangkaan penangguhan perancangan pelaburan, terutamanya oleh syarikat yang berhadapan dengan beban hutang yang lebih tinggi. European Commission telah mengumumkan pakej jaringan keselamatan berjumlah EUR540 bilion termasuk menyediakan bantuan bagi perbelanjaan berkaitan kesihatan di negara kawasan euro. Selain itu, pakej ini

membolehkan European Investment Bank untuk membiaya syarikat, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta melindungi pekerjaan dan pendapatan penduduk di negara anggota EU. Kadar pengangguran diunjur lebih tinggi pada 8.9% (2019: 7.6%) berikutan pemberhentian skim *furlough* secara beransur-ansur. Inflasi dijangka mencatat paras lebih rendah pada 0.4% (2019: 1.2%) mencerminkan harga minyak yang berterusan rendah.

JADUAL 2.3. *Penunjuk Terpilih bagi Kawasan Euro, 2019 – 2021*

PENUNJUK	2019	2020 ¹	2021 ²
KDNK Benar (% setahun)	1.3	-8.3	5.2
Inflasi (% setahun)	1.2	0.4	0.9
Akaun Semasa Imbangan Pembayaran (% daripada KDNK)	2.7	1.9	2.4
Kadar Pengangguran (%)	7.6	8.9	9.1

¹ Anggaran

² Unjuran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook (Oktober 2020)

Pertumbuhan ekonomi di kawasan euro pada 2021 diunjur melonjak sebanyak 5.2%, terutamanya disokong oleh permintaan domestik yang menggalakkan. Pelan bajet jangka panjang EU berjumlah EUR1,824.3 bilion dijangka menyokong pelaburan awam dari 2021 hingga 2027, dengan tumpuan kepada transformasi hijau dan digital. Pelan ini turut merangkumi rancangan pemulihan bernilai EUR750 bilion bagi menangani impak sosioekonomi susulan penularan pandemik COVID-19. European Central Bank (ECB) telah memperluas program pembelian aset

berjumlah EUR1,350 bilion melalui *Pandemic Emergency Purchase Programme*. Program ini dijangka diteruskan sehingga Jun 2021 untuk mengurangkan kos dan meningkatkan pemberian pinjaman. Kadar pengangguran diunjur lebih tinggi kepada 9.1% manakala inflasi diunjur pada 0.9%.

Pertumbuhan ekonomi kawasan euro terdedah kepada beberapa risiko. Implikasi kewangan yang tinggi berikutan pelaksanaan dasar fiskal dijangka meningkatkan hutang kerajaan dengan mendadak dan seterusnya meningkatkan risiko krisis hutang negara di kawasan euro dalam jangka sederhana. Dari segi persekitaran luar, ketidakpastian Brexit masih menjadi penyebab utama kepada ketidaktentuan di rantau ini. Keadaan ini disebabkan oleh keperluan untuk memuktamadkan rundingan CFTA antara Kerajaan UK dan EU berdasarkan jadual yang ditetapkan iaitu sebelum tempoh peralihan Brexit berakhir pada Disember 2020.

KDNK **Jerman** menguncup sebanyak 6.6% dalam tempoh separuh pertama 2020 berikutan penurunan penggunaan isi rumah, pelaburan swasta dan eksport yang telah menjejaskan pertumbuhan ekonomi. Penggunaan isi rumah menjunam sebanyak 7.3%, terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan untuk perkhidmatan yang lebih rendah susulan langkah kawalan pergerakan yang berkuatkuasa dari 23 Mac hingga 10 Mei 2020. Pelaburan swasta merosot sebanyak 4.3% akibat gangguan dalam rangkaian bekalan dan permintaan global yang lemah, terutamanya subsektor automotif memandangkan kilang pembuatan kereta yang utama telah memberhentikan operasi buat sementara. Eksport turut menjunam sebanyak 13.4%, sebahagian besarnya disebabkan oleh permintaan yang berkurangan bagi kenderaan serta jentera dan peralatan. Kadar pengangguran mencatat 4% manakala inflasi menyederhana kepada 1.2% berikutan harga minyak yang rendah.

Pertumbuhan ekonomi Jerman diunjur menguncup sebanyak 6% pada 2020 (2019: 0.6%) disebabkan oleh permintaan domestik yang lembap walaupun pakej rangsangan fiskal berjumlah EUR130 bilion

telah diumumkan. Penggunaan isi rumah dijangka kekal lemah susulan peningkatan simpanan awasan. Pelaburan swasta dijangka merosot, sebahagian besarnya disebabkan aktiviti pembuatan yang perlahan dalam persekitaran permintaan luar yang kurang memberangsangkan. Walau bagaimanapun, pelbagai bantuan kerajaan, termasuk pinjaman kecemasan, jaminan kredit dan pelepasan cukai dijangka meminimumkan pengurangan ketara bagi pelaburan perniagaan. Eksport diunjur merosot berikutan permintaan yang lemah dari rakan dagangan utama, terutamanya AS, Perancis dan UK. Pasaran buruh diunjur kekal stabil dengan kadar pengangguran pada 4.3% (2019: 3.1%). *Kurzarbeit* iaitu program kerja jangka pendek Jerman telah memainkan peranan penting dalam membendung kehilangan lebih banyak pekerjaan. Inflasi diunjur semakin menyederhana kepada 0.5% (2019: 1.3%) disebabkan oleh kejatuhan harga minyak.

JADUAL 2.4. *Penunjuk Terpilih bagi Jerman, 2019 – 2021*

PENUNJUK	2019	2020 ¹	2021 ²
KDNK Benar (% setahun)	0.6	-6.0	4.2
Inflasi (% setahun)	1.3	0.5	1.1
Akaun Semasa Imbangan Pembayaran (% daripada KDNK)	7.1	5.8	6.8
Kadar Pengangguran (%)	3.1	4.3	4.2

¹ Anggaran

² Unjuran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook (Oktober 2020)

Pertumbuhan ekonomi Jerman pada 2021 diunjur berkembang sebanyak 4.2%, terutamanya disokong oleh permintaan domestik yang kembali pulih. Penggunaan isi rumah dijangka kembali meningkat disumbang oleh pendapatan boleh guna yang lebih tinggi, dengan kenaikan pengecualian cukai pendapatan dan pengurangan tahap caruman keselamatan sosial. Pelaburan swasta dijangka bertambah baik dipacu oleh pelaburan yang lebih tinggi dalam jentera dan peralatan berikutan keyakinan pelabur yang semakin meningkat dalam persekitaran permintaan global yang semakin pulih. Pelaburan awam juga dijangka meningkat dengan pakej

komprehensif bernilai EUR50 bilion yang memberi tumpuan kepada pengangkutan awam, mobiliti elektrik, teknologi hijau, infrastruktur digital, pendidikan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D). Kadar pengangguran diunjur bertambah baik pada 4.2% berikutan hasil yang memberangsangkan daripada program *Kurzarbeit* yang dijadual berakhir pada Disember 2021. Inflasi dijangka lebih tinggi pada 1.1%.

Risiko terhadap pertumbuhan ekonomi di Jerman termasuk pelaksanaan dan pembangunan teknologi automasi pesat berikutan penularan pandemik COVID-19 mengakibatkan gangguan dalam pasaran buruh. Selain itu, trend demografi berikutan jumlah penduduk dalam umur bekerja yang semakin menurun akan terus mengekang produktiviti dan potensi pertumbuhan ekonomi. Dari segi persekitaran luar, gangguan rantai bekalan yang berpanjangan dan keupayaan rakan dagangan utama untuk membendung penularan pandemik ini boleh mempengaruhi prospek pertumbuhan ekonomi Jerman yang berorientasikan eksport. Tindakan balas yang mungkin diambil oleh rakan dagangan terbesar Jerman, bergantung kepada keputusan Kerajaan berhubung kerjasama dalam pembangunan infrastruktur rangkaian 5G di Jerman, boleh menjejaskan aktiviti perdagangan, khususnya eksport kenderaan.

Pertumbuhan ekonomi **Perancis** menguncup sebanyak 12.3% dalam tempoh enam bulan pertama 2020 disebabkan oleh permintaan domestik yang lemah. Penggunaan isi rumah menjunam sebanyak 10.4%, dengan pengurangan yang ketara bagi perbelanjaan tenaga, barangan kejuruteraan serta perkhidmatan pengangkutan, penginapan dan makanan. Pelaburan swasta merosot sebanyak 13.9%, dengan penangguhan kerja pembinaan bangunan berikutan pelaksanaan kawalan pergerakan dari Mac hingga Mei 2020. Kadar pengangguran bertambah baik kepada 8% susulan peluasan liputan skim aktiviti jangka pendek oleh Kerajaan bagi melindungi orang bekerja sendiri dan pemilik perniagaan kecil. Inflasi berkurang kepada 0.9% disebabkan oleh harga minyak yang lebih rendah.

Secara keseluruhan, KDNK Perancis pada 2020 diunjur menguncup sebanyak 9.8% (2019: 1.5%), terutamanya disebabkan oleh kemerosotan penggunaan isi rumah dan pelaburan swasta. Penggunaan isi rumah dijangka menjunam disebabkan oleh paras pendapatan yang lebih rendah berikutan pemendekan waktu bekerja, di samping peningkatan simpanan awasan. Pelaburan swasta dijangka kekal lembap disebabkan oleh margin keuntungan yang berkurang memandangkan kebanyakan perniagaan masih beroperasi di bawah kapasiti penuh dalam persekitaran pandemik COVID-19. Tinjauan pasaran buruh kekal stabil dengan kadar pengangguran diunjur mencatat 8.9% (2019: 8.5%). Inflasi diunjur lebih rendah pada 0.5% (2019: 1.3%) disebabkan oleh kejatuhan harga minyak.

JADUAL 2.5. Penunjuk Terpilih bagi Perancis, 2019 – 2021

PENUNJUK	2019	2020 ¹	2021 ²
KDNK Benar (% setahun)	1.5	-9.8	6.0
Inflasi (% setahun)	1.3	0.5	0.6
Akaun Semasa Imbangan Pembayaran (% daripada KDNK)	-0.7	-1.9	-1.8
Kadar Pengangguran (%)	8.5	8.9	10.2

¹ Anggaran

² Unjuran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook (Oktober 2020)

Pertumbuhan ekonomi Perancis pada 2021 diunjur berkembang sebanyak 6%, terutamanya disokong oleh permintaan domestik yang kembali pulih. Penggunaan isi rumah dijangka bertambah baik disokong oleh perbelanjaan yang lebih tinggi berikutan pemulihan keyakinan pengguna. Pelaburan swasta turut diunjur kembali meningkat didorong oleh sokongan Kerajaan dalam bentuk jaminan dan pelepasan cukai. Pelaburan awam dijangka meningkat sejajar dengan pelan pemulihan berjumlah EUR100 bilion untuk menyokong peralihan hijau dan digital serta meningkatkan daya saing syarikat Perancis. Selain itu, pelan pemulihan tersebut juga bertujuan memperkukuh daya tahan sektor strategik

negara, terutamanya aeronautik, kenderaan bermotor, pembinaan dan pelancongan. Walau bagaimanapun, Perancis diunjur mencatat kadar pengangguran dua digit sebanyak 10.2% berikutan pengurangan liputan skim aktiviti jangka pendek secara beransur-ansur oleh Kerajaan. Inflasi dijangka pada 0.6%.

Risiko terhadap pertumbuhan ekonomi di Perancis termasuk peningkatan defisit fiskal yang disebabkan oleh hasil cukai yang berkurangan dan perbelanjaan pindahan sosial yang lebih tinggi. Keadaan ini berlaku berikutan aktiviti ekonomi yang lembap dalam persekitaran pandemik COVID-19. Klausu pengecualian umum dalam peraturan fiskal EU memberi lebih ruang fiskal kepada Kerajaan bagi menangani kesan pandemik. Pengaktifan klausu ini akan mengakibatkan peningkatan mendadak defisit fiskal. Selain itu, tarif baharu yang berkemungkinan dikenakan oleh AS terhadap lebih banyak jenis barangan import dari Perancis dalam persekitaran ketegangan perdagangan yang kembali meruncing dijangka memberi impak negatif terhadap pelaburan perniagaan dan menggugat eksport Perancis. Ketegangan perdagangan tersebut berikutan pengenaan cukai perkhidmatan digital oleh Perancis terhadap firma teknologi serta pemberian subsidi aeroangkasa.

Ekonomi **Jepun** menguncup sebanyak 5.9% pada separuh pertama 2020, terutamanya disebabkan oleh kejatuhan dalam penggunaan swasta dan eksport yang amat terjejas akibat pandemik. Penggunaan swasta menguncup dengan signifikan sebanyak 10.9% akibat penutupan perniagaan berkaitan perkhidmatan dan pelaksanaan langkah kecemasan secara sukarela. Eksport juga menjunam sebanyak 23.3% kesan daripada penghantaran peralatan pengangkutan dan jentera yang rendah dalam persekitaran permintaan global yang merosot. Kadar pengangguran meningkat sedikit kepada 2.7% manakala inflasi lebih rendah pada 0.1%.

Pertumbuhan ekonomi Jepun diunjur menguncup sebanyak 5.3% pada 2020 (2019: 0.7%), terutamanya disebabkan oleh penggunaan swasta dan eksport yang semakin lemah. Penggunaan swasta yang berkurang

dalam beberapa bulan pertama tahun ini dijangka meningkat secara beransur-ansur dengan pembukaan semula perniagaan pada penghujung Mei. Eksport diunjur kekal lemah disebabkan oleh ketegangan perdagangan yang masih berterusan dengan Republik Korea dan AS serta ketidaktentuan dalam tinjauan permintaan global. Pada Mei 2020, Kerajaan Jepun telah mengumumkan pakej rangsangan kedua berjumlah USD1.1 trilion untuk menyediakan bantuan kepada orang awam dan perniagaan yang terkesan oleh pandemik. Sokongan fiskal dengan jumlah yang sama telah diumumkan sebelum ini pada April. Kerajaan Jepun merancang untuk mengumumkan langkah rangsangan ekonomi tambahan pada awal 2021 bagi merancakkan ekonomi. Kadar pengangguran dijangka pada 3.3% (2019: 2.4%). Sementara itu, deflasi diunjur mencatat 0.1% (2019: 0.5%) disebabkan oleh kejatuhan harga minyak.

JADUAL 2.6. *Penunjuk Terpilih bagi Jepun, 2019 – 2021*

PENUNJUK	2019	2020 ¹	2021 ²
KDNK Benar (% setahun)	0.7	-5.3	2.3
Inflasi (% setahun)	0.5	-0.1	0.3
Akaun Semasa Imbangan Pembayaran (% daripada KDNK)	3.6	2.9	3.2
Kadar Pengangguran (%)	2.4	3.3	2.8

¹ Anggaran

² Unjuran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook (Oktober 2020)

KDNK Jepun diunjur kembali meningkat sebanyak 2.3% pada 2021 dengan lonjakan dalam penggunaan swasta dan pelaburan swasta serta eksport. Penggunaan swasta dijangka didorong oleh Sukan Olimpik Tokyo yang dijadualkan pada musim panas. Pelaburan swasta dijangka meningkat disebabkan oleh penggunaan automasi dan digitasi lebih tinggi yang akan membolehkan syarikat mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti. Situasi ini selari dengan rancangan Kerajaan Jepun untuk mengautomasikan 27% kerja sedia ada menjelang 2030 bagi

menangani isu tenaga kerja yang semakin berkurang disebabkan oleh penduduk menua. Kadar pengangguran diunjur lebih rendah pada 2.8% manakala inflasi dijangka kekal pada 0.3%.

Risiko kepada ekonomi Jepun antara lain termasuk kegawatan ekonomi berterusan akibat pandemik, ketegangan perdagangan yang semakin meningkat dan tinjauan fiskal yang kurang memberangsangkan berikutan paras hutang kerajaan yang tinggi. Risiko juga berpunca daripada kewangan makro yang mudah terjejas dan ruang dasar monetari terhad menyebabkan Jepun lebih terdedah kepada kejutan. Penduduk menua berkemungkinan memperlambatkan pertumbuhan dan kekal sebagai salah satu cabaran utama kepada ekonomi Jepun.

KDNK **Australia** merosot sebanyak 2.4% pada separuh pertama 2020, terutamanya disebabkan oleh penggunaan swasta dan eksport yang lemah. Penggunaan swasta menjunam sebanyak 6.5% berikutan pengurangan ketara perbelanjaan isi rumah, khususnya dalam perkhidmatan pengangkutan, rekreasi serta perhotelan, kafe dan restoran. Eksport menguncup sebanyak 6.3%, sebahagian besarnya akibat pengurangan permintaan yang ketara bagi bijih besi dan mineral, khususnya dari China dan Jepun. Kadar pengangguran mencatat 5.9% akibat kehilangan pekerjaan dalam industri perkhidmatan penginapan dan makanan, kesenian dan rekreasi serta industri perdagangan runcit. Inflasi mencatat 1% berikutan harga minyak yang lebih rendah.

Secara keseluruhan, KDNK Australia dijangka menguncup sebanyak 4.2% pada 2020 (2019: 1.8%) berikutan kemerosotan penggunaan swasta dan eksport. Penggunaan swasta dijangka berkurang akibat kehilangan pekerjaan pada skala besar dan tahap pendapatan yang lebih rendah di samping simpanan yang lebih tinggi. Eksport diunjur merosot sebanyak 5.4% (2019: 3.1%) disebabkan oleh permintaan yang lemah dari China dalam persekitaran ketegangan perdagangan yang semakin meruncing di antara kedua-dua negara. Penggunaan awam dijangka meningkat sebanyak 5.4% (2019: 5.3%) susulan pengumuman empat

JADUAL 2.7. *Penunjuk Terpilih bagi Australia, 2019 – 2021*

PENUNJUK	2019	2020 ¹	2021 ²
KDNK Benar (% setahun)	1.8	-4.2	3.0
Inflasi (% setahun)	1.6	0.7	1.3
Akaun Semasa Imbangan Pembayaran (% daripada KDNK)	0.6	1.8	-0.1
Kadar Pengangguran (%)	5.2	6.9	7.7

¹ Anggaran

² Unjuran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook (Oktober 2020)

pakej rangsangan berjumlah AUD17.6 bilion. Pakej ini termasuk bayaran tunai bebas cukai dan subsidi upah untuk membantu isi rumah serta perniagaan bersaiz kecil dan sederhana. Kadar pengangguran diunjur mencatat 6.9% (2019: 5.2%) disebabkan oleh kehilangan pekerjaan dalam industri yang terjejas akibat sekatan pergerakan, khususnya perkhidmatan penginapan dan makanan. Inflasi dijangka mencatat 0.7% (2019: 1.6%). Reserve Bank of Australia telah mengurangkan kadar dasar sebanyak dua kali pada Mac berjumlah 50 mata asas daripada 0.75% kepada 0.25% untuk menyokong ekonomi.

Ekonomi Australia diunjur meningkat semula sebanyak 3% pada 2021 disumbang oleh permintaan domestik yang kukuh dan eksport yang kembali pulih. Penggunaan swasta dijangka kembali meningkat dengan pertumbuhan sebanyak 5.7% disokong oleh tahap keyakinan pengguna yang bertambah baik berikutan pemulihan dalam prospek pekerjaan. Pelaburan awam diunjur sebanyak 3.3% dengan perbelanjaan yang lebih tinggi bagi perkhidmatan infrastruktur pengangkutan, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan perlu yang lain. Eksport dijangka meningkat sebanyak 5.1% disebabkan oleh permintaan yang semakin tinggi bagi gas asli cecair (LNG). Kadar pengangguran dijangka mencatat 7.7% manakala inflasi dijangka merekod 1.3%. Risiko kepada ekonomi antara lain termasuk penularan semula pandemik COVID-19, ketegangan perdagangan dan perang dingin berkaitan teknologi yang semakin meruncing dengan China serta volatiliti harga komoditi.

Ekonomi **Republik Korea** menguncup sebanyak 1.5% dalam tempoh enam bulan pertama 2020, terutamanya disebabkan oleh penggunaan swasta yang lemah dan eksport yang merosot, khususnya pada suku kedua. Penggunaan swasta menguncup sebanyak 4.5%, terutamanya dalam aktiviti berkaitan perkhidmatan disebabkan oleh pengurangan pendapatan dan langkah oleh Kerajaan Korea menggalakkan kuarantin sendiri. Eksport merosot sebanyak 8%, terutamanya bagi barangan automotif dan semikonduktor akibat permintaan yang lebih perlahan daripada negara maju dan penutupan sementara kilang. Penggunaan awam meningkat sebanyak 6.4% telah membantu ekonomi daripada terus merosot. Kadar pengangguran mencatat 4.3% manakala inflasi kekal pada 0.6%.

Dalam usaha menangani krisis pandemik, Kerajaan Korea telah mengumumkan tiga pakej rangsangan berjumlah USD222 bilion yang menumpukan kepada langkah bantuan segera, terutamanya bagi sektor mudah terjejas, PKS dan orang bekerja sendiri. Selain itu, program *New Deal* bagi tempoh lima tahun yang berjumlah USD133 bilion telah diumumkan pada Jun 2020. Program ini disasar untuk mengujudkan 1.9 juta pekerjaan baharu dalam sektor hijau dan digital serta merangsang ekonomi untuk mengurangkan impak krisis. Oleh itu, KDNK dijangka hanya menguncup sebanyak 1.9% pada 2020 (2019: 2%) berikutan penggunaan swasta dan eksport yang lembap. Penggunaan swasta diunjur kekal lemah pada 3.2% (2019: 1.9%) akibat pendapatan isi rumah yang berkurang dan keyakinan pengguna yang rendah. Eksport diunjur menguncup sebanyak

5.1% (2019 : 1.5%) dengan permintaan yang perlahan daripada rakan dagangan utama. Kadar pengangguran dijangka meningkat kepada 4.1% (2019: 3.8%) manakala inflasi diunjur mencatat 0.5% (2019: 0.4%).

Ekonomi Korea diunjur melonjak sebanyak 2.9% pada 2021 dipacu oleh penggunaan swasta dan eksport. Penggunaan swasta dan eksport dijangka kembali meningkat dalam persekitaran impak penularan pandemik yang semakin reda. Kadar pengangguran diunjur kekal pada 4.1% manakala inflasi dijangka merekod 0.9%. Risiko kepada ekonomi Korea antara lain termasuk penularan pandemik yang berpanjangan, pertikaian perdagangan antara AS-China yang semakin meruncing, ketegangan perdagangan dengan Jepun dan kelewatan dalam pemulihan industri semikonduktor.

Ekonomi **China** merosot sebanyak 1.6% dalam tempoh separuh pertama 2020 disebabkan oleh kejatuhan dalam penggunaan dan pelaburan swasta serta permintaan luar yang kurang memberangsangkan. Penggunaan swasta menjunam sebanyak 11.4% disebabkan oleh keyakinan pengguna yang lemah berikutan kawalan pergerakan seluruh negara yang diumumkan sehari sebelum Tahun Baru Cina. Pelaburan swasta juga menguncup sebanyak 7.3%, terutamanya dalam aktiviti infrastruktur dan pembuatan berikutan penutupan kilang. Eksport merosot sebanyak 3% disebabkan oleh permintaan yang lebih perlahan, terutamanya bagi produk mekanikal dan elektronik. Kadar pengangguran merekod 3.8%. Sementara itu, inflasi mencatat 3.9% dengan harga yang lebih tinggi bagi makanan, tembakau dan minuman beralkohol.

Ekonomi China diunjur berkembang sebanyak 1.9% pada 2020 (2019: 6.1%) dengan aktiviti ekonomi yang kembali pulih pada separuh kedua. Penggunaan swasta diunjur meningkat sebanyak 0.8% (2019: 7.4%), khususnya bagi barangan bukan keperluan berikutan pemberian baucer dan kupon untuk pembelian di kedai. Pelaburan swasta diunjur pulih sebanyak 1.7% (2019: 4.4%) dengan jangkaan peningkatan aktiviti infrastruktur dan pengilangan serta pembangunan hartanah. Kerajaan China telah mengumumkan pelan *New Infrastructure* bagi tempoh 2020 hingga

JADUAL 2.8. *Penunjuk Terpilih bagi Republik Korea, 2019 – 2021*

PENUNJUK	2019	2020 ¹	2021 ²
KDNK Benar (% setahun)	2.0	-1.9	2.9
Inflasi (% setahun)	0.4	0.5	0.9
Akaun Semasa Imbangan Pembayaran (% daripada KDNK)	3.6	3.3	3.4
Kadar Pengangguran (%)	3.8	4.1	4.1

¹ Anggaran

² Unjuran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook (Oktober 2020)

2025 dalam usaha mempergiat pembangunan infrastruktur. Pelan ini merangkumi tujuh bidang tumpuan termasuk rangkaian 5G, kecerdasan buatan dan rel berkelajuan tinggi antara bandar. Pakej rangsangan fiskal berjumlah USD500 bilion telah diumumkan pada Mei 2020 untuk menangani kesan negatif pandemik. Antara langkah dalam pakej ini termasuk pengurangan cukai, kadar faedah lebih rendah, pengurangan harga utiliti dan sokongan pekerjaan. Kadar pengangguran dijangka mencatat 3.8% (2019: 3.6%) manakala inflasi dijangka kekal pada 2.9% (2019: 2.9%).

JADUAL 2.9. *Penunjuk Terpilih bagi China, 2019 – 2021*

PENUNJUK	2019	2020 ¹	2021 ²
KDNK Benar (% setahun)	6.1	1.9	8.2
Inflasi (% setahun)	2.9	2.9	2.7
Akaun Semasa Imbangan Pembayaran (% daripada KDNK)	1.0	1.3	0.7
Kadar Pengangguran (%)	3.6	3.8	3.6

¹ Anggaran

² Unjuran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook (Oktober 2020)

Pada 2021, pertumbuhan ekonomi China diunjur menerajui pemulihan ekonomi dalam kalangan negara EMDE dengan pertumbuhan pesat sebanyak 8.2% disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan eksport yang menggalakkan. Kerajaan China dijangka melancarkan pelan lima tahun pada suku pertama 2021, yang antara lain akan menentukan hala tuju ekonomi bagi tempoh 2021–2025. Kadar pengangguran diunjur menyederhana kepada 3.6% manakala inflasi dijangka lebih rendah pada 2.7%. Risiko kepada ekonomi China berpunca daripada inflasi harga aset yang semakin meningkat, gangguan berterusan kepada rantai bekalan, kegawatan ekonomi global yang menyeluruh dan ketegangan perdagangan yang semakin memuncak dengan AS. Penularan semula pandemik COVID-19 dan kemunculan epidemik baharu juga boleh menjadi risiko kepada ekonomi China.

Pada separuh pertama 2020, pertumbuhan KDNK **India** merosot sebanyak 10.1% disebabkan oleh kelembapan sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sektor perkhidmatan mencatat penguncupan sebanyak 8.5% disebabkan oleh penurunan mendadak dalam subsektor perkhidmatan perdagangan, perhotelan, pengangkutan, komunikasi serta perkhidmatan berkaitan penyiaran. Sektor pembuatan juga menjunam dengan ketara sebanyak 19.8%, sebahagian besarnya disebabkan oleh pengurangan dalam pengeluaran kenderaan bermotor, treler dan separa treler. Inflasi seperti yang ditunjukkan oleh indeks harga borong mencatat deflasi 0.1% disebabkan oleh kejatuhan harga petroleum mentah, diesel enjin berkelajuan tinggi dan petrol.

Pertumbuhan KDNK India diunjur merosot sebanyak 10.3% pada 2020 (2019: 4.2%) disebabkan oleh penguncupan dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan. Sektor perkhidmatan dijangka merudum akibat penurunan dalam aktiviti berkaitan pengembaraan, pelancongan dan hospitaliti. Sektor pembuatan juga dijangka menguncup disebabkan oleh pengurangan pengeluaran kenderaan penumpang. Sektor pembinaan dijangka merosot akibat pengurangan projek pembinaan kediaman baharu dan impak krisis kecairan terhadap pemaju pembinaan. Pada 12 Mei 2020, Kerajaan India mengumumkan pakej bantuan sekitar 10% daripada KDNK berjumlah INR20 trilion termasuk langkah perbelanjaan langsung utama seperti pemberian wang tunai kepada isi rumah. Tambahan pula, Kerajaan telah mengumumkan pakej rangsangan pada 12 Oktober 2020 yang berjumlah INR730 bilion. Pakej ini termasuk pembayaran pendahuluan separa gaji pekerja kerajaan persekutuan dan perbelanjaan modal tambahan bagi projek infrastruktur. Reserve Bank of India (RBI) menurunkan kadar dasar repo utama sebanyak dua kali pada Mac dan Mei 2020 berjumlah 115 mata asas kepada 4.00%. Langkah RBI ini bertujuan menjana semula pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan impak pandemik COVID-19, di samping memastikan inflasi kekal berada dalam julat sasaran antara 2% hingga 6%. Inflasi dianggar pada 4.9% (2019: 4.8%) iaitu mencapai julat sasaran.

JADUAL 2.10. *Penunjuk Terpilih bagi India, 2019 – 2021*

PENUNJUK	2019	2020 ¹	2021 ²
KDNK Benar (% setahun)	4.2	-10.3	8.8
Inflasi (% setahun)	4.8	4.9	3.7
Akaun Semasa Imbangan Pembayaran (% daripada KDNK)	-0.9	0.3	-0.9
Kadar Pengangguran (%)	-	-	-

¹ Anggaran² Unjuran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook (Oktober 2020)

KDNK India pada 2021 diunjur meningkat semula sebanyak 8.8%, sebahagian besarnya disokong oleh pemulihan semula dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan serta pertumbuhan kukuh dalam sektor pertanian. Pertumbuhan dalam sektor pertanian dijangka meningkat berikutan hasil tanaman Rabi dan Kharif yang lebih tinggi serta kemungkinan musim monsun yang normal. Inflasi dijangka mencatat 3.7% iaitu masih dalam julat sasaran RBI. Pertumbuhan ekonomi India terdedah kepada beberapa risiko. Penularan tempatan COVID-19 yang serius ke kawasan luar bandar, masalah kewangan dan korporat yang berterusan, terutamanya dalam sektor kewangan bukan perbankan serta kemelesetan ekonomi global yang berpanjangan dijangka menggugat pertumbuhan ekonomi.

KDNK **ASEAN-5** mencatat pertumbuhan lemah dalam tempoh separuh pertama 2020, terutamanya disebabkan oleh penggunaan swasta dan eksport yang lembap dalam keadaan rantau ini bergelut dengan pandemik COVID-19. Ekonomi ASEAN-5 dijangka menguncup sebanyak 3.4% pada 2020 (2019: 4.9%) disebabkan oleh kejatuhan mendadak penggunaan swasta. Kejatuhan ini terutamanya disebabkan oleh pendapatan isi rumah yang berkurangan dan simpanan awasan yang meningkat. Perdagangan dijangka masih tidak menggalakkan disebabkan gangguan terhadap rantaian bekalan dalam kalangan rakan dagangan utama, khususnya AS dan kawasan euro. Pada 2021,

ekonomi rantau ini dijangka berkembang pesat sebanyak 6.2% dipacu oleh permintaan domestik dan eksport. Ekonomi ASEAN-5 berkemungkinan terus berhadapan dengan pelbagai cabaran termasuk gangguan berterusan terhadap rantaian bekalan serantau yang amat bersepadu, harga komoditi yang lemah dan volatiliti pasaran kewangan.

JADUAL 2.11. *Penunjuk Terpilih bagi ASEAN-5, 2019 – 2021*

PENUNJUK	2019	2020 ¹	2021 ²
KDNK Benar (% setahun)	4.9	-3.4	6.2
Inflasi (% setahun)	2.1	1.5	2.3
Akaun Semasa Imbangan Pembayaran (% daripada KDNK)	1.1	0.8	0.1
Kadar Pengangguran (%)	-	-	-

¹ Anggaran² Unjuran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook (Oktober 2020)

KDNK **Indonesia** menguncup sebanyak 1.2% dalam tempoh separuh pertama 2020 disebabkan oleh kemerosotan penggunaan swasta, pelaburan swasta dan eksport. Penggunaan swasta menyusut sebanyak 1.3% berikutan perbelanjaan yang berkurangan bagi perkhidmatan restoran dan perhotelan serta pengangkutan di samping simpanan awasan yang meningkat. Pelaburan swasta juga berkurang sebanyak 3.5% disebabkan oleh penguncupan pelaburan dalam barangan modal, jentera dan peralatan serta kenderaan. Sementara itu, eksport terus menjunam sebanyak 5.7% susulan permintaan yang lebih rendah, terutamanya bagi minyak dan gas, barang pengilangan dan produk perlombongan. Inflasi mencatat 2.6%.

Secara keseluruhan, ekonomi Indonesia diunjur menguncup sebanyak 1.5% pada 2020 (2019: 5%), terutamanya disebabkan oleh permintaan domestik yang lemah. Penggunaan swasta dijangka merudum berikutan pengurangan ketara dalam perbelanjaan perkhidmatan restoran dan perhotelan serta pengangkutan. Pelaburan swasta juga dijangka merosot disebabkan oleh kekangan bekalan

dan buruh berikutan pelaksanaan kawalan pergerakan yang mengakibatkan projek infrastruktur utama tergendala. Perbelanjaan awam dijangka meningkat susulan pengumuman langkah rangsangan berjumlah IDR695.2 trilion untuk menjana pertumbuhan ekonomi dan memperkukuh sistem penjagaan kesihatan. Bank Indonesia menurunkan kadar dasar utama sebanyak 25 mata asas setiap kali pada Mac, Mei, Jun dan Julai 2020 kepada 4.00% untuk menyokong ekonomi. Kadar pengangguran dijangka meningkat kepada 8% (2019: 5.3%), sebahagiannya disebabkan oleh kehilangan pekerjaan akibat penutupan restoran dan hotel manakala inflasi diunjur mencatat 2.1% (2019: 2.8%).

JADUAL 2.12. *Penunjuk Terpilih bagi Indonesia, 2019 – 2021*

PENUNJUK	2019	2020 ¹	2021 ²
KDNK Benar (% setahun)	5.0	-1.5	6.1
Inflasi (% setahun)	2.8	2.1	1.6
Akaun Semasa Imbangan Pembayaran (% daripada KDNK)	-2.7	-1.3	-2.4
Kadar Pengangguran (%)	5.3	8.0	6.8

¹ Anggaran

² Unjuran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook (Oktober 2020)

KDNK Indonesia dijangka melonjak 6.1% pada 2021 dipacu oleh penggunaan swasta dan pelaburan swasta serta permintaan luar. Peningkatan penggunaan swasta dijangka disokong oleh pembelian barangan tahan lama yang lebih tinggi serta peningkatan keyakinan terhadap prospek pendapatan dan keselamatan pekerjaan. Pelaburan swasta juga dijangka meningkat, terutamanya dalam sektor maklumat dan komunikasi berikutan pelaksanaan projek *Palapa Ring* yang telah selesai sepenuhnya. Projek ini bertujuan menyediakan akses internet 4G di seluruh negara. Eksport dijangka lebih tinggi disokong oleh permintaan yang kukuh untuk emas, bijih besi serta besi dan keluli. Kadar pengangguran diunjur pada 6.8% manakala

inflasi dijangka mencatat 1.6%. Antara risiko bagi Indonesia termasuk aktiviti perdagangan dan pelaburan yang lembap berikutan ketegangan perdagangan yang masih berterusan antara AS-China dan penyusutan nilai rupiah yang berpanjangan.

Ekonomi **Thailand** menjunam sebanyak 7.1% dalam tempoh separuh pertama 2020 disebabkan oleh penurunan penggunaan swasta, pelaburan swasta dan eksport. Penggunaan swasta menguncup sebanyak 2% susulan perbelanjaan yang lebih rendah untuk minuman beralkohol dan pengangkutan. Pelaburan swasta menyusut sebanyak 7.3% berikutan penurunan pelaburan bagi jentera dan peralatan serta pembinaan. Eksport juga semakin merosot sebanyak 17.8%, terutamanya disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah bagi kenderaan dan gangguan dalam pengeluaran barang pertanian, khususnya beras. Kadar pengangguran meningkat kepada 2% berikutan kehilangan pekerjaan dalam industri pelancongan dan pertanian. Deflasi mencatat 1.9% lanjutan daripada harga minyak yang rendah.

Kerajaan Thailand mengumumkan empat pakej rangsangan dari Mac hingga September, berjumlah sekitar THB2.1 trilion atau 14.5% daripada KDNK, untuk mengurangkan kesan ekonomi akibat pandemik. Bank of Thailand juga menurunkan kadar dasar sebanyak empat kali berjumlah 75 mata asas kepada 0.50% untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan KDNK dijangka menguncup sebanyak 7.1% pada 2020 (2019: 2.4%) akibat penggunaan swasta dan eksport yang lembap. Penggunaan swasta dijangka lemah, terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih rendah dalam industri berkaitan pelancongan dan pengangkutan. Eksport dijangka menjunam disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah, terutamanya bagi automotif dan perkhidmatan pelancongan. Kadar pengangguran dijangka kekal pada 1% (2019: 1%) manakala deflasi diunjur mencatat 0.4% (2019: 0.7%).

JADUAL 2.13. *Penunjuk Terpilih bagi Thailand, 2019 – 2021*

PENUNJUK	2019	2020 ¹	2021 ²
KDNK Benar (% setahun)	2.4	-7.1	4.0
Inflasi (% setahun)	0.7	-0.4	1.8
Akaun Semasa Imbangan Pembayaran (% daripada KDNK)	7.1	4.2	4.6
Kadar Pengangguran (%)	1.0	1.0	1.0

¹ Anggaran² Unjuran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook (Oktober 2020)

KDNK Thailand diunjur meningkat semula sebanyak 4% pada 2021, sebahagian besarnya disokong oleh permintaan domestik yang mantap dan eksport yang kembali pulih. Penggunaan swasta dijangka meningkat disumbang oleh perbelanjaan dalam talian yang lebih tinggi, terutamanya bagi elektronik dan media serta produk digital. Pelaburan swasta diunjur meningkat susulan insentif cukai yang ditawarkan oleh Kerajaan Thailand dijangka mendorong syarikat untuk melabur dalam pengautomasian projek, terutamanya bagi peralatan perubatan dan jaminan makanan. Eksport juga dijangka meningkat dengan permintaan yang lebih tinggi untuk barangan pengilangan, terutamanya elektronik, kenderaan dan jentera. Kadar pengangguran dijangka kekal pada 1% manakala inflasi dijangka mencatat 1.8%. Antara risiko terhadap ekonomi Thailand termasuk keyakinan pelabur yang lemah disebabkan oleh ketidakpastian dalam suasana politik domestik, gangguan berterusan dalam rantai bekalan serta aktiviti pelancongan yang lembap.

Ekonomi **Singapura** merosot sebanyak 6.7% dalam tempoh separuh pertama 2020 disebabkan oleh sektor perkhidmatan yang lemah. Sektor perkhidmatan menguncup sebanyak 7.9%, terutamanya bagi subsektor perdagangan borong dan runcit, perkhidmatan perniagaan serta perkhidmatan penginapan dan makanan berikutan permintaan global yang lebih lemah dan gangguan dalam rantai bekalan kesan daripada pandemik.

Kadar pengangguran meningkat sedikit kepada 2.5% disebabkan oleh pemberhentian pekerja dalam sektor perkhidmatan berkaitan pelancongan. Deflasi mencatat 0.2% susulan harga perumahan dan utiliti serta kos pengangkutan yang lebih rendah.

Kerajaan Singapura telah mengumumkan empat pakej rangsangan, iaitu *Unity Budget*, *Resilience Budget*, *Solidarity Budget* dan *Fortitude Budget* berjumlah sekitar SGD100 bilion dari Februari hingga Mei 2020. Kerajaan Singapura juga mengumumkan peruntukan tambahan berjumlah SGD8 bilion pada Ogos 2020. Pakej rangsangan ini dijangka mengurangkan impak akibat kehilangan pekerjaan dan penurunan output ekonomi serta menyokong langkah pengurusan ekonomi, sosial dan kesihatan awam. Ekonomi diunjur menguncup sebanyak 6% pada 2020 (2019: 0.7%) dengan pertumbuhan perlahan dalam perdagangan borong dan runcit, perkhidmatan perniagaan serta subsektor perkhidmatan pengangkutan dan penyimpanan. Sektor yang bergantung kepada pelancongan dan pekerja asing turut dijangka terjejas susulan keadaan pandemik yang berlarutan. Jangkaan pemulihan bagi subsektor pembuatan dan perkhidmatan kewangan dalam tempoh separuh kedua 2020 akan menyokong pertumbuhan ekonomi daripada terus merudum. Kadar pengangguran dijangka mencatat 3% (2019: 2.3%) manakala deflasi diunjur mencatat 0.4% (2019: 0.6%) disebabkan oleh penurunan harga minyak.

JADUAL 2.14. *Penunjuk Terpilih bagi Singapura, 2019 – 2021*

PENUNJUK	2019	2020 ¹	2021 ²
KDNK Benar (% setahun)	0.7	-6.0	5.0
Inflasi (% setahun)	0.6	-0.4	0.3
Akaun Semasa Imbangan Pembayaran (% daripada KDNK)	17.0	15.0	14.5
Kadar Pengangguran (%)	2.3	3.0	2.6

¹ Anggaran² Unjuran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook (Oktober 2020)

Pada 2021, KDNK dijangka meningkat semula sebanyak 5% dipacu oleh sektor perkhidmatan dan subsektor pembuatan. Sektor perkhidmatan diunjur beransur pulih didorong oleh subsektor perkhidmatan kewangan dan insurans. Subsektor pembuatan juga dijangka berkembang disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi untuk produk farmaseutikal dan biologi. Kadar pengangguran diunjur pada 2.6% manakala inflasi dijangka mencatat 0.3%. Risiko kepada ekonomi Singapura termasuk ketidakpastian penularan pandemik yang boleh menjelaskan sebilangan sektor berorientasikan luar secara berterusan, terutamanya pembuatan dan perdagangan borong. Sektor berorientasikan domestik juga seperti pembinaan dan hartanah berkemungkinan terjejas teruk disebabkan oleh kemerosotan ekonomi tempatan yang lebih ketara.

Ekonomi **Filipina** merosot sebanyak 9% dalam tempoh enam bulan pertama 2020 disebabkan oleh penggunaan isi rumah, pelaburan swasta dan eksport yang lemah. Penggunaan isi rumah menguncup sebanyak 7.8% disebabkan oleh perbelanjaan perkhidmatan yang berkurangan, terutamanya bagi restoran dan perhotelan serta pengangkutan. Pelaburan swasta merudum sebanyak 22.3% akibat pelaburan lebih rendah dalam peralatan tahan lama dan pembinaan. Eksport menjunam sebanyak 17.6% disebabkan oleh permintaan rendah bagi produk elektronik, barangan pengilangan serta jentera dan peralatan pengangkutan. Banko Sentral ng Pilipinas menurunkan kadar dasar sebanyak empat kali dari 4.00% kepada 2.25% antara Mac dan Jun 2020. Kadar pengangguran meningkat dengan ketara kepada 11.5% disebabkan oleh kehilangan pekerjaan yang drastik dalam sektor berkaitan perkhidmatan berikutan penutupan perniagaan dan pemberhentian pekerja. Inflasi menyederhana kepada 2.5% disebabkan oleh kejatuhan harga minyak.

Pada 2020, ekonomi Filipina dijangka menguncup sebanyak 8.3% (2019: 6%) disebabkan oleh penurunan penggunaan isi rumah dan eksport. Penggunaan isi rumah diunjur lemah berikutan perbelanjaan yang lebih rendah, terutamanya bagi kategori

restoran dan perhotelan serta pengangkutan dalam persekitaran ketidakpastian prospek pekerjaan. Perbelanjaan awam dijangka melonjak didorong oleh pengumuman program berjumlah sekitar PHP1.7 trilion oleh Kerajaan Filipina untuk merangsang ekonomi. Eksport diunjur lembap berikutan permintaan yang lebih rendah bagi produk elektronik, terutamanya semikonduktor dan elektronik. Kadar pengangguran diunjur meningkat kepada 10.4% (2019: 5.1%) berikutan kehilangan pekerjaan dalam sektor perkhidmatan, terutamanya perdagangan borong dan runcit serta perkhidmatan pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal. Inflasi dijangka menyederhana kepada 2.4% (2019: 2.5%) disebabkan oleh harga minyak yang lebih rendah.

JADUAL 2.15. *Penunjuk Terpilih bagi Filipina, 2019 – 2021*

PENUNJUK	2019	2020 ¹	2021 ²
KDNK Benar (% setahun)	6.0	-8.3	7.4
Inflasi (% setahun)	2.5	2.4	3.0
Akaun Semasa Imbangan Pembayaran (% daripada KDNK)	-0.1	1.6	-1.5
Kadar Pengangguran (%)	5.1	10.4	7.4

¹ Anggaran

² Unjuran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook (Oktober 2020)

Pada 2021, pertumbuhan di Filipina dijangka melonjak sebanyak 7.4% didorong oleh permintaan domestik. Penggunaan isi rumah diunjur kembali pulih disokong oleh aliran masuk kiriman wang yang meningkat dan keyakinan pengguna yang bertambah baik. Perbelanjaan awam dijangka meningkat berikutan cadangan belanjawan 2021 berjumlah PHP4.5 trilion untuk merangsang pertumbuhan dan mewujudkan pekerjaan di samping perbelanjaan tahunan Kerajaan Filipina berjumlah PHP1 trilion untuk program *Build, Build, Build*. Kadar pengangguran diunjur menyederhana kepada 7.4% manakala inflasi dijangka lebih tinggi pada 3%. Antara risiko terhadap ekonomi Filipina termasuk

peningkatan defisit fiskal. Pemulihan global yang lebih perlahan daripada jangkaan berikutan penularan pandemik yang berpanjangan juga boleh menjejaskan perdagangan dan pelaburan serta pengiriman wang masuk oleh warga Filipina di luar negara.

Kesimpulan

Prospek global tampak positif dalam persekitaran ketidakpastian

Pertumbuhan ekonomi global diunjur kembali meningkat dengan kukuh pada 2021. Pemulihan ini dijangka didorong oleh permintaan domestik dan eksport yang mantap dalam kalangan negara maju dan EMDE. Walau bagaimanapun, risiko kepada ekonomi global masih berterusan. Pertumbuhan berkemungkinan terjejas akibat ketegangan perdagangan antara AS-China yang kembali memuncak, ketidakpastian hasil Brexit dan ketegangan geopolitik yang meluas. Harga

minyak yang berterusan rendah dan krisis perubahan iklim yang semakin serius juga berkemungkinan menggugat pemulihan. Selain itu, ruang fiskal yang terhad dan hutang kerajaan yang meningkat secara mendadak juga boleh mengekang pertumbuhan. Walau bagaimanapun, ekonomi global dijangka kekal pada trajektori pertumbuhan yang positif dengan pelaksanaan langkah fiskal dan monetari untuk mempertingkatkan keyakinan pengguna dan pelabur. Kejayaan dalam pembangunan vaksin COVID-19 yang berkesan dan mudah diakses, di samping keberkesanan untuk membendung penularan pandemik tersebut dalam tempoh terdekat, dijangka terus merangsang pertumbuhan global. Walaupun pandemik ini memberi cabaran dari pelbagai aspek, terutamanya dalam meluaskan jurang sosioekonomi sedia ada, pandemik COVID-19 juga membuka peluang kepada semua negara untuk menginstitusikan pembaharuan ke arah mempercepat proses digitalisasi dan mencapai pertumbuhan mampan.

Rujukan

- ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO). (2020). *Another "Unprecedented" Crisis? This, Too, Shall Pass*, September 2020. Dicapai daripada https://www.amro-asia.org/wp-content/uploads/2020/09/AMRO-Analytical-Note_Another-Unprecedented-Crisis-v2_Sep-18-2020.pdf
- ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO). (2020). *ASEAN Regional Economic Outlook (AREO) Update, August 2020*. Dicapai daripada https://www.amro-asia.org/wp-content/uploads/2020/08/AREO_Update_August-2020_For-posting_12August.pdf
- ASEAN+3 Macroeconomic Research Office (AMRO). (2020). *COVID, Credit, and Contagion Risks To ASEAN+3 Financial Systems*. Tuesday, (June 09, 2020). Dicapai daripada https://www.amro-asia.org/wp-content/uploads/2020/06/AMRO-Analytical-Note_Covid-Credit-and-Contagion-Risks-to-ASEAN3-Financial-Systems_9-June-2020.pdf
- ASEAN Economic Integration Brief. (2020). Dicapai daripada <https://asean.org/asean-economic-community/aec-monitoring/asean-economic-integration-brief/>
- ASEAN Policy Brief, April 2020. (2020) Dicapai daripada https://asean.org/storage/2020/04/ASEAN-Policy-Brief-April-2020_FINAL.pdf
- Asian Development Bank. (2020). *ADB Triples COVID-19 Response Package to \$20 billion*. Dicapai daripada <https://www.adb.org/news/adb-triples-covid-19-response-package-20-billion>
- Asian Development Bank. (2020). *Joint Statement by Heads of Multilateral Development Banks and the WTO on Supporting Trade Finance during the COVID-19 Crisis*. Retrieved from <https://www.adb.org/news/joint-statement-heads-multilateral-development-banks-and-wto-supporting-trade-finance-during>
- Asian Infrastructure Investment Bank. (2020). *AIIB Doubles COVID-19 Crisis Response to USD10 Billion*. Dicapai daripada <https://www.aiib.org/en/news-events/news/2020/AIIB-Doubles-COVID-19-Crisis-Response-to-USD10-Billion.html>
- Australia Bureau of Statistics. (2020). *Australian National Accounts: National Income, Expenditure and Product*. Dicapai daripada <https://www.abs.gov.au/statistics/economy/national-accounts/australian-national-accounts-national-income-expenditure-and-product>
- Australia Bureau of Statistics. (2020). *Employment and Unemployment Labour Force, Australia*. Dicapai daripada <https://www.abs.gov.au/statistics/labour/employment-and-unemployment/labour-force-australia>
- Australia Bureau of Statistics. (2020). *Price Indexes and Inflation Consumer Price Index, Australia*. Dicapai daripada <https://www.abs.gov.au/statistics/economy/price-indexes-and-inflation/consumer-price-index-australia>
- Bank Dunia (2020). *Global Economic Outlook, June 2020, Pandemic, Recession: The Global Economy In Crisis*. Dicapai daripada <https://www.worldbank.org/en/publication/global-economic-prospects>
- Bank Dunia. (2020). *Global Economic Prospects*. Dicapai daripada <https://www.worldbank.org/en/publication/global-economic-prospects>
- Bank Dunia. (2020). *Global Economic Prospects, June 2020*. Dicapai daripada <https://openknowledge.worldbank.org/handle/10986/33748>
- Bank Dunia. (2019). *The World Bank Group's Response to the COVID-19 Pandemic*. Dicapai daripada <https://www.worldbank.org/en/who-we-are/news/coronavirus-covid19>
- Bank Indonesia. (2020). *Laporan Inflasi*. Dicapai daripada <https://www.bi.go.id/en/moneter/inflasi/data/Default.aspx>

- Bank of England. (2020). *Bank Rate Maintained at 0.1% – September 2020*. Dicapai daripada <https://www.bankofengland.co.uk/>
- Bank of Korea. (2020). *Economic Outlook, August 2020*. Dicapai daripada <http://www.bok.or.kr/eng/bbs/E0000634/view.do?nttId=10059976&menuNo=400069&pageIndex=2>
- Bank of Korea. (2020). *Real Gross Domestic Product: 2nd Quarter of 2020 (Advance Estimate)*. Dicapai daripada <http://www.bok.or.kr/eng/bbs/E0000634/view.do?nttId=10059416&menuNo=400069&pageIndex=4>
- Bank of Thailand. (2020). *Inflation*. Dicapai daripada <https://www.bot.or.th/English/MonetaryPolicy/MonetPolicyComittee/MPR/Pages/default.aspx>
- Banque de France*. (2020). Dicapai daripada <https://www.banque-france.fr/en>
- British Broadcasting Corporation (BBC). (2020). *Eat Out to Help Out: More Than 10.5m Meals Claimed In First Week*. Dicapai daripada <https://www.bbc.com/news/business-53731002>
- Bureau of Economic Analysis, Washington: US Department of Commerce. (2020). *News Release, 30 September 2020: Gross Domestic Product: Second Quarter 2020 (Third Estimates)*. Dicapai daripada https://www.bea.gov/site/default/files/2020-09/gdp2q20_3rd_0.pdf
- Bureau of Labor Statistics, Washington: US Department of Labor. (2020). *Press Release, 11 September 2020: Consumer Price Index – August 2020*. Dicapai daripada <http://www.bls.gov/news.release/pdf/cpi.pdf>
- Bureau of Labor Statistics, Washington: US Department of Labor. (2020). *Press Release, 2 October 2020: The Employment Situation – September 2020*. Dicapai daripada <http://www.bls.gov/news.release/pdf/empstat.pdf>
- Cabinet Office Japan. (2020). *Quarterly Estimates of GDP for April-June 2020 (The Second Preliminary Estimates)*. Dicapai daripada https://www.esri.cao.go.jp/en/sna/data/sokuhou/files/2020/toukei_2020.html
- Cabinet Office Japan. (2020). *Recent Economic Developments*. Dicapai daripada <https://www5.cao.go.jp/keizai3/getsurei-e/reference/reference20200903.pdf>
- Central Bank of Philippines. (2020). *Inflation*. Dicapai daripada http://www.bsp.gov.ph/downloads/Publications/2020/IR2qtr_2020.pdf
- Centre For Strategic International Studies (CSIS). (2020). *The Economic Toll of Covid-19 on Southeast Asia: Recession Looms as Growth Prospects Dim*, April 2020. Dicapai daripada <https://www.csis.org/analysis/economic-toll-covid-19-southeast-asia-recession-looms-growth-prospects-dim>
- Center for Strategic and International Studies. (2020). *CSIS IFI COVID-19 Response Tracker, CSIS Economic Program*. Dicapai daripada <https://www.csis.org/analysis/tracking-international-financial-institutions-covid-19-response>
- Coralde, J.L. & Tamonan, M.A. (2020). *MDBs: Fast-Tracking Procurement in the Time of COVID-19*. Dicapai daripada <https://www.devex.com/news/mdbs-fast-tracking-procurement-in-the-time-of-covid-19-97635>
- Department of Finance. (2020). *Economic Bulletin*. Dicapai daripada <https://www.dof.gov.ph/data/economic-bulletin/>
- Department of Statistics, Singapore. (2020). *CPI For August 2020*. Dicapai daripada <https://www.singstat.gov.sg/-/media/files/news/cpiaug2020.pdf>
- Department of Statistics, Singapore. (2020). *Data and News*. Dicapai daripada <https://www.singstat.gov.sg/>

- Economic Intelligence Center. (2020). *Thailand's Growth in Q1 2020*. Dicapai daripada https://www.scbeic.com/en/detail/file/product/6843/fnqybahpf/EICFlash_GDP_Q1_2020_EN_20200525.pdf
- European Central Bank. (2020). Dicapai daripada <https://www.ecb.europa.eu/home/html/index.en.html>
- European Commission. (2020). Dicapai daripada https://ec.europa.eu/info/index_en
- European Economic Forecast, Spring 2020. (2020). Dicapai daripada https://ec.europa.eu/info/sites/info/files/economy-finance/ip125_en.pdf
- Eurostat. (2020). Dicapai daripada <https://ec.europa.eu/eurostat/web/main/home>
- Evans, D. & Over, M. (2020). *The Economic Impact of COVID-19 in Low-and Middle-Income Countries*. Dicapai daripada <https://www.cgdev.org/blog/economic-impact-covid-19-low-and-middle-income-countries>.
- Focus Economics. (2020). *UK Economic Forecast*. Dicapai daripada <https://www.focus-economics.com/countries/united-kingdom>
- France National Institute of Statistics and Economic Studies (Insee). (2020). Dicapai daripada <https://insee.fr/en/accueil>
- Germany Federal Statistical Office (Destatis). (2020). Dicapai daripada https://www.destatis.de/EN/Home/_node.html
- Germany Federal Ministry of Finance. (2020). Dicapai daripada <https://www.bundesfinanzministerium.de/Web/EN/Home/home.html>
- Gopinath, G. (2020). *The Great Lockdown: Worst Economic Downturn Since the Great Depression*. Dicapai daripada <https://blogs.imf.org/2020/04/14/the-great-lockdown-worst-economic-downturn-since-the-great-depression/>
- Humphrey, C. & Annalisa, P. (2014). *Guarantees for Development: A Review of Multilateral Development Bank Operations*. Dicapai daripada <https://www.odi.org/publications/9130-guarantees-development-review-multilateral-development-bank-operations>
- Islamic Development Bank. (2020). *As part of the US\$23 Billion Package, IsDB Provides US\$1.86 Billion to 27 Member Countries to Contain COVID-19*. Dicapai daripada <https://www.isdb.org/news/as-part-of-the-us-23-billion-package-isdb-provides-us-186-billion-to-27-member-countries-to-contain-covid-19>
- Kassim, H. (2020). *The Latest on the UK-EU Negotiations*. Dicapai daripada <https://ukandeu.ac.uk/explainers/the-latest-on-the-uk-eu-negotiations/>
- Lee, N. (2020). *Restructuring Sovereign Debt to Private Creditors in Poor Countries: What's Broken?* Dicapai daripada <https://www.cgdev.org/publication/restructuring-sovereign-debt-private-creditors-poor-countries-whats-broken>
- Maasdorp, L. (2020). *COVID-19: How Multilateral Development Banks can Lead Through a Crisis*. Dicapai daripada <https://www.weforum.org/agenda/2020/07/brics-new-development-bank-leads-member-states-through-the-covid-19-crisis/>
- McKinsey & Company. (2020). *The Coronavirus Effect on Economic Sentiment*. Dicapai daripada <https://www.mckinsey.com>
- Ministry of Commerce and Industry, Department for Promotion of Industry and Internal Trade, Office of the Economics Adviser. (2020). *Wholesale Price Index Press Release Archive*. Dicapai daripada https://eaindustry.nic.in/wpi_press_release_archive.asp
- Ministry of Manpower. (2020). *Summary Table: Unemployment*. Dicapai daripada <https://stats.mom.gov.sg/Pages/Unemployment-Summary-Table.aspx>
- Ministry of Statistics and Programme Implementation. (2020). *Press Note on Estimates of Gross Domestic Product for the First Quarter (April – June) 2020 – 2021*. Dicapai daripada http://mospi.gov.in/sites/default/files/press_release/PRESS_NOTE-Q1_2020-21.pdf
- Ministry of Statistics and Programme Implementation. (2020). *Quick Estimates of Index of Industrial Production*. Dicapai daripada <http://mospi.gov.in/iip>

- Ministry of the Economy, Finance and Recovery, France. (2020). Dicapai daripada <https://www.economie.gouv.fr/>
- Ministry of Trade and Industry Singapore. (2020). *Economic Survey of Singapore Second Quarter 2020*. Dicapai daripada https://www.mti.gov.sg/-/media/MTI/Resources/Economic-Survey-of-Singapore/2020/Economic-Survey-of-Singapore-Second-Quarter-2020/FullReport_2Q20.pdf
- Monetary Authority of Singapore. (2020). *Recent Economic Development in Singapore, July 2020*. Dicapai daripada <https://www.mas.gov.sg/publications/recent-economic-developments/recent-economic-developments-in-singapore-july-2020>
- Moody's Investors Service. (2020). *Coronavirus – ASEAN-5. Policy Response Provides Some Support But Unlikely To Offset Rising Credit Risk*. 25 June 2020. Dicapai daripada https://www.moody.com/research/Moodys-ASEAN-5-face-rising-credit-risk-as-stimulus-measures--PBC_1235355?showPdf=true
- Morris, S. (2020). *Coronavirus Response: Addressing the Near-Term Financing Needs of Low-Income Countries*. Dicapai daripada <https://www.cgdev.org/blog/coronavirus-response-addressing-near-term-financing-needs-low-income-countries>
- National Bureau of Statistics of China. (2020). *Preliminary Accounting Results of GDP for the Second Quarter and the First Half Year of 2020*. Dicapai daripada http://www.stats.gov.cn/english/PressRelease/202007/t20200717_1776596.html
- National Bureau of Statistics of China. (2020). *The National Economy Sustained Steady Recovery in August*. Dicapai daripada http://www.stats.gov.cn/english/PressRelease/202009/t20200915_1789533.html
- National Informatics Centre, Ministry of Electronics & Information Technology. (2020). Dicapai daripada <https://aatmanirbharbharat.mygov.in>
- Nelson, R.M. & Weiss, M.A. (2020). *COVID-19: Role of the International Financial Institutions*. (Report Number R46342). Dicapai daripada <https://www.everycrsreport.com/reports/R46342.html>
- Office for National Statistics. (2020). Dicapai daripada <https://www.ons.gov.uk/>
- Office for National Statistics. (2020). *GDP Quarterly National Accounts, UK: April to June 2020*. Dicapai daripada <https://www.ons.gov.uk/economy/grossdomesticproductgdp/bulletins/quarterlynationalaccounts/apriltojune2020>
- Office for National Statistics. (2020). *Inflation and Price Indices*. Dicapai daripada <https://www.ons.gov.uk/economy/inflationandpriceindices>
- Office for National Statistics. (2020). *Unemployment*. Dicapai daripada <https://www.ons.gov.uk/employmentandlabourmarket/peopleinwork/unemployment>
- Office of The National Economic and Social Development Council, Thailand. (2020). *Economic Report Quarterly Statistics*. Dicapai daripada Office of The National Economic and Social Development Council: https://www.nesdc.go.th/nesdb_en/article_attach/article_file_20200525140723.pdf
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2020). *Business Insights On Emerging Markets*. Dicapai daripada <https://www.oecd.org/dev/EMnet-Business-Insights-2020.pdf>
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2020). *Economic Outlook, Interim Report. Coronavirus (COVID-19): Living With Uncertainty, Sept. 2020*. Dicapai daripada <https://www.oecd-ilibrary.org>
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2020) *Economic Outlook Volume 2020 Issue 1: The World Economy on a Tightrope*. Dicapai daripada <http://www.oecd.org/economic-outlook/june-2020/>
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2020). *Interim Report: Coronavirus (COVID-19)- Living With Uncertainty, Sept. 2020*. Dicapai daripada <https://www.oecd-ilibrary.org>
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). (2020). *Coronavirus Disease Dashboard*. Dicapai daripada <https://covid19.who.int/>

- Pettinger, T. (2020). *Threats to UK Economy*. Dicapai daripada <https://www.economicshelp.org>
- Pettinger, T. (2020). *UK Unemployment Stats and Graphs*. Dicapai daripada <https://www.economicshelp.org/stats/>
- Philippines News Agency. (2020). *CITIRA Passage, BBB to Help Economic Recovery: Dominguea*. Dicapai daripada <https://www.pna.gov.ph/articles/1102563>
- Philippines Statistics Authority. (2020). *Press Release*. Dicapai daripada <http://www.psa.gov.ph/national-accounts/base-2018/estimates>
- Philippines Statistics Authority. (2020). *Special Release-Merchandise Trade*. Dicapai daripada <http://www.psa.gov.ph>
- PwC. (2020). *UK Economic Update, September 2020*. Dicapai daripada <https://pwc.co.uk/premium/covid-19/uk-economic-update-covid-19.pdf>
- Read, S. (2020). *Coronavirus Furlough Scheme to Finish at End of October, says Chancellor, BBC*. Dicapai daripada <https://www.bbc.com/news/business-52853333>
- Reserve Bank of Australia. (2020). *Statement on Monetary Policy*. Dicapai daripada <https://www.rba.gov.au/publications/smp/2020>.
- Reserve Bank of India. (2020). *Minutes of the Monetary Policy Committee Meeting May 20 to 22, 2020*. Dicapai daripada <https://rbidocs.rbi.org.in/rdocs/PressRelease/PDFs/PR24591AE8154A8C00484D85E29CA51184761D.PDF>
- Societe Generale. (2020). *Country Risk of the United Kingdom: Economy*. Dicapai daripada <https://import-export.societegenerale.fr/en/country/united-kingdom/economy-country-risk>
- Statistics Indonesia. (2020). *Data and News*. Dicapai daripada <https://www.bps.go.id/>
- Statistics Indonesia. (2020). *Economic Growth of Indonesia Second Quarter 2020*. Dicapai daripada <https://www.bps.go.id/pressrelease/2020/08/05/1737/-ekonomi-indonesia-triwulan-ii-2020-turun-5-32-persen.html>
- Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). (2020). *Fiscal Monitor: Policies for the Recovery*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/FM/Issues/2020/09/30/october-2020-fiscal-monitor>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2020). *Germany's Short-Time Work Benefit*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/News/Articles/2020/06/11/na061120-kurzarbeit-germanys-short-time-work-benefit>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2020). *IMF Staff Country Report. United States: 2020 Article IV Consultation-Press Release; Staff Report; and Statement by the Executive Director for United States*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/CR/Issues/2020/08/07/United-States-2020-Article-IV-Consultation-Press-Release-Staff-Report-and-Statement>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2020). *Monetary And Financial Policy Responses For Emerging Market And Developing Economies. 8 June 2020*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/SPROLLS/covid19-special-notes>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2020). *Policy Tracker, United States of America*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Topics/imf-and-covid19/Policy-Responses-to-COVID-19#U>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2020). *Speech on the Global and Asia Economic Outlook. Greater Bay Area Chief Economist Forum*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/News/Articles/2020/07/10/sp071020-speech-on-the-global-and-asia-economic-outlook>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2020). *World Economic Outlook, Update June 2020: A Crisis Like No Other, An Uncertain Recovery*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2020/06/24/WEOUpdateJune2020>.
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2020). *World Economic Outlook, April 2020: The Great Lockdown*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/WEO/Issues/2020/04/14/weo-april-2020>.

The Economist Intelligence Unit. (2020). *Country Report on France*. Dicapai daripada http://www.eiu.com/index.asp?layout=country&geography_id=1350000135

The Economist Intelligence Unit. (2020). *Country Report on Germany*. Dicapai daripada http://www.eiu.com/index.asp?layout=country&geography_id=1360000136

The Economic Intelligence Unit. (2020). *Country Report on United Kingdom*. Dicapai daripada http://www.eiu.com/index.asp?layout=displayIssue&publication_id=1700000970

The Economist. (2020). *The Geopolitics of 5G: America's War on Huawei Nears its Endgame*. Dicapai daripada <https://www.economist.com/briefing/2020/07/16/americas-war-on-huawei-nears-its-endgame>

The Straits Times. (2020). *Coronavirus Pandemic To Bring Asia's Growth To A Halt For 1st Time In 60 Years: IMF. Press Release, 16 April 2020*. Dicapai daripada <https://www.straitstimes.com/business/economy/pandemic-to-bring-asias-growth-to-a-halt-for-1st-time-in-60-years-imf>

World Trade Organization. 2016. *Trade Finance and SMEs: Bridging the Gaps in Provision*. Dicapai daripada https://www.wto.org/english/res_e/publications_e/tradefinsme_e.htm

BAB 3

Tinjauan Makroekonomi

75 PERSPEKTIF KESELURUHAN

75 SEKTORAL

Rencana 3.1 – Ekonomi Gig

Rencana 3.2 – Pendigitalan dalam Industri Logistik

Rencana 3.3 – Perusahaan Kecil dan Sederhana:
Membina Daya Tahan bagi Menghadapi Krisis

Sisipan 3.1 – Kepentingan Sektor Komoditi kepada
Ekonomi Malaysia

98 PERMINTAAN DOMESTIK

Rencana 3.4 – Ekonomi Bayangan di Malaysia

103 SEKTOR LUAR NEGERI

109 HARGA

Rencana 3.5 – Hubungan Dinamik antara Indeks
Harga Pengguna dengan Indeks Harga Pengeluar

113 PASARAN BURUH

115 KESIMPULAN

116 RUJUKAN

TINJAUAN EKONOMI MALAYSIA

2020

**Ekonomi
Dijangka
Menguncup**

-4.5%

2019: 4.3%



KDNK PADA HARGA MALAR 2015

RM1,357.7 BILION



KDNK PADA HARGA SEMASA

RM1,439.4 BILION



PENDAPATAN NEGARA KASAR
PADA HARGA SEMASA

RM1,415.7 BILION



IMBANGAN AKAUN SEMASA DALAM BOP

RM48.5 BILION
(3.4% DARIPADA PNK)



INDEKS HARGA PENGGUNA

-1.0%



KADAR PENGANGGURAN

4.2%



Penawaran (% setahun)



PERKHIDMATAN

-3.7%
2019: 6.1%



PEMBUATAN

-3.0%
3.8%



PEMBINAAN

-18.7%
0.1%



PERLOMBONGAN

-7.8%
-2.0%



PERTANIAN

-1.2%
2.0%

Permintaan (% setahun)



PENGUNAAN
SWASTA

-0.7%
2019: 7.6%



PEMBENTUKAN
MODAL TETAP
KASAR

-11.1%
-2.1%



PENGUNAAN
AWAM

1.6%
2.0%



EKSPORT

-13.4%
-1.3%



IMPORT

-11.9%
-2.5%

TINJAUAN EKONOMI MALAYSIA

**Ekonomi
Dijangka
Melonjak**

6.5%–7.5% 2020:-4.5%

2021



KDNK PADA HARGA MALAR 2015

RM1,450.8 BILION



KDNK PADA HARGA SEMASA

RM1,568.1 BILION



PENDAPATAN NEGARA KASAR
PADA HARGA SEMASA

RM1,526.5 BILION



IMBANGAN AKAUN SEMASA DALAM BOP

RM20.3 BILION
(1.3% DARIPADA PNK)



INDEKS HARGA PENGGUNA

2.5%



KADAR PENGANGGURAN

3.5%

Penawaran (% setahun)



PERKHIDMATAN

7.0%
2020: -3.7%



PEMBUATAN

7.0%
-3.0%



PEMBINAAN

13.9%
-18.7%



PERLOMBONGAN

4.1%
-7.8%



PERTANIAN

4.7%
-1.2%

Permintaan (% setahun)



PENGUNAAN
SWASTA

7.1%
2020: -0.7%



PEMBENTUKAN
MODAL TETAP
KASAR

9.5%
-11.1%



PENGUNAAN
AWAM

2.0%
1.6%



EKSPORT

8.7%
-13.4%



IMPORT

9.2%
-11.9%

BAB 3

Tinjauan Makroekonomi

Perspektif Keseluruhan

Pemulihan ekonomi secara berperingkat pada separuh kedua 2020 sebelum kembali normal pada 2021

Ekonomi Malaysia menerima impak menyeluruh daripada pandemik COVID-19 pada suku kedua 2020 dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar merosot sebanyak 17.1% terutamanya disebabkan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membendung penularan wabak. Walaupun pelaksanaan PKP menjejaskan semua sektor ekonomi, namun langkah tersebut perlu bagi meratakan lengkungan COVID-19 untuk menyelamatkan nyawa. Justeru, Kerajaan telah mengumumkan pelbagai pakej rangsangan ekonomi berjumlah RM305 bilion untuk menyokong isi rumah dan perniagaan. Pembukaan ekonomi secara berperingkat juga menyokong pertumbuhan ekonomi yang dijangka bertambah baik secara beransur-ansur pada separuh kedua 2020 bagi mengimbangi penguncupan ketara pada separuh pertama. Sehubungan itu, KDNK diunjur menyusut sebanyak 4.5% pada 2020 sebelum melonjak antara 6.5% – 7.5% pada 2021. Berikutan tindakan tegas dan pantas yang diambil oleh Kerajaan, Malaysia telah diiktiraf sebagai antara negara yang paling berjaya dalam mengawal impak pandemik terhadap sosio-ekonomi.

Walaupun permintaan domestik dijangka kekal rendah sepanjang 2020, namun terdapat tanda pemulihan pada separuh kedua terutamanya dalam penggunaan swasta. Dari aspek sektor luar, kejatuhan permintaan global dan perdagangan dunia menyebabkan penguncupan eksport pada 2020. Walaubagaimanapun, lebih akaun semasa dalam imbalan pembayaran dijangka terus kekal pada 2020. Dari sudut penawaran pula, semua sektor dijangka menyusut kesan

daripada krisis yang belum pernah berlaku sebelum ini. Walau bagaimanapun, momentum pemulihan meningkat pada suku ketiga terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan selaras dengan pembukaan semula aktiviti ekonomi.

Sektoral

Sektor Perkhidmatan

Norma baharu mempercepat pertumbuhan ekonomi digital

Sektor **perkhidmatan** menguncup sebanyak 6.7% pada separuh pertama 2020 terutamanya disebabkan oleh larangan perjalanan di seluruh dunia, sekatan pergerakan dan kuarantin dalam negara yang memberi kesan teruk kepada subsektor berkaitan pelancongan dan syarikat penerbangan. Antara subsektor yang terjejas teruk termasuk perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan

JADUAL 3.1. KDNK mengikut Sektor, 2019 – 2021
(pada harga malar 2015)

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2020 ¹	2019	2020 ¹	2021 ²
Perkhidmatan	58.1	6.1	-3.7	7.0
Pembuatan	22.6	3.8	-3.0	7.0
Pertanian	7.4	2.0	-1.2	4.7
Perlombongan	6.9	-2.0	-7.8	4.1
Pembinaan	4.0	0.1	-18.7	13.9
KDNK	100.0	4.3	-4.5	6.5 – 7.5

¹ Anggaran

² Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

penginapan, pengangkutan dan penyimpanan serta hartanah dan perkhidmatan perniagaan. Walau bagaimanapun, subsektor maklumat dan komunikasi berkembang berikutan peningkatan transaksi dalam talian secara signifikan semasa pelaksanaan PKP. Sektor perkhidmatan dijangka mencatat penguncupan lebih kecil sebanyak 1% pada separuh kedua 2020 terutamanya disokong oleh pembukaan semula aktiviti ekonomi secara berperingkat. Secara keseluruhan, sektor ini diunjur menyusut sebanyak 3.7% pada 2020 sebelum melonjak sebanyak 7% pada 2021. Semua subsektor dijangka mencatat pertumbuhan positif berikutan aktiviti ekonomi kembali normal pada 2021.

Subsektor perdagangan borong dan runcit merosot sebanyak 10.8% pada separuh pertama 2020 disebabkan oleh gangguan rantai bekalan global dan domestik. Subsektor ini diunjur mencatat penguncupan lebih kecil sebanyak 1.9% pada separuh kedua tahun ini. Prestasi ini didorong oleh pembukaan semula operasi perniagaan secara berperingkat, penggunaan platform dalam talian, penyediaan bantuan kewangan, peningkatan kempen jualan dan pengecualian cukai jualan bagi pembelian kereta baharu. Subsektor ini dijangka menguncup sebanyak 6.1% pada 2020 seterusnya diunjur melonjak sebanyak 8.5% disokong oleh semua segmen pada 2021. Segmen borong dijangka disokong oleh industri berasaskan makanan. Pada masa yang sama, pengembangan aktiviti e-dagang akan menyokong segmen runcit. Pertumbuhan segmen kenderaan bermotor pula akan disokong oleh pengenalan model kereta baharu dan peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah.

Subsektor **maklumat dan komunikasi** meningkat sebanyak 5.8% pada separuh pertama 2020 terutamanya disokong oleh penggunaan internet yang tinggi khususnya aktiviti transaksi dalam talian, hiburan, pendidikan dan bekerja dari rumah (BDR). Pertumbuhan subsektor ini dijangka terus berkembang sebanyak 7.1% pada separuh kedua 2020 didorong oleh inisiatif Kerajaan. Inisiatif ini termasuk pengecualian cukai sehingga RM5,000 bagi peralatan teknologi, maklumat dan komunikasi (ICT) untuk menyokong BDR dan pelepasan khas cukai sehingga RM2,500 kepada individu untuk

pembelian peralatan digital. Subsektor ini dijangka meningkat sebanyak 6.4% pada 2020 disokong oleh aktiviti BDR, komunikasi secara maya dan perniagaan dalam talian yang menjadi kebiasaan baharu. Subsektor ini diunjur berkembang sebanyak 7.9% pada 2021 dengan penggunaan spektrum rangkaian selular generasi kelima (5G) bagi menyokong aktiviti e-dagang dan e-pembelajaran. Pelancaran Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara dan Blueprint Ekonomi Digital pada suku keempat 2020 dijangka dapat meningkatkan produktiviti dan daya saing subsektor ini. Penubuhan Pasukan Petugas Ekonomi Digital Malaysia yang memberi penekanan kepada digital teknologi, keselamatan siber, perdagangan dan kandungan digital dijangka turut menyokong perkembangan subsektor ini.

Subsektor **kewangan dan insurans** menguncup secara marginal sebanyak 0.2% pada separuh pertama 2020 terutamanya disebabkan oleh moratorium berskala besar

JADUAL 3.2. Prestasi Sektor Perkhidmatan, 2019 – 2021
(pada harga malar 2015)


	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2020 ¹	2019	2020 ¹	2021 ²
Perdagangan borong dan runcit	28.8	6.7	-6.1	8.5
Kewangan dan insurans	11.8	4.6	-0.1	5.5
Maklumat dan komunikasi	11.4	6.6	6.4	7.9
Hartanah dan perkhidmatan perniagaan	7.7	7.8	-11.6	7.6
Pengangkutan dan penyimpanan	6.0	6.8	-11.9	7.5
Makanan & minuman dan penginapan	5.5	9.6	-13.3	10.7
Utiliti	4.9	6.0	1.7	5.7
Perkhidmatan lain	8.2	5.5	-8.1	6.2
Perkhidmatan kerajaan	15.7	3.7	4.0	3.7
Perkhidmatan	100.0	6.1	-3.7	7.0

¹ Anggaran

² Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

RAJAH 3.1. Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan

¹ Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Lapangan Terbang Antarabangsa Senai; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; Malaysia Airports Holdings Berhad; dan tujuh pelabuhan utama (Bintulu, Johor, Klang, Kuantan, Kuching, Pulau Pinang dan Tanjung Pelepas)

RENCANA 3.1


Ekonomi Gig

Pengenalan

Ekonomi gig merupakan satu sistem pasaran bebas berlandaskan pekerjaan bersifat sementara dan syarikat cenderung menggaji pekerja bebas dalam tempoh jangka masa pendek. Ekonomi gig juga bercirikan kerja yang fleksibel, sementara atau bebas dengan pendapatan dan waktu kerja yang tidak menentu berbanding dengan ekonomi tradisional. Elemen digital merupakan aspek utama yang membezakan antara cara kerja ekonomi gig dengan pekerjaan tradisional (Burtch et al., 2016). Menurut Khazanah Research Institute (2019), antara kelebihan menjadi pekerja bebas atau gig termasuk memperoleh pendapatan tambahan, jadual kerja yang lebih fleksibel, akses pasaran yang lebih mudah melalui internet dan kos menjalankan perniagaan yang lebih rendah.

Pada 2019, Indeks Global Gig-Economy melaporkan bahawa pekerja bebas di AS mencatat pertumbuhan pendapatan yang paling ketara pada 78% diikuti oleh UK (59%) dan Brazil (48%). Penyedia platform perantara perkhidmatan digital di AS seperti Uber, Airbnb dan Lyft merupakan tunjang kepada ekonomi gig. Kaji selidik oleh MBO Partners (2017) pula mendapati hampir 60% tenaga kerja di AS akan menjadi profesional bebas dan syarikat akan berbelanja sehingga USD6 bilion bagi menambah baik hak pekerja gig menjelang 2027.

RAJAH 3.1.1. Pertumbuhan Terpentas bagi Pendapatan Pekerja Bebas untuk 10 Negara Teratas, 2019



Sumber: Indeks Global Gig-Economy, 2019

JADUAL 3.1.1. Perbezaan antara Ekonomi Gig dan Tradisional

CIRI-CIRI	EKONOMI GIG	EKONOMI TRADISIONAL
Definisi	Ekonomi berlandaskan pekerjaan fleksibel dan sementara dan syarikat cenderung mengambil pekerja dan kontraktor bebas berbanding pekerja sepenuh masa	Syarikat cenderung menggaji pekerja secara sepenuh masa
Jenis Pekerjaan	Menawarkan pekerjaan sementara secara kontrak atau jangka pendek	Menawarkan pekerjaan jangka panjang dan tetap
Fleksibiliti	Tahap fleksibiliti kerja yang tinggi	Waktu kerja yang rigid dan tetap
Manfaat Pekerja	Tidak menikmati faedah tambahan	Menikmati faedah tambahan seperti insurans kesihatan dan cuti rehat

CIRI-CIRI	EKONOMI GIG	EKONOMI TRADISIONAL
Kos kepada Majikan	Tidak perlu menanggung kos overhed bagi faedah tambahan, ruang pejabat dan latihan pekerja	Perlu menanggung kos overhed bagi faedah tambahan, ruang pejabat dan latihan pekerja
Monotoni Kerja	Keluar dari kebiasaan dan menggalakkan kreativiti serta inovasi	Kurang kepelbagaian menyebabkan penurunan motivasi, kreativiti dan inovasi

Sumber: DifferenceBetween.net, 2020


Ekonomi Gig di Malaysia

Kajian oleh Zurich-University of Oxford (2018) mendapati bahawa 38% responden di Malaysia yang bekerja sepenuh masa ingin menceburi ekonomi gig dalam 12 bulan akan datang. Sementara itu, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (2019) mendapati hampir 40% tenaga kerja akan menjadi pekerja gig dalam lima tahun akan datang, jauh lebih tinggi daripada purata global sebanyak 20%. Kebangkitan generasi milenium¹ dan teknologi digital merupakan faktor utama menyumbang kepada lonjakan ini.

Kebangkitan Generasi Milenium


Kebanyakan generasi milenium tidak lagi berminat dengan konsep pekerjaan yang terjamin dan tetap. Generasi milenium dibesarkan dalam era teknologi dan menjadikan golongan ini lebih celik digital. Ekonomi gig beserta ciri-ciri platform atas talian menyediakan kemudahan kepada generasi milenium untuk mengembangkan bakat dan kebolehan mereka (Hershatter & Epstein, 2010). Sehubungan itu, generasi ini menyumbang sebahagian besar guna tenaga dalam ekonomi gig yang menawarkan fleksibiliti lebih tinggi. Di Malaysia, terdapat hampir 15.6 juta tenaga buruh dan 1.3 juta daripada jumlah ini berada dalam sektor informal. Daripada jumlah pekerja dalam sektor informal ini, 50.2% berada dalam kumpulan umur 25 hingga 44 tahun (2013: 46.5%) (Rajah 3.1.2.). Data ini menunjukkan kebanyakan generasi milenium lebih cenderung untuk tidak terlibat dalam guna tenaga tradisional kerana ekonomi gig menawarkan kebebasan dan fleksibiliti yang lebih tinggi sesuai dengan aspirasi generasi ini.

RAJAH 3.1.2. Guna Tenaga dalam Sektor Informal mengikut Kumpulan Umur, 2019 (% bahagian)



Sumber: Laporan Survei Guna Tenaga Sektor Informal, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019

RAJAH 3.1.3. Guna Tenaga dalam Sektor Informal mengikut Kumpulan Umur, 2013 – 2019



¹ Merujuk kepada kelahiran antara 1981 dan 1996 (Pew Research Centre, 2019).


Peningkatan Teknologi Digital

Ekonomi digital di Malaysia berkembang sebanyak 18.5% antara 2015 hingga 2019 setahun. Pada 2020, Malaysia kekal berada di kedudukan ke-26 daripada 63 negara dalam IMD World Digital Competitiveness Ranking 2020. Kerajaan menyediakan pelaburan yang besar dalam teknologi digital. Inisiatif ini menjadikan rakyat Malaysia antara yang paling terhubung secara digital dan mewujudkan beberapa syarikat digital baru mula terkemuka Asia Tenggara (Bank Dunia, 2018). Oleh kerana pendigitalan merupakan peneraju utama ekonomi gig, peningkatan platform digital mendorong lebih banyak generasi milenium menjadi pekerja gig dan pekerja bebas. Sehingga Ogos 2020, terdapat sekitar 140 platform yang menyediakan peluang kepada pekerja gig dan bebas dengan anggaran 540,000 pekerja yang aktif di Malaysia. Firma seperti Grab dan Foodpanda terus mencatat peningkatan jumlah pekerja gig. Selain itu, terdapat sekitar 190,000 pekerja gig yang menyediakan perkhidmatan sebagai penunggang dan pemandu di pelbagai platform logistik dan penghantaran di negara ini.

Isu dan Cabaran yang Dihadapi oleh Pekerja Gig

Pekerja gig tidak menerima manfaat pekerjaan yang stabil dengan gaji dan faedah yang tetap meskipun mempunyai fleksibiliti kerja yang lebih tinggi. Di samping itu, belum terdapat peraturan, undang-undang atau panduan khusus bagi melindungi kebajikan kumpulan ini kecuali peruntukan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] yang mewajibkan individu bekerja sendiri mendaftar dan mencarum di bawah skim ini. Pekerja gig tidak dilindungi secara sah di bawah peruntukan buruh seperti gaji minimum, had waktu bekerja, cuti tahunan dan cuti sakit serta pemberhentian kerja yang tidak adil memandangkan kumpulan ini tidak diiktiraf sebagai pekerja formal. Selain itu, pekerja gig tidak mempunyai jaringan keselamatan kewangan termasuk pencen dan caruman KWSP seperti yang dinikmati pekerja tradisional. Kaji selidik oleh The Centre (2019) ke atas lebih 400 pemandu e-panggilan dan penghantaran mendapati hampir 60% responden tiada simpanan kecemasan manakala 59% tiada tabungan untuk hari tua atau persaraan.

RAJAH 3.1.4. Keselamatan Kewangan dalam kalangan Pemandu E-panggilan dan Penghantaran, 2019



Melangkah ke Hadapan

Menyediakan Tenaga Kerja

Tenaga kerja perlu dilengkapi dengan kemahiran bersesuaian untuk menyokong ekonomi gig sebagai salah satu sumber baharu kepada pertumbuhan negara. Keperluan ini termasuk menyediakan lebih banyak latihan dalam pembangunan perisian dan teknologi, karya kreatif dan multimedia, kemasukan dan analisis data serta penulisan dan terjemahan (Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2019). Program latihan Global Online Workforce (GLOW) telah dimulakan oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dengan peruntukan sebanyak RM25 juta bagi membolehkan rakyat Malaysia menjana pendapatan lebih tinggi melalui pendigitalan. Kerajaan juga telah melancarkan Program myGIG pada 23 Jun 2020 untuk menyokong penyertaan belia dalam ekonomi gig dengan menyediakan latihan dan peralatan sokongan yang sesuai.

Selaras dengan peningkatan graduan dalam ekonomi gig, institusi pengajian tinggi (IPT) perlu beralih daripada sistem pengajaran dan pembelajaran yang hanya memberi fokus kepada melahirkan pelajar untuk menjadi pekerja sepenuh masa. Kaedah tradisional ini perlu ditambah baik untuk menyediakan kemahiran yang diperlukan bagi meningkatkan kesediaan graduan menceburi kerjaya dalam ekonomi gig. Justeru, IPT perlu memperkenalkan kemahiran asas bagi menyediakan graduan untuk bekerja secara bebas, memperluas perkhidmatan kerjaya yang meliputi ekonomi gig dan mempromosikan kursus dalam talian. Langkah merangka semula silibus perniagaan seperti pembelajaran untuk bekerja sendiri dan menjalankan perniagaan dapat mempersiapkan pelajar untuk bebas menentukan laluan kerjaya. Di samping itu, penggunaan teknologi perlu dipertingkatkan dalam pengajaran kemahiran penting seperti pembelajaran sendiri, komunikasi berkesan, pemikiran kritis, penyelesaian masalah, kolaborasi dan pengurusan projek.

Penyediaan perkhidmatan kerjaya melalui pembangunan aplikasi dan laman web juga akan membantu pelajar mencari projek dan tugas jangka masa pendek. Sebagai contoh, The DePaul School of Music di AS menggunakan aplikasi *The Gig Connection* untuk membantu pelajar mencari pekerjaan bebas di seluruh Chicago. Universiti Boston pula telah membangunkan platform *Quick Job* yang menawarkan maklumat mengenai peluang jangka masa pendek kepada pelajar bagi membantu dalam kajian penyelidikan perubatan. Di samping itu, IPT perlu memberi penekanan ke atas kursus dan program dalam talian yang memberi pilihan kepada pelajar untuk mengikuti pembelajaran berdasarkan kemampuan diri dan lokasi. Pendekatan ini akan membolehkan IPT memperkukuh persiapan pelajar untuk menyertai ekonomi gig.

Mengawal Selia Ekonomi Gig

Kerajaan sedang mempertimbangkan undang-undang baharu untuk mengawal selia ekonomi gig bagi melindungi kebajikan pekerja gig. Satu jawatankuasa khas yang terdiri daripada wakil tiga kementerian² telah dibentuk untuk merangka penyelesaian jangka masa panjang bagi menangani pelbagai isu mengenai ekonomi gig di negara ini. Jawatankuasa khas juga akan mencari kaedah untuk mewujudkan situasi menang-menang bagi pekerja dan majikan.

Kesimpulan

Kemunculan platform digital yang menghubungkan pekerja bebas dengan perniagaan dan kebangkitan generasi milenium merupakan penyumbang kepada lonjakan ekonomi gig. Ekonomi ini menawarkan faedah terutamanya fleksibiliti kepada pekerja. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai isu dan cabaran termasuk status dan kebajikan pekerja gig yang perlu diberi perhatian sebelum ekonomi gig menjadi sumber pertumbuhan yang mampan. Justeru, Kerajaan telah memulakan beberapa inisiatif untuk memastikan perkembangan ekonomi gig. Melangkah ke hadapan, rombak silibus, menggabungkan pembelajaran dan peningkatan kemahiran diperlukan untuk mempersiapkan graduan dalam ekonomi gig.

² Kementerian Sumber Manusia; Kementerian Belia dan Sukan; dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

selama enam bulan dan aktiviti pinjaman yang lebih perlahan. Walau bagaimanapun, prestasi segmen insurans yang lebih baik disokong oleh peningkatan langganan insurans hayat yang mengimbangi sebahagian daripada penguncupan subsektor secara keseluruhannya. Tren ini dijangka berterusan pada separuh kedua 2020 berikutan pelanjutan tempoh moratorium bayaran pinjaman secara bersasar. Secara keseluruhan, subsektor ini dijangka menyusut secara marginal sebanyak 0.1% pada 2020 disumbangkan oleh peningkatan dalam segmen insurans yang mencerminkan kesan bersih berikutan premium lebih tinggi dan tuntutan lebih rendah.

Subsektor ini dijangka melonjak sebanyak 5.5% pada 2021 terutamanya dipacu oleh segmen kewangan berikutan manfaat normalisasi bayaran balik pinjaman dan pemberian pinjaman bank secara berterusan selari dengan aktiviti ekonomi domestik yang lebih kukuh. Segmen insurans juga dijangka terus meningkat dengan promosi penetapan harga secara inovatif dan berasaskan risiko bagi insurans motor dan kebakaran. Selain itu, pelancaran Pelan Sektor Kewangan 2021 – 2025 pada suku pertama 2021 dan pelaksanaan inisiatif dijangka dapat merencanakan pertumbuhan subsektor ini.

Subsektor **hartanah dan perkhidmatan perniagaan** menyusut sebanyak 11.3% pada separuh pertama 2020 terutamanya disebabkan oleh pemberhentian sementara aktiviti pembinaan semasa PKP. Subsektor ini dijangka terus menguncup sebanyak 11.9% pada separuh kedua dan 11.6% bagi 2020 berikutan penangguhan projek pembinaan serta aktiviti perniagaan yang perlahan. Walau bagaimanapun, dengan jangkaan pemulihan ekonomi dan pelaksanaan semula projek infrastruktur yang tertangguh, subsektor ini dijangka kembali pulih sebanyak 7.6% pada 2021. Sementara itu, pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT), pelancaran Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) dan Skim Sewa untuk Beli (RTO), pelanjutan Skim Perumahan Belia (YHS) dan Kempen Pemilikan Rumah (HOC) dijangka menyokong subsektor ini. Di samping itu, permintaan yang lebih tinggi terhadap perkhidmatan berkaitan pembinaan dijangka memacu segmen perkhidmatan perniagaan.

Subsektor **pengangkutan dan penyimpanan** menyusut dengan ketara sebanyak 24% pada separuh pertama 2020 dengan semua segmen sangat terkesan berikutan penutupan pintu masuk sempadan dan aktiviti perdagangan yang rendah. Walau bagaimanapun, subsektor ini diunjur menyusut secara marginal sebanyak 0.5% pada separuh kedua 2020 berikutan penarikan balik larangan perjalanan rentas negeri, peningkatan pelancong domestik, penambahbaikan aktiviti perdagangan serta pelonggaran langkah kawalan di pelabuhan. Subsektor ini dijangka menguncup 11.9% pada 2020 disebabkan oleh pelanjutan tempoh penutupan pintu masuk sempadan bagi aktiviti berkaitan pelancongan dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga akhir tahun.

Subsektor ini diunjur melonjak sebanyak 7.5% pada 2021 disokong oleh segmen pengangkutan darat berikutan bermulanya operasi lebuhraya baharu seperti Lebuhraya Setiawangsa – Pantai (SPE), Lebuhraya Damansara – Shah Alam (DASH) dan sebahagian daripada Lebuhraya Pan Borneo. Selain itu, pelancaran tujuh set tren empat gerabak untuk KL Monorail dijangka dapat meningkatkan kapasiti penumpang harian. Pada masa yang sama, segmen pengangkutan udara dijangka pulih secara menyederhana disumbangkan oleh peningkatan aliran perjalanan penumpang domestik dan pergerakan kargo. Segmen pengangkutan air dijangka berkembang secara berperingkat berikutan perdagangan maritim dunia yang kembali pulih.

Subsektor **makanan & minuman dan penginapan** menguncup sebanyak 19.9% pada separuh pertama 2020 kesan daripada pelaksanaan PKP yang mengehadkan pergerakan dan operasi perniagaan. Subsektor ini dijangka terus menyusut sebanyak 7.3% pada separuh kedua 2020 berikutan penurunan berterusan jumlah ketibaan pelancong asing. Subsektor ini diunjur menguncup sebanyak 13.3% pada 2020 terutamanya disebabkan oleh prestasi segmen penginapan yang perlahan berikutan penurunan yang ketara dalam jumlah ketibaan pelancong. Walau bagaimanapun, permintaan yang tinggi terhadap penghantaran makanan dalam talian serta aktiviti pelancongan domestik dijangka akan mengimbangi kesan kejatuhan subsektor tersebut.

Subsektor ini dijangka berkembang dengan ketara sebanyak 10.7% pada 2021 terutamanya didorong oleh aktiviti berkaitan pelancongan domestik dan disokong oleh beberapa inisiatif yang diperkenalkan. Inisiatif tersebut termasuk pengecualian cukai pelancongan dan cukai ke atas perkhidmatan penginapan serta pelanjutan pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 ke atas perbelanjaan melancong dalam negara. Selain itu, pakej menarik yang digabungkan dengan promosi, pemasaran dan kempen melalui platform digital yang bertujuan mengembalikan keyakinan rakyat dijangka akan merancakkan semula industri pelancongan domestik. Pelaksanaan Laluan Hijau Timbal Balik dan Pengaturan Ulang Alik Berkala antara Malaysia dengan Singapura melibatkan perjalanan rentas sempadan bagi urusan rasmi perniagaan dan pekerjaan juga akan membantu memacu subsektor ini. Usaha Kerajaan untuk mempromosikan gelembung perjalanan (*travel bubble*) dengan lebih banyak destinasi dijangka akan terus menyokong subsektor ini.

Subsektor **utiliti** menyusut sebanyak 2% pada separuh pertama 2020 berikutan penggunaan yang lebih rendah dalam segmen industri. Walau bagaimanapun, subsektor ini diunjur kembali meningkat sebanyak 5.3% pada separuh kedua 2020 berikutan pembukaan semula aktiviti perindustrian.

Secara keseluruhan, subsektor ini dijangka berkembang sebanyak 1.7% pada 2020 disokong oleh permintaan tinggi dalam segmen kediaman dan perindustrian. Subsektor ini diunjur terus meningkat kepada 5.7% pada 2021 terutamanya disokong oleh penggunaan yang tinggi dalam segmen perindustrian selari dengan pengembangan aktiviti ekonomi serta pelaksanaan projek tenaga boleh baharu dan Program Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Subsektor **perkhidmatan lain** menguncup sebanyak 9.6% pada separuh pertama 2020 disebabkan oleh kehadiran pelancong kesihatan yang rendah dan pendaftaran kemasukan ke universiti dan kolej swasta yang berkurangan. Pertumbuhan subsektor ini dijangka menyusut sebanyak 6.6% pada separuh kedua 2020 berikutan kemasukan semula pelajar asing sedia ada dan pesakit kritikal kecuali daripada negara berisiko tinggi dengan kes positif COVID-19 melebihi 150,000. Sehubungan itu, subsektor ini dijangka menguncup sebanyak 8.1% pada 2020. Subsektor ini diunjur berkembang sebanyak 6.2% pada 2021 didorong oleh penjenamaan dan pemasaran digital yang agresif untuk pelancongan kesihatan kepada negara terpilih seperti Cambodia, China, Indonesia dan Myanmar. Subsektor **perkhidmatan kerajaan** dijangka kekal berkembang sebanyak 4% pada 2020 dan 3.7% pada 2021.


RENCANA 3.2

Pendigitalan dalam Industri Logistik

Pengenalan

Logistik ditakrifkan sebagai proses mengurus dan mengawal pergerakan barang, tenaga, maklumat dan sumber lain seperti kemudahan, perkhidmatan dan manusia. Proses ini melibatkan pengintegrasian maklumat, pengangkutan, inventori, pergudangan, pengendalian bahan dan pembungkusan (Gen et al., 2008). Secara umumnya, industri ini telah melalui tiga fasa dan kini memasuki fasa keempat iaitu pengintegrasian internet dengan proses pengeluaran sejajar dengan kemunculan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) (Rajah 3.2.1.). Pengintegrasian internet tersebut membolehkan komunikasi di antara mesin dengan manusia pada masa sebenar dan penggunaan “produk pintar dan perkhidmatan pintar” serta pendigitalan maju di kilang (Lasi et al., 2014).

RAJAH 3.2.1. Evolusi Logistik



Di Malaysia, industri ini mempunyai hubung kait yang tinggi merentasi pelbagai sektor. Industri tersebut merupakan pemboleh daya utama dalam kemajuan perindustrian dan perdagangan antarabangsa serta daya saing. Sumbangan industri logistik sangat ketara dalam proses pengeluaran dan pengedaran serta memudah cara aktiviti perdagangan. Pada 2019, industri logistik¹ berkembang 6.8% dan menyumbang RM53.7 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Namun, industri ini mengalami pelbagai cabaran yang menghalang pencapaian potensi dan kecekapan penuh. Oleh yang demikian, industri logistik perlu ditransformasikan agar seiring dengan pengaplikasian IR4.0 bagi meningkatkan tahap kecekapan dan produktiviti serta kekal berdaya saing.

RAJAH 3.2.2. Aplikasi Teknologi Revolusi Industri 4.0 dalam Logistik 4.0



¹ Mewakili subsektor pengangkutan dan penyimpanan.

Logistik 4.0

Logistik 4.0 ditakrifkan sebagai aplikasi khusus yang membolehkan perkongsian dan pengurusan maklumat menerusi jaringan penggunaan mesin, produk, sistem dan manusia (Bamberger et al., 2017). Pendekatan ini menggunakan teknologi seperti internet benda (IoT), rangkaian sensor tanpa wayar, pengkomputeran awan, *blockchain*, data raya serta robotik dan automasi. Teknologi tersebut menyediakan aliran maklumat yang telus dalam masa sebenar, memantau permintaan pasaran dan pengguna, menghasilkan produk dan perkhidmatan secara khusus mengikut kehendak pelanggan serta mengurus rantaian bekalan global secara autonomi. Kajian oleh Matyushenko et al. (2019) menyatakan bahawa terdapat lima elemen Logistik 4.0 iaitu ketelusan, utiliti pintar, adaptasi IoT, integrasi dengan IR4.0 dan pengumpulan analisis.

RAJAH 3.2.3. Lima Elemen Utama Logistik 4.0



Ketelusan

Menyediakan kawalan integriti dan kualiti produk bagi membolehkan pengendalian logistik menjadi lebih cekap dan komprehensif.



Utiliti Pintar

Memaklumkan pembekal mengenai tahap stok tanpa intervensi manusia.



Adaptasi IoT

Menyediakan maklumat inventori yang jelas untuk memastikan persekitaran lestari, selamat dan terkawal bagi mengurangkan pembaziran, kecurian dan manipulasi produk.



Integrasi dengan IR4.0

Merujuk kepada aplikasi automasi dan pendigitalan yang mewujudkan hubungan simbiotik, sinergi antara pembekal dengan pengguna akhir.



Pengumpulan Analisis

Menambah baik unjuran permintaan dan penghantaran sambil mengenal pasti peluang penambahbaikan atau potensi risiko dalam aliran nilai.

Sumber: Matyushenko et al., 2019

Transformasi digital akan memanfaatkan industri melalui kos yang lebih rendah dan peningkatan hasil. Kajian oleh Lehmacher et al. (2017) menganggarkan transformasi ini akan mengurangkan kos sebanyak 34.2% dan meningkatkan hasil sebanyak 33.6% dalam industri perkhidmatan logistik. Menurut Forum Ekonomi Dunia (2016), pendigitalan dalam industri logistik mampu menjana USD1.5 trilion untuk pemain industri logistik dan manfaat sosial bernilai USD2.4 trilion dalam dekad akan datang. Kajian yang dilaksanakan di EU menunjukkan setiap peningkatan 10 mata peratusan dalam penggunaan internet jalur lebar berkelajuan tinggi di peringkat industri berkait rapat dengan peningkatan produktiviti faktor pelbagai sebanyak 1.4% selepas setahun dan 3.9% selepas tiga tahun bagi kebanyakan firma dalam industri (Organisation for Economic Co-operation and Development, 2019).

Cabaran Industri Logistik di Malaysia

Industri logistik di Malaysia masih menghadapi pelbagai cabaran seperti ketidakcukupan infrastruktur dan ketersambungan internet yang terhad, penggunaan pendigitalan yang rendah, peraturan yang membebankan, kekurangan tenaga kerja mahir dan faktor luaran seperti pandemik COVID-19. Menurut Ismail & Masud (2020), infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)

negara masih ketinggalan berbanding standard global terutama di kawasan luar bandar. Pada masa sama, kos yang tinggi, ketersambungan internet yang tidak stabil dan pendigitalan yang rendah menghalang kecekapan serta daya saing firma logistik di Malaysia. Tambahan pula, industri ini kekurangan pekerja mahir dan kepakaran terutama dalam bidang reka bentuk rangkaian rantaian bekalan, pengurusan gudang bersepadu dan aplikasi teknologi maklumat.

Selaras dengan kepelbagaian barangan dalam ekonomi dan mod pengangkutan yang berlainan, terdapat banyak peraturan yang berbeza untuk mengawal selia industri logistik seterusnya melambatkan aplikasi teknologi dan inovasi. Selain daripada isu domestik, kejutan luaran seperti penularan pandemik COVID-19 juga telah mengganggu industri ini. Pelaksanaan sekatan pergerakan turut menghadkan aktiviti eksport-import secara global dan telah memberi impak yang besar kepada industri logistik negara.

Melangkah ke Hadapan

Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan (2015 – 2020) telah menetapkan kerangka strategik dan hala tuju untuk memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai pintu masuk logistik pilihan di Asia (Kementerian Pengangkutan, 2017). Pelan induk ini, antara lain mengetengahkan potensi logistik e-dagang dan adaptasi pendigitalan untuk meningkatkan daya saing serta kecekapan dalam industri logistik ke arah penyediaan perkhidmatan logistik yang baharu, maju dan berautomasi. Selain itu, aspek utama infrastruktur digital seperti rangkaian ICT, infrastruktur data, platform digital dan peranti perlu sesuai dan boleh dipercayai bagi menggalakkan firma logistik melabur dalam pendigitalan. Sebagai contoh, peluasan rangkaian selular generasi kelima (5G) akan memudahkan proses penghantaran dan pengesanan pakej, penjadualan penghantaran serta penerimaan maklumat terkini secara masa sebenar tanpa mengira masa dan lokasi. Di samping itu, kecekapan proses penghantaran daripada pembekal hingga ke muka pintu pengguna (*first and last mile*) termasuk menyediakan maklumat terkini kepada pelanggan mengenai status penghantaran dari semasa ke semasa, merupakan aspek utama dalam memastikan pelanggan memperoleh pengalaman perkhidmatan penghantaran yang lebih cekap dan berkesan.

Penularan COVID-19 yang mengganggu rangkaian rantaian bekalan logistik telah memaksa industri mempercepat transformasi digital untuk beralih kepada penggunaan model perniagaan baharu. Pasca COVID-19, pengguna telah berubah kepada kebiasaan baharu dan cenderung menggunakan perkhidmatan logistik yang menyediakan penghantaran ke muka pintu merangkumi pelbagai saiz peralatan dan barangan komersial. Justeru, banyak firma logistik telah beralih daripada model perniagaan-ke-perniagaan (B2B) kepada model perniagaan-ke-pengguna (B2C) yang meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan kurier dan platform perkhidmatan penghantaran dalam talian. Intervensi Kerajaan melalui penyediaan inisiatif dan sokongan institusi juga akan mempermudah penerimaan pendigitalan. Usaha ini termasuk membangunkan kemahiran dan teknologi, mengurangkan beban kawal selia yang berlebihan dan memastikan keselamatan dan perlindungan data.

Kesimpulan


Penerimaan terhadap pendigitalan membolehkan pemain industri menguruskan operasi perniagaan dengan cekap dan menyediakan perkhidmatan logistik yang lancar kepada pelanggan di seluruh dunia. Hal ini membolehkan operasi perniagaan dilaksanakan dengan lebih fleksibel, berdaya tahan seterusnya kekal berdaya saing. Pandemik COVID-19 telah mempercepat transformasi digital termasuk firma dalam sektor logistik yang tidak lagi boleh meneruskan perniagaan secara konvensional. Peningkatan aktiviti e-dagang memerlukan pemain logistik meningkatkan prestasi melalui penyesuaian kepada pematuhan garis panduan yang ketat supaya dapat bergerak seiring dengan norma baharu. Justeru, penggunaan Logistik 4.0 dapat meningkatkan kecekapan operasi melalui penjimatan masa dan kos dalam penyampaian perkhidmatan kepada pengguna seterusnya meningkatkan kelebihan daya saing firma domestik. Logistik 4.0 juga akan mempercepat proses integrasi dengan rantaian bekalan global dan membantu menghubungkan industri eksport utama dengan pasaran antarabangsa.

Sektor Pembuatan

Segmen penting mengimbangi penguncupan keseluruhan

Sektor **pembuatan** menguncup sebanyak 8.7% pada separuh pertama 2020 berikutan pemberhentian sementara operasi hampir semua industri kesan daripada gangguan rantaian bekalan akibat daripada PKP. Bagi industri berorientasikan eksport, kluster E&E terjejas dengan ketara disebabkan oleh permintaan global yang merosot secara mendadak. Industri berorientasikan domestik juga mencatat pertumbuhan perlahan berikutan penguncupan ketara sebanyak dua digit dalam segmen kelengkapan pengangkutan; dan produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka.

RAJAH 3.2. *Pengeluaran Sektor Pembuatan (% perubahan)*



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

JADUAL 3.3. *Indeks Pengeluaran Pembuatan, Januari – Ogos 2019 dan 2020 (2015 = 100)*

	INDEKS		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2019	2020	2019	2020	2019	2020
Industri berorientasikan eksport	118.6	114.5	3.6	-3.5	69.2	70.8
Kelompok elektronik dan produk elektrik	124.4	122.4	4.0	-1.6	27.2	28.3
Elektronik	129.0	128.7	3.7	-0.2	15.1	16.0
Produk elektrik	119.1	115.1	4.4	-3.4	12.1	12.3
Kelompok produk berkaitan sumber	115.1	109.8	3.4	-4.7	42.0	42.5
Kimia dan produk kimia	115.9	109.3	2.3	-5.7	12.8	12.8
Produk petroleum	112.2	99.3	3.0	-11.5	12.9	12.1
Produk tekstil, pakaian, kulit dan kasut	123.8	101.0	5.3	-18.4	2.0	1.7
Kayu dan produk kayu	119.9	100.7	4.8	-16.0	3.2	2.8
Produk getah	122.2	175.6	8.0	43.8	3.0	4.7
Pemprosesan di luar estet	109.3	110.5	2.2	1.1	5.1	5.5
Kertas dan produk kertas	118.0	108.6	4.6	-8.0	3.0	2.9
Industri berorientasikan domestik	119.5	106.9	4.8	-10.5	30.8	29.2
Kelompok produk berkaitan pembinaan	119.2	98.6	4.3	-17.3	13.7	12.0
Produk mineral bukan logam	118.8	94.7	4.7	-20.3	4.4	3.7
Logam asas	116.4	105.9	3.8	-9.0	3.4	3.3
Produk logam yang direka	121.1	97.2	4.3	-19.7	5.9	5.0
Kelompok produk berkaitan pengguna	119.7	113.5	5.2	-5.2	17.1	17.2
Produk makanan	125.9	132.0	5.0	4.8	6.1	6.7
Kelengkapan pengangkutan	115.9	105.1	7.2	-9.3	6.6	6.3
Minuman	125.5	102.5	3.4	-18.3	1.0	0.9
Produk tembakau	116.3	85.9	6.2	-26.1	0.7	0.6
Lain-lain	115.4	107.5	1.6	-6.8	2.7	2.7
Indeks Pengeluaran Pembuatan	118.9	112.2	4.0	-5.6	100.0	100.0

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia


RENCANA 3.3

Perusahaan Kecil dan Sederhana: Membina Daya Tahan bagi Menghadapi Krisis

Pengenalan

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merupakan komponen penting bagi ekonomi Malaysia yang menyumbang lebih satu pertiga daripada jumlah Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih daripada tujuh juta pekerja (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Pertubuhan PKS juga merangkumi 98.5% daripada jumlah pertubuhan perniagaan terutamanya dalam sektor perkhidmatan. Di Malaysia, sebuah pertubuhan perniagaan diklasifikasikan sebagai PKS berdasarkan jumlah jualan tahunan atau jumlah pekerja,¹ tertakluk kepada garis panduan definisi PKS di bawah Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) yang merupakan urusetia Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (Rajah 3.3.1.).

RAJAH 3.3.1. Profil PKS Malaysia



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016 dan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia, 2020

Impak Pandemik COVID-19 terhadap PKS Malaysia

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan luar jangka terhadap ekonomi global. Berdasarkan unjuran Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), pertumbuhan global pada 2020 akan mengalami kemerosotan terburuk sejak *the Great Depression* pada 1930an dan jauh lebih teruk daripada Krisis Kewangan Global 2009. Krisis ini terutamanya disebabkan oleh langkah kawalan

¹ Diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (kini dikenali sebagai Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan) ke-14 pada Julai 2013.

dan sekatan pergerakan serta penjarakan fizikal yang dilaksanakan di seluruh dunia bagi membendung penularan virus. Jumlah kerugian KDNK global dianggarkan sekitar USD9 trilion bagi tempoh 2020 – 2021 (Tabung Kewangan Antarabangsa, 2020). Di Malaysia, kesan daripada pengurangan permintaan dan gangguan rantaian bekalan terhadap aliran tunai, pekerjaan dan kemampuan perniagaan merupakan cabaran utama kepada kebanyakan perniagaan terutamanya PKS. Memandangkan PKS merupakan penggerak utama ekonomi negara, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi membantu PKS menghadapi krisis termasuk pemberian pinjaman mudah, geran, subsidi upah, pengecualian cukai dan moratorium.

Dapatan kajian oleh Omar et al. (2020) telah mengenal pasti impak yang dihadapi oleh PKS semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Impak tersebut merupakan permasalahan operasi seperti gangguan operasi dan rantaian bekalan, kesukaran untuk menjangka hala tuju perniagaan dan masalah kewangan. Penemuan ini selari dengan kaji selidik terhadap impak PKP di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang yang dilaksanakan oleh Marketing Insight (2020) menyatakan bahawa entiti perniagaan telah mengubah cara menjalankan perniagaan kepada transaksi dalam talian selari dengan perubahan tingkah laku pembelian pengguna. Sementara itu, kaji selidik dalam talian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) mendapati 68% syarikat tidak mempunyai sumber pendapatan dalam tempoh awal pelaksanaan PKP manakala 12.3% memperoleh pendapatan melalui jualan atau perkhidmatan dalam talian.

Dalam menilai impak PKP ke atas PKS, SME Corp. Malaysia telah melaksanakan beberapa kaji selidik dalaman antara Mac hingga Mei 2020.² Kaji selidik ini bertujuan bagi memahami cabaran yang dihadapi oleh PKS dan menilai keberkesanan bantuan Kerajaan. Lebih daripada 1,900 PKS dalam pelbagai sektor di seluruh negara mengambil bahagian dalam kaji selidik ini.

Penemuan Utama Kaji Selidik SME Corp. Malaysia

Kaji selidik SME Corp. Malaysia mendapati gangguan aliran tunai merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh PKS semasa krisis COVID-19 diikuti pengurangan permintaan, gangguan rantaian bekalan dan isu perundangan (Rajah 3.3.2.). Cabaran tersebut mengakibatkan PKS terpaksa menghentikan operasi perniagaan buat sementara waktu dan berkemungkinan mengalami kerugian besar. Kajian ini selari dengan dapatan Bourletidis dan Triantafyllopoulos (2014) iaitu tempoh krisis ekonomi yang berpanjangan boleh menyebabkan PKS mengalami ketidakstabilan perniagaan berikutan sumber kewangan yang terhad.

RAJAH 3.3.2. Cabaran Utama PKS dan Keadaan Operasi Perniagaan Semasa Krisis mengikut Susunan



Sumber: Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia, 2020

² Kaji selidik ini merangkumi tempoh pelaksanaan PKP sehingga pembukaan semula ekonomi (tidak termasuk inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diumumkan pada Jun 2020).

Isu aliran tunai berlaku terutamanya disebabkan oleh penurunan jualan, kekurangan tunai dan kos overhead yang tinggi. Kaji selidik menunjukkan hampir 60% PKS melaporkan tidak memperoleh jualan sepanjang tempoh PKP dan 39% pula mengalami penurunan jumlah jualan. Pihak PKS membangkitkan masalah aliran tunai yang dihadapi meliputi isu pembayaran gaji dan faedah pekerja, pinjaman perniagaan, sewa dan utiliti serta pembelian bahan mentah dan pembungkusan. Sehubungan itu, lebih 90% PKS dijangka hanya dapat bertahan sehingga lima bulan dengan jumlah tunai sedia ada.

Penularan COVID-19 mengakibatkan kejatuhan ekonomi global yang teruk seterusnya menyebabkan ramai yang kehilangan pekerjaan dan perniagaan serta tidak mampu untuk membayar komitmen (Hakovirta & Denuwara, 2020). Berdasarkan kaji selidik SME Corp. Malaysia, hanya 34% PKS dapat meneruskan operasi kerana dikategorikan sebagai penyedia perkhidmatan penting. Sebahagian besar PKS yang lain pula perlu mencari alternatif termasuk rundingan dengan pekerja mengenai potongan gaji dan faedah (37%), pemberhentian pekerja (34%), mengehendkan perjalanan perniagaan (33%) dan bekerja dari rumah (33%).³

Kaji selidik ini juga menunjukkan akses kepada sumber kewangan selain daripada pinjaman komersial merupakan bantuan utama yang diperlukan bagi mengembalikan semula momentum pertumbuhan PKS seperti sebelum krisis. Bantuan ini termasuk pinjaman mudah, potongan cukai korporat dan perniagaan serta penglibatan agensi kerajaan khusus yang memberi tumpuan kepada PKS. Selain itu, antara bantuan lain yang diperlukan adalah khidmat nasihat mengenai penyusunan semula dan model baharu perniagaan, mengenal pasti bidang perniagaan baharu dan akses kepada platform dalam talian. Justeru, inisiatif seperti program subsidi upah, pemberian enam bulan moratorium secara automatik ke atas pinjaman, perkhidmatan internet percuma dan kemudahan bantuan khas merupakan langkah yang paling berkesan daripada semua inisiatif di bawah pakej rangsangan ekonomi. Program lain yang turut memberi manfaat termasuk diskaun bil elektrik dan skim kredit mikro.

Sokongan dan bantuan yang diterima dijangka membolehkan sejumlah 72% PKS kembali beroperasi seperti biasa dalam tempoh setahun. Walau bagaimanapun, selebihnya memerlukan lebih dari setahun bagi menstabilkan perniagaan. Sungguhpun demikian, sebahagian PKS masih mengalami kesukaran memulakan semula perniagaan disebabkan oleh kekurangan permintaan, kekangan modal, masalah rantaian bekalan dan pematuhan prosedur operasi standard (SOP).

Melangkah ke Hadapan

Memandangkan kewujudan PKS signifikan dalam ekonomi, setiap krisis yang berlaku pasti akan mempengaruhi pelbagai sektor serta pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan. Oleh yang demikian, kemampanan dan daya tahan PKS perlu sentiasa diperkukuh. Justeru, antara inisiatif yang boleh meningkatkan daya tahan PKS dalam menghadapi sebarang krisis termasuk mempercepat pendigitalan, mengguna pakai perancangan kewangan strategik dan meningkatkan keupayaan penjenamaan.

Mempercepat Pendigitalan

Adaptasi pendigitalan dalam ekonomi mampu menjadikan PKS lebih berdaya saing dan berdaya tahan. Walaupun begitu, kesediaan perniagaan di Malaysia mengguna pakai teknologi digital lebih rendah berbanding penggunaan oleh Kerajaan dan penduduk secara keseluruhan. Terdapat hanya 62% perniagaan yang menggunakan rangkaian internet, 46% mempunyai jalur lebar tetap dan 18% memiliki laman web (Bank Dunia, 2018). Kaji selidik yang dijalankan oleh Association of Small & Medium Enterprises, Singapura (2018) mendapati PKS yang menggunakan pendigitalan memperoleh purata pertumbuhan pendapatan sebanyak 26%. Pendigitalan dapat membantu perniagaan untuk lebih memahami kehendak pelanggan, mengukur keberkesanan kempen pemasaran, meningkatkan kecekapan operasi perniagaan, menambah baik produk dan memperkasa pekerja.

³ Angka tidak semestinya berjumlah 100% disebabkan pelbagai pilihan jawapan oleh responden.


Mengguna Pakai Perancangan Kewangan Strategik

Menurut kaji selidik oleh Bank Negara Malaysia (2018), lebih 70% daripada keperluan pembiayaan PKS diperoleh melalui sumber dalaman atau simpanan peribadi dan selebihnya daripada bank serta institusi pembangunan kewangan dan mikro kredit. Kebanyakan PKS kurang kesedaran dan pengetahuan dalam perancangan belanjawan secara berkesan dan cekap termasuk mendapatkan sumber pembiayaan alternatif. Berdasarkan kajian Kee-Luen et al. (2013), perancangan kewangan strategik melibatkan proses yang mana PKS merangka strategi untuk kekal bersaing dan respon terhadap persekitaran perniagaan yang dinamik. Usaha ini secara tidak langsung boleh meningkatkan daya saing serta seterusnya prestasi perniagaan. Justeru, dapatan kajian mengesahkan perancangan kewangan strategik akan meningkatkan prestasi perniagaan serta kadar kejayaan PKS.

Meningkatkan Keupayaan Penjenamaan

Pada masa kini, PKS tempatan hanya menyumbang 18% daripada jumlah eksport disebabkan oleh kekurangan pengetahuan mengenai akses pasaran dan kesediaan dalam mengeksport. Menurut Bizsphere Online Review (2017), cabaran dalaman utama yang dihadapi oleh PKS disebabkan ketidakcukupan dana bagi tujuan penjenamaan dan pemasaran manakala cabaran luaran utama berpunca dari kos yang tinggi dalam pengiklanan jenama (Rajah 3.3.3.). Proses pengkomersialan menjadi lebih sukar berikutan jenama produk yang kurang dikenali serta sumber terhad bagi meluaskan jangkauan pasaran (Walsh, et al., 2017). Oleh itu, terdapat keperluan bagi PKS untuk mengguna pakai kaedah kos efektif melalui pendekatan berorientasikan teknologi untuk pengkomersialan produk.

RAJAH 3.3.3. Lima Cabaran Utama untuk Mempromosi Jenama ke Tahap Seterusnya



Nota: Angka tidak semestinya terjumlah 100% disebabkan pelbagai pilihan jawapan oleh responden
Sumber: Bizsphere Online Review, 2017

Kesimpulan

Pandemik COVID-19 telah mendedahkan masalah sebenar yang dihadapi oleh PKS dalam menjalankan perniagaan. Intervensi Kerajaan yang tepat pada masanya melalui pakej PRIHATIN dan PRIHATIN PKS+ dijangka dapat membantu PKS untuk kekal berdaya tahan dalam persekitaran perniagaan yang mencabar. Pandemik ini juga telah mewujudkan kebiasaan baharu dalam amalan perniagaan termasuk penggunaan model perniagaan digital, orientasi semula rantai bekalan dan memenuhi perubahan dalam tingkah laku pengguna. Sehubungan itu, PKS perlu meningkatkan keupayaan dan kapasiti supaya lebih berdaya tahan, cekap dan fleksibel dalam menghadapi sebarang ketidaktentuan.

Walau bagaimanapun, sektor pembuatan dijangka meningkat sebanyak 2.4% pada separuh kedua 2020 berikutan aktiviti perindustrian kembali beroperasi sejajar dengan pelonggaran PKP secara berperingkat. Bagi industri berorientasikan eksport, segmen E&E diunjur bertambah baik berikutan peningkatan permintaan produk komputer dan elektronik. Produk kimia dan getah dijangka terus mencatat pertumbuhan tinggi berikutan peningkatan permintaan produk sarung tangan getah dan farmaseutikal. Bagi industri berorientasikan domestik, segmen produk makanan dan kelengkapan pengangkutan dijangka kembali pulih disokong oleh permintaan yang lebih tinggi. Secara keseluruhan, sektor pembuatan dijangka menguncup sebanyak 3% pada 2020.

Sektor pembuatan dianggar pulih sebanyak 7% pada 2021 dipacu oleh peningkatan stabil dalam industri berorientasikan eksport dan domestik. Segmen E&E dijangka melonjak selari dengan transformasi digital berikutan BDR dan komunikasi secara maya telah menjadi sebahagian daripada amalan kerja baharu. Peningkatan permintaan litar bersepadu, memori dan cip mikro dalam pasaran semikonduktor global akan terus menyokong segmen ini. Pengeluaran produk kimia dan getah dijangka meningkat dengan ketara selari dengan permintaan lebih tinggi bagi produk pembasmi kuman dan pembersih serta sarung tangan getah. Selari dengan pemulihan semula ekonomi, produk berkaitan pengguna akan menerima manfaat daripada pendapatan boleh guna isi rumah yang tinggi manakala produk berkaitan pembinaan akan disokong oleh projek infrastruktur utama dan perumahan mampu milik.

Sektor Pertanian

Subsektor kelapa sawit kembali pulih

Sektor **pertanian** menguncup sebanyak 3.9% pada separuh pertama 2020 disebabkan oleh pertumbuhan subsektor kelapa sawit dan getah yang lebih rendah berikutan gangguan bekalan. Subsektor kelapa sawit telah mula terjejas sebelum penularan

pandemik disebabkan oleh cuaca kering dan pengurangan penggunaan baja pada 2019 oleh pekebun kecil. Subsektor getah juga merosot berikutan cuaca yang tidak menentu di samping harga getah yang rendah. Sektor pertanian terus terjejas berikutan pelaksanaan PKP yang menyebabkan penurunan pengeluaran dalam kebanyakan subsektor. Sektor ini diunjur kembali pulih sebanyak 1.4% pada separuh kedua 2020 dipacu oleh pemulihan semula dalam subsektor kelapa sawit. Pengeluaran subsektor ternakan dan pertanian lain juga dijangka meningkat disokong oleh permintaan yang stabil bagi barangan makanan terutamanya semasa musim perayaan. Sehubungan itu, sektor pertanian diunjur mencatat penguncupan sebanyak 1.2% pada 2020.

Sektor pertanian dijangka meningkat sebanyak 4.7% pada 2021 terutamanya disokong oleh peningkatan pengeluaran minyak sawit dan getah. Subsektor kelapa sawit dijangka kembali pulih berikutan peningkatan permintaan global khususnya dari China dan India. Harga minyak sawit mentah (CPO) diunjur stabil dengan permintaan yang lebih tinggi berikutan pemulihan operasi hotel, restoran dan catering serta mandat biodiesel yang lebih tinggi di Indonesia dan Malaysia.

JADUAL 3.4. Nilai Ditambah Sektor Pertanian, 2019 – 2021
(pada harga malar 2015)

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2020 ²	2019	2020 ²	2021 ³
Kelapa sawit	37.6	1.5	-1.3	5.9
Getah	2.4	6.1	-18.9	6.0
Ternakan	16.1	6.3	4.0	5.7
Pertanian lain ¹	27.4	3.9	4.9	4.6
Perikanan	11.5	-0.7	-5.2	2.9
Perhutanan dan pembalakan	5.0	-8.6	-21.8	-3.0
Pertanian	100.0	2.0	-1.2	4.7

¹ Termasuk padi, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa, tembakau, teh, bunga, lada, koko dan nanas

² Anggaran

³ Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

SISIPAN 3.1

Kepentingan Sektor Komoditi kepada Ekonomi Malaysia


Pengenalan

Sektor komoditi¹ terus memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia. Walau bagaimanapun, sumbangan sektor komoditi semakin berkurang kerana tumpuan telah beralih daripada aktiviti hulu kepada kepelbagaian aktiviti hiliran. Sektor ini juga mudah terjejas terutamanya disebabkan oleh volatiliti permintaan dan penawaran global. Rencana ini menilai sumbangan sektor komoditi kepada pertumbuhan ekonomi menggunakan metodologi input-output dan model Dynamic Computable General Equilibrium (CGE).

Sumbangan Sektor Komoditi


Pada 1970, sektor komoditi menyumbang 54.9%² daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) atau RM43.2 bilion (pada harga 2015) (Rajah 3.1.1.). Sektor ini merangkumi hampir 80% daripada jumlah eksport terutamanya disumbangkan oleh getah dan bijih timah (Rajah 3.1.2.). Walau bagaimanapun, beberapa dekad berikutnya minyak dan gas (O&G) serta kelapa sawit telah menggantikan getah dan bijih timah sebagai komoditi utama. Pada 2019, walaupun nilai sektor komoditi telah meningkat kepada RM203 bilion namun sumbangan kepada KDNK telah menurun kepada 14.3%. Pengurangan ini disebabkan oleh pertumbuhan pesat sektor pembuatan semasa fasa perindustrian pada pertengahan 1980-an. Sumbangan sektor ini terus berkurang pada 1990-an berikutan transformasi ekonomi yang dipacu oleh sektor perkhidmatan. Walaupun sektor komoditi merangkumi peratusan yang kecil kepada KDNK, namun sektor ini telah mengimbangi kesan kejutan luar kepada ekonomi terutamanya ketika krisis pada 1998, 2009 dan yang terbaharu pandemik COVID-19.

RAJAH 3.1.1. Nilai dan Sumbangan Sektor Komoditi dan Bukan Komoditi



Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

RAJAH 3.1.2. Sumbangan Sektor Komoditi dan Bukan Komoditi kepada Jumlah Eksport



¹ Tidak termasuk aktiviti hiliran berkaitan komoditi

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

¹ Merangkumi komoditi pertanian serta minyak dan gas.


² Data backcast oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Menilai Sumbangan Sektor Komoditi

Berdasarkan analisis input-output, terdapat tiga trend utama dalam rantai³ ke hadapan dan ke belakang bagi sektor komoditi. Pertama, terdapat peningkatan secara berperingkat dalam rantai ke hadapan untuk kelapa sawit dan O&G sejak 2000. Peningkatan ini menunjukkan perubahan komposisi dalam komoditi tersebut semasa peralihan kepada aktiviti hiliran bernilai tambah lebih tinggi dalam industri berasaskan sumber yang merangkumi 44.3% daripada sektor pembuatan. Pengeluaran minyak sawit mentah digunakan terutamanya oleh industri minyak dan lemak serta pembuatan makanan haiwan manakala output O&G digunakan oleh industri petroleum bertapis, kimia asas, perdagangan borong dan runcit serta kenderaan bermotor. Evolusi aktiviti hiliran selaras dengan Pelan Induk Perindustrian (IMP) bertujuan memastikan sektor pembuatan termasuk industri berasaskan sumber kekal sebagai pemacu pertumbuhan penting. Walau bagaimanapun, rantai ke hadapan bagi industri getah kekal rendah berikutan peningkatan penggunaan getah sintetik untuk pengeluaran sarung tangan.

Bagi trend kedua, semua komoditi tersebut mempunyai rantai ke belakang yang lebih tinggi dalam tempoh 2000 – 2015 berbanding 1978 – 1991. Keadaan ini menunjukkan industri yang semakin berkembang memerlukan lebih banyak input daripada tiga komoditi tersebut bagi memenuhi permintaan daripada pelbagai industri hiliran (Rajah 3.1.3.). Ketiga, semua komoditi mempunyai rantai ke hadapan yang lebih besar berbanding dengan rantai ke belakang memandangkan sektor ini membekalkan bahan mentah asli kepada ekonomi. Hasil analisis ini selari dengan kajian oleh Valdés dan Foster (2010) yang menunjukkan komoditi pertanian mempunyai rantai ke hadapan yang lebih tinggi berbanding rantai ke belakang.


RAJAH 3.1.3. Rantaian dan Kesan Pengganda Industri Komoditi



³ Rantaian ke belakang merupakan hubungan antara industri dengan industri huluhan bagi mendapatkan input. Rantaian ke hadapan merupakan hubungan antara industri dengan industri hiliran sebagai pembekal output (Miller & Blair, 2009).


Seterusnya, model CGE digunakan untuk menilai sumbangan sektor komoditi kepada ekonomi. Hasil analisis menunjukkan dengan andaian peningkatan 10% produktiviti bagi industri O&G, kelapa sawit dan getah akan meningkatkan KDNK benar masing-masing sebanyak 1.5, 0.5 dan 0.03 mata peratusan (Rajah 3.1.4., 3.1.5. dan 3.1.6.). Selain itu, industri lain yang berkaitan dengan sektor komoditi tersebut seperti kejuruteraan awam, minyak dan lemak serta pemprosesan getah dijangka turut menerima manfaat. Penemuan CGE juga menunjukkan, industri yang paling banyak menjual produk pengguna dijangka turut mendapat keuntungan berikutan peningkatan pendapatan boleh guna isi rumah. Sebagai perbandingan kepada industri komoditi, peningkatan 10% produktiviti bagi industri seperti elektronik dianggarkan meningkatkan KDNK benar sebanyak 0.3 mata peratusan dan kimia asas sebanyak 0.12 mata peratusan. Sumbangan industri yang lebih rendah kepada KDNK berikutan kebergantungan yang tinggi terhadap import barangan pengantara.

RAJAH 3.1.4. Minyak Mentah dan Gas Asli




Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

RAJAH 3.1.5. Kelapa Sawit



RAJAH 3.1.6. Getah



Kesimpulan

Ekonomi Malaysia telah mengalami pertumbuhan pesat serta melalui transformasi struktur dalam tempoh empat dekad daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada sektor perkhidmatan dan pembuatan sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, sektor komoditi terus memainkan peranan penting dalam ekonomi melalui rantai antara sektor terutamanya dari segi rantai ke hadapan. Kepentingan sektor komoditi terutamanya disumbangkan melalui penekanan dalam meningkatkan aktiviti hiliran berasaskan sumber. Sumbangan peningkatan produktiviti industri kelapa sawit dan O&G kepada KDNK lebih tinggi berbanding industri elektronik dan kimia asas yang menggunakan barangan import yang tinggi. Justeru, kolaborasi dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) antara industri dengan institusi penyelidikan perlu dipertingkatkan bagi menghasilkan lebih banyak produk bernilai tambah tinggi. Selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), penggunaan teknologi seperti robotik, sensor dan Internet Benda (IoT) dijangka mampu meningkatkan produktiviti dan memastikan kemampanan sektor ini.

Subsektor getah dijangka melonjak berikutan peningkatan permintaan global bagi getah asli selari dengan pengembangan industri automotif. Pengeluaran ternakan dan pertanian lain serta perikanan juga dijangka meningkat disokong oleh pelbagai inisiatif Kerajaan dalam memodenkan subsektor agro makanan. Inisiatif ini termasuk integrasi teknologi pertanian seperti aplikasi agro-robotik, sensor, pertanian moden, dron, pembangunan data pertanian dan Internet Benda (IoT). Selain itu, usaha Kerajaan dalam meningkatkan pengeluaran makanan domestik untuk memastikan jaminan bekalan makanan dijangka terus mengekalkan kemampanan pertumbuhan subsektor ini.

Sektor Perlombongan

Permintaan lebih tinggi mendorong pertumbuhan 2021

Sektor **perlombongan** mencatat penguncupan dua digit sebanyak 11% pada separuh pertama 2020 kesan daripada kemerosotan permintaan global berikutan penutupan perniagaan serta pengurangan aktiviti perjalanan dan pengangkutan. Prestasi sektor ini diburukkan lagi dengan penutupan sementara beberapa fasiliti minyak dan gas (O&G) bagi tujuan penyelenggaraan. Pandemik COVID-19 telah menyebabkan penurunan permintaan yang mengakibatkan fasiliti penyimpanan tidak dapat menampung lebih minyak mentah dengan harga minyak mentah Brent mencatat harga terendah USD17.32 setong pada 21 April 2020, sebelum kembali stabil sekitar USD40 setong. Sektor perlombongan dijangka terus menyusut pada separuh kedua 2020 disebabkan oleh kerja penyelenggaraan yang sedang dilaksanakan dan prospek pertumbuhan yang lemah berikutan ketidakpastian ekonomi dan geopolitik serta ketegangan perdagangan. Sehubungan itu, sektor perlombongan dijangka menguncup sebanyak 7.8% pada 2020. Walau bagaimanapun, prestasi sektor ini dijangka pulih sebanyak 4.1% pada 2021 disokong oleh pemulihan permintaan global bagi minyak mentah dan kondensat serta gas asli cecair (LNG). Harga minyak mentah Brent diunjur meningkat secara purata kepada USD42 setong pada 2021 dan kembali pulih ke paras pra-pandemik dalam jangka sederhana.

Sektor Pembinaan


Segmen kejuruteraan awam memacu pemulihan

Sektor **pembinaan** merosot sebanyak 25.9% pada separuh pertama 2020 dan dijangka menguncup sebanyak 11.8% pada separuh kedua dengan semua segmen mengalami kejatuhan yang ketara. Pada masa yang sama, isu harta tanah tidak terjual yang berpanjangan terus menjejaskan prestasi sektor ini. Walau bagaimanapun, subsektor kejuruteraan awam dan aktiviti pembinaan khas dijangka bertambah baik secara berperingkat disokong oleh pelbagai langkah di bawah pakej rangsangan ekonomi. Secara keseluruhan, sektor ini diunjur menguncup sebanyak 18.7% pada 2020.

Sektor pembinaan dijangka kembali pulih sebanyak 13.9% pada 2021 berikutan penyambungan semula dan langkah mempercepat projek infrastruktur utama serta projek perumahan mampu milik. Subsektor kejuruteraan awam akan terus menjadi pemacu utama sektor pembinaan. Antara projek infrastruktur utama termasuk projek Transit Aliran Massa Laluan 2 (MRT2), Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT3), Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) dan Transit Aliran Ringan Bayan Lepas (LRT) serta Lebuhraya Pan Borneo dan Lebuhraya Pesisir Pantai di Sarawak. Projek utiliti termasuk Loji Rawatan Air Langat 2, Empangan Hidroelektrik Baleh dan Program Grid Bekalan Air Sarawak (Fasa 1).


Subsektor kediaman diunjur bertambah baik disokong oleh pelbagai langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani isu harta tanah tidak terjual. Antara langkah tersebut termasuk lanjutan HOC, pengecualian CKHT, pengenalan skim RTO serta pengurangan ambang pemilikan asing. Prestasi subsektor bukan kediaman dijangka meningkat secara marginal disokong oleh projek komersial dalam pembinaan termasuk Pusat Bandar Bukit Bintang, Pusat Bandar Cyberjaya, Forest City dan Malaysia Vision Valley 2.0.

RAJAH 3.3. Penunjuk Penawaran Harta Tanah Kediaman




Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

RAJAH 3.4. Indeks Harga Rumah Malaysia (% perubahan)



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

RAJAH 3.5. Penunjuk Penawaran Harga Tanah Bukan Kediaman



Sumber: Pusat Maklumat Harga Tanah Negara

Permintaan Domestik

Permintaan domestik memacu pemulihan

Permintaan domestik dijangka menguncup sebanyak 3% pada 2020 dengan penyusutan perbelanjaan sektor swasta sebanyak 3.2% dan perbelanjaan sektor awam 2.1%. Pada separuh pertama 2020, permintaan domestik merosot dengan ketara sebanyak 7.7% berikutan langkah sekatan pergerakan untuk membendung penularan pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, pengumuman pelbagai pakej rangsangan ekonomi dan pembukaan semula aktiviti ekonomi secara berperingkat dijangka dapat mengembalikan keyakinan pelabur dan pengguna pada separuh kedua 2020. Justeru, permintaan domestik dijangka kembali meningkat kepada 1.5% dalam tempoh tersebut dan seterusnya berkembang sebanyak 6.9% pada 2021.

Penggunaan swasta menguncup 6% pada separuh pertama 2020 disebabkan oleh pelaksanaan PKP. Walau bagaimanapun, perbelanjaan isi rumah dijangka meningkat pada separuh kedua 2020 berikutan pelaksanaan pelbagai pakej rangsangan ekonomi bertujuan menyokong isi rumah dan perniagaan. Inisiatif tersebut termasuk

moratorium pembayaran balik pinjaman, opsyen pengurangan sementara caruman pekerja dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan diskaun bil elektrik serta kadar faedah yang rendah. Sehubungan itu, penggunaan swasta diunjur kembali pulih sebanyak 4.2% pada separuh kedua dan mengimbangi keseluruhan aktiviti penggunaan yang merekodkan penguncupan marginal sebanyak 0.7% pada 2020.

Penggunaan swasta dijangka meningkat 7.1% pada 2021 terutamanya disokong oleh pendapatan boleh guna lebih tinggi berikutan aktiviti ekonomi domestik yang memberangsangkan, pendapatan eksport yang kukuh, dasar kewangan akomodatif, pelanjutan tempoh pelepasan cukai penjagaan anak dan pasaran saham yang menggalakkan. Prospek pekerjaan yang lebih baik hasil daripada peningkatan aktiviti ekonomi yang lebih meluas dan inisiatif bagi menangani isu kebolehpasaran juga dijangka menyumbang kepada pertumbuhan dalam perbelanjaan isi rumah. Sementara itu, jangkaan pemulihan dalam industri berkaitan pelancongan susulan pemberian insentif cukai ke atas perbelanjaan pelancongan domestik oleh isi rumah turut memberikan sokongan tambahan kepada perbelanjaan sektor swasta. Seiring dengan peralihan pesat negara ke arah pendigitalan, ketersediaan pelbagai platform e-dagang yang lebih meluas dan pengaplikasian teknologi 5G akan memudahkan cara aktiviti ekonomi.

JADUAL 3.5. KDNK mengikut Permintaan Agregat, 2019 – 2021
(pada harga malar 2015)

	BAHAGIAN (%)	PERUBAHAN (%)		
	2020 ²	2019	2020 ²	2021 ³
Permintaan domestik	95.5	4.3	-3.0	6.9
Perbelanjaan swasta	76.6	6.2	-3.2	7.0
Penggunaan	61.1	7.6	-0.7	7.1
Pelaburan	15.5	1.6	-11.7	6.7
Perbelanjaan awam	18.9	-2.8	-2.1	6.7
Penggunaan	13.0	2.0	1.6	2.0
Pelaburan	6.0	-10.8	-9.3	16.9
Sektor luar¹	5.5	9.7	-24.9	4.1
Eksport	57.8	-1.3	-13.4	8.7
Import	52.3	-2.5	-11.9	9.2
KDNK	100.0	4.3	-4.5	6.5 – 7.5

¹ Barangan dan perkhidmatan bukan faktor

² Anggaran

³ Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen perubahan dalam stok

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Pelaburan swasta dijangka menguncup 11.7% pada 2020 selepas merosot dengan ketara sebanyak 15.2% pada separuh pertama 2020. Penguncupan yang signifikan tersebut disebabkan oleh permintaan yang lemah dan mudah tunai yang ketat berikutan penutupan perniagaan selama beberapa minggu berikutan pelaksanaan PKP dan ketidakpastian pasaran kewangan. Walau bagaimanapun, pelaburan swasta dijangka mencatat penguncupan lebih kecil sebanyak 7.8% pada separuh kedua 2020 berikutan pelaksanaan pelbagai inisiatif untuk merancak dan mencergaskan aktiviti perniagaan. Antara inisiatif tersebut termasuk penubuhan dana untuk menyokong pendigitalan terutamanya kepada PKS serta insentif percukaian bagi menarik pelaburan langsung asing (FDI) dan bantuan untuk menyokong perniagaan. Di samping itu, inisiatif MalaysiaMudah (#MyMudah) dan penubuhan Unit Penyelarasan dan Kemajuan

Projek (PACU) akan mengurangkan birokrasi untuk memudah cara operasi perniagaan dan memacu aktiviti pelaburan swasta. Justeru, dengan pelaksanaan dasar tersebut dan kesan limpahan daripada suntikan fiskal, pelaburan swasta dijangka melonjak sebanyak 6.7% pada 2021.

Pelaburan awam diunjur menguncup 9.3% pada 2020 disebabkan oleh perbelanjaan modal lebih rendah terutamanya pada separuh pertama 2020. Perbelanjaan pelaburan awam menyusut 24.2% dalam tempoh tersebut dan dijangka meningkat secara berperingkat pada separuh kedua. Unjuran ini disokong oleh pelaksanaan dan penyegeraan pelaburan dalam infrastruktur seperti projek berskala kecil di bawah pakej rangsangan ekonomi dan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP). Perbelanjaan pembangunan (DE) Kerajaan Persekutuan terus memberi keutamaan kepada pelaburan yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi dan nilai faedah terbaik. Peruntukan DE sebanyak RM59 bilion secara purata dalam tempoh 2020 – 2021 terus bertumpu terutamanya bagi menggalakkan pembangunan lestari dan merapatkan jurang infrastruktur antara bandar dengan luar bandar serta meningkatkan taraf hidup rakyat. Pelaksanaan projek utama termasuk menaik taraf beberapa lapangan terbang serta pembinaan hospital dan Landasan Berkembar Lembah Klang Fasa 1 (KVDT 1). Penerusan semula projek berkaitan pengangkutan yang berskala besar seperti MRT2, LRT3, Sistem Transit Rapid (RTS) dan Lebuh raya Pan Borneo juga akan meningkatkan pelaburan awam. Syarikat awam dijangka terus melabur dalam projek baharu dan sedia ada antara lain termasuk pembangunan projek berkaitan O&G, penaiktarafan aktiviti berkaitan pendigitalan dan pembinaan loji janakuasa tenaga. Inisiatif tersebut dijangka menyokong pelaburan awam yang diunjur berkembang sebanyak 16.9% pada 2021.

Penggunaan awam diunjur meningkat 1.6% pada 2020 didorong oleh perbelanjaan lebih tinggi untuk emolument bagi memenuhi keperluan kakitangan di sektor kritikal. Pertumbuhan penggunaan awam sebanyak 3.6% pada separuh pertama 2020 terutamanya disokong oleh pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi. Penggunaan awam dijangka berkembang 2% pada 2021 dengan

RAJAH 3.6. Jurang Tabungan-Pelaburan (% daripada PNK)



¹ Anggaran

² Unjuran

³ Termasuk perubahan dalam stok

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Kerajaan terus menambah baik penyampaian perkhidmatan awam dan mengoptimumkan perbelanjaan.

Pendapatan negara kasar (PNK) dalam harga semasa dijangka menyusut 3.7% pada 2020 berikutan aktiviti ekonomi yang perlahan. Tabungan negara kasar (TNK) juga dianggar berkurang sebanyak 11% kepada RM328.3 bilion dengan sebahagian besar tabungan disumbangkan oleh sektor swasta. Jurang tabungan-pelaburan diunjur mencatat lebih sebanyak RM48.5 bilion berikutan kadar kejatuhan jumlah pelaburan yang lebih perlahan berbanding tabungan.

Pada 2021, PNK dijangka kembali meningkat sebanyak 7.8% kepada RM1.53 trilion manakala TNK pula berkembang sebanyak 2% kepada RM335 bilion. Jurang tabungan-pelaburan pada 2021 dianggar mencatat lebih yang lebih rendah berjumlah RM20.3 bilion. Walau bagaimanapun, lebih tersebut akan terus menyediakan mudah tunai yang mencukupi bagi membiayai aktiviti ekonomi domestik dan diguna pakai untuk pelaburan jangka masa panjang yang produktif.

RENCANA 3.4

Ekonomi Bayangan di Malaysia

Pendahuluan

Ekonomi bayangan atau *shadow economy* (SE) wujud di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, tiada definisi dan metodologi standard untuk mengukur aktiviti ini dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) memandangkan sifatnya yang tersembunyi. Selain daripada SE, terdapat pelbagai istilah turut digunakan seperti ekonomi pasaran gelap, *non-observed economy*, ekonomi tersembunyi dan ekonomi informal (Organisation for Economic Co-operation and Development, 2017). Selain itu, SE merangkumi semua pengeluaran barang dan perkhidmatan yang sah berdasarkan pasaran yang sengaja disembunyikan daripada pihak berkuasa awam untuk mengelakkan pembayaran cukai dan caruman keselamatan sosial serta mengelak daripada pematuhan terhadap standard pasaran buruh dan keperluan pentadbiran (Schneider, 2011).

Penglibatan dalam SE didorong oleh kos yang lebih tinggi dalam pengambilan pekerja secara sah termasuk beban cukai dan caruman sosial serta peraturan untuk mengawal aktiviti ekonomi (Schneider, 2011). Peningkatan kadar peratusan individu bekerja sendiri kepada jumlah tenaga buruh juga menyumbang kepada saiz SE (Dell'Anno, 2004). Walaupun bekerja sendiri merekodkan jumlah yang tinggi di kebanyakan negara, golongan ini berkemungkinan tidak mendapat manfaat daripada kontrak formal (Organisation for Economic Co-operation and Development, 2009). Justeru, maklumat mengenai saiz SE penting bagi membolehkan kerajaan membuat keputusan dasar untuk mengurangkan pengelakan cukai (Medina & Schneider, 2018). Penganggaran SE juga akan menjadi panduan kepada kerajaan untuk meningkatkan perlindungan keselamatan sosial dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah dan penganggur.

Banyak kajian telah menganggar saiz SE di Malaysia menggunakan pelbagai metodologi. Dengan menggunakan model Multiple Indicators Multiple Causes (MIMIC) dan Currency Demand Approach (CDA), Medina dan Schneider (2019) telah menganggar saiz purata SE di Malaysia sebanyak 31% daripada KDNK dalam tempoh 1991 – 2017. Rencana ini menganggarkan saiz SE di Malaysia dalam tempoh 1990 – 2019 menggunakan metodologi yang sama. Di samping itu, rencana ini mengetengahkan faktor utama dan amalan terbaik yang dilaksanakan di pelbagai negara untuk meminimumkan aktiviti SE. Dalam konteks ini, SE didefinisikan sebagai kegiatan ekonomi yang sah dan produktif namun tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa untuk mengelak dari undang-undang, pembayaran cukai dan caruman perlindungan sosial.¹


Menganggar Ekonomi Bayangan

Terdapat dua langkah dalam penganggaran SE. Pertama, model MIMIC digunakan untuk menganggar saiz relatif SE. Model ini diterbitkan daripada pemodelan persamaan berstruktur atau *structural equation modelling* (SEM) bagi mengesahkan pengaruh pemboleh ubah penyebab serta impak SE terhadap indikator ekonomi makro. Kedua, CDA digunakan untuk menganggar saiz sebenar SE di Malaysia berdasarkan saiz relatif SE dalam tempoh 1990 – 2019. Saiz SE bergantung kepada pelbagai pemboleh ubah. Anggaran MIMIC menggunakan pemboleh ubah penyebab SE yang merangkumi keterbukaan perdagangan, KDNK benar per kapita, kadar pengangguran, saiz kerajaan dan kedaulatan undang-undang. Impak SE terhadap penunjuk ekonomi makro pula dapat dilihat menerusi bekalan wang (M1), kadar penyertaan tenaga buruh dan KDNK benar.

¹ Sebarang pendapatan yang dikurangkan serta tidak dilaporkan dan diisytiharkan di Malaysia dianggap sebagai pengelakan cukai (Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967 dan Cukai Perkhidmatan, 1975).

Model ini menunjukkan bahawa keterbukaan perdagangan, KDNK benar per kapita dan saiz kerajaan merupakan faktor kepada peningkatan saiz SE. Beberapa kajian mendapati KDNK benar per kapita dan keterbukaan perdagangan mempunyai hubungan negatif dengan saiz SE. Walau bagaimanapun, pemboleh ubah tersebut mempunyai hubungan positif dengan saiz SE di Malaysia yang menjelaskan bahawa peningkatan KDNK benar per kapita atau keterbukaan perdagangan akan meningkatkan saiz SE. Hubungan yang sama juga dapat dilihat dalam kalangan negara maju. Hubungan positif dengan KDNK benar per kapita terjadi apabila sesebuah ekonomi telah mencapai nilai ambang KDNK benar per kapita tertentu atau apabila ekonomi tersebut semakin maju (Wu & Schneider, 2019). Di samping itu, keterbukaan perdagangan yang tinggi menggambarkan halangan perdagangan yang minimum. Oleh yang demikian, perniagaan atau individu akan mudah terlibat dalam perdagangan tidak sah (International Chamber of Commerce, 2017).

RAJAH 3.4.1. Pemboleh ubah Penyebab dan Penunjuk Ekonomi Makro bagi Ekonomi Bayangan di Malaysia



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)


Peraturan ketat mempunyai pengaruh besar terhadap kos majikan dan insentif pekerja dalam pasaran buruh. Di kebanyakan negara Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), kos buruh yang tinggi merupakan faktor utama kenaikan kadar pengangguran dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan saiz SE. Peningkatan ini berlaku disebabkan ramai penganggur terlibat dalam SE. Kadar penyertaan tenaga buruh dalam ekonomi sebenar mungkin jatuh disebabkan semakin ramai individu bekerja dalam sektor tersembunyi (Schneider & Enste, 2000). Namun begitu, prospek pekerjaan lebih baik dalam pasaran tenaga buruh dijangka mengecutkan saiz SE.

Hubungan positif wujud antara SE dan saiz kerajaan yang merupakan proksi kepada bebanan percukaian secara tidak langsung (Schneider et al., 2010). Saiz kerajaan yang lebih besar dikaitkan dengan kerenah birokrasi lebih tinggi dan seterusnya mendorong sebahagian syarikat untuk beroperasi dalam pasaran gelap (Goel et al., 2017). Sebaliknya, saiz SE mengecil apabila kualiti institusi secara keseluruhan dan kedaulatan undang-undang bertambah baik. Pertiagaan juga cenderung untuk beroperasi dalam pasaran gelap bukan untuk mengelak dari cukai yang tinggi tetapi untuk mengurangkan bebanan peraturan (Friedman et al., 2000).

Kegiatan SE yang meningkat dijangka melonjakkan permintaan terhadap mata wang. Perkara ini berlaku disebabkan oleh transaksi SE cenderung dilakukan dalam bentuk tunai atau mata wang kripto yang sukar dikesan. Transaksi tersembunyi dilakukan secara tunai bagi mengelakkan jejak transaksi dikesan oleh pihak berkuasa (Tanzi, 2002). Sehubungan itu, M1 yang lebih tinggi mencerminkan peningkatan saiz SE.

Rencana ini menganggarkan saiz SE di Malaysia secara purata pada 33.7% daripada KDNK dari 1990 – 2019. Saiz SE berkurangan dari tahun ke tahun dengan saiz SE berada dalam lingkungan 50% daripada KDNK dalam tempoh 1990 – 1999 seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3.4.2. Saiz SE terus mengecil sekitar 30% dalam tempoh 2000 – 2009 sebelum mencatat lebih kurang 21% dalam tempoh 2010 – 2019. Pada 2019, saiz SE merekodkan 18.2% daripada KDNK.

RAJAH 3.4.2. Saiz Ekonomi Bayangan di Malaysia, 1990 – 2019



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Amalan Terbaik untuk Membendung Ekonomi Bayangan

Pentadbir cukai di seluruh dunia telah meningkatkan usaha bagi mengenal pasti dan mengurangkan saiz SE. Perkongsian data antara agensi dan analisis amat penting dalam pengesanan SE. Sebagai contoh, New Zealand menyediakan nombor pengenalan cukai ketika pendaftaran kelahiran bagi setiap bayi baru lahir. Australian Taxation Office pula membenarkan pembayar cukai untuk pra isi penyata cukai pendapatan dengan maklumat seperti gaji, faedah dan insurans kesihatan dengan data yang diperoleh secara langsung daripada majikan, bank dan syarikat insurans. Di Singapura, agensi hasil dalam negeri memperoleh maklumat daripada rekod kenderaan dan Central Provident Fund Board untuk membantu menentukan sama ada sesebuah syarikat aktif atau dormant (Organisation for Economic Co-operation and Development, 2017).

Pembayaran elektronik dan transaksi tanpa tunai di Nigeria telah dilaksanakan untuk menghadkan aktiviti ekonomi yang tidak diisytiharkan dengan mengurangkan dan menghapuskan secara berperingkat pembayaran tunai yang tidak direkodkan (Yusuf & Agbi, 2018). Liberalisasi pasaran buruh juga merupakan antara langkah yang dilaksanakan untuk mengurangkan SE. Contohnya Denmark yang memiliki model “flexicurity” yang terkenal iaitu perniagaan diberi fleksibiliti untuk merekrut dan memecat pekerja. Pada masa yang sama, model ini meningkatkan keselamatan bagi individu yang kehilangan pekerjaan dengan menyediakan faedah pengangguran, latihan semula dan bantuan mencari pekerjaan (Packard et al., 2012).

Melangkah ke Hadapan

Teknologi canggih dapat membantu mengurangkan saiz SE dan aktiviti pengelakan cukai. Kemunculan ekonomi perkongsian dan ekonomi gig membolehkan peralihan daripada transaksi tunai kepada digital dan mewujudkan jejak digital. Perkongsian data antara agensi kerajaan seperti pendaftaran harta tanah

dan kenderaan serta pengenalan nombor pengenalan cukai akan memberikan maklumat mengenai corak perbelanjaan individu dan perniagaan. Justeru, kerajaan dapat menganalisis pengumpulan data secara berkesan dan membolehkan kegiatan penipuan cukai dikenal pasti. Platform pengagihan bantuan kerajaan juga dapat dimanfaatkan untuk mendaftar entiti perniagaan dalam sektor informal.

Kerajaan akan mempergiat usaha untuk menjadikan pekerjaan di sektor formal lebih menguntungkan seperti meningkatkan kecekapan dalam pasaran buruh dan memudahkan prosedur pematuhan cukai dengan penerimgunaan teknologi yang lebih meluas. Usaha akan diteruskan untuk memperluas dan memperkukuh kedaulatan undang-undang dan penguatkuasaan berbanding meningkatkan jumlah peraturan.

Kesimpulan

Memandangkan SE mengurangkan saiz sebenar sesebuah ekonomi, rencana ini mengguna pakai model MIMIC dan pendekatan CDA untuk menganggarkan saiz SE di Malaysia dari 1990 – 2019. Walaupun analisis menunjukkan bahawa saiz SE mencatatkan trend penurunan, namun kewujudan SE masih signifikan dan menjejaskan pembangunan ekonomi yang inklusif. Situasi ini mengurangkan potensi kutipan hasil cukai yang lebih tinggi bagi membiayai projek pembangunan seperti penjagaan kesihatan, pendidikan dan pengangkutan awam. Justeru, langkah menanda aras amalan terbaik perlu diadaptasi demi mengurangkan saiz SE. Langkah ini boleh dilaksanakan melalui pengaplikasian teknologi canggih dan perkongsian data lebih meluas dalam kalangan agensi kerajaan serta memberi penekanan lebih tinggi kepada pematuhan undang-undang dan penguatkuasaan lebih ketat.

Sektor Luar Negeri

Pemulihan berterusan

Eksport

Pertumbuhan **eksport kasar** diunjur merosot sebanyak 5.2% pada 2020 disebabkan oleh gangguan bekalan global akibat krisis yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Eksport barangan pembuatan dijangka menguncup 3.8% disebabkan oleh permintaan lebih rendah untuk produk E&E yang diunjur menyusut sebanyak 3.8% dan bukan E&E 3.7%. Walau bagaimanapun, eksport barangan pertanian dijangka meningkat sebanyak 0.7% disokong oleh minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit. Eksport minyak sawit diunjur berkembang 5.6% didorong oleh permintaan yang lebih tinggi terutamanya

dari China, India dan Belanda. Pengecualian duti eksport ke atas CPO, minyak sawit kernel serta minyak sawit bertapis, diluntur dan dinyahbau (RBD) dijangka turut menyokong eksport minyak sawit. Walau bagaimanapun, terimaan eksport getah asli dijangka merosot sebanyak 20.1% pada 2020. Eksport barangan perlombongan diunjur terus berkurang sebanyak 21.8% disebabkan oleh penguncupan eksport petroleum mentah sebanyak 27.6% dan LNG 15.7%. Permintaan perlahan dalam aktiviti global bagi perindustrian, pelancongan dan pengangkutan serta penurunan harga merupakan penyebab utama penyusutan eksport barangan perlombongan.

Eksport kasar dijangka kembali pulih sebanyak 2.7% pada 2021 berikutan pemulihan perdagangan dan rangkaian bekalan global. Eksport barangan pembuatan dijangka kembali pulih sebanyak 2.5% disokong oleh

JADUAL 3.6. Perdagangan Luar Negeri, 2019 – 2021

	RM JUTA			PERUBAHAN (%)		
	2019	2020 ¹	2021 ²	2019	2020 ¹	2021 ²
Jumlah perdagangan	1,844,483	1,738,477	1,805,749	-2.1	-5.7	3.9
Eksport kasar	995,072	943,761	968,793	-0.8	-5.2	2.7
<i>antaranya:</i>						
Pembuatan	840,586	808,851	828,862	0.4	-3.8	2.5
Pertanian	65,958	66,441	69,381	-1.6	0.7	4.4
Perlombongan	81,520	63,771	65,118	-9.3	-21.8	2.1
Import kasar	849,411	794,716	836,956	-3.5	-6.4	5.3
<i>antaranya:</i>						
Barangan modal	100,179	87,642	100,219	-10.9	-12.5	14.3
Barangan pengantara	467,211	437,406	460,280	1.1	-6.4	5.2
Barangan penggunaan	74,155	74,718	76,967	1.5	0.8	3.0
Imbangan dagangan	145,661	149,045	131,838	17.7	2.3	-11.5

¹ Anggaran² Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 3.7. Eksport Kasar, Januari – Ogos 2019 dan 2020

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2019	2020	2019	2020	2019	2020
Pembuatan	553,834	533,378	1.7	-3.7	84.1	85.9
Pertanian	44,212	43,960	-1.6	-0.6	6.7	7.1
Perlombongan	55,591	40,463	-1.9	-27.2	8.4	6.5
Lain-lain ¹	4,940	2,841	-31.9	-42.5	0.8	0.5
Eksport kasar	658,576	620,642	0.8	-5.8	100.0	100.0

¹ Termasuk sisa dan bahan buangan emas; pakaian terpakai; dan urus niaga khas tidak disenarai

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

peningkatan permintaan untuk produk E&E dan bukan E&E. Permintaan yang lebih tinggi bagi semikonduktor, kelengkapan peralatan telekomunikasi serta pemprosesan data automatik selari dengan transformasi digital dan penggunaan 5G di peringkat global dijangka dapat meningkatkan eksport E&E sebanyak 3%. Pada masa yang sama, eksport bukan E&E dijangka berkembang sebanyak 2.1% berikutan permintaan lebih tinggi untuk kimia dan produk kimia, produk getah serta barangan pembuatan logam.

Eksport barangan pertanian berkembang sebanyak 4.4% pada 2021 dipacu oleh peningkatan permintaan bagi minyak sawit dan produk pertanian berasaskan minyak sawit serta getah asli. Sejalan dengan pemulihan aktiviti ekonomi dunia serta peningkatan harga minyak mentah, terimaan eksport barangan perlombongan dijangka pulih sebanyak 2.1% disumbangkan oleh permintaan yang lebih tinggi daripada pasaran utama bagi minyak mentah (2%) dan LNG (2.2%).


JADUAL 3.8. Eksport Barangan Pembuatan,
Januari – Ogos 2019 dan 2020

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2019	2020	2019	2020	2019	2020
E&E	247,757	237,847	0.8	-4.0	44.7	44.6
Bukan E&E	306,077	295,531	2.4	-3.4	55.3	55.4
Produk petroleum	47,072	43,774	-4.4	-7.0	8.5	8.2
Kimia dan produk kimia	38,458	32,712	4.6	-14.9	6.9	6.1
Barangan optik dan saintifik	24,592	25,914	4.5	5.4	4.4	4.9
Jentera, kelengkapan dan peralatan	27,723	25,310	0.6	-8.7	5.0	4.7
Produk getah	16,779	23,351	-3.8	39.2	3.0	4.4
Barangan pembuatan logam	28,034	22,978	-7.6	-18.0	5.1	4.3
Produk besi dan keluli	14,472	15,706	48.0	8.5	2.6	2.9
Produk pembuatan berasaskan minyak sawit	16,020	13,769	5.1	-14.1	2.9	2.6
Barangan makanan diproses	14,024	13,719	11.8	-2.2	2.5	2.6
Kelengkapan pengangkutan	11,733	13,064	-4.2	11.3	2.1	2.4
Produk kayu	10,101	9,836	-2.5	-2.6	1.8	1.8
Tekstil, pakaian dan kasut	10,406	8,721	5.0	-16.2	1.9	1.6
Barangan pembuatan plastik	9,905	8,554	3.9	-13.6	1.8	1.6
Produk galian bukan logam	5,633	5,081	19.5	-9.8	1.0	1.0
Produk kertas dan pulpa	4,071	4,195	29.2	3.0	0.7	0.8
Barang kemas	4,712	2,286	9.0	-51.5	0.9	0.4
Minuman dan tembakau	2,274	1,629	5.5	-28.4	0.4	0.3
Produk pembuatan lain	20,067	24,933	0.4	24.2	3.6	4.7
Eksport barangan pembuatan	553,834	533,378	1.7	-3.7	100.0	100.0

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

RAJAH 3.7. Rakan Dagang 10 Teratas,
Januari – Ogos 2020
(% bahagian)



Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Import

Pada 2020, **import kasar** dijangka menguncup sebanyak 6.4% disebabkan oleh pengurangan import barangan pengantara dan barangan modal berikutan aktiviti ekonomi dan pelaburan yang lebih perlahan. Import kasar dijangka kembali pulih sebanyak 5.3% pada 2021 disokong oleh peningkatan dalam semua jenis import. Import barangan pengantara diunjur meningkat sebanyak 5.2% terutamanya

disebabkan oleh pengembangan dalam sektor pembuatan dan pembinaan. Pada masa yang sama, import barangan modal diunjur meningkat sebanyak 14.3% berikutan peningkatan aktiviti pelaburan dan penerusan projek strategik. Import barangan penggunaan dijangka meningkat sebanyak 3% dipacu oleh permintaan lebih tinggi daripada isi rumah berikutan pemulihan keyakinan pengguna dan peningkatan pendapatan.

JADUAL 3.9. *Import Kasar mengikut Penggunaan Akhir, Januari – Ogos 2019 dan 2020*

	RM JUTA		PERUBAHAN (%)		BAHAGIAN (%)	
	2019	2020	2019	2020	2019	2020
Barangan modal	65,521	59,930	-13.4	-8.5	11.7	11.6
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	59,712	62,221	-5.3	4.2	10.7	12.0
Kelengkapan pengangkutan (perindustrian)	5,809	-2,291	-53.9	-139.4	1.0	-0.4
Barangan pengantara	306,810	278,266	-0.1	-9.3	54.9	53.8
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk industri	12,173	13,182	3.5	8.3	2.2	2.5
Bahan api dan pelincir, utama, diproses dan lain-lain	39,293	32,403	7.0	-17.5	7.0	6.3
Bekalan perindustrian, utama, diproses dan t.d.t.l. ¹	143,404	125,442	1.2	-12.5	25.7	24.2
Alat ganti dan aksesori barangan modal dan kelengkapan pengangkutan	111,940	107,239	-4.2	-4.2	20.0	20.7
Barangan penggunaan	48,486	47,638	0.6	-1.7	8.7	9.2
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk isi rumah	20,071	21,464	5.2	6.9	3.6	4.1
Kelengkapan pengangkutan (bukan perindustrian)	689	562	32.1	-18.4	0.1	0.1
Barangan pengguna lain	27,725	25,611	-3.0	-7.6	5.0	4.9
Barangan tahan lama	6,359	5,800	-6.7	-8.8	1.1	1.1
Barangan separa tahan lama	8,881	7,980	-12.6	-10.1	1.6	1.5
Barangan tidak tahan lama	12,486	11,832	7.5	-5.2	2.2	2.3
Lain-lain	24,766	12,871	32.0	-48.0	4.4	2.5
Eksport semula	112,961	118,960	-14.4	5.3	20.2	23.0
Import kasar	558,543	517,665	-4.0	-7.3	100.0	100.0

¹ Tidak disenarai di tempat lain

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Imbangan Pembayaran

Lebih akaun semasa **imbangan pembayaran** mengecil kepada RM17.1 bilion atau 2.6% daripada PNK pada separuh pertama 2020. Pengurangan ini disebabkan oleh penurunan lebih akaun barangan serta defisit akaun pendapatan yang lebih rendah. Pada separuh kedua 2020, lebih akaun semasa diunjur meningkat kepada RM31.4 bilion atau 4.1% daripada PNK berikutan peningkatan dalam lebih akaun barangan serta defisit yang lebih rendah dalam akaun pendapatan. Secara keseluruhan, lebih akaun semasa pada 2020 dijangka mengecil kepada RM48.5 bilion atau 3.4% daripada PNK. Pengurangan ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan defisit dalam akaun perkhidmatan meskipun lebih dalam akaun barangan meningkat dan defisit dalam akaun pendapatan lebih rendah.

Akaun barangan diunjur mencatat peningkatan lebih yang tinggi sebanyak RM130.9 bilion berikutan eksport melebihi import. Akaun perkhidmatan dijangka mencatat peningkatan

defisit berjumlah RM50.3 bilion terutamanya disebabkan oleh pengurangan terimaan dalam akaun perjalanan dan pengangkutan. Akaun perjalanan dijangka mencatat defisit sebanyak RM10.9 bilion untuk pertama kali sejak 1989 disebabkan oleh penurunan signifikan ketibaan pelancong berikutan penutupan sempadan antarabangsa bagi mengawal penularan pandemik COVID-19. Defisit akaun pengangkutan diunjur mencatat RM26.8 bilion disebabkan oleh pendapatan yang lebih rendah daripada bayaran caj fret, tambang penumpang syarikat penerbangan, caj lapangan terbang dan pelabuhan seperti pendaratan dan parkir pesawat, dok kapal serta pengendalian kargo yang disediakan oleh syarikat domestik. Akaun perkhidmatan lain dijangka mencatat defisit lebih rendah disebabkan oleh pengurangan aliran keluar bagi pembayaran perkhidmatan pembinaan, kewangan serta penyelenggaraan dan pembaikan.

Akaun pendapatan primer diunjur mencatat defisit lebih rendah sebanyak RM23.7 bilion pada 2020 terutamanya disebabkan oleh


JADUAL 3.10. *Akaun Semasa Imbangan Pembayaran, 2019 – 2021*
(RM juta)

	2019			2020 ¹			2021 ²		
	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH	TERIMAAN	BAYARAN	BERSIH
Imbangan barangan dan perkhidmatan	985,283	872,871	112,412	842,053	761,454	80,599	916,286	833,823	82,463
Barangan	815,470	692,136	123,334	750,424	619,538	130,886	778,135	664,804	113,331
Perkhidmatan	169,814	180,735	-10,922	91,629	141,916	-50,287	138,151	169,019	-30,868
Pengangkutan	21,669	47,572	-25,903	14,962	41,805	-26,843	20,333	52,509	-32,176
Perjalanan	82,114	51,296	30,818	12,414	23,283	-10,868	53,468	35,495	17,973
Perkhidmatan lain	66,030	81,868	-15,837	64,252	76,829	-12,576	64,350	81,015	-16,665
Pendapatan primer	64,851	105,118	-40,267	56,516	80,202	-23,686	62,804	104,362	-41,558
Pampasan pekerja	6,784	15,906	-9,122	6,308	14,565	-8,257	6,809	15,351	-8,542
Pendapatan pelaburan	58,067	89,212	-31,145	50,208	65,637	-15,429	55,995	89,011	-33,016
Pendapatan sekunder	16,897	38,191	-21,294	26,118	34,575	-8,458	17,522	38,150	-20,628
Imbangan akaun semasa	1,067,031	1,016,181	50,850	924,686	876,231	48,455	996,612	976,335	20,277
% daripada PNK			3.5			3.4			1.3

¹ Anggaran

² Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

RAJAH 3.8. Rizab Antarabangsa

Sumber: Bank Negara Malaysia

pembayaran lebih rendah kepada pelabur langsung asing di Malaysia berikutan prestasi sektor pembinaan dan pembuatan yang perlahan. Pembayaran bagi pendapatan pelaburan dijangka mencatat penurunan sebanyak RM65.6 bilion. Pampasan pekerja dijangka mencatat defisit lebih kecil berikutan penurunan pembayaran yang menunjukkan aktiviti ekonomi domestik lebih perlahan.

Aliran keluar akaun pendapatan sekunder terutamanya kiriman wang keluar dijangka merosot kepada RM34.6 bilion berikutan pendapatan pekerja asing yang terjejas semasa PKP. Aliran masuk akaun pendapatan sekunder juga dijangka meningkat kepada RM26.1 bilion berikutan penerimaan *one-off* yang menyumbang kepada defisit lebih rendah sebanyak RM8.5 bilion dalam akaun pendapatan sekunder.

Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM33.1 bilion disebabkan oleh aliran keluar bersih pelaburan portfolio yang lebih tinggi serta aliran masuk bersih lebih rendah dalam akaun pelaburan langsung dan derivatif kewangan. Walaupun dalam keadaan

pandemik, FDI mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM8.6 bilion pada separuh pertama tahun ini dan disalurkan terutamanya dalam sektor pembuatan dan perlombongan serta segmen kewangan dan insurans/takaful. Pelaburan langsung ke luar negeri oleh syarikat Malaysia mencatat aliran keluar bersih yang lebih rendah sebanyak RM6.5 bilion. Aliran keluar ini disalurkan terutamanya dalam sektor perlombongan diikuti segmen kewangan dan insurans/takaful serta maklumat dan komunikasi.

Lebih akaun semasa dijangka lebih rendah pada 2021 sebanyak RM20.3 bilion atau 1.3% daripada PNK selari dengan pengembangan dalam aktiviti perindustrian serta pelaburan domestik. Akaun barangan diunjur mencatat lebih RM113.3 bilion disokong oleh pemulihan secara berperingkat dalam aktiviti perdagangan global. Defisit akaun perkhidmatan dijangka mengecil kepada RM30.9 bilion selaras dengan lebih akaun perjalanan. Akaun perjalanan dijangka bertambah baik berikutan aktiviti pelancongan yang beransur pulih. Terimaan akaun perjalanan diunjur meningkat kepada RM53.5 bilion didorong oleh peningkatan ketibaan pelancong serta perbelanjaan per kapita yang melebihi perbelanjaan residen berkunjung ke luar negeri untuk tujuan percutian, perniagaan dan keagamaan.

Bayaran kasar bagi perkhidmatan pengangkutan dijangka meningkat kepada RM52.5 bilion disebabkan oleh kebergantungan berterusan terhadap perkhidmatan pengangkutan asing di samping pengembangan dalam aktiviti perdagangan. Terimaan kasar juga dijangka meningkat kepada RM20.3 bilion disokong oleh peningkatan pendapatan perjalanan udara serta pengendalian kargo dan perkhidmatan penghantaran yang disediakan oleh syarikat domestik. Akaun perkhidmatan lain dijangka mencatat defisit lebih tinggi selaras dengan peningkatan pembayaran berikutan perkembangan dalam sektor pembuatan dan pembinaan.

Akaun pendapatan primer dijangka mencatat defisit lebih tinggi sebanyak RM41.6 bilion berikutan peningkatan dalam aktiviti pelaburan. Peningkatan defisit ini sejajar dengan

penghantaran balik keuntungan dan dividen oleh pelabur asing serta aliran keluar bersih bagi pampasan profesional asing yang dijangka lebih tinggi. Aliran keluar bersih dalam akaun pendapatan sekunder diunjur meningkat kepada RM20.6 bilion selaras dengan kiriman wang oleh pekerja asing melebihi aliran masuk berikutan jangkakan pemulihan aktiviti ekonomi domestik.

Harga

Tekanan inflasi kekal terkawal

Indeks Harga Pengguna (IHP) menyusut sebanyak 1% pada lapan bulan pertama 2020 dan trend ini dijangka berterusan sepanjang tahun. Penguncupan tersebut disebabkan oleh penurunan harga bahan api berikutan kejatuhan harga minyak mentah global dan diskaun bil elektrik sebagai sebahagian daripada langkah rangsangan ekonomi. Walau bagaimanapun, indeks teras meningkat sebanyak 1.2% mencerminkan permintaan

domestik kekal kukuh selaras dengan pembukaan semula aktiviti ekonomi secara berperingkat. Inflasi dijangka kembali kepada paras normal iaitu 2.5% pada 2021 selari dengan prospek ekonomi yang lebih baik dan harga minyak mentah lebih tinggi.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) berdasarkan pengeluaran tempatan merosot sebanyak 2.4% pada lapan bulan pertama 2020 dan dijangka kekal stabil berikutan kos input yang rendah. Kemerosotan ini disebabkan oleh harga komoditi dunia yang lebih rendah khususnya minyak mentah dan gas asli. Sementara itu, IHPR mengikut sektor merosot terutamanya disebabkan oleh penurunan ketara indeks sektor perlombongan (-32.7%) dan penyusutan dalam sektor lain iaitu bekalan air (-0.6%), pembuatan (-0.2%) serta bekalan elektrik dan gas (-0.2%). Walau bagaimanapun, indeks sektor pertanian, perhutanan dan perikanan mencatat peningkatan sebanyak 12.5%. Sejalan dengan unjuran pemulihan ekonomi domestik dan global, IHPR dijangka mengukuh pada 2021.

JADUAL 3.11. Indeks Harga Pengguna, Januari - Ogos 2019 dan 2020 (2010 = 100)

	WAJARAN ¹	PERUBAHAN (%)		SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN IHP (MATA PERATUSAN)	
		2019	2020	2019	2020
IHP	100.0	0.5	-1.0	0.50	-1.00
Makanan dan minuman bukan alkohol	29.5	1.6	1.2	0.51	0.39
Minuman alkohol dan tembakau	2.4	1.6	0.2	0.05	0.01
Pakaian dan kasut	3.2	-2.4	-1.0	-0.06	-0.02
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	23.8	1.9	-1.0	0.44	-0.24
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.1	1.3	0.3	0.05	0.01
Kesihatan	1.9	0.3	1.2	0.01	0.02
Pengangkutan	14.6	-3.6	-10.0	-0.51	-1.37
Komunikasi	4.8	0.0	1.6	0.00	0.06
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.8	0.6	0.7	0.03	0.03
Pendidikan	1.3	1.3	1.2	0.02	0.02
Restoran dan hotel	2.9	1.2	0.7	0.04	0.02
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.7	-0.6	2.7	-0.04	0.17

¹ Berdasarkan Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016
Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

JADUAL 3.12. Indeks Harga Pengeluar, Januari – Ogos 2019 dan 2020 (2010 = 100)


	WAJARAN ¹	PERUBAHAN (%)		SUMBANGAN KEPADA PERTUMBUHAN IHPR (MATA PERATUSAN)	
		2019	2020	2019	2020
IHPR	100.000	-2.0	-2.4	-1.96	-2.39
Pertanian, perhutanan dan perikanan	6.730	-10.3	12.5	-0.66	0.74
Perlombongan	7.927	-3.8	-32.7	-0.30	-2.50
Pembuatan	81.571	-1.1	-0.2	-0.92	-0.16
Bekalan elektrik dan gas	3.442	1.6	-0.2	0.06	-0.01
Bekalan air	0.330	-2.1	-0.6	-0.01	0.00
IHPR mengikut peringkat pemprosesan	100.000	-2.0	-2.4	-1.96	-2.39
Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya	16.410	-5.7	-12.4	-0.97	-2.04
Bahan perantaraan, bekalan dan komponen	56.119	-1.6	-0.3	-0.89	-0.16
Barang siap	27.471	0.2	0.3	0.05	0.08

¹ Berdasarkan Banci Ekonomi 2016

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

RAJAH 3.9. Trend IHP dan IHPR (% perubahan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

RENCANA 3.5

Hubungan Dinamik antara Indeks Harga Pengguna dengan Indeks Harga Pengeluar

Pengenalan

Indeks Harga Pengguna (IHP) mengukur perubahan peratus kos pembelian mengikut masa bagi “bakul”¹ tetap barangan dan perkhidmatan yang mewakili corak purata pembelian oleh sekumpulan penduduk pada sesuatu tempoh masa yang ditetapkan. Perubahan harga barangan yang berlaku dalam bakul ini adalah disebabkan oleh perubahan harga yang sebenarnya sahaja iaitu perubahan harga ini tidak berkaitan langsung dengan perubahan pada kuantiti atau kualiti barangan dan perkhidmatan tersebut. Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi pengeluaran tempatan merupakan indeks berasaskan output yang mengukur perubahan harga komoditi untuk jualan pasaran tempatan yang dinilai pada harga di kilang. Indeks ini mengukur purata perubahan harga yang dikenakan oleh pengeluar barangan dalam sesuatu industri pada bulan rujukan berbanding tempoh asas. Oleh itu, IHPR merupakan penunjuk ekonomi makro yang digunakan bagi memantau pergerakan harga output tempatan dan sering dilihat sebagai penunjuk awal kepada IHP (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Berdasarkan kajian Clark (1995), IHPR boleh dipindahkan kepada IHP melalui kesan *pass-through*. Sementara itu, kajian ke atas ekonomi membangun (Sidaoui et al., 2010) dan ekonomi maju (Woo et al., 2018) menunjukkan terdapat hubungan jangka masa panjang antara IHP dengan IHPR yang dapat digunakan dalam mengunjurkan inflasi. Rencana ini menganalisis hubungan tersebut bagi tempoh Januari 2011 hingga Julai 2020² untuk memberi pemahaman mengenai jangkaan inflasi dan pengurusan dasar makroekonomi yang berkesan.

Perubahan harga dalam bakul tetap barangan dan perkhidmatan diukur melalui IHP yang turut digunakan sebagai proksi untuk inflasi. Bakul IHP di Malaysia terdiri daripada 12 kumpulan utama dengan 552 item yang menggunakan wajaran tetap. Kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol (29.5%), perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (23.8%) dan pengangkutan (14.6%) membentuk wajaran terbesar sebanyak 67.9% dalam bakul IHP. Sementara itu, IHPR diukur berdasarkan peringkat pemprosesan dan mengikut lima sektor ekonomi. Majoriti wajaran IHPR di peringkat pemprosesan meliputi bahan perantaraan, bekalan dan komponen yang menyumbang 56.1%. Mengikut sektor pula, pembuatan (81.6%) dan perlombongan (7.9%) membentuk wajaran terbesar sebanyak 89.5%.


Trend IHP kekal stabil dan menunjukkan variasi yang lebih kecil berbanding IHPR dalam tempoh Januari 2011 hingga Julai 2020 (Rajah 3.5.1.). Sebaliknya, IHPR mencatatkan dua trend yang berbeza dalam tempoh yang sama. Dari Januari 2011 hingga Januari 2017, IHPR menunjukkan variasi yang lebih besar sebelum kembali stabil dan bergerak menghampiri trend IHP selepas penetapan harga bahan api secara mingguan.

Secara umumnya, kadar inflasi kekal rendah dan stabil. Kadar IHP berada di sekitar purata 2% manakala IHPR mencatat 0.6% dalam tempoh analisis. Walau bagaimanapun, terdapat tempoh tertentu yang mencatat kadar inflasi yang tinggi. Kadar tertinggi IHP adalah 4.9% pada Mac 2017 berikutan peralihan penetapan harga bahan api secara bulanan kepada mingguan. Penguncupan terbesar IHP pula dicatatkan pada April dan Mei 2020 iaitu -2.9% disebabkan oleh penggunaan swasta yang lemah pada suku kedua 2020. Hal ini disebabkan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan untuk membendung penularan pandemik COVID-19. Sementara itu, IHPR mencatatkan kadar maksimum 15% pada Julai 2011 selaras dengan lonjakan harga purata minyak mentah dunia kepada USD116.46 setong. Kadar terendah IHPR pula dicatatkan pada Mei 2015 iaitu -9.4% disebabkan kejatuhan harga purata minyak mentah dunia kepada USD64.56 setong.

¹ “Bakul” merujuk kepada barangan dan perkhidmatan yang mempunyai kuantiti dan kualiti yang seakan-akan sama atau tidak berubah, mengandungi item yang boleh diukur secara berterusan dalam pasaran merentasi masa.

² Indeks tahun asas ditetapkan pada 2010 = 100.

RAJAH 3.5.1. Trend IHP dan IHPR Sepanjang Tempoh 10 Tahun



Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Metodologi

Hubungan antara IHP dengan IHPR dalam tempoh kajian ini dianalisis menggunakan *Threshold Vector Error Correction Model* (TVECM) dengan pelarasan *Momentum Threshold Autoregressive* (MTAR) (Enders & Granger, 1998; Woo et al., 2018). Pemboleh ubah IHP dan IHPR diubah kepada logaritma asli. Dalam siri masa tersebut, model kointegrasi MTAR telah digunakan dan diikuti oleh TVECM untuk mengukur pelarasan asimetri ke arah keseimbangan.

Penemuan

Hasil analisis membuktikan wujud hubungan dua hala antara IHP dengan IHPR. Oleh yang demikian, perubahan harga boleh dipindahkan daripada pengeluar kepada pengguna dan sebaliknya. Justeru, pendekatan yang berbeza diperlukan untuk mengatasi masalah inflasi, bergantung kepada sumber variasi harga. Berdasarkan analisis ini juga, pelarasan semula IHP ke bawah kepada keseimbangan jangka masa panjang akan memakan masa sekitar 9.1 bulan berbanding IHPR yang memakan masa sekitar 15.5 bulan. Sehubungan itu, lebih banyak usaha diperlukan untuk mengurangkan kesan terhadap IHPR kerana pelarasan semula ke bawah untuk kembali ke keseimbangan jangka masa panjang mengambil masa yang lebih lama.

JADUAL 3.5.1. Anggaran TVECM dengan Pelarasan MTAR

	PERUBAHAN IHP (ΔIHP)	PERUBAHAN IHPR ($\Delta IHPR$)
Kepantasan pelarasan	Pelarasan IHP ke bawah bagi mencapai semula keseimbangan mengambil masa sekitar 9.1 bulan .	Pelarasan IHPR ke bawah bagi mencapai semula keseimbangan mengambil masa sekitar 15.5 bulan .
	Pelarasan IHP ke atas bagi mencapai semula keseimbangan mengambil masa sekitar 11.6 bulan .	Pelarasan IHPR ke atas bagi mencapai semula keseimbangan mengambil masa sekitar 6.2 bulan .

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (anggaran)

Cadangan

Berdasarkan penemuan ini, pelarasan IHPR kepada keseimbangan yang mengambil masa yang panjang perlu diberikan lebih perhatian. Sehubungan itu, usaha harus ditumpukan bagi mengatasi masalah ini supaya kos menjalankan perniagaan dan kesan *pass-through* dapat dikurangkan. Langkah untuk mengurangkan halangan kemasukan syarikat baharu terutamanya perusahaan kecil dan sederhana dapat meningkatkan jumlah keseluruhan pengeluar domestik seterusnya memastikan persekitaran pasaran yang lebih berdaya saing. Pengukuhan persaingan pasaran dan penambahan kapasiti pengeluaran domestik juga penting dalam meningkatkan penawaran agregat (Benkovskis, 2017). Selain itu, peraturan dan perundangan sedia ada perlu diperkukuh dan dikuatkuasakan dengan lebih tegas. Usaha ini bertujuan untuk mencegah amalan antipersaingan dan memastikan harga barangan keperluan kekal berpatutan bagi pengguna.

Kesimpulan

Analisis ini telah membuktikan wujud hubungan dua hala antara IHP dengan IHPR dalam tempoh yang dikaji. Penemuan ini menunjukkan masa yang diambil untuk pelarasan semula harga kepada keseimbangan jangka masa panjang berbeza bagi IHP dan IHPR. Perkara ini memberi gambaran bahawa terdapat ketidaksempurnaan dalam pasaran. Justeru, dasar pengurusan penawaran yang lebih efektif diperlukan bagi mengurangkan impak pindahan antara indeks tersebut. Pada masa yang sama, faktor tolakan kos dalam IHPR perlu dikenal pasti bagi mengurangkan kesan *pass-through* daripada pengeluar kepada pengguna.

Pasaran Buruh

Pasaran buruh menunjukkan tanda pemulihan

Pasaran buruh merosot pada separuh pertama 2020 disebabkan aktiviti ekonomi terjejas teruk berikutan pandemik COVID-19. Walaupun guna tenaga masih merekodkan prestasi positif dengan pewujudan 71,300 pekerjaan baharu, namun peningkatan tersebut hanya secara marginal 0.5% iaitu lebih rendah berbanding pertumbuhan tenaga buruh 1.5%. Dalam tempoh tersebut, sektor perkhidmatan merupakan sumber terbesar guna tenaga iaitu 63.3% daripada jumlah guna tenaga diikuti sektor pembuatan (16.8%) dan pertanian (11%). Kadar penyertaan tenaga buruh kekal menggalakkan iaitu 68.4%. Walau bagaimanapun, penutupan operasi perniagaan dan langkah penjimatan kos oleh firma berikutan pelaksanaan PKP telah melemahkan permintaan agregat. Akibatnya, pewujudan peluang pekerjaan lebih rendah berbanding tempoh pra-COVID-19. Situasi ini

mengakibatkan bilangan penganggur melonjak 30% dengan kadar pengangguran meningkat kepada 4.3% atau 670,200 orang.

Kesan negatif pandemik juga dapat dilihat melalui penunjuk pasaran buruh lain. Kekosongan jawatan merosot dengan ketara sebanyak 50.8% kepada 251,944. Walau bagaimanapun, jumlah pencari kerja aktif meningkat 16.9% kepada 277,840 dengan 2%

JADUAL 3.13. *Penunjuk Pasaran Buruh*

	('000)			PERUBAHAN (%)		
	H1 ¹	2020 ²	2021 ³	H1 ¹	2020 ²	2021 ³
Tenaga buruh	15,691.3	15,737.4	15,910.5	1.5	1.0	1.1
Guna tenaga	15,021.1	15,084.0	15,347.9	0.5	0.1	1.8
Pengangguran	670.2	653.5	562.6	(4.3)	(4.2)	(3.5)

¹ Januari hingga Jun 2020

² Anggaran

³ Unjuran

Nota: Angka dalam kurungan ialah kadar pengangguran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

merupakan pendaftar baharu. Pemberhentian pekerja juga meningkat dengan ketara sebanyak 76.2% kepada 36,196 terutamanya dalam industri pembuatan dan industri berkaitan pelancongan berikutan penutupan perniagaan, pengecilan tenaga kerja dan masalah kewangan.

Namun demikian, kedudukan pasaran buruh dijangka pulih secara berperingkat pada separuh kedua 2020. Kadar pengangguran dijangka berkurang kepada 4.2% dengan lebih banyak peluang pekerjaan dalam ekonomi selaras dengan prospek ekonomi yang lebih baik. Sementara itu, jumlah penduduk bekerja dijangka mencapai 15.1 juta pada 2020 dan terus meningkat kepada 15.3 juta pada 2021 disokong oleh peningkatan permintaan domestik berikutan pemulihan kukuh dalam pertumbuhan ekonomi. Daripada 15.3 juta penduduk bekerja, 9.7 juta atau 63.3% dijangka bekerja dalam sektor perkhidmatan, 17.4% dalam sektor pembuatan dan 10.2% dalam sektor pertanian.

Produktiviti buruh yang diukur dari segi nilai ditambah per pekerja berkurang dengan ketara sebanyak 8.4% kepada RM84,138 pada separuh pertama 2020 disebabkan oleh penguncupan produktiviti dalam semua sektor ekonomi terutamanya pembinaan. Walau bagaimanapun, pengurangan produktiviti buruh dijangka menyederhana sebanyak 3.2% dan mencecah

RM90,900 pada 2020. Jangkaan pencapaian ini berikutan pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program peningkatan kemahiran untuk menggalakkan penggunaan teknologi dalam industri di bawah pakej rangsangan ekonomi. Produktiviti sektor pertanian dijangka mencatat peningkatan 0.6% dengan pengurangan dalam sektor pembuatan (-1.4%) dan perkhidmatan (-3.6%). Pada 2021, produktiviti buruh dijangka meningkat semula sebanyak 4.9% dan mencapai RM95,400 disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang kukuh khususnya dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan.

Pekerja asing terus memainkan peranan penting dalam pasaran buruh Malaysia dan tidak terlepas daripada kesan pandemik COVID-19. Pada akhir Ogos 2020, bilangan pekerja asing berkemahiran rendah berdaftar berkurang kepada 1.7 juta dan bilangan ini dijangka kekal sepanjang tahun berikutan pemberhentian sementara pengambilan pekerja asing baharu dalam kebanyakan sektor. Sebahagian besar pekerja asing berasal dari Indonesia (34%), Bangladesh (28.3%) dan Nepal (15.3%). Sektor pembuatan menggaji paling ramai pekerja asing iaitu 35.5% diikuti sektor pembinaan (21.3%) dan perkhidmatan (15.2%). Walau bagaimanapun, peratusan pekerja asing berkemahiran rendah yang mencatat 11.1% masih di bawah had yang ditetapkan iaitu 15% daripada jumlah guna tenaga.

JADUAL 3.14. *Guna Tenaga mengikut Sektor*

	('000)			BAHAGIAN (%)		
	H1 ²	2020 ³	2021 ⁴	H1 ²	2020 ³	2021 ⁴
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,655.9	1,644.3	1,565.5	11.0	10.9	10.2
Perlombongan dan pengkuarian	94.9	90.5	92.1	0.6	0.6	0.6
Pembuatan	2,529.4	2,564.2	2,670.5	16.8	17.0	17.4
Pembinaan	1,227.2	1,236.9	1,304.6	8.2	8.2	8.5
Perkhidmatan	9,513.7	9,548.1	9,715.2	63.3	63.3	63.3
Jumlah¹	15,021.1	15,084.0	15,347.9	100.0	100.0	100.0

¹ Jumlah termasuk 'Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah'

² Januari hingga Jun 2020

³ Anggaran

⁴ Unjuran

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

Sementara itu, jumlah **ekspatriat** berkurang 17.9% kepada 100,373. Majoriti ekspatriat terdiri daripada warga India (23.8%) diikuti China (18.9%) dan Filipina (7.4%). Kebanyakan ekspatriat bekerja dalam sektor perkhidmatan (50.5%), teknologi maklumat (34.5%) dan pembinaan (5.9%). Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja migran dengan memastikan penggajian pekerja migran terutamanya pekerja asing berkemahiran rendah berdasarkan kepada keperluan sebenar ekonomi. Usaha ini akan membolehkan lebih banyak peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada tenaga kerja tempatan dan menggalakkan industri beralih kepada automasi.

Kesimpulan

Selepas mengalami prestasi ekonomi yang kurang memberangsangkan pada 2020 berikutan pandemik COVID-19, ekonomi Malaysia diunjur kembali berkembang dengan kukuh pada 2021 sejajar dengan jangkaan pemulihan ekonomi global yang lebih menyeluruh. Pada masa yang sama, permintaan domestik diunjur mencatat pertumbuhan yang stabil disokong oleh

penambahbaikan dalam pasaran buruh, kadar inflasi yang rendah dan keadaan pembiayaan yang menggalakkan serta penerusan semula projek utama infrastruktur. Semua sektor ekonomi dijangka kembali pulih dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan terus memacu pertumbuhan.

Walau bagaimanapun, risiko prospek pertumbuhan yang rendah masih wujud berpunca daripada peningkatan semula kes COVID-19 dan tempoh pelaksanaan langkah pembendungan di peringkat domestik dan global. Ketegangan geopolitik, ketidakstabilan dalam pasaran kewangan dan komoditi serta perang perdagangan dan teknologi boleh memperlahankan kadar pemulihan. Berdasarkan situasi tersebut, Kerajaan akan terus menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan dan mampan serta melindungi kebajikan rakyat. Justeru, usaha akan dipertingkatkan untuk mempercepat peralihan kepada aktiviti ekonomi bernilai tambah tinggi berasaskan kemampuan digital dan tenaga kerja mahir, menarik lebih banyak pelaburan langsung asing serta terus memperkukuh prinsip kelestarian alam sekitar, sosial dan tadbir urus demi memastikan pertumbuhan yang mampan dan inklusif.

Rujukan

- Association of Small & Medium Enterprises, Singapore. (2018). *Singapore SMEs: Are You Ready for a Digital Future?* Dicapai daripada <https://news.microsoft.com/en-sg/2018/10/23/singapore-smes-who-embrace-digital-transformation-expect-to-see-average-revenue-gains-of-26-asme-microsoft-study/>
- Bamberger, V., Nansé, F., Schreiber, B., Zintel, M. (2017). *Logistics 4.0 - Facing Digitalization Driven Disruption*. Dicapai daripada http://www.adlittle.com/sites/default/files/prism/logistics_section.pdf 2019-02-25.
- Bank Dunia. (2018). *Malaysia's Digital Economy: A New Driver of Development*. Dicapai daripada <https://www.worldbank.org/en/country/malaysia/publication/malysias-digital-economy-a-new-driver-of-development>
- Bank Negara Malaysia. (2020). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan*. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my/>
- Bank Negara Malaysia. (2018). *Understanding Financing through the Lens of Small and Medium Enterprises*. Dicapai daripada https://www.bnm.gov.my/files/publication/fsp/en/2018/cp02_001_box.pdf
- Benkovski, K. (2017). *Higher Competition in the Domestic Market – A Way to Boost Aggregate Productivity*. Dicapai daripada <https://freepolicybriefs.org/2017/02/27/higher-competition-domestic-market-way-boost-aggregate-productivity/>
- Bizsphere. (2017). *World Trademark Review: Brand Investment is the Biggest Hurdle for Malaysia SMEs*. Dicapai daripada <http://bizsphere.com.my/smebrandsurvey2017-world-trademark-review/>
- Bourletidis, K., & Triantafyllopoulos, Y. (2014). SMEs Survival in Time of Crisis: Strategies, Tactics and Commercial Success Stories. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 148, 639-644.
- Burtch, G., Carnahan, S., & Greenwood, B. N. (2016). Can You Gig It. *An Empirical Examination of the Gig-Economy and Entrepreneurial Activity*. SSRN, March 2016.
- Clark, T.E. (1995). *Do Producer Prices Lead Consumer Prices?* Economic Review, Federal Reserve Bank of Kansas City, 80(3), 25-39.
- Dell'Anno, R. (2004). *Estimating the Shadow Economy in Italy: A Structural Equation Approach*. (Economics Working Papers Number 2003-7), Department of Economics and Business Economics, Aarhus University.
- DifferenceBetween.net. (2020). *Difference Between Gig Economy and Traditional Economy*. Dicapai daripada <http://www.differencebetween.net/business/economics-business/difference-between-gig-economy-and-traditional-economy/>
- Enders, W., & Granger, C. W. J. (1998). Unit-Root Tests and Asymmetric Adjustment with an Example Using the Term Structure of Interest Rates. *Journal of Business & Economic Statistics*, 16(3), 304-311.
- Forum Ekonomi Dunia (2016). *Digital Transformation of Industries: Logistics Industry*, White Paper. Dicapai daripada <http://reports.weforum.org/digital-transformation/wp-content/blogs.dir/94/mp/files/pages/files/dti-logistics-industry-white-paper.pdf>
- Friedman, E., Johnson, S., Kaufmann, D., & Zoido-Lobaton, P. (2000). Dodging The Grabbing Hand: The Determinants of Unofficial Activity in 69 Countries. *Journal of Public Economics*, 76(3), 459-493.

- Gen, M., Cheng, R., & Lin, L. (2008). Logistics Network Models. In *Network Models and Optimization*. Springer, London, 135-229. Dicapai daripada <https://doi.org/10.1007/978-1-84800-181-7>.
- Global Gig Economy-Index. (2019). *The Global Gig-Economy Index*. Dicapai daripada <https://cdn.techjuice.pk/wp-content/uploads/2019/08/Index-freelance.pdf>
- Goel, R. K., Saunoris, J. W., & Schneider, F. (2017). *Drivers of the Underground Economy Around the Millennium: A Long Term Look for the United States*. (IZA Discussion Papers Number 10857). Boon, Germany, IZA Institute of Labor Economics.
- Hakovirta, M., & Denuwara, N. (2020). *How COVID-19 Redefines the Concept of Sustainability*. Dicapai daripada <https://www.mdpi.com/2071-1050/12/9/3727>
- Hershat, A., & Epstein, M. (2010). Millennials and the World of Work: An Organisation and Management Perspective. *Journal of Business and Psychology*, 25(2), 211-223.
- IMD World Competitiveness Center. (2020). *The IMD World Digital Competitiveness Ranking 2019*. Dicapai daripada <https://www.imd.org/wcc/world-competitiveness-center-rankings/world-digital-competitiveness-rankings-2020>
- International Chamber of Commerce (ICC). (2017). *The Economic Impacts of Counterfeiting and Piracy*. Dicapai daripada https://www.inta.org/communications/documents/2017_frontier_report.pdf
- Ismail, N. A., & Masud, M. M. (2020). *Prospects and Challenges in Improving E-Commerce Connectivity in Malaysia*. Economic Research Institute for ASEAN and East Asia, 78-98. Dicapai daripada <https://www.eria.org/uploads/media/E-commerce-Connectivity-in-ASEAN>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Akaun Negara: Keluaran Dalam Negeri Kasar 2015-2019*. Dicapai daripada <https://dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Laporan Imbangan Pembayaran Suku Tahunan*. Dicapai daripada <https://www.dosm.gov.my/>
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). *Laporan Indeks Harga Pengeluar Tempatan*, Julai 2020, Nota Teknikal, 63-67. Dicapai daripada <https://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2020). *Laporan Indeks Harga Pengguna*, Julai 2020, Nota Teknikal, 97-100. Dicapai daripada <https://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Laporan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan*. Dicapai daripada <https://www.dosm.gov.my/>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Laporan Survei Khas Kesan COVID-19 kepada Syarikat dan Firma Perniagaan (Pusingan 1)*. Dicapai daripada https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/covid-19/Report_of_Special_Survey_COVID-19_Company-Round-1.pdf
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *Jadual Input-Output, 2005, 2010 dan 2015*. Dicapai daripada <https://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019) *Laporan Survei Guna Tenaga Sektor Informal 2019*. Dicapai daripada <https://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *Perusahaan Kecil dan Sederhana 2019*. Dicapai daripada <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epFreeDownloadContentSearch.seam?cid=22660>

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2016). *Banci Ekonomi 2016, Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana*. Dicapai daripada <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epFreeDownloadContentSearch.seam?cid=23136>
- Kee-Luen, W., Thiam-Yong, K., & Seng-Fook, O. (2013). *Strategic Planning and Business Performance: A Study of SMEs In Malaysia*. Prosiding Persidangan Penyelidikan Perniagaan Asia-Pasifik ke-3, 25-26.
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2019). *Tinjauan Ekonomi 2019: Penentu Inflasi di Malaysia*, 75-77.
- Kementerian Pengangkutan. (2017). *Logistics and Trade Facilitation Masterplan: Performance Report 2016*. Dicapai daripada <http://www.mot.gov.my>
- Khazanah Research Institute. (2019). *HRDF Human Capital Report, Issue: Jan 2019/2*. Dicapai daripada https://www.hrdf.com.my/wp-content/uploads/2016/12/02.-issue_Jan02_2019-Human-Capital-Report-Gig-Economy-and-Training.pdf
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. (2019). *The Gig Economy is Real and Here to Stay*. Dicapai daripada <https://www.digitalnewsasia.com/digital-economy/gig-economy-real-and-here-stay>
- Lasi, H., Kemper, H.-G., Fettke, P., Feld, T., & Hoffmann, M. (2014). *Industry 4.0. Business & Information Systems Engineering*, 6(4), 239-242. Dicapai daripada <https://aisel.aisnet.org/bise/vol6/iss4/5>.
- Lehmacher, W., Betti, F., Beecher, P., Grotmeier, C., & Lorenzen, M. (2017). *Impact of the Fourth Industrial Revolution on Supply Chains*. World Economic Forum. Dicapai daripada <https://www.weforum.org/whitepapers/impact-of-the-fourthindustrial-revolution-on-supply-chains>.
- Lembaga Hasil Dalam Negeri. (1975). *Service Tax Act*. Dicapai daripada <http://www.agc.gov.my>
- Lembaga Hasil Dalam Negeri. (1967). *Malaysian Income Tax Act*. Dicapai daripada <http://www.agc.gov.my>
- Manufacturing and Automation*. (2016). Manchester, UK, 68-74. Dicapai daripada <https://doi.org/10.2991/iwama-16.2016.13>.
- Marketing Insight. (2020). *Sentiment Study on the Impact of COVID-19 MCO on Malaysians*. Dicapai daripada <https://marketingmagazine.com.my/sentiment-study-on-the-impact-of-covid-19-mco-on-malaysians/>
- Matyushenko, I., Berenda, S., Shtal, T. & Grigorova-Berenda. (2019). *Logistics and transport in Industry 4.0: Perspective for Ukraine*. SHS Web of Conferences 67. Dicapai daripada <https://doi.org/10.1051/shsconf/20196703008> NTI-UkrSURT 2019 3008.
- MBO Partners. (2017). *Study: 60% of Workforce will be Independent by 2027*. Dicapai daripada <https://www.hrdiver.com/news/study-60-of-workforce-will-be-independent-by-2027/505313/>
- Medina, L., & Schneider, F. (2019). *Shedding Light on the Shadow Economy: A Global Database and the Interaction with the Official One*. (CESifo Working Paper Number 7981). Dicapai daripada https://www.cesifo.org/DocDL/cesifo1_wp7981.pdf
- Medina, L., & Schneider, F. (2018). *Shadow Economies Around The World: What Did We Learn Over The Last 20 Years?*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/~media/Files/Publications/WP/2018/wp1817.ashx>
- Miller, R. E., & Blair, P. D. (2009). *Input-output Analysis: Foundations and Extensions*. Cambridge University Press.

- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2019). *Digitalisation and Productivity: In Search of The Holy Grail – Firm-Level Empirical Evidence from EU Countries*. OECD Economic Outlook, 2019(1). Dicapai daripada <https://doi.org/10.1787/b2e897b0-en>.
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2017). *Shining Light on the Shadow Economy: Opportunities and Threats*. Dicapai daripada <http://www.oecd.org/tax/crime/shining-light-on-the-shadow-economy-opportunities-and-threats.pdf>
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2009). *Is Informal Normal? Towards More and Better Jobs in Developing Countries*. OECD Publishing and OECD Development Centre
- Omar, A. R. C., Ishak, S., & Jusoh, M. A. (2020). The Impact of Covid-19 Movement Control Order on SMEs' Businesses and Survival Strategies. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 16(2).
- Packard, T.G., Koettl, J., & Montenegro, C. (2012). *In From the Shadow: Integrating Europe's Informal Labor*. The World Bank
- Pembangunan Sumber Manusia Berhad. (2019). *HRDF Human Capita Report, Issue: Jan 2019/2*. Dicapai daripada https://www.hrdf.com.my/wp-content/uploads/2016/12/02.-issue_Jan02_2019-Human-Capital-Report-Gig-Economy-and-Training.pdf
- Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia. (2020). *Statistik Perdagangan Luar Malaysia Bulanan*. Dicapai daripada <https://www.miti.gov.my/>
- Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia. (2020). *Definisi Perusahaan Kecil dan Sederhana*. Dicapai daripada <https://www.smecorp.gov.my/index.php/en/policies/2020-02-11-08-01-24/sme-definition>
- Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia. (2020). *Kaji Selidik Akses kepada Insentif Pakej Rangsangan COVID-19 dan Langkah Membangun Semula Perniagaan PKS*.
- Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia. (2020). *Kaji Selidik Impak COVID-19 ke atas Perusahaan Kecil dan Sederhana*.
- Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia. (2020). *Kaji Selidik Maklum Balas Perusahaan Kecil dan Sederhana terhadap Pembukaan Semula Ekonomi*.
- Pew Research Center. (2019). *Defining Generations: Where Millennials End and Generation Z begins*. Dicapai daripada <https://www.pewresearch.org/fact-tank/2019/01/17/where-millennials-end-and-generation-z-begins/>
- Radivojević, G., & Milosavljević, L. (2017). The Concept of Logistics 4.0. In *Proceedings of the 4th Logistics International Conference-LOGIC*, 283-292. Dicapai daripada <http://logic.sf.bg.ac.rs/wp-content/uploads/2019/FINAL%20LOGIC%202019%20Proceedings.pdf>.
- Schneider, F. (2011). The Shadow Economy Labour Force. *World Economics*, 12(4), 53 - 92.
- Schneider, F., Buehn, A., & Montenegro, C. (2010). *Shadow Economies All Over the World: New Estimates for 162 Countries from 1999 to 2007*. (The World Bank Policy Research Working Paper Series Number 5356). Dicapai daripada <http://documents1.worldbank.org>
- Schneider, F., & Enste, D. H. (2000). *Shadow Economies Around the World: Size, Causes and Consequences*. International Monetary Fund.
- Sidaoui, J., Capistran, C., Chiquiar, D., & Ramos-Francia, M. (2010). *On the Predictive Content of the PPI on CPI Inflation: The Case of Mexico*. Bank for International Settlements Papers, 249-257.

- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2020). *The Great Lockdown: Worst Economic Downturn Since the Great Depression*. Dicapai daripada <https://blogs.imf.org/2020/04/14/the-great-lockdown-worst-economic-downturn-since-the-great-depression/>
- Tanzi, V. (2002). The Shadow Economy, Its Causes and Its Consequences. *Edited Lecture. Brazilian Institute of Ethics*.
- The Centre. (2019). *Ensuring Social Protection Coverage for Malaysia's Gig Workers*. Dicapai daripada <https://www.centre.my/post/voluntary-versus-automatic-figuring-out-the-right-approach-on-social-protection-for-informal-workers>
- Valdes, A., & Foster, W. (2010). Reflections on the Role of Agriculture in Pro-Poor Growth. *World Development*, 38, 1362-74.
- Walsh, G. S., Przychodzen, J., & Przychodzen, W. (2017). Supporting the SME Commercialization Process: The Case of 3D Printing Platforms. *Small Enterprise Research*, 24(3), 257-273.
- Wang, K. (2016). *Logistics 4.0 Solution: New Challenges and Opportunities*. Proceedings of the Conference: 6th International Workshop of Advanced World. Dicapai daripada <https://doi.org/10.2991/iwama-16.2016.13>
- Woo, K. Y., Lee, S. K., & Ng, J. C. Y. (2018). An investigation into the Dynamic relationship between CPI and PPI: evidence from the UK, France and Germany. *The Singapore Economic Review*, 1-19
- Wu, D. F., & Schneider, M. F. (2019). *Nonlinearity between the Shadow Economy and Level of Development*. International Monetary Fund
- Yusuf, Ismaila & Agbi, Sam. (2018). *The Impact of Electronic Payments and Cash- Less Policy on the Shadow Economy in Nigeria*. *ICAN Journal of Accounting and Finance*, 7(1), 154 - 165.
- Zurich-University of Oxford. (2018). *Agile Workforce Study: Gig Economy Rises in Malaysia, Income Protection Lags*. Dicapai daripada <https://www.zurich.com.my/en/about-zurich/zurich-in-the-news/2020/2020-01-16>

BAB 4

Perkembangan Monetari dan Kewangan

125 PERSPEKTIF KESELURUHAN

125 PERKEMBANGAN MONETARI

126 PRESTASI RINGGIT

127 PRESTASI SEKTOR PERBANKAN

Rencana 4.1 – Bank Digital di Malaysia

133 PRESTASI PASARAN MODAL

Sisipan 4.1 – Inisiatif Utama Pasaran Modal

138 PRESTASI PERBANKAN DAN PASARAN MODAL ISLAM

139 KESIMPULAN

140 RUJUKAN

Sistem Kewangan yang Kukuh dan Operasi Monetari yang Rancak

Pasaran Wang dan Pertukaran Asing yang Rancak

serta aktiviti pengantaraan menyokong operasi monetari



Persekitaran Monetari dan Kewangan Kukuh

sepanjang tempoh pandemik COVID-19 dan menyokong kepada pemulihan ekonomi



Perkembangan Monetari

Dasar monetari telah meredakan kesan buruk pandemik terhadap ekonomi berikutan langkah yang diambil bagi membendung penularan virus COVID-19.

Kadar Dasar Semalaman (OPR) telah dikurangkan secara berturut-turut sebanyak 125 mata asas pada tujuh bulan pertama 2020 kepada 1.75% iaitu paras terendah yang pernah direkodkan.

Institusi perbankan juga diberi fleksibiliti untuk menggunakan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) bagi memenuhi pematuhan SRR sepenuhnya.



Dasar monetari juga telah menyediakan langkah rangsangan tambahan bagi mengekalkan momentum pemulihan ekonomi.

Keperluan Rizab Berkanun (SRR) dikurangkan 100 mata asas daripada 3.00% kepada 2.00%.



Risiko Terhadap Prestasi Pasaran Modal dan Kewangan



Momentum pemulihan ekonomi global



Ketegangan perdagangan antara AS dengan China yang berlarutan



Harga komoditi yang rendah



Volatiliti dalam pasaran kewangan global

Prestasi Ringgit



Pada Januari 2020, nilai ringgit meningkat berbanding dolar AS terutamanya didorong oleh aliran masuk portfolio bukan pemastautin. Peningkatan ini disokong oleh sentimen dan kesanggupan pelabur mengambil risiko yang bertambah baik berikutan perkembangan positif rundingan perdagangan antara AS dengan China.

JANUARI



FEBRUARI



Pada Februari dan Mac, nilai mata wang ringgit seiring dengan mata wang serantau menghadapi penyusutan nilai yang ketara berbanding dolar AS. Trend penyusutan nilai ringgit disebabkan oleh ketidaktentuan geopolitik, penurunan harga komoditi dan penularan pandemik COVID-19.

Sektor Perbankan Teguh dan Teratur

mudah tunai dan penanaman modal yang mencukupi



Pasaran Modal Berdaya Tahan

didorong infrastruktur dan instrumen sedia ada yang baik



Prestasi Sektor Perbankan



Permodalan sektor perbankan kekal teguh disokong oleh penumpukan instrumen penyerap kerugian berkualiti tinggi.

Pada akhir Julai 2020, lebih jumlah penanaman modal kekal tinggi pada RM121.6 bilion.

Prestasi Perbankan dan Pasaran Modal Islam



Industri perbankan Islam berkembang dengan jumlah aset bernilai RM1,038.2 bilion dan bahagian pasaran sebanyak 33% pada akhir Julai 2020. Sementara itu, jumlah pembiayaan Islam terkumpul meningkat 10% kepada RM787.8 bilion.

Pembiayaan Islam dijangka terus berkembang disokong oleh pemulihan aktiviti ekonomi dan promosi berterusan produk patuh Syariah.

Permintaan terhadap produk patuh Syariah dijangka bertambah kukuh pada masa akan datang disokong oleh daya tarikan produk kepada kumpulan pelabur yang lebih luas.

Promosi berterusan produk patuh Syariah dan pendigitalan perkhidmatan akan menjadi pemangkin kepada negara untuk menjadi pusat antarabangsa tersohor bagi perkhidmatan kewangan Islam.

Peningkatan ini terutamanya disumbangkan oleh pembiayaan sektor isi rumah yang meningkat 8.7% kepada RM490.9 bilion khususnya bagi pembelian harta tanah kediaman.

Pasaran Modal Islam (ICM) terus berkembang dengan Malaysia merupakan antara penerbit sukuk dan ekuiti Islam terbesar di dunia. Pada akhir Julai 2020, saiz ICM domestik bernilai RM2.2 trilion dan menyumbang 66.2% daripada jumlah keseluruhan permodalan pasaran Malaysia sebanyak RM3.3 trilion.

Terbitan sukuk berjumlah RM130.8 bilion atau 60.2% daripada jumlah bon yang diterbitkan. Sukuk terkumpul bernilai RM986.9 bilion atau 62.6% daripada jumlah bon terkumpul.

Prospek ICM kekal menggalakkan meskipun berdepan suasana ekonomi yang mencabar.



SUKU KEDUA

Sentimen pelabur global kembali pulih mulai suku kedua didorong langkah rangsangan monetari dan fiskal yang telah dilaksanakan untuk memerangi pandemik COVID-19. Seterusnya, nilai ringgit meningkat 3.5% berbanding dolar AS sejajar dengan kenaikan mata wang serantau. Pada akhir September, ringgit menyusut 1.6% berbanding dolar AS.




AKHIR SEPTEMBER

Melangkah ke hadapan, pemulihan ekonomi global dan domestik dijangka menyokong pengukuhan nilai ringgit.



MELANGKAH KE HADAPAN



BAB 4

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Perspektif Keseluruhan

Sektor kewangan kekal kukuh

Persekitaran monetari dan kewangan kekal kukuh sepanjang tempoh pandemik COVID-19 dan menyokong kepada pemulihan ekonomi. Operasi monetari akan dipacu oleh pasaran wang dan pertukaran asing yang rancak serta aktiviti pengantaraan. Sektor perbankan dijangka kekal teguh dan teratur disokong oleh mudah tunai dan penampungan modal yang mencukupi. Pasaran modal akan terus berdaya tahan didorong oleh infrastruktur dan instrumen sedia ada yang baik. Walau bagaimanapun, kebimbangan terhadap momentum pemulihan ekonomi global akibat pandemik, ketegangan perdagangan antara AS dengan China yang berlarutan, harga komoditi yang rendah serta volatiliti dalam pasaran kewangan global dijangka mempengaruhi prestasi kewangan dan pasaran modal.

Rizab Berkanun (SRR) dikurangkan 100 mata asas daripada 3.00% kepada 2.00%. Institusi perbankan juga diberi fleksibiliti untuk menggunakan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) bagi memenuhi pematuhan SRR sepenuhnya. Langkah ini telah dilaksanakan untuk memastikan mudah tunai mencukupi dan menyokong fungsi pasaran kewangan domestik yang teratur.

Kadar faedah dalam sistem perbankan telah dikurangkan selari dengan pengurangan OPR sejak Januari 2020. Sehubungan itu, kadar pinjaman purata dan kadar asas berwajaran bank perdagangan dikurangkan secara berturut-turut kepada 3.70% dan 2.43% dalam tujuh bulan pertama 2020. Bagi tempoh yang sama, purata kadar faedah deposit tabungan bank perdagangan dikurangkan kepada 0.48%. Sementara itu, kadar faedah deposit tetap bagi tempoh matang 1-bulan hingga 12-bulan menyederhana antara 1.53% hingga 1.79%.

Perkembangan Monetari

Dasar monetari mengurangkan impak pandemik

Dasar monetari telah meredakan kesan buruk pandemik terhadap ekonomi berikutan langkah yang diambil bagi membendung penularan virus COVID-19. Dasar ini juga telah menyediakan langkah rangsangan tambahan bagi mengekalkan momentum pemulihan ekonomi. Kadar Dasar Semalaman (OPR) telah dikurangkan secara berturut-turut sebanyak 125 mata asas pada tujuh bulan pertama 2020 kepada 1.75% iaitu paras terendah yang pernah direkodkan. Sementara itu, Keperluan

Agregat monetari terus berkembang pesat pada tujuh bulan pertama 2020 disokong dasar monetari yang akomodatif. Bekalan M1 meningkat sebanyak 15.7% kepada RM497.2 bilion berikutan peningkatan mata wang dalam edaran (18.5%) dan deposit permintaan (14.9%). Selain itu, M3 meningkat sebanyak 6.1% kepada RM2,029.7 bilion terutamanya disumbangkan oleh peningkatan tuntutan bersih ke atas Kerajaan dan penawaran kredit kepada sektor swasta khususnya melalui sekuriti. Bekalan wang dijangka terus berkembang disokong oleh peningkatan permintaan sektor swasta terhadap pinjaman dan sekuriti.

RAJAH 4.1. Agregat Monetari (% perubahan)

¹ Akhir Julai 2020
Sumber: Bank Negara Malaysia

JADUAL 4.1. Faktor Penentu M3, Januari – Julai 2019 dan 2020

	PERUBAHAN (RM BILION)	
	2019	2020
M3	18.8	68.1
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-10.9	62.8
Tuntutan terhadap Kerajaan	18.3	81.9
Tolak: Deposit Kerajaan	29.2	19.1
Tuntutan terhadap sektor swasta	37.6	39.3
Pinjaman	26.7	29.4
Sekuriti	10.9	9.9
Aset asing bersih ¹	11.2	35.9
Bank Negara Malaysia	10.8	22.0
Sistem perbankan	0.4	13.9
Pengaruh lain	-19.1	-69.9

¹ Termasuk kerugian/keuntungan penilaian semula kadar pertukaran
Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit

Volatiliti kadar pertukaran dalam tempoh tertentu

Pada Januari 2020, nilai ringgit meningkat berbanding dolar AS terutamanya didorong oleh aliran masuk portfolio bukan pemastautin. Peningkatan ini disokong oleh sentimen dan kesanggupan pelabur mengambil risiko yang bertambah baik berikutan perkembangan positif rundingan perdagangan antara AS dengan China. Walau bagaimanapun, pada Februari dan Mac nilai mata wang ringgit seiring dengan mata wang serantau menghadapi penyusutan nilai yang ketara berbanding dolar AS. Trend penyusutan nilai ringgit disebabkan oleh ketidaktentuan geopolitik, penurunan harga komoditi dan penularan pandemik COVID-19.

Sentimen pelabur global kembali pulih mulai suku kedua didorong langkah rangsangan monetari dan fiskal yang telah dilaksanakan untuk memerangi pandemik COVID-19.

RAJAH 4.2. Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (% perubahan)

Sumber: Bank Negara Malaysia

Seterusnya, nilai ringgit meningkat 3.5% berbanding dolar AS sejajar dengan kenaikan mata wang serantau. Pada akhir September, ringgit menyusut 1.6% berbanding dolar AS. Pemulihan ekonomi global dan domestik dijangka menyokong pengukuhan nilai ringgit. Namun demikian, ketidaktentuan yang berlarutan terhadap pandemik COVID-19, dasar dan persekitaran politik global akan menjurus kepada peningkatan volatiliti kadar pertukaran dalam tempoh tertentu.

Prestasi Sektor Perbankan

Sektor perbankan kekal berdaya tahan

Permodalan sektor perbankan kekal teguh disokong oleh penumpukan instrumen penyerap kerugian berkualiti tinggi. Pada akhir Julai 2020, lebihan jumlah penampungan modal¹ kekal tinggi pada RM121.6 bilion. Modal sektor perbankan kekal kukuh dengan Nisbah Modal Ekuiti Biasa kumpulan 1 mencatat 14.6%, Nisbah Modal kumpulan 1 pada 15.1% dan Nisbah Jumlah Modal pada 18.3%. Nisbah ini jauh melepasi paras minimum pengawalseliaan Basel III iaitu 4.5%, 6% dan 8% daripada aset wajaran risiko.

Keuntungan sebelum cukai bagi sektor perbankan berkurang sebanyak 11.7% kepada RM20.5 bilion pada tujuh bulan pertama 2020. Walaupun berdepan dengan persekitaran yang mencabar, bank tempatan kekal teguh disokong oleh pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan berterusan terhadap sektor perbankan. Sehubungan itu, pulangan ke atas aset (1.2%) dan ekuiti (10.5%) kekal stabil.

Kualiti pinjaman dan mudah tunai sektor perbankan juga kekal kukuh. Pada akhir Julai 2020, nisbah pinjaman terjejas bersih dan nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab pengawalseliaan) stabil pada 0.91% dan 121%. Nisbah Perlindungan Mudah

Tunai juga berada pada 152% jauh lebih tinggi daripada keperluan minimum 100%. Sungguhpun berhadapan ketidaktentuan dan peningkatan risiko daripada pasaran kewangan global berikutan pandemik COVID-19 dan ketegangan geopolitik yang berlarutan, mudah tunai dalam sektor perbankan kekal mencukupi serta stabil dalam jangka masa terdekat.

RAJAH 4.3. Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas dan Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih (Akhir tempoh)



¹ Akhir Julai 2020
Sumber: Bank Negara Malaysia

Penurunan aktiviti pinjaman menunjukkan sentimen berhati-hati terhadap prospek pertumbuhan global dan domestik. Pada tujuh bulan pertama 2020, pinjaman yang diluluskan berkurang sebanyak 22% kepada RM185.5 bilion manakala pinjaman dikeluarkan berkurang sebanyak 7.3% kepada RM657.1 bilion. Pengurangan ini disebabkan oleh institusi kewangan mengambil langkah berwaspada untuk meluluskan pinjaman baharu berikutan aktiviti ekonomi yang terhad.

¹ Lebihan jumlah penampungan modal merujuk kepada jumlah modal yang melebihi peraturan minimum yang ditetapkan oleh bank termasuk keperluan penampungan pemeliharaan modal (2.5% daripada aset wajaran risiko) dan keperluan minimum lebih tinggi yang ditetapkan oleh bank tertentu.

Walau bagaimanapun, jumlah pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 4.5% kepada RM1,806.1 bilion pada akhir Julai 2020.

Pada akhir Julai 2020, kelulusan pinjaman kepada perniagaan merosot sebanyak 12.5% kepada RM80.7 bilion. Jumlah pengeluaran pinjaman kepada perniagaan berkurang sebanyak 4.3% kepada RM430.7 bilion mewakili 65.5% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan. Sebahagian besar daripada pinjaman disalurkan kepada sektor pembuatan (22.2% daripada jumlah pinjaman), perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (19.4%) serta pembinaan (6.6%). Pada masa yang sama, jumlah pinjaman terkumpul bagi perniagaan meningkat sebanyak 4% kepada RM633.3 bilion iaitu 35.2% daripada jumlah pinjaman terkumpul.

JADUAL 4.2. Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman, Januari – Julai 2019 dan 2020

	RM BILION		PERUBAHAN (%)	
	2019	2020	2019	2020
Jumlah¹				
Permohonan pinjaman	501.3	447.9	-1.7	-10.6
Kelulusan pinjaman	237.9	185.5	5.8	-22.0
Pengeluaran pinjaman	709.0	657.1	3.2	-7.3
Pinjaman terkumpul ^{2,3}	1,728.8	1,806.1	3.9	4.5
<i>antaranya:</i>				
Perniagaan				
Permohonan pinjaman	203.8	200.9	-0.6	-1.4
Kelulusan pinjaman	92.2	80.7	2.7	-12.5
Pengeluaran pinjaman	450.2	430.7	1.0	-4.3
Pinjaman terkumpul ³	609.2	633.3	2.6	4.0
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	276.3	225.9	-1.6	-18.2
Kelulusan pinjaman	127.0	88.9	4.1	-30.0
Pengeluaran pinjaman	197.4	165.3	1.6	-16.3
Pinjaman terkumpul ³	981.1	1,024.0	4.8	4.4

¹ Termasuk entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain

² Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

³ Pada akhir tempoh

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

JADUAL 4.3. Sistem Perbankan: Pinjaman Terkumpul mengikut Sektor, Akhir Julai 2019 dan 2020

	RM BILION		BAHAGIAN (%)	
	2019	2020	2019	2020
Perniagaan	609.2	633.3	35.3	35.2
Bukan PKS ¹	326.9	351.5	19.0	19.5
PKS	282.3	281.8	16.4	15.6
<i>Sektor terpilih</i>				
Pertanian primer	34.4	34.7	2.0	1.9
Perlombongan dan kuari	7.9	9.0	0.5	0.5
Pembuatan ²	115.0	122.3	6.7	6.8
Bekalan elektrik, gas dan air	13.0	14.7	0.8	0.8
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	127.6	134.4	7.4	7.5
Pembinaan	91.9	91.6	5.3	5.1
Harta tanah	117.1	119.0	6.8	6.6
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	37.2	39.8	2.2	2.2
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	42.2	43.8	2.4	2.4
Isi rumah	981.1	1,024.0	56.9	56.8
<i>antaranya:</i>				
Pembelian harta tanah kediaman	551.6	594.4	32.0	33.0
Pembelian harta tanah bukan kediaman	80.4	80.5	4.7	4.5
Pembelian kereta penumpang	145.1	146.2	8.4	8.1
Kredit penggunaan	133.5	135.4	7.7	7.5
<i>antaranya:</i>				
Kad kredit	38.3	35.3	2.2	2.0
Kegunaan persendirian	95.2	100.1	5.5	5.6
Pembelian sekuriti	68.9	66.1	4.0	3.7
Lain-lain	0.4	0.4	0.0	0.0
Sektor lain	134.2	144.1	7.8	8.0
Jumlah³	1,724.4	1,801.4	100.0	100.0

¹ Bukan PKS merujuk kepada syarikat besar, termasuk entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain

² Termasuk asas tani

³ Jumlah = Perniagaan + Isi Rumah + Sektor lain

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman isi rumah berkurangan dengan pinjaman yang diluluskan merosot sebanyak 30% kepada RM88.9 bilion. Pinjaman yang disalurkan kepada sektor isi rumah juga berkurangan sebanyak 16.3% kepada RM165.3 bilion terutamanya kredit penggunaan (13.1% daripada jumlah pinjaman) diikuti pembelian harta tanah kediaman (6.3%) dan sekuriti (2.7%). Pada akhir Julai 2020, jumlah pinjaman terkumpul isi rumah meningkat sebanyak 4.4% kepada RM1,024 bilion merangkumi 56.8% daripada jumlah pinjaman terkumpul dalam sektor perbankan.

Jumlah hutang isi rumah meningkat sebanyak 4% kepada RM1,265.9 bilion iaitu 87.5% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)

pada akhir Jun 2020. Peningkatan tersebut terutamanya disebabkan oleh kemerosotan ketara dalam KDNK pada separuh pertama 2020. Sebahagian besar hutang terdiri daripada pinjaman untuk pembelian harta tanah kediaman (55.9%), kegunaan persendirian (14.2%) dan kereta penumpang (12.3%). Jumlah aset kewangan isi rumah bernilai RM2,751.9 bilion dengan pertumbuhan aset kewangan isi rumah terus mengatasi pertumbuhan hutang isi rumah. Walaupun paras hutang isi rumah telah meningkat namun dijangka kekal terkawal. Situasi ini disokong oleh program pengawalan paras hutang serta langkah untuk mengurangkan impak pandemik COVID-19 ke atas ekonomi.

RENCANA 4.1

Bank Digital di Malaysia

Pengenalan

Industri perbankan telah melalui pelbagai transformasi bagi memenuhi permintaan pelanggan selari dengan kemajuan teknologi seperti transaksi lejar digital yang selamat dan kecerdasan buatan (AI). Tambahan pula, pandemik COVID-19 telah memaksa masyarakat mengutamakan urusan niaga tanpa tunai seterusnya mempercepat penubuhan bank digital. Secara asasnya, bank digital merupakan bank maya yang beroperasi dalam persekitaran digital tanpa keperluan fizikal seperti bank tradisional. Namun, bank digital masih menawarkan perkhidmatan yang hampir sama dengan bank tradisional seperti akaun simpanan, akaun semasa, pengeluaran dan pemindahan. Justeru, bank digital dijangka merevolusikan landskap kewangan dengan menawarkan perkhidmatan kewangan melalui platform digital dan berautomasi (Deloitte, 2020).


Pada masa ini, bank digital telah dibangunkan di Afrika Selatan, AS, Australia, Brazil, China, Filipina, Hong Kong SAR, Jerman, Kanada, Republik Korea, Taiwan dan UK (PricewaterhouseCoopers, 2020). Singapura juga dijangka mengeluarkan lesen bank digital pada 2020. Sementara itu, Bank Negara Malaysia (BNM) kini dalam fasa memuktamadkan Draf Dedahan Rangka Kerja Pelesenan Bank Digital yang telah dikeluarkan pada 3 Mac 2020. Berdasarkan perkembangan ini, Malaysia mensasarkan penubuhan beberapa bank digital dalam masa terdekat yang akan membuka laluan ke arah landskap perkhidmatan kewangan yang lebih rancak.

Bagaimana Bank Digital Berfungsi?


Bank digital berbeza daripada platform mudah alih atau dalam talian kerana ia memerlukan pendigitalan sepenuhnya bagi perkhidmatan perbankan. Bank ini menggunakan teknologi canggih yang disebut sebagai penyelesaian perisian perantara untuk menghubungkan nod antara proses bahagian depan dengan bahagian belakang. Penyelesaian perisian perantara ini menghubungkan

sistem operasi atau pangkalan data dengan aplikasi lain serta mengintegrasikan teknologi lain dalam pemrosesannya (Rajah 4.1.1.). Aspek utama bank digital memerlukan teknologi canggih seperti Antara Muka Pengaturcaraan Aplikasi (API), Pembelajaran Mesin AI, Pengkomputeran Awan, Data Raya, Keselamatan Siber, Visualisasi Data, Antara Muka Pengguna (UI) - Reka Bentuk Pengalaman Pengguna (UX) dan *Blockchain*. Teknologi ini membolehkan pelbagai lapisan proses dijalankan secara serentak merentasi semua saluran penyampaian (Rajah 4.1.2.).

RAJAH 4.1.1. Proses Aliran Kerja Bank Digital



RAJAH 4.1.2. Aspek Utama Bank Digital



RAJAH 4.1.3. Kelebihan dan Kekurangan Bank Digital

Kelebihan Bank Digital



Kekurangan Bank Digital

Isu Perlindungan dan Keselamatan Data

- Kebergantungan sepenuhnya kepada perkhidmatan dalam talian akan mendedahkan pelanggan kepada isu seperti pencerobohan data peribadi serta ancaman keselamatan siber (Chauhan, 2018).
- Walau bagaimanapun, ancaman ini dapat ditangani melalui teknologi seperti pengkomputeran awan yang mempunyai kefungsan bina dalam (*built-in functionalities*) untuk terus menaik taraf tahap keselamatan yang menjamin keselamatan data kepada pelanggan.

Cabaran berkaitan Tenaga Kerja

- Seiring dengan perkhidmatan pendigitalan dalam sektor kewangan, ciri-ciri automasi perbankan digital akan mengurangkan penglibatan manusia kerana kebanyakan prosedur penting dilakukan secara digital.
- Walaupun beberapa tugas mungkin menjadi tidak relevan pada masa hadapan, isu yang wajar diberi perhatian adalah kaedah menangani pengurusan perubahan terutamanya melibatkan isu ketersediaan bakat dengan menubuhkan pasukan kecil berpengetahuan teknikal yang mantap (TM & Akamia Netalliance, 2020).
- Menurut Comfort (2019), dianggarkan 77,780 pekerjaan telah dikurangkan oleh 50 badan kawal selia kewangan seluruh dunia pada 2019 selari dengan peralihan kepada bank digital. Sebanyak 200,000 jawatan lagi dianggarkan berkurang dalam dekad seterusnya berdasarkan trend global (Zujev, 2020).

Masa Depan Bank Digital di Malaysia

Bank digital mempunyai masa hadapan yang cerah di Malaysia. Aspirasi untuk mewujudkan bank digital akan menjadi realiti melalui transformasi digital dalam landskap kewangan Malaysia tertakluk kepada tiga elemen utama:

Ekosistem Kawal Selia yang Cepak

Pembentukan ekosistem kawal selia yang berkesan bagi bank digital di Malaysia masih dalam peringkat pelaksanaan. Draf yang dikemaskini oleh BNM pada 3 Mac 2020 telah mencadangkan pendekatan seimbang bagi membolehkan kemasukan bank digital dengan nilai tawaran yang kukuh serta memelihara integriti dan kestabilan sistem kewangan (BNM, 2020).¹ Berdasarkan rangka kerja ini, sebanyak lima lesen akan dikeluarkan tertakluk kepada kemampuan peserta dalam mematuhi keperluan yang ditetapkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Sokongan Teknologi yang Kukuh

Bank digital perlu berupaya untuk beradaptasi dan berinovasi dengan teknologi terkini dengan memanfaatkan pengkomputeran awan, API, automasi tahap tinggi dan pembelajaran mesin AI. Malaysia tidak ketinggalan jauh dalam aspek kematangan digital kerana kebanyakan bank tradisional kini menggunakan pendekatan digital sebagai sebahagian daripada model perniagaan mereka (TM & Akamia Netalliance, 2020). Berdasarkan kaji selidik yang dilaksanakan oleh Finder.com pada Mac 2020, pengguna bank digital di Malaysia dijangka meningkat kepada 8.4 juta pengguna menjelang 2025 (Cruz, 2020). Sementara itu, kajian yang dilaksanakan oleh PricewaterhouseCoopers pada November 2019 juga menunjukkan sebanyak 74% daripada responden Malaysia berminat dengan bank digital (PricewaterhouseCoopers, 2019).² Usaha bagi mencapai pendigitalan sepenuhnya dalam sektor kewangan juga disokong oleh Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara serta selari dengan Pelan Pembangunan Komunikasi dan Multimedia (2018 – 2025) bagi mempercepat pembangunan ekonomi digital.

Penyesuaian Budaya

Aspirasi ke arah bank digital memerlukan transformasi digital, penguasaan kemahiran baharu, pengadaptasian proses baharu dan perubahan dalam kaedah urus niaga perniagaan. Sehubungan itu, semua pihak yang berminat perlu memperbaharui model dan budaya perniagaan, menerapkan budaya inovasi sebagai keutamaan serta mengaplikasi analitis data raya bagi mewujudkan orientasi berpaksikan pelanggan. Peralihan kepada bank digital bukan merupakan proses yang mudah dan berpotensi menyebabkan gangguan dalam perkhidmatan kewangan (Sharko et al., 2017). Bank tradisional juga boleh membentuk usaha sama baharu dan memohon lesen bank digital sebagai sebahagian daripada langkah pembaharuan model perniagaan. Model tersebut juga perlu mengambil kira segmen masyarakat yang kurang dan tidak mendapat perkhidmatan kewangan selayaknya seperti individu berpendapatan rendah, generasi milenium yang baru bekerja, syarikat pemula dan juga perusahaan kecil dan sederhana (PKS).³

Kesimpulan

Anjakan kepada bank digital merupakan perkembangan yang telah dijangka dalam pasaran kewangan Malaysia selari dengan perkembangan ekonomi digital. Ketersediaan produk dan penyelesaian digital perlu demi memastikan peralihan berjalan dengan lancar. Peralihan ini harus disokong oleh ekosistem kawal selia yang mantap, teknologi inovatif dan penyesuaian budaya bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi serta keterangkuman kewangan di Malaysia. Pandemik COVID-19 juga telah meningkatkan transaksi jarak jauh dan tanpa sentuhan fizikal seterusnya menjadi pencetus transformasi kepada bank digital.

¹ Pemohon baharu bank digital turut dikenali sebagai bank pencabar atau pencabar baharu (PricewaterhouseCoopers, 2020).

² Seramai 1,517 responden Malaysia terlibat dalam kaji selidik (PricewaterhouseCoopers, 2019).

³ Merujuk kepada kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) serta perusahaan mikro dan PKS termasuk di kawasan luar bandar dan pedalaman (Raj, 2020). Kumpulan ini dikategorikan sebagai kurang mendapat perkhidmatan disebabkan kos perkhidmatan yang tinggi dan potensi pulangan hasil yang rendah.

Prestasi Pasaran Modal

Aktiviti pemerolehan dana dijangka pulih

Pemerolehan dana kasar dalam pasaran modal berkurangan sebanyak 14.4% kepada RM143.7 bilion pada tujuh bulan pertama 2020. Prestasi yang kurang memberangsangkan ini disebabkan oleh aktiviti pemerolehan dana sektor swasta yang merosot dengan ketara sebanyak 48.6% kepada RM45.8 bilion. Pemerolehan dana kasar yang diterima sektor swasta melalui pasaran ekuiti domestik menguncup daripada RM5 bilion kepada RM0.3 bilion. Penurunan drastik ini berpunca daripada sentimen pelabur yang berwaspada dalam tempoh kawalan pergerakan.

Pada tempoh yang sama, pemerolehan dana melalui terbitan baharu bon korporat turut merosot sebanyak 45.9% kepada RM45.6 bilion. Sebahagian besar terbitan merupakan nota jangka pertengahan merangkumi 92.1% daripada jumlah bon korporat. Sebahagian besar dana dikumpul melalui sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan meliputi 72% daripada jumlah keseluruhan terbitan baharu bon korporat. Dana ini digunakan bagi membiayai projek infrastruktur, modal kerja dan aktiviti perniagaan. Walaupun berdepan dengan ketidaktentuan ekonomi global serta peningkatan risiko geopolitik namun pemerolehan dana di pasaran modal domestik tetap menggalakkan disokong oleh pelaksanaan projek strategik sedia ada dan yang beroperasi semula.

Pemerolehan dana kasar oleh sektor awam terus meningkat sebanyak 24.5% kepada RM97.9 bilion pada tujuh bulan pertama 2020. Peningkatan ini disumbangkan oleh permintaan yang kukuh ke atas kertas Kerajaan bagi menyokong pelbagai pakej rangsangan ekonomi. Terbitan MGS meningkat kepada RM50 bilion manakala terbitan MGII naik kepada RM47.9 bilion. Pada tempoh yang sama, pegangan asing bagi MGS dan MGII

JADUAL 4.4. *Pemerolehan Dana oleh Pasaran Modal, Januari – Julai 2019 dan 2020*

	RM JUTA	
	2019	2020
Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	38,797.1	49,969.9
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	39,853.7	47,916.4
Terbitan baharu sekuriti hutang	78,650.8	97,886.3
Tolak: Penebusan	26,093.4	38,000.0
Pemerolehan dana bersih oleh sektor awam	52,557.3	59,886.3
Sektor Swasta		
Saham¹/Waran		
Tawaran Awam Awal	1,570.0	292.1
Terbitan Hak	3,466.7	-
Waran	-	-
Terbitan baharu saham/waran	5,036.8	292.1
Sekuriti hutang²		
Bon biasa	3,090.0	386.5
Bon boleh tukar	-	-
Bon Islam	2,944.3	3,200.0
Nota jangka pertengahan	78,137.8	41,966.7
Terbitan baharu sekuriti hutang	84,172.1	45,553.2
Tolak: Penebusan	41,630.0	29,073.9
Terbitan bersih sekuriti hutang	42,542.1	16,479.2
Pemerolehan dana bersih oleh sektor swasta	47,578.9	16,771.3
Jumlah pemerolehan dana bersih	100,136.2	76,657.6

¹ Tidak termasuk dana yang diperolehi melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah, Waran dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus

² Tidak termasuk kertas pelaburan jangka pendek mengikut prinsip konvensional dan Islam

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

mencatat 38.2% dan 5.8%. Pegangan portfolio ini menggambarkan pasaran bon Malaysia kekal menarik bagi pelabur institusi dan asing disokong oleh persekitaran pasaran yang mendalam, mudah tunai yang tinggi serta mesra pelabur.


Pada tujuh bulan pertama 2020, kadar hasil MGS dan bon korporat bagi semua tempoh matang secara keseluruhannya menunjukkan trend penurunan. Pengurangan kadar hasil MGS dipengaruhi oleh penurunan OPR dengan mengambil kira jangkaan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan. Kadar hasil MGS bertempoh matang 1-tahun, 3-tahun, 5-tahun dan 10-tahun merosot antara 76 hingga 119 mata asas. Kadar hasil bon korporat bertempoh matang 5-tahun dengan penarafan AAA, AA dan A pula berkurang antara 75 hingga 77 mata asas.

JADUAL 4.5. *Bon Korporat Baharu mengikut Sektor, Januari – Julai 2019 dan 2020*

	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2019	2020	2019	2020
Pertanian, perhutanan dan perikanan	50.0	-	0.1	-
Pembuatan	670.0	306.0	0.8	0.7
Pembinaan	1,724.3	4,639.5	2.0	10.2
Elektrik, gas dan air	4,600.0	3,185.0	5.5	7.0
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	32.0	1,120.0	0.0	2.5
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	70,263.5	32,791.7	83.5	72.0
Perkhidmatan Kerajaan dan lain-lain	5,354.9	3,301.0	6.4	7.2
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	1,477.5	210.0	1.8	0.5
Jumlah	84,172.1	45,553.2	100.0	100.0

Nota: Termasuk bon korporat yang diterbitkan oleh Cagamas dan syarikat bukan pemastautin
Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

RAJAH 4.4. *Kadar Hasil Indikatif Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) (Akhir tempoh)*




¹ Akhir Julai 2020
Sumber: Bank Negara Malaysia

RAJAH 4.5. *Bahagian Pegangan Asing dalam Jumlah MGS Terkumpul (Akhir tempoh)*



¹ Akhir Julai 2020
Sumber: Bank Negara Malaysia

RAJAH 4.6. Kadar Hasil Bon Korporat 5-Tahun (Akhir tempoh)

¹ Akhir Julai 2020
Sumber: Bank Negara Malaysia


Pada awal 2020, Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) dan indeks serantau merekodkan penurunan. Pada minggu kedua Januari 2020, bursa tempatan merosot di bawah 1,600 mata berikutan ketegangan geopolitik antara AS dengan Iran. Walaupun terdapat perkembangan positif dalam rundingan perdagangan antara AS dengan China pada 15 Januari 2020, FBM KLCI serta bursa utama dan serantau masih mencatat prestasi yang kurang memberangsangkan.

FBM KLCI kekal rendah disebabkan oleh ketidakpastian ekonomi global, keadaan geopolitik yang semakin meruncing, harga komoditi yang rendah serta penularan pandemik COVID-19 yang mengurangkan kesanggupan pelabur mengambil risiko. Sementara itu, penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 juga menyebabkan penjualan panik di pasaran ekuiti. Pelaksanaan PKP telah mengurangkan kesanggupan pelabur untuk mengambil risiko seterusnya menyebabkan

bursa tempatan mencatat paras terendah dalam tempoh sedekad iaitu 1,219.72 mata pada 19 Mac 2020.

Walaupun bagaimanapun, pelanggaran syarat PKP serta pembukaan semula ekonomi secara berperingkat telah menyokong pemulihan prestasi bursa tempatan. FBM KLCI melonjak kepada 1,575.27 mata pada 10 Jun 2020 sejajar dengan pasaran serantau yang didorong oleh peningkatan prestasi Wall Street. Selain itu, peningkatan prestasi indeks tempatan juga disokong oleh pelancaran pelbagai pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan Kerajaan untuk mengurangkan kesan pandemik COVID-19 terhadap ekonomi.

FBM KLCI merosot semula kepada 1,488.14 mata pada 26 Jun 2020. Penurunan ini disebabkan oleh pengumuman Fed, IMF dan Bank Dunia mengenai peningkatan risiko terhadap pertumbuhan global dan domestik berikutan kebimbangan yang meningkat berlaku gelombang kedua pandemik COVID-19. Namun begitu, bursa tempatan meningkat


RAJAH 4.7. Prestasi Bursa Malaysia

¹ Akhir tempoh
Sumber: Bursa Malaysia

kepada 1,504.82 mata pada akhir September 2020 atas sentimen positif pelabur terhadap tindakan Kerajaan dalam mengawal pandemik walaupun kawalan pergerakan di beberapa buah negara dilaksanakan semula.

Terdapat peningkatan signifikan dalam aktiviti dagangan pada sembilan bulan pertama 2020. Jumlah dagangan meningkat sebanyak 162.2% kepada 1,272 bilion unit manakala jumlah nilai urus niaga pasaran meningkat sebanyak 90% kepada RM749 bilion. Halaju pasaran kekal 62.4% manakala volatiliti pasaran merekodkan 36.3%. Pegangan saham asing berdasarkan permodalan pasaran di bursa tempatan kekal stabil sebanyak 12.6% pada akhir September 2020. Namun demikian, permodalan pasaran merosot sebanyak 2.1% kepada RM1,638.7 bilion bagi tempoh yang sama. Pasaran ekuiti domestik dijangka kembali cergas berikutan tinjauan optimistik pelabur terhadap kadar pemulihan pasaran global dan pertumbuhan ekonomi domestik disokong oleh pelbagai projek strategik.

RAJAH 4.8. Prestasi Pasaran Saham Terpilih (% perubahan)



Sumber: Bloomberg

JADUAL 4.6. Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih, Akhir September 2019 dan 2020

	2019	2020
Indeks		
FBM KLCI	1,583.91	1,504.82
FBM EMAS	11,203.71	10,831.56
FBM 100	11,037.83	10,660.70
FBM SCAP	12,978.08	12,835.21
FBM ACE	4,495.12	9,914.01
Jumlah urus niaga¹		
Bilangan (juta unit)	485,046.82	1,271,710.10
Nilai (RM juta)	394,266.47	749,007.22
Purata urus niaga harian¹		
Bilangan (juta unit)	2,694.70	6,911.47
Nilai (RM juta)	2,190.37	4,070.69
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,673.53	1,638.72
Bilangan syarikat disenaraikan		
Pasaran Utama	773	765
Pasaran ACE	127	133
Pasaran LEAP	25	34
Kecairan pasaran		
Nilai urus niaga/permodalan pasaran (%)	23.6	45.7
Penumpuan pasaran		
10 saham dengan permodalan pasaran tertinggi/permodalan pasaran (%)	33.8	32.0

¹ Berdasarkan urus niaga pasaran dan perniagaan secara langsung antara Januari hingga September
Sumber: Bursa Malaysia

SISIPAN 4.1

Inisiatif Utama Pasaran Modal

Beberapa inisiatif telah dilaksanakan dalam lapan bulan pertama 2020 bagi meningkatkan tahap mudah tunai dan kecekapan dalam pasaran modal seperti berikut:



Prestasi Perbankan dan Pasaran Modal Islam

Perbankan dan pasaran modal Islam kekal berdaya tahan

Industri perbankan Islam berkembang dengan jumlah aset bernilai RM1,038.2 bilion² dan bahagian pasaran sebanyak 33% pada akhir Julai 2020. Sementara itu, jumlah pembiayaan Islam terkumpul meningkat 10% kepada RM787.8 bilion. Peningkatan ini terutamanya disumbangkan oleh pembiayaan sektor isi rumah yang meningkat 8.7% kepada RM490.9 bilion khususnya bagi pembelian harta tanah kediaman. Pembiayaan Islam dijangka terus berkembang disokong oleh pemulihan aktiviti ekonomi dan promosi berterusan produk patuh Syariah.

Pasaran Modal Islam (ICM) terus berkembang dengan Malaysia merupakan antara penerbit sukuk dan ekuiti Islam terbesar di dunia. Pada akhir Julai 2020, saiz ICM domestik bernilai RM2.2 trilion dan menyumbang 66.2% daripada jumlah keseluruhan permodalan pasaran Malaysia sebanyak RM3.3 trilion. Sementara itu, terbitan sukuk berjumlah RM130.8 bilion atau 60.2% daripada jumlah bon yang diterbitkan. Sukuk terkumpul bernilai RM986.9 bilion atau 62.6% daripada jumlah bon terkumpul. Walaupun Malaysia kekal sebagai penyumbang terbesar sukuk terkumpul global iaitu 45.6% pada akhir Jun 2020 namun pergolakan yang berlaku dalam pasaran global telah mempengaruhi prestasi ICM. Perkara ini dapat dilihat menerusi kelembapan prestasi terbitan sukuk korporat semasa fasa awal pelaksanaan PKP. Namun demikian, pembukaan semula hampir kesemua sektor ekonomi pada pertengahan tahun telah meningkatkan prestasi terbitan sukuk korporat.

Bursa Malaysia terus mempromosikan produk sekuriti patuh Syariah. Pada akhir Julai 2020, sebanyak 716 atau 76.8% daripada 932 syarikat yang tersenarai dikategorikan patuh Syariah. Permodalan pasaran ekuiti patuh Syariah bernilai RM1.18 trilion atau 69.5% daripada jumlah permodalan pasaran.

Prospek ICM kekal menggalakkan meskipun berdepan suasana ekonomi yang mencabar. Permintaan terhadap produk patuh Syariah dijangka bertambah kukuh pada masa akan

datang disokong oleh daya tarikan produk kepada kumpulan pelabur yang lebih luas. Promosi berterusan produk patuh Syariah dan pendigitalan perkhidmatan akan menjadi pemangkin kepada negara untuk menjadi pusat antarabangsa tersohor bagi perkhidmatan kewangan Islam.

JADUAL 4.7. Perbankan Islam: Penunjuk Utama¹, Akhir Julai 2019 dan 2020

	RM BILION		PERUBAHAN (%)	
	2019	2020	2019	2020
Aset	806.5	857.6	11.1	6.3
Pembiayaan	594.8	650.3	8.2	9.3
Pertanian primer	16.3	18.6	7.6	13.8
Perlombongan dan kuari	3.7	4.2	-28.1	15.4
Pembuatan ²	27.5	30.3	19.4	10.2
Bekalan elektrik, gas dan air	3.4	5.4	26.3	61.5
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	28.0	32.0	18.0	14.2
Pembinaan	35.2	35.3	3.8	0.3
Harta tanah	28.8	31.6	8.7	9.5
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	17.4	20.0	6.5	15.2
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	31.9	33.8	-10.3	6.0
Pendidikan, kesihatan dan lain-lain	20.2	33.7	-4.6	66.8
Isi rumah	367.3	399.6	10.7	8.8
Lain-lain	15.1	5.7	1.6	-62.1
Liabiliti	748.6	794.0	11.2	6.1
Deposit dan Akaun Pelaburan	610.3	633.1	13.6	3.7
Pelaburan	0.7	0.6	-16.1	-19.7
Tabungan	44.2	58.1	8.1	31.4
Permintaan	82.7	99.7	11.2	20.5
Akaun pelaburan	80.6	97.1	6.0	20.5
Lain-lain	482.6	474.7	14.6	-1.6

¹ Tidak termasuk DFI


² Termasuk asas tani

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

² Termasuk Institusi Kewangan Pembangunan (DFI).

RAJAH 4.9. Sukuk Global Terkumpul mengikut Negara (% bahagian)



Sumber: Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia

Kesimpulan

Dasar monetari akan terus menyokong pemulihan ekonomi. Prestasi ekonomi dijangka bertambah baik pada separuh kedua 2020 dan merekod lonjakan pertumbuhan pada 2021. Prospek positif ini akan disokong oleh unjuran pertumbuhan global yang memberangsangkan serta aktiviti ekonomi domestik yang kembali rancak. Justeru, keadaan ini akan memberikan kesan positif terhadap prestasi pasaran kewangan. Walau bagaimanapun, risiko pertumbuhan yang perlahan berikutan

peningkatan semula kes COVID-19, ketegangan geopolitik dan harga komoditi yang rendah boleh menjejaskan prospek ekonomi yang menggalakkan ini. Oleh itu, pelbagai inisiatif terus dipergiat demi memastikan pasaran kewangan yang berdaya tahan. Inisiatif ini termasuk mempromosi instrumen pembiayaan hijau, menyokong platform kewangan berteraskan teknologi digital, meningkatkan pengetahuan dan kesedaran dalam kalangan pelabur serta menjalin kerjasama yang lebih erat dengan pelabur pada peringkat domestik dan antarabangsa.

Rujukan

- AT Kearney. (2015). *Going Digital: The Banking Transformation Road Map*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y23dwvad>
- Bank Negara Malaysia. (2020). *Exposure Draft on Licensing Framework for Digital Banks*. Kuala Lumpur. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y47krph4>
- Bank Negara Malaysia. (2020). *Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2019*. Kuala Lumpur. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2020). *Laporan Tahunan 2019*. Kuala Lumpur. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2020). *Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Kedua 2020*. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2020). *Perkembangan Ekonomi dan Kewangan Malaysia pada Suku Pertama 2020*. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2020). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Julai 2020*. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2020). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Jun 2020*. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2020). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Mei 2020*. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2020). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan April 2020*. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2020). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Mac 2020*. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2020). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Februari 2020*. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bank Negara Malaysia. (2020). *Sorotan dan Perangkaan Bulanan Januari 2020*. Dicapai daripada <https://www.bnm.gov.my>
- Bertrand, M. (2020). *The Impact of COVID-19 on Malaysia's Looming Digital Banking Revolution*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y49jzbqh>
- Bursa Malaysia. (2020). *Bursa Malaysia Amends Main and ACE Market Listing Requirements to Facilitate Application of Specified Corporate Exercises via Electronic Means*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y23u764k>
- Bursa Malaysia. (2020). *Bursa Malaysia Amends Main Market and ACE Market Listing Requirements in Relation to New Issues of Securities and other Areas*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y48u9zcv>
- Bursa Malaysia. (2020). *Bursa Malaysia Introduces World's First Options Contract on US Dollar Denominated Palm Olein Futures*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y2yqc3l7>
- Bursa Malaysia. (2020). *Bursa Malaysia Launches Bursa Academy for a Unique Experience in Elevating Financial Literacy and Investor Education*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y4tjtga>
- Bursa Malaysia. (2020). *Bursa Malaysia Successfully Implements ISO 20022 Messaging Standards for Corporate Announcements*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y29qocm9>
- Bursa Malaysia. (2020). *Collaboration between Bursa Malaysia and Shenzhen Stock Exchange to Broaden Opportunities in Investment*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y5sg2ubc>
- Bursa Malaysia. (2020). *SC and Bursa Malaysia Implement Temporary Revisions to Market Management and Control Mechanisms*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y38qf4yf>
- Bursa Malaysia. (2020). *Taiwan Futures Exchange and Bursa Malaysia Derivatives Berhad Sign Memorandum of Understanding*. Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y22dn6su>

- Chauhan, Y. (2018). *How Important is Digital Banking?* Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y2nk7n5o>
- Comfort, N. (2019). *Banks Set for Biggest Job Cull Since 2015 as Morgan Stanley Cuts.* Dicapai daripada <https://tinyurl.com/wjj9n88>
- Cruz, P. (2020). *The Rise of Digital Banks.* Dicapai daripada <https://tinyurl.com/yx8oow79>
- Deloitte. (2020). *Banking on Digital.* Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y5p2us2c>
- Fintalent. (2020). *Future-Enabled Digital Banking Skill Sets You Need to Have.* Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y445vc3d>
- PricewaterhouseCoopers. (2020). *Digital Banking: Malaysian Banks at a Crossroads.* Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y3ousv2z>
- PricewaterhouseCoopers. (2019). *Virtual Banking: Malaysian Customers Take Charge.* Dicapai daripada <https://tinyurl.com/yywa9398>
- Raj, A. P. (2020). *Is Focus on Underserved Worthwhile for Digital Banks?* Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y2p9uujl>
- Securities Commission Malaysia. (2020). *Laporan Tahunan 2019.* Kuala Lumpur. Dicapai daripada <https://www.sc.com.my>
- Securities Commission Malaysia. (2020). *SC Introduces Enhanced IPO Framework for Main Market.* Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y5xprmoY>
- Securities Commission Malaysia. (2020). *SC Liberalises Regulation on Private Retirement Schemes (PRS) to Enhance Competitiveness of the Industry.* Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y3et5zob>
- Sharko, A. D., Meka, E., Sharko, G. dan Baholli, I. (2017). *Digital Banking the Wave of the Future. International Conference Proceedings, ISTI-2016.*
- TM dan Akamai Netalliance. (2020). *Transforming Digital Banking in Malaysia: More than a Channel Strategy.* Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y26aupp6>
- Zujev, A. (2020). *The Road to True Digital Bank.* Dicapai daripada <https://tinyurl.com/y6qhpmIj>

Jadual Perangkaan

SENARAI JADUAL PERANGKAAN

	No. Jadual
I. Indikator Sosioekonomi	
Perangkaan Sosioekonomi Terpilih	1.1
II. Ekonomi Antarabangsa	
Perangkaan Penting Ekonomi Negara Terpilih	2.1
Perangkaan Penting Ekonomi Negara Anggota ASEAN	2.2
III. Makro Ekonomi	
Akaun Negara	
Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar 2015	3.1
Indeks Perkhidmatan	3.2
Indeks Pengeluaran Perindustrian	3.3
Pendapatan Negara Kasar mengikut Agregat Permintaan	3.4
Indikator Penggunaan Swasta	3.5
Indikator Pelaburan Swasta	3.6
Sektor Luar	
Perdagangan Malaysia dengan Rakan Dagang Utama	3.7
Indeks Perdagangan Luar Negeri	3.8
Pengeluaran, Volum dan Nilai Eksport Komoditi Utama	3.9
Haluan Eksport Utama	3.10
Eksport Barangan Pembuatan	3.11
Sumber Import Utama	3.12
Imbangan Pembayaran	3.13
Harga	
Indeks Harga Pengguna mengikut Kawasan	3.14
Indeks Harga Pengguna mengikut Strata	3.15
Indeks Harga Pengguna mengikut Negeri	3.16
Indeks Teras	3.17
Indeks Harga Pengeluar - Pengeluaran Tempatan	3.18
Pasaran Buruh	
Tenaga Buruh	3.19
Guna Tenaga mengikut Industri	3.20
Pendaftar Aktif	3.21
Kekosongan dan Penempatan	3.22
IV. Pasaran Kewangan dan Modal	
Kadar Faedah	4.1
Wang Secara Luas (M3)	4.2
Kadar Pertukaran Utama	4.3
Bank Perdagangan: Pinjaman Terkumpul mengikut Tujuan dan Sektor	4.4
Kadar Hasil Bon Kerajaan dan Korporat	4.5
Bursa Malaysia: Indikator Terpilih	4.6
Bank-bank Islam: Pembiayaan Terkumpul mengikut Tujuan dan Sektor	4.7

CATATAN PERANGKAAN

Lampiran Perangkaan ini menyediakan data ekonomi utama dalam bentuk siri masa. Setiap jadual mengandungi data ekonomi terpilih semasa. Perubahan peratus diberi bagi data utama sebagai indikator arah aliran ekonomi. Selain itu, pembahagian peratus dan nota kaki juga disediakan mengikut keperluan. Jumlah angka komponen mungkin tidak bersamaan dengan angka jumlah kecil atau jumlah besar disebabkan pembundaran. Dalam beberapa siri masa perangkaan, data terdahulu telah dipinda. Anggaran pada 2020 berasaskan kepada maklumat dalam tempoh enam hingga lapan bulan, manakala unjuran pada 2021 disediakan mengikut kesesuaian. Jika tidak dinyatakan sumber, data tersebut disediakan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Penentuan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)

Model pengukuran PGK yang diguna pakai di Malaysia telah dikaji secara mendalam pada tahun 2005 oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan kerjasama United Nations Development Programme (UNDP). Kaedah Cost of Basic Needs yang mengambil kira tiga komponen asas iaitu keperluan makanan, keperluan bukan makanan dan ciri-ciri isi rumah yang berkaitan telah digunakan.

Pada 2019, pengiraan nilai PGK ini dikaji dan dikemas kini semula. Proses pengemaskinian PGK 2019 melibatkan pengemaskinian item makanan dalam PGK Makanan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia manakala item bukan makanan dalam PGK bukan makanan dikemaskini berdasarkan kepada data perbelanjaan isi rumah 2019 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Metodologi baharu dalam mengenal pasti item makanan ini menekankan kepada pengambilan makanan yang sihat pada kadar yang optimum berbanding metodologi tahun 2005 yang menekankan pengambilan makanan bagi memenuhi keperluan yang minimum. Penilaian semula keperluan optimum kalori makanan adalah berdasarkan kepada Recommended Nutrient Intake (RNI) 2017 dan Panduan Diet Malaysia (PDM) 2020. Oleh itu, keperluan makanan akan dikira berdasarkan kepada keperluan kalori individu dan ditukarkan kepada jumlah sajian mengikut kumpulan makanan dalam PDM 2020. Jumlah sajian item makanan ini akan ditukar kepada berat (gram)/kuantiti dan seterusnya diselaraskan kepada data harga daripada Indeks Harga Pengguna (IHP).

Bagi PGK Bukan Makanan keperluan minimum yang diperlukan oleh seseorang merangkumi pakaian, perumahan, pengangkutan dan keperluan bukan makanan lain mengikut jantina dan umur seseorang. Komponen PGK Bukan Makanan dikira berasaskan kepada pola perbelanjaan isi rumah berpendapatan rendah yang dikenal pasti melalui Survei Perbelanjaan Isi Rumah.

Hasil daripada kajian dan penetapan tersebut (makanan dan bukan makanan), maka penentuan item barangan untuk pengiraan PGK dibuat dan diselaraskan dengan harga semasa berdasarkan Indeks Harga Pengguna (IHP). PGK yang digunakan sentiasa dikemas kini selaras dengan pelaksanaan survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas. Ia juga mengambil kira keperluan perancangan negara dan perubahan harga yang berlaku serta perubahan gaya hidup masyarakat Malaysia.

Akronim dan Singkatan

NPISHs	Non-profit institutions serving households
AS	Amerika Syarikat
ASEAN	Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
FBM-KLCI	Indeks Komposit Kuala Lumpur Financial Times Stock Exchange (FTSE) Bursa Malaysia
MSIC	Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia
SITC	Klasifikasi Piawaian Perdagangan Antarabangsa
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
LCE	Lower Certificate of Education
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
MCE	Malaysian Certificate of Education
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
MHSC	Malaysian Higher School Certificate
n.a.	Tidak diperolehi
samb.	Sambungan
t.t.t.l	Tidak tercatat di tempat lain
d.l.l	dan lain-lain

1.1. PERANGKAAN SOSIOEKONOMI TERPILIH

Malaysia

Indikator	2016	2017	2018	2019 ¹⁰	2020 ¹¹
Perangkaan Demografi					
Penduduk ¹ ('000)					
Jumlah	31,634	32,023	32,382	32,523	32,657
Lelaki	16,346	16,543	16,721	16,765	16,806
Perempuan	15,287	15,480	15,661	15,758	15,852
Nisbah jantina ²	107	107	107	106	106
Kepadatan penduduk (per kilometer persegi)	96	97	98	98	99
Nisbah tanggungan (%)					
Jumlah ³	44.0	43.6	43.4	43.4	43.5
Umur muda ⁴	35.3	34.7	34.1	33.7	33.4
Umur tua ⁵	8.7	9.0	9.3	9.7	10.1
Jangkaan hayat ketika lahir					
Jumlah	74.4	74.4	74.6	74.7	74.9
Lelaki	72.1	72.1	72.3	72.4	72.6
Perempuan	77.0	77.1	77.2	77.4	77.6
	2015	2016	2017	2018	2019
Pendidikan					
Kadar enrolmen sekolah rendah ⁶ (%)	97.2	97.2	97.9	97.9	98.1
Kadar enrolmen sekolah menengah ⁷ (%)	88.3	90.0	91.1	91.1	92.5
Enrolmen institusi pengajian tinggi ⁸	1,236,164	1,346,858	1,325,699	1,343,830	1,323,449
Nisbah murid-guru					
Sekolah rendah	11.5	11.6	11.6	11.6	11.6
Sekolah menengah	12.0	12.6	12.0	12.0	11.0
Kadar literasi ⁹ (%)	95.1	95.6	95.9	95.9	96.0

¹ Data merujuk kepada anggaran penduduk pertengahan tahun berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 yang disesuaikan

² Bilangan lelaki bagi setiap 100 perempuan

³ Nisbah bilangan penduduk berumur 0-14 tahun dan 65 tahun dan ke atas kepada bilangan penduduk berumur 15-64 tahun

⁴ Nisbah bilangan penduduk berumur 0-14 tahun kepada bilangan penduduk berumur 15-64 tahun

⁵ Nisbah bilangan penduduk berumur 65 tahun dan ke atas kepada bilangan penduduk berumur 15-64 tahun

⁶ Peratus daripada jumlah kanak-kanak dalam umur persekolahan iaitu 6+ hingga 11+ tahun di peringkat rendah di sekolah Kerajaan dan swasta

⁷ Peratus daripada jumlah kanak-kanak dalam umur persekolahan iaitu 12+ hingga 16+ tahun di peringkat menengah di sekolah Kerajaan dan swasta

⁸ Termasuk universiti awam, institusi pengajian tinggi swasta, politeknik dan kolej komuniti

⁹ Berumur 15 tahun dan ke atas yang mempunyai pendidikan secara formal, tidak termasuk bukan warganegara Malaysia

¹⁰ Awalan

¹¹ Anggaran

1.1. PERANGKAAN SOSIOEKONOMI TERPILIH (samb.)

Malaysia

Indikator	2015	2016	2017	2018	2019
Kesihatan					
Bilangan penduduk setiap doktor	656	632	554	530	482
Bilangan katil rasmi di sektor Kerajaan ¹²	45,087	45,678	46,194	46,611	46,988
Teknologi Maklumat					
Kadar penembusan telefon selular mudah alih per 100 penduduk (%)	143.8	139.9	131.2	130.2	135.4
Kadar penembusan jalur lebar per 100 penduduk (%)	99.7	99.8	117.3	121.1	131.7
Infrastruktur					
Liputan bekalan elektrik luar bandar (% daripada unit rumah)	98.3	95.7	96.1	96.4	97.2
Liputan bekalan air (% daripada penduduk)					
Jumlah	95.5	95.3	95.5	96.7	96.8
Luar bandar	93.0	93.4	93.9	96.6	96.7
Bandar	97.2	97.2	97.2	96.8	96.9
Struktur Kemiskinan¹³					
Insiden kemiskinan mutlak (% daripada isi rumah)					
Jumlah	1.7	0.6	0.6	0.4	0.2
Bandar	1.0	0.3	0.3	0.2	0.2
Luar bandar	3.4	1.6	1.6	1.0	0.8
Insiden kemiskinan tegar (% daripada isi rumah)					
Jumlah	0.2	0.0	0.0	0.0	0.0
Bandar	0.1	0.0	0.0	0.0	0.0
Luar bandar	0.6	0.0	0.0	0.0	0.0

¹² Terdiri daripada hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) (termasuk institusi perubatan khas) dan hospital bukan di bawah seliaan KKM (hospital universiti dan hospital angkatan tentera)

¹³ Berdasarkan tahun Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019

Sumber: Jabatan Perangkaan; Kementerian Alam Sekitar dan Air; Kementerian Kesihatan; Kementerian Pembangunan Luar Bandar; Kementerian Pendidikan; Kementerian Pengajian Tinggi dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Malaysia

2.1. PERANGKAAN PENTING EKONOMI NEGARA TERPILIH

	KDNK Benar (% Pertumbuhan)	KDNK Per Kapita ¹ (USD)	Indeks Harga Pengguna (%)	Kadar Pengangguran ² (%)	Imbangan Akaun Semasa (USD bilion)	Rizab Antarabangsa Kasar (USD bilion)	Eksport Kasar ³ (USD bilion)	Import Kasar ⁴ (USD bilion)
Negara Maju								
2017	2.5	50,337.9	1.7	5.6	480.5	-	14,138.7	14,565.1
2018	2.2	52,492.9	2.0	5.1	392.6	-	15,442.0	15,797.2
2019	1.7	54,127.8	1.4	4.8	339.3	-	15,186.0	15,492.2
2020 ⁵	-5.8	51,475.7	0.8	7.3	242.2	-	13,142.6	13,437.2
2021⁶	3.9	54,523.8	1.6	6.9	314.1	-	14,641.9	14,978.2
Amerika Syarikat								
2017	2.3	60,105.8	2.1	4.3	-365.3	122.2	2,376.7	2,953.3
2018	3.0	63,056.0	2.4	3.9	-449.7	125.0	2,526.4	3,176.3
2019	2.2	65,253.5	1.8	3.7	-480.2	128.9	2,519.0	3,155.8
2020 ⁵	-4.3	63,051.4	1.5	8.9	-441.7	139.1 ⁹	1,210.2 ⁷	1,590.1 ⁷
2021⁶	3.1	66,144.1	2.8	7.3	-463.0	-	-	-
United Kingdom								
2017	1.9	40,406.6	2.7	4.4	-93.1	184.7	816.7	874.0
2018	1.3	43,114.2	2.5	4.1	-110.7	197.4	896.0	935.5
2019	1.5	42,378.6	1.8	3.8	-113.5	208.3	888.2	979.6
2020 ⁵	-9.8	39,228.5	0.8	5.4	-54.0	216.6 ⁸	438.6 ⁷	455.1 ⁷
2021⁶	5.9	42,235.9	1.2	7.4	-107.6	-	-	-
Jerman								
2017	2.6	44,537.1	1.7	3.8	286.7	208.7	1,767.8	1,510.3
2018	1.3	47,832.1	2.0	3.4	292.4	200.1	1,909.7	1,656.6
2019	0.6	46,472.6	1.3	3.1	273.2	225.4	1,835.7	1,605.2
2020 ⁵	-6.0	45,466.1	0.5	4.3	217.6	275.7 ⁸	924.7 ⁷	815.5 ⁷
2021⁶	4.2	51,967.3	1.1	4.2	294.9	-	-	-
Perancis								
2017	2.3	40,134.1	1.2	9.4	-19.9	176.1	810.3	866.3
2018	1.8	43,083.5	2.1	9.0	-15.6	174.8	884.8	949.9
2019	1.5	41,896.6	1.3	8.5	-18.1	196.8	865.5	923.7
2020 ⁵	-9.8	39,257.4	0.5	8.9	-48.9	236.6 ⁸	406.0 ⁷	460.3 ⁷
2021⁶	6.0	44,769.8	0.6	10.2	-51.7	-	-	-
Jepun								
2017	2.2	38,398.6	0.5	2.8	203.5	1,322.4	885.2	865.2
2018	0.3	39,150.3	1.0	2.4	176.6	1,322.0	932.5	952.0
2019	0.7	40,255.9	0.5	2.4	184.3	1,368.9	912.9	927.2
2020 ⁵	-5.3	39,047.9	-0.1	3.3	143.5	1,451.1 ⁹	442.0 ⁷	476.9 ⁷
2021⁶	2.3	40,733.0	0.3	2.8	165.6	-	-	-

2.1. PERANGKAAN PENTING EKONOMI NEGARA TERPILIH (samb.)

	KDNK Benar (% Pertumbuhan)	KDNK Per Kapita ¹ (USD)	Indeks Harga Pengguna (%)	Kadar Pengangguran ² (%)	Imbangan Akaun Semasa (USD bilion)	Rizab Antarabangsa Kasar (USD bilion)	Eksport Kasar ³ (USD bilion)	Import Kasar ⁴ (USD bilion)
Australia								
2017	2.4	55,967.9	2.0	5.6	-35.6	66.8	296.3	297.2
2018	2.8	56,453.4	1.9	5.3	-29.6	53.6	326.6	308.7
2019	1.8	54,348.2	1.6	5.2	8.3	59.1	342.0	293.4
2020 ⁵	-4.2	51,885.5	0.7	6.9	24.6	43.9 ⁸	171.6 ⁷	139.7 ⁷
2021⁶	3.0	57,210.8	1.3	7.7	-1.3	-	-	-
Republik Korea								
2017	3.2	31,616.8	1.9	3.7	75.2	389.3	663.4	604.9
2018	2.9	33,422.9	1.5	3.8	77.5	403.7	708.5	668.3
2019	2.0	31,846.2	0.4	3.8	60.0	408.8	649.9	634.0
2020 ⁵	-1.9	30,644.4	0.5	4.1	52.5	419.0 ⁸	334.1 ⁷	328.5 ⁷
2021⁶	2.9	32,305.3	0.9	4.1	57.7	-	-	-
China								
2017	6.9	8,823.5	1.6	3.9	195.1	3,421.6	2,491.4	2,311.4
2018	6.8	9,919.8	2.1	3.8	25.5	3,351.9	2,753.5	2,660.8
2019	6.1	10,522.3	2.9	3.6	141.3	3,388.7	2,782.5	2,579.0
2020 ⁵	1.9	10,839.4	2.9	3.8	193.4	3,473.9 ⁸	1,490.4 ⁷	1,324.3 ⁷
2021⁶	8.2	11,955.6	2.7	3.6	111.7	-	-	-
India								
2017	7.0	1,981.7	3.6	-	-48.7	411.3	465.9	548.8
2018	6.1	2,005.9	3.4	-	-57.2	397.8	526.1	638.9
2019	4.2	2,097.8	4.8	-	-24.6	461.8	542.5	624.7
2020 ⁵	-10.3	1,876.5	4.9	-	8.5	545.5 ⁸	272.0 ⁷	272.5 ⁷
2021⁶	8.8	2,030.6	3.7	-	-26.4	-	-	-

¹ Berdasarkan harga semasa dalam USD kecuali negara maju. KDNK per kapita untuk negara maju adalah berdasarkan Pariti Kuasa Beli (PPP) dolar setiap orang

² Komposit bagi kumpulan negara ialah purata kadar pengangguran negara diwajibkan mengikut jumlah tenaga buruh di negara berkenaan

³ Data termasuk Eksport Barangan dan Perkhidmatan

⁴ Data termasuk Import Barangan dan Perkhidmatan

⁵ Anggaran

⁶ Unjuran

⁷ Setakat 31 Julai 2020

⁸ Setakat 31 Ogos 2020

⁹ Setakat 30 September 2020

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), World Economic Outlook (Oktober 2020); IMF Database; dan World Trade Organization Trade Statistics

2.2. PERANGKAAN PENTING EKONOMI NEGARA ANGGOTA ASEAN

	KDNK Benar (% Pertumbuhan)	KDNK Per Kapita ¹ (USD)	Indeks Harga Pengguna (%)	Kadar Pengangguran ² (%)	Imbangan Akaun Semasa (USD bilion)	Rizab Antarabangsa Kasar (USD bilion)	Eksport Kasar ³ (USD bilion)	Import Kasar ⁴ (USD bilion)
Brunei Darussalam								
2017	1.3	12.1	-1.3	9.3	2.0	-	-	-
2018	0.1	13.6	1.1	8.7	0.9	-	-	-
2019	3.9	13.5	-0.4	6.8	0.9	-	-	-
2020 ⁵	0.1	10.6	0.3	6.8	-0.0	-	-	-
2021⁶	3.2	12.1	0.5	6.8	0.3	-	-	-
Filipina								
2017	6.9	328.5	2.9	5.7	-2.1	83.3	68.7	101.9
2018	6.3	346.8	5.2	5.3	-8.8	80.9	69.3	119.3
2019	6.0	376.8	2.5	5.1	-0.5	89.8	70.9	112.9
2020 ⁵	-8.3	367.4	2.4	10.4	5.9	102.6 ⁸	34.1 ⁷	46.1 ⁷
2021⁶	7.4	398.3	3.0	7.4	-6.0	-	-	-
Indonesia								
2017	5.1	1,015.5	3.8	5.5	-16.2	130.2	168.8	156.9
2018	5.2	1,042.7	3.3	5.3	-30.6	120.7	180.2	188.7
2019	5.0	1,120.1	2.8	5.3	-30.4	129.2	167.7	171.3
2020 ⁵	-1.5	1,088.8	2.1	8.0	-14.2	137.0 ⁸	90.1 ⁷	81.4 ⁷
2021⁶	6.1	1,167.2	1.6	6.8	-28.1	-	-	-
Kemboja								
2017	7.0	22.2	2.9	-	-1.8	-	-	-
2018	7.5	24.4	2.4	-	-3.0	-	-	-
2019	7.0	26.7	2.0	-	-4.2	-	-	-
2020 ⁵	-2.8	26.3	2.5	-	-6.7	-	-	-
2021⁶	6.8	28.5	2.9	-	-4.6	-	-	-
Lao PDR								
2017	6.8	17.1	0.7	-	-1.8	-	-	-
2018	6.3	18.1	2.0	-	-2.2	-	-	-
2019	5.2	19.1	3.3	-	-1.2	-	-	-
2020 ⁵	0.2	18.7	6.5	-	-1.6	-	-	-
2021⁶	4.8	19.3	4.9	-	-1.5	-	-	-
Malaysia								
2017	5.8	9,965.1	3.7	3.4	8.9	102.4	217.7	194.7
2018	4.8	11,077.4	1.0	3.3	8.0	101.4	248.7	218.0
2019	4.3	11,193.0	0.7	3.3	12.3	103.6	240.2	205.0
2020 ⁵	-4.5	10,192.5	-1.0	4.2	11.4	105.0 ⁸	146.4 ⁷	122.1 ⁷
2021⁶	6.5 - 7.5	11,378.4	2.5	3.5	4.8	-	-	-

2.2. PERANGKAAN PENTING EKONOMI NEGARA ANGGOTA ASEAN (samb.)

	KDNK Benar (% Pertumbuhan)	KDNK Per Kapita ¹ (USD)	Indeks Harga Pengguna (%)	Kadar Pengangguran ² (%)	Imbangan Akaun Semasa (USD bilion)	Rizab Antarabangsa Kasar (USD bilion)	Eksport Kasar ³ (USD bilion)	Import Kasar ⁴ (USD bilion)
Myanmar								
2017	5.8	61.3	4.6	-	-4.2	-	-	-
2018	6.4	66.7	5.9	-	-3.1	-	-	-
2019	6.5	68.6	8.6	-	-1.8	-	-	-
2020 ⁵	2.0	70.9	6.1	-	-2.5	-	-	-
2021⁶	5.7	77.2	6.2	-	-3.4	-	-	-
Singapura								
2017	4.3	341.9	0.6	2.2	55.6	279.9	373.4	327.9
2018	3.4	373.2	0.4	2.1	64.1	287.7	413.0	370.9
2019	0.7	372.1	0.6	2.3	63.1	279.5	390.8	359.3
2020 ⁵	-6.0	337.5	-0.4	3.0	50.5	327.5 ⁸	233.9 ⁸	214.5 ⁸
2021⁶	5.0	362.5	0.3	2.6	52.7	-	-	-
Thailand								
2017	4.1	456.4	0.7	1.2	44.0	202.6	236.6	221.5
2018	4.2	506.4	1.1	1.1	28.5	205.7	253.0	248.2
2019	2.4	543.6	0.7	1.0	38.4	224.4	246.3	236.3
2020 ⁵	-7.1	509.2	-0.4	1.0	21.2	254.6 ⁸	133.2 ⁷	119.1 ⁷
2021⁶	4.0	536.8	1.8	1.0	24.7	-	-	-
Viet Nam								
2017	6.9	277.1	3.5	2.2	-1.7	-	215.0	212.9
2018	7.1	304.0	3.5	2.2	5.8	-	243.7	236.9
2019	7.0	329.5	2.8	2.2	11.3	-	264.3	253.9
2020 ⁵	1.6	340.6	3.8	3.3	4.0	-	175.3 ⁸	161.6 ⁸
2021⁶	6.7	369.5	4.0	2.7	6.2	-	-	-

¹ Berdasarkan harga semasa dalam USD kecuali negara maju. KDNK per kapita untuk negara maju adalah berdasarkan Pariti Kuasa Beli (PPP) dolar setiap orang

² Komposit bagi kumpulan negara ialah purata kadar pengangguran negara diwajibkan mengikut jumlah tenaga buruh di negara berkenaan

³ Data termasuk Eksport Barangan sahaja

⁴ Data termasuk Import Barangan sahaja

⁵ Anggaran

⁶ Unjuran

⁷ Setakat 31 Ogos 2020

⁸ Setakat 30 September 2020

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), World Economic Outlook (Oktober 2020); IMF Database; dan World Trade Organization Trade Statistics

3.1. KELUARAN DALAM NEGERI KASAR MENGIKUT JENIS AKTIVITI EKONOMI
pada harga malar 2015, Malaysia
RM juta

Jenis Aktiviti Ekonomi	2017	2018	2019 ²	2020 ³	2021 ⁴
Pertanian	99,509 (5.9)	99,579 (0.1)	101,549 (2.0)	100,344 (-1.2)	105,086 (4.7)
Perlombongan dan pengkuarian	105,838 (0.4)	103,512 (-2.2)	101,438 (-2.0)	93,568 (-7.8)	97,404 (4.1)
Pembuatan	290,464 (6.0)	304,843 (5.0)	316,320 (3.8)	306,845 (-3.0)	328,215 (7.0)
Pembinaan	63,522 (6.7)	66,194 (4.2)	66,266 (0.1)	53,859 (-18.7)	61,340 (13.9)
Perkhidmatan	723,361 (6.3)	772,685 (6.8)	820,069 (6.1)	789,379 (-3.7)	844,554 (7.0)
Utiliti	34,396 (2.9)	36,079 (4.9)	38,254 (6.0)	38,894 (1.7)	41,130 (5.7)
Perdagangan borong dan runcit	209,885 (7.2)	227,166 (8.2)	242,341 (6.7)	227,625 (-6.1)	247,011 (8.5)
Makanan & minuman dan penginapan	41,748 (7.5)	45,494 (9.0)	49,880 (9.6)	43,239 (-13.3)	47,846 (10.7)
Pengangkutan dan penyimpanan	47,212 (6.2)	50,219 (6.4)	53,650 (6.8)	47,277 (-11.9)	50,840 (7.5)
Maklumat dan komunikasi	73,113 (8.6)	79,210 (8.3)	84,426 (6.6)	89,856 (6.4)	96,946 (7.9)
Kewangan dan insurans	84,532 (4.7)	89,080 (5.4)	93,211 (4.6)	93,087 (-0.1)	98,171 (5.5)
Hartanah dan perkhidmatan perniagaan	59,132 (7.6)	63,609 (7.6)	68,565 (7.8)	60,605 (-11.6)	65,209 (7.6)
Perkhidmatan lain ¹	63,649 (5.1)	67,145 (5.5)	70,870 (5.5)	65,135 (-8.1)	69,165 (6.2)
Perkhidmatan kerajaan	109,694 (4.8)	114,682 (4.5)	118,871 (3.7)	123,661 (4.0)	128,236 (3.7)
(+) Duti import	18,076 (13.0)	16,002 (-11.5)	15,812 (-1.2)	13,736 (-13.1)	14,231 (3.6)
KDNK pada harga pembeli	1,300,769 (5.8)	1,362,815 (4.8)	1,421,454 (4.3)	1,357,731 (-4.5)	1,450,830 (6.5 - 7.5)

¹ Perkhidmatan kemasyarakatan, sosial dan persendirian, perkhidmatan swasta tanpa keuntungan kepada isi rumah dan perkhidmatan domestik bagi isi rumah

² Awalan

³ Anggaran

⁴ Unjuran

Nota: Angka dalam kurungan ialah peratus perubahan tahunan

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan, Malaysia

3.2. INDEKS PERKHIDMATAN

2015 = 100, Malaysia

	Wajaran (%)	2016	2017	2018	2019	2020 ¹
		Perubahan Tahunan (%)				
Perkhidmatan	100.0	5.7	6.7	7.3	6.4	-9.7
Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan	45.2	6.1	7.0	7.8	6.6	-12.6
Perdagangan borong dan runcit	37.9	6.0	7.0	7.7	6.1	-11.1
Makanan dan minuman	5.7	6.4	7.4	9.3	10.2	-14.5
Penginapan	1.6	5.8	5.8	6.3	6.8	-41.7
Perkhidmatan peniagaan dan kewangan	26.8	4.3	5.9	6.4	6.1	-4.9
Kewangan dan insurans	16.0	2.6	4.8	5.3	4.6	0.9
Professional, saintifik & teknikal dan pentadbiran & khidmat sokongan	7.2	8.0	8.7	9.1	9.3	-17.0
Hartanah	3.6	5.0	5.3	5.1	5.2	4.6
Maklumat & komunikasi dan pengangkutan & penyimpanan	21.9	6.8	7.4	7.4	6.5	-6.2
Maklumat dan komunikasi	12.9	8.0	8.4	8.3	6.5	5.5
Pengangkutan dan penyimpanan	9.0	5.1	5.9	6.0	6.5	-24.5
Perkhidmatan lain	6.1	5.6	6.2	6.7	6.4	-21.2
Kesenian, hiburan & rekreasi dan perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti	2.6	5.1	6.4	8.1	8.0	-40.8
Pendidikan swasta	1.9	6.5	6.3	5.3	4.9	-4.4
Kesihatan swasta	1.6	5.4	5.6	6.0	5.5	-8.6

¹ Januari hingga Jun 2020

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.3. INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN

2015 = 100, Malaysia

Subsektor	Wajaran (%)	2016	2017	2018	2019	2020 ¹
		Perubahan Tahunan (%)				
Jumlah Pengeluaran Perindustrian	100.00	4.1	4.4	3.1	2.3	-6.4
Perlombongan	25.14	2.4	0.4	-2.1	-2.0	-9.4
Elektrik	6.61	8.5	2.6	3.7	3.3	-5.0
Pembuatan	68.25	4.3	6.1	4.8	3.6	-5.6
Industri berorientasikan eksport						
Produk petroleum, kimia, getah dan plastik	20.60	4.1	4.0	4.0	2.9	-3.1
Kok dan produk petroleum bertapis	9.36	3.1	3.5	3.3	2.7	-11.5
Kimia dan produk kimia	6.37	6.0	4.3	4.4	1.8	-8.6
Produk farmaseutikal asas, kimia perubatan dan botani	0.38	4.4	4.8	5.9	4.2	12.4
Produk getah dan plastik	4.49	3.6	4.6	4.6	4.9	20.3
Produk peralatan elektrik dan elektronik	18.23	7.5	7.3	6.0	3.0	-1.1
Komputer, produk elektronik dan optikal	13.89	8.1	7.5	6.8	2.9	-1.2
Kelengkapan elektrik	2.20	5.8	6.4	2.7	3.4	-1.3
Jentera dan peralatan t.t.t.l.	2.14	5.5	6.6	4.3	3.5	0.2
Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan	4.56	5.5	4.8	4.7	5.4	-12.1
Kayu dan produk kayu	1.44	3.3	3.5	5.6	4.9	-17.6
Kertas dan produk kertas	1.15	4.5	5.6	4.2	4.3	-6.9
Percetakan dan penerbitan semula media rakaman	0.93	5.3	4.6	3.9	4.2	-9.4
Perabot	1.04	10.0	6.1	4.6	8.1	-12.8
Produk tekstil, pakaian, kulit dan kasut	1.33	6.8	8.0	4.3	5.3	-18.4
Tekstil	0.58	4.8	4.4	2.9	4.4	-18.2
Pakaian	0.60	8.3	11.7	5.6	6.1	-17.5
Produk kulit dan barangan berkaitan	0.15	8.5	6.4	3.8	5.1	-22.7
Industri berorientasikan domestik						
Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka	9.11	4.1	4.9	4.9	4.1	-17.4
Produk galian bukan logam lain	2.97	4.4	4.5	5.5	4.5	-20.3
Logam asas	2.35	2.1	5.4	4.2	4.0	-9.0
Produk logam yang direka, kecuali mesin dan kelengkapan	3.79	5.0	4.9	4.9	3.7	-20.2
Makanan, minuman dan tembakau	8.55	2.1	10.8	3.2	2.9	-0.2
Produk makanan	7.39	1.4	11.6	3.3	2.8	3.3
Minuman	0.65	9.9	9.1	3.1	2.8	-18.4
Produk tembakau	0.52	3.2	2.1	1.8	5.8	-26.1
Kelengkapan pengangkutan dan pembuatan lain	5.87	-2.7	5.6	6.0	5.9	-10.8
Kenderaan bermotor, treler dan semi treler	3.17	-4.7	4.8	6.6	7.0	-8.1
Kelengkapan pengangkutan lain	1.19	-2.8	3.7	3.9	4.8	-17.0
Pembuatan lain	0.74	-2.8	5.3	5.2	5.3	-13.0
Membaiki dan pemasangan jentera dan kelengkapan	0.76	5.9	11.2	7.2	3.9	-11.2

¹ Januari hingga Ogos 2020

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.4. PENDAPATAN NEGARA KASAR MENGIKUT AGREGAT PERMINTAAN

Malaysia

RM juta

Jenis Perbelanjaan	2017	2018	2019 ³	2020 ⁴	2021 ⁵
Harga Semasa					
A. Perbelanjaan penggunaan akhir					
Awam	167,320	172,951	176,673	179,779	183,713
Swasta	760,146	831,334	903,720	899,102	987,240
B. Pembentukan modal tetap kasar					
Awam ¹	109,422	104,546	94,374	85,546	100,337
Swasta	234,520	245,842	252,471	222,026	239,853
C. Perubahan inventori dan barangan berharga ²	6,647	-4,327	-28,957	-27,679	-25,502
D. Eksport barangan dan perkhidmatan	960,778	992,511	985,283	842,053	916,286
E. Import barangan dan perkhidmatan	866,524	895,405	872,871	761,454	833,823
F. Keluaran Dalam Negeri Kasar pada harga pembeli (A+B+C+D-E)	1,372,310	1,447,451	1,510,693	1,439,374	1,568,104
G. Imbangan pendapatan primer	-38,658	-45,082	-40,267	-23,686	-41,558
H. Pendapatan Negara Kasar (F+G)	1,333,652	1,402,369	1,470,426	1,415,688	1,526,546
Harga Malar 2015					
A. Perbelanjaan penggunaan akhir					
Awam	164,450	169,631	173,077	175,931	179,387
Swasta	718,702	775,851	835,065	828,998	887,563
B. Pembentukan modal tetap kasar					
Awam ¹	105,499	100,263	89,385	81,083	94,789
Swasta	225,594	235,351	239,027	210,952	225,029
C. Perubahan inventori dan barangan berharga ²	1,032	-9,050	-14,649	-13,951	-13,689
D. Eksport barangan dan perkhidmatan	900,064	917,462	905,807	784,656	852,856
E. Import barangan dan perkhidmatan	814,571	826,694	806,258	709,940	775,105
F. Keluaran Dalam Negeri Kasar pada harga pembeli (A+B+C+D-E)	1,300,769	1,362,815	1,421,454	1,357,731	1,450,830
G. Imbangan pendapatan primer	-19,050	-28,237	-22,533	-13,288	-22,867
H. Pendapatan Negara Kasar (F+G)	1,281,719	1,334,578	1,398,921	1,344,443	1,427,963

¹ Termasuk pelaburan oleh syarikat awam² Termasuk perbezaan perangkaan hasil daripada pengimbangan³ Awalan⁴ Anggaran⁵ Unjuran

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia

3.5. INDIKATOR PENGGUNAAN SWASTA

Malaysia

Indikator	2016	2017	2018	2019	2020
Import barangan penggunaan ¹ (RM juta)	66,977	71,037	73,031	74,155	47,638 ²
Bursa Malaysia (akhir tempoh)					
FBM-KLCI	1,641.73	1,796.81	1,690.58	1,588.76	1,504.82 ³
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,667.37	1,906.84	1,700.37	1,711.84	1,638.72 ³
Bilangan jualan (unit)					
Kereta penumpang	514,594	514,675	533,202	550,179	310,008 ⁴
Motosikal	396,343	434,850	471,782	546,813	332,741 ⁴
Pengeluaran televisyen ('000 unit)	7,745	11,446	12,609	9,935	8,188 ²
Baki kad kredit terkumpul (RM juta, akhir tempoh)	37,149	38,659	39,920	41,192	36,375 ⁵
Kredit penggunaan sistem perbankan (RM juta, akhir tempoh)	265,380	267,666	294,548	297,187	300,864 ⁵

¹ Merujuk kepada import mengikut kategori ekonomi umum yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia² Januari hingga Ogos 2020³ Akhir September 2020⁴ Januari hingga September 2020⁵ Akhir Ogos 2020

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Persatuan Automotif Malaysia dan Persatuan Pemasang & Pengedar Motosikal dan Skuter Malaysia

3.6. INDIKATOR PELABURAN SWASTA

Malaysia

Indikator	2016	2017	2018	2019	2020
Import (RM juta)					
Barangan modal ¹	100,245	115,566	112,453	100,179	59,930 ³
Barangan pengantara ¹	399,033	478,933	462,212	467,211	278,266 ³
Pengeluaran pinjaman oleh sistem perbankan (RM juta)					
Pembuatan	202,550	213,738	236,624	258,602	164,770 ³
Pembinaan	67,349	77,674	89,885	90,047	48,619 ³
Pinjaman perumahan (RM juta, akhir tempoh)					
Kerajaan ²	48,518	55,882	63,464	80,675	85,914 ⁴
Sistem perbankan	477,988	519,631	563,031	603,988	632,675 ⁴
Pengeluaran barangan pembinaan					
Bumbung genting simen ('000 unit)	38,241	36,073	35,472	43,484	33,097 ³
Konkrit campuran siap ('000 meter padu)	28,589	30,323	32,047	34,067	23,997 ³
Bar dan batang besi dan keluli ('000 tan metrik)	2,064	1,698	1,853	1,404	1,056 ³
Jualan kenderaan perdagangan (unit)	65,491	61,950	65,512	54,108	31,481 ⁵

¹ Merujuk kepada import mengikut kategori ekonomi umum yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia² Berdasarkan amaun prinsipal³ Januari hingga Ogos 2020⁴ Akhir Ogos 2020⁵ Januari hingga September 2020

Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Persatuan Automotif Malaysia dan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam

3.7. PERDAGANGAN MALAYSIA DENGAN RAKAN DAGANG UTAMA

RM juta

		2016	2017	2018	2019		2020 ¹	
		RM juta	RM juta	RM juta	RM juta	bahagian (%)	RM juta	bahagian (%)
Jumlah	Jumlah Perdagangan	1,485,783	1,771,349	1,883,391	1,844,483	100.0	1,138,307	100.0
	Eksport	786,964	934,927	1,003,587	995,072	53.9	620,642	54.5
	Import	698,819	836,422	879,804	849,411	46.1	517,665	45.5
	Bersih	88,145	98,505	123,783	145,661	-	102,977	-
China	Jumlah Perdagangan	240,965	290,402	314,564	316,598	100.0	206,301	100.0
	Eksport	98,578	125,957	139,147	140,931	44.5	98,983	48.0
	Import	142,387	164,445	175,417	175,667	55.5	107,317	52.0
	Bersih	-43,809	-38,488	-36,269	-34,735	-	-8,334	-
Singapura	Jumlah Perdagangan	186,840	228,357	243,320	226,574	100.0	136,890	100.0
	Eksport	114,442	135,628	140,249	137,078	60.5	88,622	64.7
	Import	72,398	92,729	103,071	89,497	39.5	48,268	35.3
	Bersih	42,045	42,899	37,178	47,581	-	40,353	-
Amerika Syarikat	Jumlah Perdagangan	135,891	153,955	155,758	165,220	100.0	113,509	100.0
	Eksport	80,233	88,680	90,811	96,542	58.4	66,768	58.8
	Import	55,658	65,275	64,947	68,678	41.6	46,741	41.2
	Bersih	24,575	23,406	25,864	27,863	-	20,027	-
Jepun	Jumlah Perdagangan	120,725	139,208	134,242	129,592	100.0	78,751	100.0
	Eksport	63,743	75,597	70,385	65,998	50.9	40,387	51.3
	Import	56,982	63,611	63,858	63,594	49.1	38,364	48.7
	Bersih	6,761	11,986	6,527	2,403	-	2,023	-
Taiwan	Jumlah Perdagangan	63,057	78,716	96,390	94,077	100.0	59,597	100.0
	Eksport	21,243	23,962	32,814	37,032	39.4	22,031	37.0
	Import	41,814	54,755	63,576	57,046	60.6	37,566	63.0
	Bersih	-20,571	-30,793	-30,762	-20,014	-	-15,535	-
Republik Korea	Jumlah Perdagangan	59,580	67,705	73,521	73,058	100.0	56,433	100.0
	Eksport	22,905	28,586	34,237	34,230	46.9	23,566	41.8
	Import	36,675	39,119	39,284	38,828	53.1	32,868	58.2
	Bersih	-13,769	-10,532	-5,047	-4,599	-	-9,302	-
Hong Kong	Jumlah Perdagangan	50,311	61,724	89,972	80,688	100.0	51,072	100.0
	Eksport	37,641	47,713	74,831	66,624	82.6	42,241	82.7
	Import	12,669	14,011	15,141	14,064	17.4	8,832	17.3
	Bersih	24,972	33,703	59,690	52,561	-	33,409	-
Thailand	Jumlah Perdagangan	86,421	98,649	105,685	100,595	100.0	49,957	100.0
	Eksport	44,092	50,508	57,061	56,318	56.0	29,209	58.5
	Import	42,328	48,141	48,624	44,277	44.0	20,748	41.5
	Bersih	1,764	2,367	8,437	12,042	-	8,461	-
Indonesia	Jumlah Perdagangan	57,432	71,510	72,397	70,226	100.0	43,361	100.0
	Eksport	27,945	33,631	31,907	31,328	44.6	20,826	48.0
	Import	29,486	37,879	40,490	38,898	55.4	22,536	52.0
	Bersih	-1,541	-4,249	-8,583	-7,570	-	-1,710	-
India	Jumlah Perdagangan	48,701	61,384	62,840	62,872	100.0	33,931	100.0
	Eksport	31,999	34,531	36,343	38,587	61.4	17,252	50.8
	Import	16,702	26,853	26,497	24,285	38.6	16,678	49.2
	Bersih	15,297	7,678	9,846	14,303	-	574	-

¹ Januari hingga Ogos 2020

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

3.8. INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI

2010 = 100, Malaysia

Seksyen Barangan	Wajaran ¹ (%)	2016	2017	2018	2019	2020 ²
		Perubahan Tahunan (%)				
Indeks Nilai Seunit bagi Eksport						
Jumlah	100.0	-2.0	7.2	1.6	0.8	-1.7
Makanan	3.5	5.6	6.9	3.2	2.5	3.3
Minuman dan tembakau	0.6	6.5	7.6	6.6	7.5	4.0
Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan	2.7	-2.6	14.2	-6.9	-0.7	-1.3
Bahan api galian, pelincir, dll.	16.1	-24.7	27.8	16.4	0.1	-20.5
Minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan	6.0	7.7	13.3	-14.6	-9.7	21.0
Bahan kimia	7.8	5.5	11.5	3.9	-0.7	-0.1
Barang-barang keluaran kilang	9.7	-0.5	4.8	1.4	-2.8	-1.6
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	42.3	0.6	1.2	-0.8	2.5	1.5
Pelbagai barang keluaran kilang	10.9	3.3	3.2	1.6	2.2	0.6
Pelbagai urus niaga dan barangan	0.4	16.7	12.3	2.2	-5.1	-7.5
Indeks Nilai Seunit bagi Import						
Jumlah	100.0	1.4	6.1	2.0	-0.3	-2.4
Makanan	6.8	0.9	8.9	2.6	2.5	2.6
Minuman dan tembakau	0.6	1.9	3.6	2.6	2.7	1.7
Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan	3.3	-3.3	16.8	-6.0	-0.3	-1.0
Bahan api galian, pelincir, dll.	12.9	-19.6	32.5	21.7	-10.1	-23.1
Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan	1.1	18.9	25.8	-13.9	-12.0	12.5
Bahan kimia	10.5	0.2	4.1	2.4	0.3	-0.8
Barang-barang keluaran kilang	13.4	-1.4	5.0	1.8	0.4	-0.8
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	41.8	5.0	2.0	-0.7	1.7	-0.3
Pelbagai barang keluaran kilang	7.6	4.0	2.2	-1.0	0.4	0.2
Pelbagai urus niaga dan barangan	2.0	17.0	4.7	-6.3	10.2	23.4

¹ Wajaran berdasarkan nilai import dan eksport barang dagangan Malaysia tahun 2015² Perubahan tahunan dikira berdasarkan indeks nilai seunit bagi tempoh Januari hingga Ogos 2020

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.9. PENGELUARAN, VOLUM DAN NILAI EKSPORT KOMODITI UTAMA

Malaysia

Komoditi Utama	2016	2017	2018	2019	2020 ¹
Minyak sawit					
Pengeluaran ('000 tan)	17,319	19,919	19,516	19,858	14,587 ²
Volum ('000 tan)	15,310	15,188	15,364	17,429	10,192
Nilai (RM juta)	41,443	46,086	38,656	39,129	27,415
Getah asli					
Pengeluaran ('000 tan)	674	746	603	640	326
Volum ('000 tan)	642	616	639	631	344
Nilai (RM juta)	3,614	4,726	3,774	3,773	1997
Petroleum mentah					
Volum ('000 tan)	15,907	15,736	16,496	12,452	8,649
Nilai (RM juta)	22,319	28,255	36,649	26,346	13,056
Gas asli cecair (LNG)					
Volum ('000 tan)	24,868	26,794	23,955	25,498	16,166
Nilai (RM juta)	32,709	41,417	42,322	42,484	21,148

¹ Januari hingga Ogos 2020² Januari hingga September 2020

Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia

3.10. HALUAN EKSPORT UTAMA

Malaysia

Eksport	2016			2017		
	'000 tan	RM juta	bahagian (%)	'000 tan	RM juta	bahagian (%)
Produk elektrik dan elektronik						
Jumlah		287,810	100.0		343,070	100.0
Singapura		47,189	16.4		61,417	17.9
Hong Kong		29,260	10.2		35,934	10.5
Amerika Syarikat		46,646	16.2		49,169	14.3
China		42,884	14.9		50,388	14.7
Kesatuan Eropah		38,979	13.5		47,805	13.9
Bukan E&E						
Jumlah		357,958	100.0		422,788	100.0
China		38,097	10.6		53,757	12.7
Singapura		59,441	16.6		64,518	15.3
Amerika Syarikat		30,106	8.4		35,575	8.4
Kesatuan Eropah		31,698	8.9		37,049	8.8
Indonesia		22,034	6.2		27,402	6.5
Minyak sawit						
Jumlah	15,310	41,443	100.0	15,188	46,085	100.0
China	1,867	4,835	11.7	1,613	4,582	9.9
Kesatuan Eropah	1,900	5,193	12.5	1,770	5,436	11.8
India	2,822	7,162	17.3	1,942	5,649	12.3
Pakistan	810	2,221	5.4	779	2,362	5.1
Turki	641	1,756	4.2	703	2,019	4.4
Getah asli						
Jumlah	642	3,614	100.0	616	4,726	100.0
China	301	1,656	45.8	297	2,225	47.1
Kesatuan Eropah	158	915	25.3	158	1,252	26.5
Emiriah Arab Bersatu	2	12	0.3	3	22	0.5
Amerika Syarikat	23	131	3.6	24	179	3.8
Iran	44	237	6.6	33	250	5.3
Petroleum mentah						
Jumlah	15,907	22,319	100.0	15,736	28,255	100.0
Australia	4,422	6,294	28.2	4,545	8,266	29.3
India	3,734	5,264	23.6	3,220	5,656	20.0
Thailand	3,249	4,634	20.8	3,651	6,565	23.2
Jepun	635	871	3.9	726	1,337	4.7
China	368	471	2.1	457	788	2.8
Gas asli cecair (LNG)						
Jumlah	24,868	32,709	100.0	26,794	41,417	100.0
Jepun	15,249	20,096	61.4	14,843	24,144	58.3
Republik Korea	4,005	5,671	17.3	3,821	5,826	14.1
China	2,870	3,142	9.6	4,355	5,642	13.6
Thailand	0	0	0.0	374	481	1.2
Taiwan	2,557	3,598	11.0	2,944	4,827	11.7

¹ Januari hingga Ogos 2020

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

2018			2019			2020 ¹		
'000 tan	RM juta	bahagian (%)	'000 tan	RM juta	bahagian (%)	'000 tan	RM juta	bahagian (%)
	381,545	100.0		373,118	100.0		237,847	100.0
	64,135	16.8		60,424	16.2		41,797	17.6
	58,579	15.4		54,786	14.7		35,465	14.9
	47,277	12.4		49,651	13.3		32,032	13.5
	55,473	14.5		51,060	13.7		33,153	13.9
	46,912	12.3		46,866	12.6		24,431	10.3
	455,527	100.0		467,468	100.0		295,531	100.0
	60,301	13.2		65,625	14.0		41,703	14.1
	64,373	14.1		66,421	14.2		52,980	17.9
	40,195	8.8		42,753	9.1		31,891	10.8
	42,660	9.4		41,783	8.9		22,439	7.6
	25,092	5.5		26,175	5.6		17,846	6.0
15,364	38,655	100.0	17,429	39,128	100.0	10,192	27,414	100.0
1,695	3,932	10.2	2,368	5,057	12.9	1,691	4,342	15.8
1,829	4,723	12.2	1,990	4,525	11.6	1,248	3,499	12.8
2,183	5,104	13.2	4,244	8,915	22.8	1,049	2,585	9.4
964	2,474	6.4	971	2,207	5.6	670	1,723	6.3
617	1,567	4.1	695	1,588	4.1	441	1,211	4.4
639	3,774	100.0	631	3,773	100.0	344	1,997	100.0
312	1,796	47.6	309	1,812	48.0	173.4	969	48.5
159	966	25.6	143	880	23.3	67.8	407	20.4
11	65	1.7	11	66	1.7	15.1	90	4.5
17	105	2.8	25	150	4.0	12.7	77	3.9
35	207	5.5	27	166	4.4	12.1	71	3.6
16,496	36,649	100.0	12,452	26,346	100.0	8,649	13,056	100.0
5,034	11,397	31.1	3,266	6,890	26.2	2,139	3,625	27.8
3,607	7,960	21.7	3,177	6,604	25.1	1,924	2,706	20.7
2,750	6,105	16.7	2,559	5,535	21.0	1,411	2,087	16.0
546	1,189	3.2	509	1,071	4.1	859	1,347	10.3
332	704	1.9	40	86	0.3	685	807	6.2
23,955	42,322	100.0	25,498	42,484	100.0	16,166	21,148	100.0
11,207	20,781	49.1	9,352	16,804	39.6	7,396	10,049	47.5
3,345	5,780	13.7	4,805	7,767	18.3	3,200	4,435	21.0
5,789	8,874	21.0	7,130	10,265	24.2	3,933	4,428	20.9
541	806	1.9	1,251	2,194	5.2	831	1,185	5.6
2,811	5,627	13.3	2,431	4,869	11.5	590	885	4.2

3.11. EKSPORT BARANGAN PEMBUATAN

Malaysia

RM juta

	2016	2017	2018	2019	2020 ²	
						bahagian (%)
Produk elektrik dan elektronik	287,810	343,070	381,545	373,118	237,847	44.6
Produk petroleum	54,662	71,813	76,161	71,511	43,774	8.2
Kimia dan produk kimia	41,396	47,138	57,715	57,477	32,712	6.1
Barangan optik dan saintifik	28,747	32,395	36,563	39,905	25,914	4.9
Jentera, kelengkapan dan peralatan	37,498	40,133	40,668	41,599	25,310	4.7
Produk getah	20,253	26,308	26,491	25,841	23,351	4.4
Barangan pembuatan logam	33,352	37,937	44,664	41,490	22,978	4.3
Produk besi dan keluli	6,935	12,562	15,504	21,691	15,706	2.9
Produk pembuatan berasaskan minyak sawit	19,552	23,785	22,783	23,338	13,769	2.6
Barangan makanan diproses	18,958	19,713	19,414	21,773	13,719	2.6
Kelengkapan pengangkutan	13,476	15,605	18,033	19,143	13,064	2.4
Produk kayu	15,680	16,369	15,944	15,777	9,836	1.8
Tekstil, pakaian dan kasut	13,884	15,329	14,901	15,531	8,721	1.6
Barangan pembuatan plastik	13,066	14,504	14,538	14,978	8,554	1.6
Produk galian bukan logam	5,562	5,996	7,273	9,079	5,081	1.0
Produk kertas dan pulpa	4,263	4,691	4,950	6,405	4,195	0.8
Barang kemas	7,185	6,714	6,656	6,974	2,286	0.4
Minuman dan tembakau	4,650	4,213	3,435	3,452	1,629	0.3
Produk pembuatan lain ¹	18,838	27,584	29,835	31,233	24,933	4.7
Jumlah	645,768	765,858	837,071	840,586	533,378	100.0

¹ Termasuk bahan makanan untuk binatang, bahan bercetak, pelbagai barang pembuatan dan lain-lain² Januari hingga Ogos 2020

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

3.12. SUMBER IMPORT UTAMA

Malaysia

RM juta

Import	2016		2017		2018		2019		2020 ¹	
	bahagian (%)		bahagian (%)		bahagian (%)		bahagian (%)		bahagian (%)	
Produk elektrik dan elektronik										
Jumlah	209,936	100.0	252,922	100.0	262,623	100.0	245,538	100.0	162,723	100.0
China	50,918	24.3	61,293	24.2	65,688	25.0	64,090	26.1	43,035	26.4
Taiwan	26,275	12.5	37,756	14.9	45,907	17.5	40,497	16.5	27,766	17.1
Amerika Syarikat	25,486	12.1	31,166	12.3	29,549	11.3	27,180	11.1	20,000	12.3
Kimia dan produk kimia										
Jumlah	63,757	100.0	74,507	100.0	82,934	100.0	81,589	100.0	47,333	100.0
China	11,013	17.3	13,022	17.5	14,268	17.2	13,976	17.1	8,559	18.1
Amerika Syarikat	5,060	7.9	5,619	7.5	6,242	7.5	9,173	11.2	5,711	12.1
Singapura	7,301	11.5	8,774	11.8	8,934	10.8	7,695	9.4	4,212	8.9
Produk petroleum										
Jumlah	52,534	100.0	75,360	100.0	86,015	100.0	77,480	100.0	40,828	100.0
Singapura	21,545	41.0	28,487	37.8	38,252	44.5	29,334	37.9	12,370	30.3
China	4,958	9.4	7,994	10.6	7,414	8.6	10,506	13.6	5,512	13.5
Republik Korea	5,525	10.5	4,577	6.1	6,106	7.1	7,284	9.4	4,221	10.3
Jentera, kelengkapan dan peralatan										
Jumlah	65,054	100.0	78,575	100.0	73,778	100.0	69,638	100.0	38,144	100.0
China	15,833	24.3	19,436	24.7	20,306	27.5	19,964	28.7	11,503	30.2
Amerika Syarikat	5,713	8.8	7,580	9.6	7,528	10.2	7,182	10.3	4,490	11.8
Jepun	8,822	13.6	10,583	13.5	8,918	12.1	7,816	11.2	4,464	11.7
Barangan pembuatan logam										
Jumlah	39,212	100.0	43,649	100.0	46,148	100.0	47,132	100.0	29,024	100.0
China	10,694	27.3	11,274	25.8	12,542	27.2	11,763	25.0	6,054	20.9
India	2,557	6.5	3,635	8.3	3,473	7.5	4,987	10.6	4,904	16.9
Jepun	4,658	11.9	5,170	11.8	5,292	11.5	4,866	10.3	3,117	10.7

¹ Januari hingga Ogos 2020

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

3.13. IMBANGAN PEMBAYARAN

Malaysia

RM juta

Komponen	2016			2017		
	Kredit (+)	Debit (-)	Bersih	Kredit (+)	Debit (-)	Bersih
Imbangan barangan dan perkhidmatan	834,491	751,363	83,128	960,778	866,524	94,255
Barangan	686,896	584,850	102,046	801,394	684,281	117,113
Perkhidmatan	147,596	166,513	-18,917	159,384	182,243	-22,859
Pengangkutan	17,251	40,710	-23,459	19,256	48,878	-29,622
Perjalanan	74,980	43,465	31,515	78,944	46,475	32,470
Perkhidmatan lain	55,365	82,339	-26,974	61,183	86,890	-25,707
Pendapatan primer	47,452	82,045	-34,592	53,706	92,365	-38,658
Pampasan pekerja	6,648	12,254	-5,606	7,082	11,929	-4,848
Pendapatan pelaburan	40,805	69,791	-28,986	46,625	80,435	-33,811
Pendapatan sekunder	15,988	34,617	-18,629	16,797	34,097	-17,300
Imbangan akaun semasa	897,932	868,024	29,907	1,031,281	992,985	38,296
% daripada Pendapatan Negara Kasar			2.5			2.9
Akaun modal			102			-26
Akaun kewangan			-249			-4,730
Pelaburan langsung			13,792			16,171
Aset			-42,246			-24,234
Liabiliti			56,038			40,405
Pelaburan portfolio			-14,203			-15,358
Derivatif kewangan			-802			-197
Pelaburan lain			964			-5,346
Imbangan akaun modal dan kewangan			-148			-4,756
Kesilapan dan ketinggalan bersih			-23,899			-17,132
Imbangan keseluruhan			5,860			16,409

¹ Januari hingga Jun 2020

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

2018			2019			2020 ¹		
Kredit (+)	Debit (-)	Bersih	Kredit (+)	Debit (-)	Bersih	Kredit (+)	Debit (-)	Bersih
992,511	895,405	97,106	985,283	872,871	112,412	407,318	372,956	34,362
830,137	715,516	114,621	815,470	692,136	123,334	355,819	301,039	54,780
162,375	179,889	-17,515	169,814	180,735	-10,922	51,499	71,916	-20,417
20,524	48,212	-27,688	21,669	47,572	-25,903	7,162	20,305	-13,143
79,178	48,961	30,218	82,114	51,296	30,818	12,284	13,283	-998
62,672	82,717	-20,045	66,030	81,868	-15,837	32,052	38,329	-6,276
60,414	105,496	-45,082	64,851	105,118	-40,267	29,957	39,902	-9,945
6,793	14,450	-7,657	6,784	15,906	-9,122	3,129	7,265	-4,136
53,621	91,046	-37,426	58,067	89,212	-31,145	26,828	32,637	-5,809
15,602	35,330	-19,729	16,897	38,191	-21,294	8,418	15,775	-7,358
1,068,527	1,036,232	32,295	1,067,031	1,016,181	50,850	445,693	428,633	17,060
		2.3			3.5			2.6
		-89			331			-143
		11,430			-33,796			-33,101
		10,103			5,578			2,147
		-23,431			-31,908			-3,181
		33,535			37,486			5,328
		-49,396			-29,026			-19,107
		981			-478			3,092
		49,742			-9,870			-19,231
		11,341			-33,465			-33,243
		-35,878			-8,969			1,153
		7,758			8,416			-15,031

3.14. INDEKS HARGA PENGGUNA MENGIKUT KAWASAN

2010 = 100, Malaysia

Kumpulan	Wajaran ¹ (%)	2016	2017	2018	2019	2020 ²
		Perubahan Tahunan (%)				
Malaysia						
Jumlah	100.0	2.1	3.7	1.0	0.7	-1.0
Makanan dan minuman bukan alkohol	29.5	3.9	4.0	1.6	1.7	1.2
Minuman alkohol dan tembakau	2.4	17.2	0.2	-0.1	1.5	0.2
Pakaian dan kasut	3.2	-0.4	-0.3	-2.0	-2.0	-1.0
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	23.8	2.4	2.2	2.0	1.9	-1.0
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.1	2.4	2.1	0.3	1.4	0.3
Kesihatan	1.9	2.7	2.5	0.8	0.7	1.2
Pengangkutan	14.6	-4.6	13.2	1.6	-3.1	-10.0
Komunikasi	4.8	-1.5	-0.4	-1.7	0.4	1.6
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.8	2.5	1.9	-0.4	0.7	0.7
Pendidikan	1.3	2.1	1.7	1.1	1.4	1.2
Restoran dan hotel	2.9	2.8	2.5	1.6	1.2	0.7
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.7	2.9	1.2	-1.4	0.4	2.7
Semenanjung Malaysia						
Jumlah	100.0	2.2	4.0	1.0	0.7	-0.9
Makanan dan minuman bukan alkohol	29.0	4.1	4.1	1.7	1.8	1.3
Minuman alkohol dan tembakau	2.4	17.3	0.2	0.1	1.6	0.2
Pakaian dan kasut	3.3	-0.4	-0.2	-2.0	-2.0	-1.0
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	23.6	2.6	2.4	2.2	2.0	-0.9
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.2	2.5	2.2	0.5	1.6	0.4
Kesihatan	1.9	2.8	2.6	0.7	0.7	1.2
Pengangkutan	14.7	-4.4	13.2	1.5	-3.1	-9.8
Komunikasi	4.9	-1.5	-0.3	-1.8	0.4	1.6
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.9	2.5	2.0	-0.4	0.7	0.8
Pendidikan	1.4	2.2	1.6	1.2	1.5	1.2
Restoran dan hotel	3.0	2.7	2.6	1.5	1.2	0.7
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.7	3.0	1.2	-1.3	0.4	2.8

¹ Berdasarkan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016² Januari hingga Ogos 2020

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.14. INDEKS HARGA PENGGUNA MENGIKUT KAWASAN (samb.)

2010 = 100, Malaysia

Kumpulan	Wajaran ¹ (%)	2016	2017	2018	2019	2020 ²
		Perubahan Tahunan (%)				
Sarawak						
Jumlah	100.0	1.5	3.0	0.6	0.1	-1.6
Makanan dan minuman bukan alkohol	33.5	3.1	2.6	1.6	1.0	0.6
Minuman alkohol dan tembakau	2.7	13.7	-0.1	-1.9	0.6	0.3
Pakaian dan kasut	2.8	-1.0	-1.2	-2.2	-2.5	-1.1
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	21.9	2.5	0.8	0.8	0.9	-1.3
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	3.8	1.4	2.2	-0.9	0.7	0.0
Kesihatan	1.5	2.4	2.3	2.1	1.3	1.4
Pengangkutan	14.0	-5.8	15.2	1.8	-4.1	-13.2
Komunikasi	4.6	-2.6	-0.6	-1.6	0.4	0.9
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.8	1.5	0.6	-0.1	0.3	-0.2
Pendidikan	0.9	1.9	1.1	1.2	0.5	2.7
Restoran dan hotel	2.4	2.4	2.0	1.6	2.1	0.6
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	7.1	3.0	1.6	-1.8	-0.4	2.4
Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan						
Jumlah	100.0	0.7	3.0	0.7	0.2	-1.7
Makanan dan minuman bukan alkohol	31.3	1.5	3.6	1.6	0.5	0.4
Minuman alkohol dan tembakau	2.1	17.8	0.2	-0.5	1.2	0.1
Pakaian dan kasut	2.9	-0.1	-0.9	-2.3	-1.9	-1.1
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	28.1	1.2	1.0	1.1	1.2	-1.7
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	3.6	0.5	1.1	-0.1	0.4	-0.4
Kesihatan	1.1	2.3	1.7	1.1	0.7	1.2
Pengangkutan	13.7	-5.3	11.7	1.6	-3.2	-10.9
Komunikasi	4.6	-2.0	-0.2	-1.0	0.1	0.5
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	3.7	2.7	2.0	-0.8	0.5	0.0
Pendidikan	0.8	0.9	1.2	1.2	0.9	0.3
Restoran dan hotel	2.0	2.7	1.3	1.5	1.2	0.5
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.1	1.5	0.6	-2.4	0.3	1.5

¹ Berdasarkan Penyasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016² Januari hingga Ogos 2020

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.15. INDEKS HARGA PENGGUNA MENGIKUT STRATA

2010 = 100, Malaysia

Kumpulan	Wajaran ¹ (%)	2016	2017	2018	2019	2020 ²
		Perubahan Tahunan (%)				
Luar Bandar						
Jumlah	100.0	1.7	3.7	0.8	0.3	-1.3
Makanan dan minuman bukan alkohol	35.6	2.9	3.6	1.0	0.9	0.8
Minuman alkohol dan tembakau	3.0	18.6	0.1	-0.1	1.6	0.1
Pakaian dan kasut	3.6	0.0	-0.1	-0.9	-0.5	-0.5
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	19.9	2.6	1.8	1.4	1.8	-1.8
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	3.7	1.4	1.8	0.2	0.7	0.1
Kesihatan	2.0	2.4	1.7	0.6	0.6	1.7
Pengangkutan	14.6	-5.5	13.8	1.5	-3.6	-11.0
Komunikasi	4.4	-2.5	-0.1	-0.9	0.5	1.4
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	3.6	1.7	1.7	-0.4	1.0	1.2
Pendidikan	0.9	2.1	1.2	0.5	0.5	0.6
Restoran dan hotel	2.4	1.7	1.5	1.1	1.0	0.8
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.3	2.6	1.1	-1.2	0.8	2.2
Bandar						
Jumlah	100.0	2.1	3.8	1.0	0.7	-0.9
Makanan dan minuman bukan alkohol	28.4	4.1	4.0	1.8	1.8	1.3
Minuman alkohol dan tembakau	2.3	16.7	0.2	-0.1	1.5	0.3
Pakaian dan kasut	3.2	-0.6	-0.4	-2.4	-2.2	-1.1
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	24.5	2.4	2.4	2.0	1.8	-0.9
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.2	2.5	2.3	0.3	1.6	0.4
Kesihatan	1.8	2.9	2.8	0.8	0.7	1.1
Pengangkutan	14.6	-4.3	13.0	1.5	-3.1	-9.9
Komunikasi	4.9	-1.4	-0.3	-1.9	0.4	1.6
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	5.0	2.6	1.9	-0.4	0.6	0.6
Pendidikan	1.4	2.1	1.7	1.2	1.5	1.3
Restoran dan hotel	3.0	2.9	2.7	1.5	1.3	0.7
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.7	2.9	1.2	-1.5	0.4	2.8

¹ Berdasarkan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016² Januari hingga Ogos 2020

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.16. INDEKS HARGA PENGGUNA MENGIKUT NEGERI

2010 = 100, Malaysia

Negeri	2016	2017	2018	2019	2020 ¹
	Perubahan Tahunan (%)				
Jumlah					
Malaysia	2.1	3.7	1.0	0.7	-1.0
Kedah dan Perlis	1.7	3.9	0.3	0.2	-1.6
Pulau Pinang	2.5	4.0	0.9	1.1	-0.7
Perak	1.4	3.3	0.7	0.6	-1.1
Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya	2.2	3.9	1.1	0.9	-0.4
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	2.8	3.7	1.4	1.2	-0.4
Melaka	2.0	4.1	0.8	0.1	-1.7
Negeri Sembilan	1.9	4.2	1.2	0.7	-1.4
Johor	2.8	4.2	1.1	0.6	-1.2
Pahang	1.8	3.1	0.6	0.3	-1.0
Kelantan	1.5	3.5	0.7	0.4	-1.4
Terengganu	1.4	3.1	0.4	0.1	-1.3
Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan	0.7	3.0	0.7	0.2	-1.7
Sarawak	1.5	3.0	0.6	0.1	-1.6
Makanan dan Minuman Bukan Alkohol					
Malaysia	3.9	4.0	1.6	1.7	1.2
Kedah dan Perlis	3.3	4.3	0.4	1.0	0.7
Pulau Pinang	4.8	4.4	1.7	1.8	1.4
Perak	3.1	3.3	1.1	1.5	1.5
Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya	4.2	4.2	1.6	1.9	1.9
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	4.2	4.5	4.0	3.5	0.6
Melaka	4.6	4.8	1.4	1.3	0.6
Negeri Sembilan	4.3	3.6	1.6	1.5	1.1
Johor	4.9	4.6	1.7	1.9	1.6
Pahang	3.6	2.5	1.1	0.9	1.1
Kelantan	3.0	3.4	1.0	1.0	0.6
Terengganu	3.2	2.8	1.1	1.2	1.3
Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan	1.5	3.6	1.6	0.5	0.4
Sarawak	3.1	2.6	1.6	1.0	0.6

¹ Januari hingga Ogos 2020

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.17. INDEKS TERAS

2010 = 100, Malaysia

Kumpulan	Wajaran ¹ (%)	2016	2017	2018	2019	2020 ²
		Perubahan Tahunan (%)				
Jumlah	100.0	2.4	2.4	1.0	1.1	1.2
Makanan dan minuman bukan alkohol	26.5	3.1	3.6	1.8	2.1	1.2
Minuman alkohol dan tembakau	-	-	-	-	-	-
Pakaian dan kasut	4.5	-0.4	-0.3	-2.0	-2.0	-1.0
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	26.5	2.6	2.7	2.4	2.1	1.6
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	5.5	2.4	2.1	0.3	1.4	0.4
Kesihatan	2.6	2.7	2.5	0.8	0.7	1.2
Pengangkutan	6.5	3.9	2.7	-0.8	-3.1	0.2
Komunikasi	6.5	-1.5	-0.4	-1.7	0.4	1.5
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	6.6	2.5	1.9	-0.4	0.7	0.7
Pendidikan	1.8	2.1	1.7	1.1	1.4	1.2
Restoran dan hotel	3.9	2.8	2.5	1.6	1.2	0.7
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	9.1	2.9	1.2	-1.4	0.4	2.7

¹ Berdasarkan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016² Januari hingga Ogos 2020

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.18. INDEKS HARGA PENGELUAR - PENGELUARAN TEMPATAN

2010 = 100, Malaysia

Sektor dan Peringkat Pemprosesan	Wajaran ¹ (%)	2016	2017	2018	2019	2020 ²
		Perubahan Tahunan (%)				
Sektor (MSIC 2008)						
Jumlah	100.0	-1.1	6.7	-1.1	-1.4	-2.4
Pertanian, perhutanan dan perikanan	6.7	16.3	7.0	-13.9	-4.0	12.5
Perlombongan	7.9	-15.3	24.7	17.5	-3.7	-32.7
Pembuatan	81.6	-1.2	5.3	-1.8	-0.9	-0.2
Bekalan elektrik dan gas	3.4	-0.9	1.9	1.1	1.5	-0.2
Bekalan air	0.3	3.5	-0.1	0.3	-2.2	-0.6
Indeks Harga Pengeluar mengikut Peringkat Pemprosesan						
Jumlah	100.0	-1.1	6.7	-1.1	-1.4	-2.4
Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya	16.4	3.4	14.8	2.6	-3.9	-12.4
Bahan perantaraan, bekalan dan komponen	56.1	-3.2	6.7	-1.9	-1.4	-0.3
Barang siap	27.5	0.4	0.9	-2.4	0.6	0.3

¹ Berdasarkan Banci Ekonomi 2016² Januari hingga Ogos 2020

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

3.19. TENAGA BURUH

Malaysia

	2016	2017	2018	2019	2020 ⁴
Tenaga buruh ('000)	14,667.8	14,980.1	15,280.3	15,581.6	15,691.3
Guna tenaga ('000)	14,163.7	14,476.8	14,776.0	15,073.4	15,021.1
Kadar pengangguran (%)	3.4	3.4	3.3	3.3	4.3
Kadar penyertaan tenaga buruh ¹ (%)					
Jumlah	67.7	68.0	68.3	68.7	68.4
Lelaki	80.2	80.1	80.4	80.8	80.5
Perempuan	54.3	54.7	55.2	55.6	55.4
Jumlah perjanjian kolektif ditandatangani pada tahun semasa ²	308	269	294	298	81
Bilangan pekerja diliputi (ribu)	133.7	60.6	46.3	-	-
Produktiviti buruh ³	3.1	3.8	2.3	2.1	-8.4
Pertanian	1.8	2.2	-0.2	0.4	-3.7
Perlombongan dan pengkuarian	5.9	-4.8	4.0	-1.6	-8.7
Pembuatan	3.8	3.9	2.4	1.7	-8.8
Pembinaan	8.8	6.8	3.4	3.3	-22.3
Perkhidmatan	2.0	4.3	3.5	2.9	-7.5
Pekerja asing ('000)	1,866.4	1,797.4	2,015.8	1,999.6	1,678.9 ⁵

¹ Perkadaran tenaga buruh kepada jumlah penduduk dalam umur bekerja (15-64 tahun) dalam bentuk peratusan² Berdasarkan maklumat dalam Perjanjian Kolektif dan maklum balas daripada majikan bagi yang telah diiktiraf oleh Mahkamah Perusahaan pada tahun tersebut³ Perubahan tahunan (%)⁴ Pada separuh pertama tahun 2020⁵ Sehingga akhir Ogos 2020

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia

3.20. GUNA TENAGA MENGIKUT INDUSTRI

'000 orang, Malaysia

Industri ¹	2016	2017	2018	2019		2020 ³	
					bahagian (%)		bahagian (%)
Jumlah guna tenaga²	14,163.7	14,476.8	14,776.0	15,073.4	100.0	15,021.1	100.0
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,609.9	1,635.0	1,570.3	1,541.1	10.2	1,655.9	11.0
Perlombongan dan pengkuarian	96.3	97.2	90.8	91.0	0.6	94.9	0.6
Pembuatan	2,390.6	2,513.3	2,499.9	2,681.5	17.8	2,529.4	16.8
Pembinaan	1,251.7	1,258.9	1,257.8	1,276.4	8.5	1,227.2	8.2
Perkhidmatan	8,814.3	8,970.9	9,355.2	9,481.5	62.9	9,513.7	63.3
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendinginan udara	77.9	62.2	68.8	71.4	0.5	101.4	0.7
Bekalan air; pembetungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	76.4	81.0	88.6	88.8	0.6	92.7	0.6
Perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	2,428.5	2,485.4	2,544.6	2,594.5	17.2	2,637.8	17.6
Pengangkutan dan penyimpanan	630.4	658.2	697.9	667.6	4.4	691.0	4.6
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	1,260.7	1,323.2	1,473.4	1,549.7	10.3	1,393.3	9.3
Maklumat dan komunikasi	208.7	220.3	216.4	213.9	1.4	231.8	1.5
Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	346.9	369.0	338.6	335.1	2.2	382.1	2.5
Aktiviti hartanah	82.4	84.5	97.2	92.1	0.6	78.3	0.5
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	361.8	348.1	367.7	385.7	2.6	372.6	2.5
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	657.0	677.2	747.6	806.2	5.3	871.2	5.8
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib	748.2	742.2	720.2	737.1	4.9	786.4	5.2
Pendidikan	928.7	880.3	988.7	962.3	6.4	919.1	6.1
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	570.3	588.0	551.2	527.7	3.5	557.9	3.7
Kesenian, hiburan dan rekreasi	80.9	84.3	85.6	79.0	0.5	49.6	0.3
Aktiviti perkhidmatan lain	230.8	260.1	264.8	266.1	1.8	282.9	1.9
Aktiviti isi rumah sebagai majikan	124.7	106.9	103.9	104.3	0.7	64.8	0.4

¹ Industri dikelaskan mengikut MSIC 2008 Ver. 1.0² Jumlah termasuk 'Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah'³ Bagi tempoh separuh pertama 2020

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

3.21. PENDAFTAR AKTIF Malaysia

	2016	2017	2018	2019		2020 ²
					bahagian (%)	
Jumlah Pendaftar Aktif (akhir tempoh)	306,037	262,756	154,850	299,648	100.0	277,840
Umur						
19 dan ke bawah	33,386	27,829	20,959	36,966	12.3	33,581
20 – 24	204,116	177,111	104,868	199,476	66.6	185,930
25 – 29	52,909	46,460	22,039	49,080	16.4	45,996
30 dan ke atas	15,626	11,356	6,984	14,126	4.7	12,333
Jantina						
Lelaki	110,577	91,528	54,979	109,227	36.5	96,706
Perempuan	195,460	171,228	99,871	190,421	63.5	181,134
Tahap Pendidikan						
Kurang daripada PT3/PMR/SRP/LCE	691	766	402	924	0.3	753
PT3/PMR/SRP/LCE	4,110	2,870	1,438	2,516	0.8	2,027
SPM/MCE	67,373	51,245	7,557	14,754	4.9	13,812
Sijil Kemahiran ¹	9,981	7,787	2,248	8,663	2.9	7,594
MHSC/STPM, Matrikulasi, Diploma dan Ijazah	223,882	200,088	143,205	272,791	91.0	253,654
Status Pekerjaan						
Tidak Bekerja	154,548	129,581	71,852	137,712	46.0	128,914

¹ Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), lain-lain sijil kemahiran dan sijil kemahiran bukan teknikal

² Januari hingga Jun 2020

Nota: Meliputi pencari kerja berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja melalui JobsMalaysia dan tempoh pendaftaran masih sah laku

Sumber: Kementerian Sumber Manusia Malaysia

3.22. KEKOSONGAN DAN PENEMPATAN Malaysia

	2016	2017	2018	2019		2020 ³
					bahagian (%)	
Bilangan Kekosongan mengikut Kumpulan Pekerjaan¹	854,044	1,473,376	1,095,020	974,612	100.0	251,944
Pengurus	26,320	11,164	4,762	8,563	0.9	2,805
Profesional	36,204	41,171	21,334	31,900	3.3	13,727
Juruteknik dan profesional bersekutu	14,026	16,904	19,466	34,429	3.5	8,075
Pekerja sokongan perkeranian	14,654	14,083	7,690	11,554	1.2	8,670
Pekerja perkhidmatan dan jualan	41,301	63,335	34,926	42,462	4.4	8,462
Pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan	9,649	12,212	5,633	2,089	0.2	418
Pekerja pertukangan dan kemahiran yang berkaitan	22,228	35,244	25,063	31,982	3.3	6,837
Operator mesin dan loji dan pemasangan	118,178	151,779	127,391	147,321	15.1	48,883
Pekerjaan asas	571,484	1,127,484	848,755	664,312	68.2	154,067
Bilangan Kekosongan mengikut Sektor	854,044	1,473,376	1,095,020	974,612	100.0	251,944
Pertanian, perhutanan dan perikanan	174,751	264,216	240,470	204,324	21.0	47,391
Perlombongan dan pengkuarian	1,857	2,730	3,108	3,435	0.4	697
Pembuatan	376,349	617,308	421,582	351,942	36.1	94,657
Pembinaan	127,985	255,851	191,045	141,783	14.5	27,566
Perkhidmatan	173,102	333,271	238,815	273,128	28.0	81,633
Bilangan Penempatan mengikut Sektor²	22,643	20,369	14,138			-
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,639	1,382	1,326			-
Perlombongan dan pengkuarian	0	7	16			-
Pembuatan	11,342	12,325	8,557			-
Pembinaan	2,396	652	538			-
Perkhidmatan	7,266	6,003	3,701			-

¹ Pengelasan kumpulan pekerjaan adalah mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013

² Data 2016 meliputi tempoh dari Januari hingga November 2016. Data 2018 meliputi tempoh dari Januari hingga Jun 2018

³ Januari hingga Jun 2020

Nota: Definisi kekosongan merujuk kepada jawatan kosong yang disenaraikan oleh majikan dalam sektor awam (terpilih sahaja) dan swasta yang menyenaraikan kekosongan dalam JobsMalaysia. Kekosongan disenaraikan termasuk jawatan yang tidak bersandarkan kepada kekosongan substantif seperti jurujual, promoter, ejen insurans, pekerja sambilan serta pekerja asing

Sumber: Kementerian Sumber Manusia Malaysia

4.1. KADAR FAEDAH

Malaysia

	Kadar purata dalam tempoh (%)				Kadar purata dalam tempoh bagi 2020 (%)							
	2016	2017	2018	2019	Jan.	Feb.	Mac	Apr.	Mei	Jun	Jul.	Ogos
Antara bank semalaman	3.06	2.98	3.19	3.05	2.89	2.75	2.51	2.51	2.03	1.99	1.79	1.74
Antara bank 1 minggu	3.12	3.03	3.26	3.12	2.96	2.78	2.56	2.56	2.09	2.02	1.83	1.77
Antara bank 3 bulan	3.48	3.38	3.66	3.46	3.24	-	2.76	2.75	-	2.27	-	1.96
Bank perdagangan												
Deposit tetap												
3-bulan	3.03	2.92	3.14	2.98	2.68	2.65	2.38	2.36	1.88	1.86	1.63	1.62
12-bulan	3.18	3.09	3.31	3.17	2.87	2.84	2.59	2.56	2.03	2.03	1.79	1.78
Deposit tabungan	1.00	0.96	1.04	1.01	0.89	0.87	0.78	0.77	0.61	0.59	0.48	0.48
Kadar asas (BR) ¹ berwajaran	3.71	3.62	3.88	3.76	3.43	3.43	3.18	3.18	2.68	2.68	2.43	2.43
Kadar pinjaman asas (BLR)	6.73	6.67	6.89	6.78	6.50	6.48	6.26	6.26	5.78	5.75	5.52	5.49

¹ Berkuatkuasa 2 Januari 2015, BR menggantikan BLR sebagai kadar rujukan utama bagi pinjaman runcit kadar terapung baharu dan kemudahan pembiayaan

Sumber: Bank Negara Malaysia

4.2. WANG SECARA LUAS (M3)

Malaysia

RM juta

	Akhir tempoh				
	2016	2017	2018	2019	2020 ⁴
Wang secara luas (M3) ¹	1,655,225	1,736,445	1,894,517	1,961,554	2,031,377
Baki urus niaga	379,853	421,552	425,722	450,471	496,825
Mata wang dalam edaran ²	85,480	92,388	94,297	100,159	114,852
Deposit permintaan	294,373	329,164	331,425	350,312	381,972
Separuh wang secara luas	1,275,372	1,314,893	1,468,796	1,511,083	1,534,552
Deposit tabungan	145,129	150,505	157,387	169,975	202,819
Deposit tetap	773,221	823,165	920,662	952,127	939,142
Instrumen boleh niaga (NID)	8,327	8,154	11,547	12,671	8,688
Perjanjian belian balik (Repo)	-	-	-	-	-
Deposit mata wang asing	137,593	133,268	151,496	156,727	169,645
Deposit lain	211,103	199,800	227,704	219,583	214,258
Faktor Penentu M3					
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	113,193	129,824	183,634	194,584	254,074
Tuntutan terhadap Kerajaan	166,425	186,671	249,184	256,438	327,521
Tolak: Deposit Kerajaan	53,232	56,848	65,550	61,854	73,447
Tuntutan terhadap sektor swasta	1,648,719	1,745,091	1,892,470	1,976,463	2,020,700
Pinjaman	1,480,345	1,537,001	1,645,784	1,715,637	1,749,460
Sekuriti	168,375	208,090	246,686	260,825	271,240
Aset asing bersih ³	517,821	517,269	522,402	514,447	553,911
Bank Negara Malaysia	415,756	406,832	411,768	416,413	438,882
Sistem perbankan	102,065	110,437	110,634	98,033	115,029
Pengaruh lain	-624,508	-655,739	-703,989	-723,940	-797,308

¹ Tidak termasuk deposit yang disimpan sesama institusi perbankan² Tidak termasuk pemegangan oleh sistem perbankan³ Termasuk kerugian/keuntungan penilaian semula kadar pertukaran⁴ Akhir Ogos 2020

Nota: Data berdasarkan Buletin Statistik Bulanan BNM (Ogos 2020). Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

4.3. KADAR PERTUKARAN UTAMA

Malaysia

	RM berbanding dengan satu unit mata wang asing ¹					Perubahan (%)				
	2016	2017	2018	2019	2020	2016	2017	2018	2019	2020 ²
	Akhir Disember				Akhir September					
Hak Pengeluaran Khas (SDR)	6.0116	5.7709	5.7558	5.6592	5.8522	-1.0	4.2	0.3	1.7	-3.3
Dolar AS	4.4860	4.0620	4.1385	4.0925	4.1585	-4.3	10.4	-1.8	1.1	-1.6
Dolar Singapura	3.1016	3.0392	3.0322	3.0387	3.0373	-2.1	2.1	0.2	-0.2	0.0
100 yen Jepun	3.8442	3.6020	3.7475	3.7655	3.9378	-7.3	6.7	-3.9	-0.5	-4.4
Paun sterling	5.5108	5.4660	5.2532	5.3722	5.3383	15.4	0.8	4.1	-2.2	0.6
Euro	4.7238	4.8510	4.7340	4.5852	4.8775	-0.7	-2.6	2.5	3.2	-6.0
100 baht Thailand	12.5167	12.4334	12.7006	13.6827	13.1224	-4.7	0.7	-2.1	-7.2	4.3
100 rupiah Indonesia	0.0334	0.0300	0.0286	0.0295	0.0279	-6.9	11.3	4.9	-3.1	5.7
100 won Korea	0.3720	0.3801	0.3721	0.3540	0.3553	-1.9	-2.1	2.1	5.1	-0.4
100 peso Filipina	9.0516	8.1232	7.8739	8.0720	8.5902	1.1	11.4	3.2	-2.5	-6.0
Renminbi China	0.6455	0.6230	0.6017	0.5866	0.6105	2.4	3.6	3.5	2.6	-3.9

¹ Kadar dolar AS ialah kadar purata belian dan jualan pada pukul 12.00 tengah hari di Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Antara Bank Kuala Lumpur. Kadar bagi mata wang asing selain dolar AS ialah kadar silang yang diperoleh daripada kadar mata wang tersebut berbanding dengan dolar AS dan kadar RM/dolar AS

² Akhir Disember 2019 – Akhir September 2020

Sumber: Bank Negara Malaysia

4.4. BANK PERDAGANGAN: PINJAMAN TERKUMPUL MENGIKUT TUJUAN DAN SEKTOR

Malaysia

	2016		2017		2018		2019		2020	
	Disember		Disember		Disember		Disember		Ogos	
	RM juta	bahagian (%)	RM juta	bahagian (%)	RM juta	bahagian (%)	RM juta	bahagian (%)	RM juta	bahagian (%)
Tujuan										
Pembelian sekuriti	41,368	3.8	37,505	3.4	34,092	3.0	30,864	2.7	29,221	2.5
Pembelian kenderaan pengangkutan yang mana:	98,152	9.1	94,928	8.6	93,847	8.3	89,358	7.7	88,595	7.6
Pembelian kereta penumpang	91,093	8.4	88,244	8.0	87,221	7.7	82,901	7.2	82,138	7.1
Pembelian harta kediaman	364,966	33.8	386,446	35.2	404,159	35.6	421,993	36.6	435,311	37.5
Pembelian harta bukan kediaman	169,789	15.7	172,212	15.7	172,217	15.2	173,319	15.0	173,064	14.9
Pembelian aset tetap selain tanah dan bangunan	7,570	0.7	6,620	0.6	7,415	0.7	8,945	0.8	9,640	0.8
Kegunaan persendirian	32,772	3.0	33,627	3.1	35,532	3.1	36,922	3.2	37,793	3.3
Kad kredit	34,350	3.2	35,459	3.2	36,240	3.2	37,098	3.2	32,676	2.8
Pembelian barangan penggunaan	111	0.0	98	0.0	84	0.0	73	0.0	68	0.0
Pembinaan	36,310	3.4	36,601	3.3	38,727	3.4	41,105	3.6	42,760	3.7
Modal kerja	254,908	23.6	253,462	23.1	266,071	23.4	264,301	22.9	264,645	22.8
Tujuan lain	39,964	3.7	41,343	3.8	46,591	4.1	49,621	4.3	48,258	4.2
Jumlah Pinjaman¹	1,080,260	100.0	1,098,300	100.0	1,134,973	100.0	1,153,597	100.0	1,162,032	100.0
Sektor²										
Pertanian primer	23,851	2.2	21,944	2.0	20,169	1.8	18,763	1.6	17,982	1.5
Perlombongan dan kuari	7,939	0.7	5,726	0.5	5,615	0.5	7,542	0.7	7,013	0.6
Pembuatan (termasuk asas tani)	81,741	7.6	81,072	7.4	86,185	7.6	94,548	8.2	92,162	7.9
Bekalan elektrik, gas dan air	8,169	0.8	9,816	0.9	11,267	1.0	11,246	1.0	11,220	1.0
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	93,593	8.7	94,179	8.6	98,992	8.7	101,281	8.8	103,867	8.9
Pembinaan	48,002	4.4	51,381	4.7	54,033	4.8	57,140	5.0	57,148	4.9
Hartanah	87,129	8.1	89,355	8.1	88,981	7.8	83,669	7.3	85,721	7.4
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	21,805	2.0	21,661	2.0	21,530	1.9	20,875	1.8	22,399	1.9
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	73,275	6.8	71,548	6.5	84,051	7.4	82,491	7.2	80,887	7.0
Pendidikan, kesihatan dan lain-lain	20,888	1.9	19,980	1.8	18,645	1.6	20,924	1.8	21,205	1.8
Sektor isi rumah	606,544	56.1	622,330	56.7	636,839	56.1	648,438	56.2	655,060	56.4
Sektor lain ³	7,323	0.7	9,309	0.8	8,664	0.8	6,680	0.6	7,369	0.6

¹ Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas² Definisi bagi sektor ekonomi/industri berdasarkan MSIC 2000³ Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Nota: Data berdasarkan Buletin Statistik Bulanan BNM (Ogos 2020). Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

4.5. KADAR HASIL BON KERAJAAN DAN KORPORAT Malaysia

	2016	2017	2018	2019	2020								
					Jan.	Feb.	Mac	Apr.	Mei	Jun	Jul.	Ogos	Sep.
Kadar hasil indikatif pasaran Sekuriti Kerajaan Malaysia (%)													
1-tahun	3.26	2.89	3.45	2.96	2.81	2.60	2.53	2.34	2.06	2.05	1.77	1.70	1.76
3-tahun	3.50	3.34	3.63	3.01	2.88	2.62	2.76	2.42	2.28	2.25	1.93	1.84	1.99
5-tahun	3.70	3.56	3.78	3.18	2.95	2.67	3.10	2.53	2.48	2.47	2.12	2.11	2.25
10-tahun	4.23	3.91	4.08	3.31	3.13	2.83	3.36	2.87	2.81	2.87	2.55	2.62	2.66
Kadar hasil bon korporat 5-tahun (%)													
AAA	4.40	4.33	4.39	3.63	3.51	3.21	3.66	3.22	3.11	3.11	2.86	2.76	2.79
AA	4.78	4.64	4.69	3.95	3.87	3.56	3.99	3.56	3.47	3.42	3.18	3.13	3.18
A	6.66	6.36	6.37	5.27	5.09	4.60	5.03	4.74	4.70	4.69	4.52	4.59	4.56
BBB	10.12	9.62	9.66	7.65	7.31	6.61	6.91	6.81	6.64	6.65	6.78	6.39	6.35

Sumber: Bank Negara Malaysia

4.6. BURSA MALAYSIA: INDIKATOR TERPILIH

	2016	2017	2018	2019	2020 ³
Indeks¹					
Komposit	1,641.73	1,796.81	1,690.58	1,588.76	1,504.82
FBM EMAS	11,466.54	12,942.57	11,527.51	11,323.49	10,831.56
FBM ACE	4,780.71	6,603.55	4,317.49	5,226.59	9,914.01
Bilangan urus niaga² (juta unit)	433,678.5	641,315.6	643,208.1	653,085.5	1,271,710.1
Pasaran Utama	289,799.5	430,833.7	420,153.9	453,037.4	745,338.2
Pasaran ACE	77,807.5	156,155.6	104,049.2	103,750.4	430,801.0
Pasaran LEAP	-	4.8	80.6	332.8	133.4
Purata Harian	1,762.9	2,639.2	2,646.9	2,676.6	6,911.5
Nilai urus niaga² (RM juta)	484,106.5	614,822.8	625,496.4	525,225.9	749,007.2
Pasaran Utama	457,858.7	578,620.9	579,691.7	483,252.3	606,701.8
Pasaran ACE	14,050.5	29,040.4	19,781.8	21,404.7	116,375.6
Pasaran LEAP	-	1.4	5.1	33.2	26.5
Purata Harian	1,967.9	2,530.1	2,574.1	2,152.6	4,070.7
Jumlah syarikat yang disenaraikan	904	905	915	929	932
Pasaran Utama	791	788	783	772	765
Pasaran ACE	113	115	119	129	133
Pasaran LEAP	-	2	13	28	34
Nilai permodalan pasaran¹ (RM bilion)	1,667.4	1,906.8	1,700.4	1,711.8	1,638.7
Pasaran Utama	1,649.4	1,881.9	1,680.3	1,682.5	1,583.9
Pasaran ACE	10.0	15.6	12.1	18.8	34.5
Pasaran LEAP	-	0.2	0.9	2.4	3.1
Nilai permodalan pasaran/KDNK (%)	135.6	146.6	124.8	120.4	-

¹ Akhir tempoh² Berdasarkan urus niaga pasaran dan urus niaga secara langsung³ Akhir September 2020

Sumber: Bursa Malaysia

4.7. BANK-BANK ISLAM: PEMBIAYAAN TERKUMPUL MENGIKUT TUJUAN DAN SEKTOR Malaysia

	2016		2017		2018		2019		2020	
	Disember		Disember		Disember		Disember		Ogos	
	RM juta	bahagian (%)	RM juta	bahagian (%)	RM juta	bahagian (%)	RM juta	bahagian (%)	RM juta	bahagian (%)
Tujuan										
Pembelian sekuriti	28,486	6.6	32,443	6.8	41,622	7.4	48,017	7.9	48,529	7.5
Pembelian kenderaan pengangkutan yang mana:	72,368	16.7	74,266	15.5	75,161	13.3	77,821	12.7	82,044	12.7
Pembelian kereta penumpang	70,698	16.3	71,852	15.0	72,875	12.9	75,613	12.4	80,588	12.5
Pembelian harta kediaman	112,780	26.0	132,956	27.8	158,812	28.2	181,933	29.8	197,289	30.6
Pembelian harta bukan kediaman	38,455	8.9	40,943	8.5	45,917	8.1	51,998	8.5	55,159	8.5
Pembelian aset tetap selain tanah dan bangunan	2,502	0.6	2,231	0.5	3,041	0.5	3,563	0.6	3,695	0.6
Kegunaan persendirian	33,510	7.7	35,145	7.3	58,875	10.4	60,448	9.9	63,869	9.9
Kad kredit	2,799	0.6	3,200	0.7	3,680	0.7	4,094	0.7	3,699	0.6
Pembelian barangan penggunaan	21	0.0	19	0.0	24	0.0	21	0.0	14	0.0
Pembinaan	9,226	2.1	11,063	2.3	17,507	3.1	18,209	3.0	17,842	2.8
Modal kerja	112,914	26.0	117,920	24.6	126,704	22.5	132,878	21.7	137,789	21.3
Tujuan lain	21,270	4.9	28,767	6.0	32,757	5.8	32,086	5.3	35,476	5.5
Jumlah Pembiayaan¹	434,332	100.0	478,954	100.0	564,099	100.0	611,068	100.0	645,405	100.0
Sektor²										
Pertanian primer	12,359	2.8	14,234	3.0	14,876	2.6	17,175	2.8	17,590	2.7
Perlombongan dan pengkuarian	5,770	1.3	5,259	1.1	5,325	0.9	3,376	0.6	3,774	0.6
Pembuatan (termasuk asas tani)	20,930	4.8	21,497	4.5	24,975	4.4	27,555	4.5	29,348	4.5
Bekalan elektrik, gas dan air	2,286	0.5	2,271	0.5	2,880	0.5	4,516	0.7	4,635	0.7
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	19,425	4.5	21,276	4.4	25,107	4.5	30,401	5.0	31,655	4.9
Pembinaan	17,769	4.1	22,210	4.6	34,957	6.2	34,533	5.7	34,751	5.4
Harta Tanah	22,621	5.2	25,419	5.3	27,569	4.9	30,163	4.9	30,951	4.8
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	16,684	3.8	15,786	3.3	16,277	2.9	18,567	3.0	18,248	2.8
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	35,428	8.2	34,450	7.2	31,582	5.6	32,068	5.2	33,178	5.1
Pendidikan, kesihatan dan lain- lain	22,162	5.1	21,846	4.6	21,842	3.9	19,381	3.2	32,904	5.1
Sektor isi rumah	254,385	58.6	282,474	59.0	344,257	61.0	378,754	62.0	402,376	62.3
Sektor lain ³	4,512	1.0	12,231	2.6	14,454	2.6	14,581	2.4	5,996	0.9

¹ Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas


² Definisi bagi sektor ekonomi/industri berdasarkan MSIC 2000

³ Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Nota: Data berdasarkan Buletin Statistik Bulanan BNM (Ogos 2020). Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

ORGANISASI KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA



PERBENDAHARAAN MALAYSIA

